Jadual 5.3.22	Profil Projek Pembangunan bagi Cadangan Jalan Taman Wawasan – Kg. Tg. Gemok	5.3 – 27
Jadual 5.3.23	Profil Projek Pembangunan bagi Cadangan Jalan Taman Cemerlang – Taman Jadi	5.3 – 28
Jadual 5.3.24	Profil Projek Pembangunan Cadangan Jalan Surau Kampung Bahagia	5.3 – 29
Jadual 5.3.25	Profil Projek Pembangunan bagi Cadangan Jalan Industri 1	5.3 – 30
Jadual 5.3.26	Cadangan Naik Taraf Persimpangan	5.3 – 31
Jadual 5.3.27	Profil Projek Pembangunan bagi Naik taraf Persimpangan Laluan Persekutuan 3 / Jalan Tanjung Pahang / Cadangan Kampung Gading Bypass kepada Persimpangan Berlampu Isyarat	5.3 – 33
Jadual 5.3.28	Profil Projek Pembangunan bagi Naiktaraf Persimpangan Laluan Persekutuan 3 / Jalan Sri Pinang kepada Persimpangan Tanda Berhenti Tanpa Belokan Kanan dari Jalan Sri Pinang	5.3 – 34
Jadual 5.3.29	Profil Projek Pembangunan bagi Naiktaraf Persimpangan Jalan Sri Pinang / Jalan Tanjung 1/1 kepada Persimpangan Bulatan	5.3 – 35
Jadual 5.3.30	Profil Projek Pembangunan bagi Naiktaraf Persimpangan Jalan Sungai Nipah / Jalan Tanjung Pahang kepada Persimpangan Empat Tanda Berhenti	5.3 – 36
Jadual 5.3.31	Profil Projek Pembangunan bagi Naiktaraf Persimpangan Jalan Tanjung Pahang / Cadangan Jalan Surau Kg. Bahagia Kepada Persimpangan Empat Tanda Berhenti	5.3 – 37
Jadual 5.3.32	Profil Projek Pembangunan bagi Naik Taraf Persimpangan Laluan Persekutuan 3 / Jalan Tanjung Gemok dengan Pembaikan Geometri	5.3 – 38
Jadual 5.3.33	Profil Projek Pembangunan bagi Naik Taraf Persimpangan Laluan Persekutuan 3 / Simpang Rompin Endau – Tg. Pahang kepada Persimpangan Berlampu Isyarat	5.3 – 39
Jadual 5.3.34	Profil Projek Pembangunan bagi Naiktaraf Persimpangan Laluan Persekutuan 3 / Jalan Tanjung Gemok dengan Pembaikan Geometri	5.3 – 40
Jadual 5.3.35	Profil Projek Pembangunan bagi Naiktaraf Persimpangan Laluan Persekutuan 3 / Jalan Usaha kepada Persimpangan Belokan Kiri	5.3 – 41
Jadual 5.3.36	Profil Projek Pembangunan bagi Naiktaraf Persimpangan Laluan Persekutuan 3 / Jalan Tg. Gemok – Kg. Kasing / Jalan Murni kepada Persimpangan Berlampu Isyarat	5.3 – 42
Jadual 5.3.37	Cadangan Persimpangan Baru	5.3 – 43
Jadual 5.3.38	Profil Projek Pembangunan bagi Cadangan Persimpangan Tiga Tanda Berhenti Jalan Aggerik / Cadangan Jalan Taman Cemerlang – Taman Jadi	5.3 – 45
Jadual 5.3.39	Profil Projek Pembangunan bagi Cadangan Persimpangan Tiga Tanda Berhenti Jalan Besar / Cadangan Jalan Besar – Kampung Tanjung Gemok	5.3 – 46
Jadual 5.3.40	Profil Projek Pembangunan bagi Cadangan Persimpangan Empat Tanda Berhenti Jalan Taman Wawasan – Kg. Tanjung Gemok / Cadangan Jalan Taman Cemerlang – Taman Jadi	5.3 – 47
Jadual 5.3.41	Profil Projek Pembangunan bagi Cadangan Persimpangan Tiga Tanda Berhenti Cadangan Jalan Besar – Kampung Tanjung Gemok / Cadangan Jalan Taman Wawasan – Kg. Tanjung Gemok	5.3 – 48
Jadual 5.3.42	Profil Projek Pembangunan bagi Cadangan Persimpangan Tiga Tanda Berhenti Jalan Murni / Cadangan Jalan Besar – Kampung Tanjung Gemok	5.3 – 49
Jadual 5.3.43	Profil Projek Pembangunan bagi Cadangan Persimpangan Tiga Tanda Berhenti Cadangan Jalan Surau Kg. Bahagia / Jalan Sri Pinang	5.3 – 50
Jadual 5.3.44	Profil Projek Pembangunan bagi Cadangan Persimpangan Tiga Tanda Berhenti Cadangan Kg Gading BYPASS / Jalan Industri 1	5.3 – 51
Jadual 5.3.45	Profil Projek Pembangunan bagi Cadangan Persimpangan Tiga Tanda Berhenti Jalan Feri Lama / Cadangan Jalan Industri 2	5.3 – 52
Jadual 5.3.46	Profil Projek Pembangunan bagi Cadangan Persimpangan Empat Tanda Berhenti Jalan Selancar / Cadangan Jalan Selancar-Kampung Kasing	5.3 – 53
Jadual 5.3.47	Profil Projek Pembangunan bagi Cadangan Persimpangan Tiga Tanda Berhenti Jalan Tg. Gemok – Kampung Kasing / Cadangan Jalan Selancar – Kampung Kasing	5.3 – 54
Jadual 5.3.48	Profil Projek Pembangunan bagi Cadangan Persimpangan Tiga Tanda Berhenti Jalan Tg. Pahang / Cadangan Jalan Pintasan Bandar	5.3 – 55
Jadual 5.3.49	Cadangan Pengangkutan Awam	5.3 – 56

SENARAI JADUAL

5.0	PELAN TINDAKAN PEMBANGUNAN	M/S
Jadual 5.3.50	Profil Projek Pembangunan bagi Cadangan Kompleks Terminal Tanjung Gemok	5.3 – 57
Jadual 5.3.51	Profil Projek Pembangunan bagi Naik Taraf Terminal Penumpang Tanjung Gemok	5.3 – 58
Jadual 5.3.52	Cadangan Pengurusan Lalu Lintas	5.3 – 59
Jadual 5.3.53	Profil Projek Pembangunan bagi Cadangan Laluan Pejalan Kaki	5.3 – 60
Jadual 5.3.54	Profil Projek Pembangunan bagi Cadangan Laluan Basikal	5.3 – 61
Jadual 5.3.55	Profil Projek Pembangunan bagi Cadangan Tempat Letak Kenderaan	5.3 – 62
Jadual 5.3.56	Profil Projek Pembangunan bagi Cadangan Depoh Lori	5.3 – 63
Jadual 5.3.57	Profil Projek Pembangunan bagi Cadangan Perubahan Sirkulasi	5.3 – 64
Jadual 5.3.58	Profil Projek Pembangunan bagi Cadangan *Traffic Calming*	5.3 – 65
Jadual 5.3.59	Profil Projek Pembangunan bagi Cadangan Menaik Taraf Loji Rawatan Air Sepayang	5.3 – 67
Jadual 5.3.60	Profil Projek Pembangunan bagi Cadangan Penggantian Paip Pengagihan Bekalan Air Bersih	5.3– 70
Jadual 5.3.61	Profil Projek Pembangunan bagi Cadangan Loji Rawatan Sisa Kumbahan Berpusat	5.3 – 72
Jadual 5.3.62	Kadar Bayaran Sedutan Enapcemar	5.3 – 74
Jadual 5.3.63	Profil Projek Pembangunan Cadangan Sedutan Efluen bagi Sistem Konvensional Tandas Curah dan Tangki Septik	5.3 – 75
Jadual 5.3.64	Profil Projek Pembangunan Cadangan Penggantian Sistem Kumbahan Tandas Curah Kepada Sistem Kumbahan Jenis Tangki Septik Individu	5.3 – 78
Jadual 5.3.65	Profil Projek Pembangunan Cadangan Program Kitar Semula	5.3 – 83
Jadual 5.3.66	Profil Projek Pembangunan Cadangan Rumah Sampah, Tong Sampah Pukal dan Sangkar Kitar Semula (Pengurusan Sisa Pepejal)	5.3 – 85
Jadual 5.3.67	Senarai Rezab Sungai Kawasan Kajian	5.3 – 87
Jadual 5.3.68	Profil Projek Pembangunan Cadangan Pemuliharaan dan Pemeliharaan Rizab Sungai, Penyediaan Perangkap Sampah dan Pintu Air	5.3 – 88
Jadual 5.3.69	Profil Projek Pembangunan bagi Cadangan Penerapan Teknologi Hijau dalam Perancangan Baru dan Sedia Ada	5.3 – 91
Jadual 5.3.70	Profil Projek Pembangunan Cadangan Laluan Utiliti	5.3 – 94
Jadual 5.3.71	Profil Projek Pembangunan Cadangan Benteng Sungai Endau dengan Mitigasi Kejuruteraan	5.3 – 97
Jadual 5.3.72	Profil Projek Pembangunan Cadangan Pemecah Ombak dan Ban Banjir di Kg Tanjung Pahang	5.3 – 100
Jadual 5.3.73	Profil Projek Pembangunan Cadangan Pemecah Ombak dan Kerja-Kerja Mendalam Sungai Endau	5.3 – 103
Jadual 5.3.74	Profil Projek Pembangunan Cadangan Menaik Taraf Rangkaian Telekomunikasi 4G kepada 5G	5.3 – 106
Jadual 5.3.75	Profil Projek Pembangunan Cadangan Program Pemutihan Rumah Inap Tidak Berdaftar di Bawah MDR	5.3 – 111
Jadual 5.3.76	Profil Projek Pembangunan Cadangan Trail Pelancongan Wilayah dan Pekan Tanjung Gemok	5.3 – 112
Jadual 5.3.77	Profil Projek Pembangunan Cadangan Program Pemeliharaan dan Penanaman Pokok Bakau di Pinggir Sungai	5.3 – 119
Jadual 5.3.78	Profil Projek Pembangunan Cadangan Pengawalan Kualiti Udara dan Air Sungai Endau	5.3 – 121
Jadual 5.3.79	Anjakan Belakang Bangunan	5.3 – 123
Jadual 5.3.80	Garis Panduan Khusus Pemuliharaan Kawasan Pinggir Pantai dan Sungai	5.3 – 124
6.0	**PELAN CADANGAN GUNA TANAH DAN KAWALAN PEMBANGUNAN**	**M/S**
Jadual 6.1	Taburan Cadangan Guna Tanah RKK Tanjung Gemok, 2030	6 – 1
Jadual 6.2	Garis Panduan Khusus Pembangunan Pinggir Air	6 – 3
Jadual 6.3	Taburan Cadangan Guna Tanah Mengikut Zon Tindakan Pembangunan, 2030	6 – 5
Jadual 6.4	Cadangan Guna Tanah Zon Pusat Bandar, 2030	6 – 7
Jadual 6.5	Cadangan Kelas Kegunaan Tanah Zon Tindakan 1 : Pusat Bandar	6 – 9
Jadual 6.6	Cadangan Guna Tanah Zon Perumahan, 2030	6 – 13
Jadual 6.7	Cadangan Kelas Kegunaan Tanah Zon Tindakan 2 : Perumahan	6 – 15
Jadual 6.8	Cadangan Guna Tanah Zon Pesisir Sungai Endau dan Industri Maritim, 2030	6 – 20
Jadual 6.9	Cadangan Kelas Kegunaan Tanah Zon Tindakan 3 : Pesisir Sungai Endau dan Industri Maritim	6 – 22
Jadual 6.10	Cadangan Guna Tanah Zon Muara Sungai Endau dan Pesisir Pantai, 2030	6 – 24
Jadual 6.11	Cadangan Kelas Kegunaan Tanah Zon Tindakan 4 : Pesisir Pantai / Tanjung Pahang	6 – 26
7.0	**PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN**	**M/S**
Jadual 7.1	Carta Aspek Laporan Sektor Pengurusan dan Pelaksanaan	7 – 2
Jadual 7.2	Senarai Cadangan Projek Impak Tinggi (PIT)	7 – 4
Jadual 7.3	Senarai Cadangan Projek Utama	7 – 6
Jadual 7.4	Senarai Cadangan Projek Sokongan	7 – 12
Jadual 7.5	Senarai Projek Pembangunan RKK Tanjung Genok yang Menglibatkan Pengambilan Balik Tanah	7 – 19
Jadual 7.6	Senarai Pelaksanaan Projek Secara Bersepadu RKK Tanjung Gemok	7 – 20
Jadual 7.7	Kaedah Pelaksanaan Projek Pembangunan oleh Agensi Kerajaan	7 – 24
Jadual 7.8	Kaedah Pelaksanaan Projek Pembangunan oleh Agensi Kerajaan dan Swasta	7 – 24
Jadual 7.9	Pendekatan Kaedah Penswastaan dan Kelebihan Utama kepada MDR	7 – 25
Jadual 7.10	Senarai Pelaksanaan Projek Secara Terus RKK Tanjung Gemok	7 – 26
Jadual 7.11	Garis Panduan untuk Program Pemutihan di Kawasan Tanah Berstatus LPS	7 – 29

SINGKATAN NAMA

ORGANISASI	
BKSA	Badan Kawal Selia Air
BOMBA	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
BPEN	Bahagian Perancang Ekonomi Negeri
DARA	Pahang Development Authority
DCA	Jabatan Penerbangan Awam
DOA	Jabatan Pertanian Malaysia
DOF	Jabatan Perikanan Malaysia
DVS	Jabatan Perkhidmatan Veterinar
ECER	Wilayah Ekonomi Pantai Timur
FAMA	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan
FELCRA	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)
FRIM	Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia
GAS MALAYSIA	Gas Malaysia Berhad
HDC	*Halal Industry Development Corporation*
IADA	Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu
IKM	Institut Kemahiran MARA
ILPK	Institut Latihan Perindustrian Kuantan
IMI	Jabatan Imigresen Malaysia
IPT	Institut Pengajian Tinggi
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institut Pengajian Tinggi Swasta
ISNP	Pusat Satelit Pahang
IWK	Indah Water Konsortium
JAKOA	Jabatan Kemajuan Orang Asli
JAS	Jabatan Alam Sekitar
JENGKA	Jengka Regional Development Tenggara Authority
JKKK	Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung
JKKN	Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JKN	Jabatan Kesihatan Negeri
JKR	Jabatan Kerja Raya
JLM	Jabatan Laut Malaysia
JLN	Jabatan Landskap Negeri
JMG	Jabatan Mineral dan Geosains
JMM	Jabatan Muzium Malaysia
JPAM	Jabatan Pertahanan Awam Malaysia
JPH	Jabatan Perhutanan Negeri Pahang
JPJ	Jabatan Pengangkutan Jalan
JPK	Jabatan Pembangunan Kemahiran
JPN	Jawatankuasa Perancang Negeri
JPNP	Jabatan Pertanian Negeri Pahang
JPP	Jabatan Perkhidmatan Pembentungan

ORGANISASI	
JPPM	Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia
JPS	Jabatan Pengairan dan Saliran
JPSPN	Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara
JTKSM	Pejabat Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia
JWN	Jabatan Warisan Negara
KASTAM	Jabatan Kastam Diraja Malaysia
KeTTHA	Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air
KEMAS	Jabatan Kemajuan Masyarakat
KKLW	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KPA	Kuantan Port Authority
KPDNKK	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan
KPKT	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPM	Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
KPPK	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
KPWKM	Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia
Kraftangan	
Malaysia	Keretapi Tanah Melayu Berhad
KTMB	Lembaga Hasil Dalam Negeri
LHDN	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia
LKIM	Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian
LKPP	Lembaga Lebuhraya Malaysia
LLM	Lembaga Pelabuhan Kuantan
LPKTN	Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia
LPNM	Lembaga Pertubuhan Peladang
LPP	Malaysia Airlines Berhad
MAB	Agensi *Remote Sensing* Malaysia
MACRES	Malaysia Airports Holding Berhad
MAHB	Majlis Amanah Rakyat
MARA	Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia
MARDI	Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia
MAQIS	*Malaysia External Trade Development Corporation*
MATRADE	Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia
MDEC	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi Malaysia
MECD	Jabatan Meteorologi Malaysia
MET	Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia
MIDA	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
MITI	*Malaysian Industry-Government Group for High Technology*
MIGHT	Majlis Keselamatan Negara
MKN	Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
MMKN	Kementerian Pendidikan Malaysia
MOE	

SINGKATAN NAMA

ORGANISASI	
MOF	Kementerian Kewangan Malaysia
MOHE	Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia
MOHRA	Kementerian Sumber Manusia
MOSTI	Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi
MOT	Kementerian Pengangkutan Malaysia
MOTAC	Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan
MPFN	Majlis Perancang Fizikal Negara
MPOB	Malaysian Palm Oil Board
MRL	Malaysia Rail Link
MSC	*Multimedia Super Corridor*
MSNP	Majlis Sukan Negeri Pahang
MUIP	Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang
MyIPO	Perbadanan Harta Intelek Malaysia
NADMA	Agensi Pengurusan Bencana Negara
NAHRIM	Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia
NEKMAT	Persatuan Nelayan Kebangsaan
NGO	*Non-Governmental Organisations*
NRE	Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar
PAIP	Pengurusan Air Pahang Berhad
PASDEC	PASDEC Holding Berhad
PBN	Pihak Berkuasa Negeri
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PERHILITAN	Jabatan Perlidungan Hidupan Liar dan Taman Negara
PETRONAS	Petroliam Nasional Berhad
PKBF	Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser
PKKM	Pertubuhan Kebajikan Komuniti Malaysia
PKNP	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang
PLANMalaysia	PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)
PPSPPA	Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
PSDC	Pusat Pembangunan Kemahiran Pahang
PTD	Pejabat Tanah dan Daerah
PTG	Pejabat Tanah dan Galian
RISDA	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah
SKM	Suruhanjaya Koperasi Malaysia
SKMM	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
SMIDEC	Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana
SPAD	Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat
SPAN	Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara
ST	Suruhanjaya Tenaga
SWCorp	Southern Waste Corporation
TDA	Lembaga Pembangunan Tioman
TEKUN	Tabung Ekonomi Usaha Niaga

ORGANISASI	
TERAJU	Peneraju Bumiputra Corporation
TM	Telekom Malaysia
TNB	Tenaga Nasional Berhad
WWF	World Wildlife Fund


GLOSARI

Agropreneur	Usahawan tani
Agroponik	Proses menanam tumbuh-tumbuhan di persekitaran udara tanpa menggunakan tanah
Air sisa *(Greywater)*	Air sisa tanpa sebarang campuran dari tandas khususnya air sisa dari pancuran air, mesin basuh dan singki dapur
Akses	Laluan masuk
Aksesibiliti	Tahap kemudahsampaian atau bagaimana mudah sesuatu tempat itu didatangi
Akuaponik	Gabungan Akuakulutur (ternakan ikan air tawar) dan Hidroponik (kaedah pertanian berasaskan air)
Amphitheater	Tempat terbuka yang digunakan untuk hiburan, persembahan dan sukan
Arca	Patung atau hasil seni yang dibuat daripada batu yang dipahat dan menyerupai bentuk sesuatu
Badan air	Kawasan tampungan air yang besar seperti sungai atau tasik
Bandar Utama Primat	Bandaraya utama dalam sesebuah negara atau rantau
Biodiversiti	Variasi pelbagai bentuk kehidupan di muka bumi
Boardwalk	Titian kayu
Bollard	Tonggak jalan
Breakwater	Tembok penahan ombak
Brownfield	Kawasan yang sudah terbengkalai dan mempunyai potensi untuk dibangunkan semula
B40	Kumpulan isi rumah yang berpendapatan bulanan kurang daripada RM3,860
Car Boot Sales	Satu bentuk pasaran di mana orang persendirian berkumpul untuk menjual barang-barang rumah dan kebun menggunakan *boot* kereta
Carbon Credit	Perdagangan karbon di pasaran yang memungkinkan berlakunya rundingan dan pertukaran hak pelepasan karbon bagi mengurangkan masalah pelepasan karbon dari sektor industri
Circular motion	Pergerakan yang uniform
Compatible	Mampu wujud bersama secara harmoni
Concrete imprint	Konkrit yang berpola, bertekstur atau timbul yang menyerupai bata, batu tulis, batu bendera, batu, jubin, kayu, dan pelbagai corak dan tekstur lain
Connectivity	Cara atau keadaan yang dihubungkan
Crime Prevention Through Environmental Design (CPTED)	Prinsip reka bentuk yang digunakan untuk mencegah jenayah dan meningkatkan keselamatan bangunan
Cruise	Perlayaran persiaran
Densiti	Ukuran kepadatan atau ketumpatan, lazimnya mengenai bilangan penduduk atau bilangan bangunan bagi sejumlah kawasan tertentu
Eco-friendly	Mesra alam
Efluen	Air sisa kumbahan; pengaliran keluar air sisa kumbahan
Ekologi	Hubungan antara makhluk hidup dengan keadaan sekitarnya
Eko-Pelancongan	Industri pelancongan yang berasaskan alam semula jadi seperti tumbuhan, haiwan dan bentuk muka bumi yang mempunyai daya ratikan tersendiri serta menarik minat pelawat
Ekosistem	Sistem lingkungan hidup semula jadi yang terbentuk sebagai hasil daripada tindakan yang menyaling antara benda-benda hidup dgn persekitarannya

Enablers	Sesuatu yang membolehkan sesuatu lain untuk dicapai
Entry Point	Titik mula / pintu masuk
Estetika	Sesuatu yang berkaitan dengan penghargaan terhadap keindahan (persekitaran, kesenian atau kebudayaan)
Fasad	Reka bentuk dan ciri-ciri senibina bahagian luar dinding bangunan
Feasible	Munasabah dan boleh dilaksanakan
Flood Fringe	Bahagian dataran banjir yang biasanya ditutup dengan air dari kejadian banjir atau ribut selama 100 tahun
Flood Proofing	Langkah-langkah struktur atau bukan struktur yang bertujuan untuk mencegah kerosakan akibat banjir pada bangunan
Food Truck	Kenderaan (motosikal dikecualikan) yang diubahsuai dan digunakan untuk aktiviti jualan makanan atau minuman dan seumpamanya, mempunyai hiasan pada badan kenderaan dan mempunyai kelengkapan memasak dan kelengkapan perkhidmatan di dalam kenderaan yang diubahsuai
Foreign Direct Investment	Sebuah proses atau cara dalam melakukan pelaburan ke luar negara
Gateway	Pintu / gerbang masuk sesuatu kawasan
Gazebo	Wakaf atau tempat duduk berbumbung
Grafiti	Kata-kata atau lukisan yang dicontengkan di tempat-tempat awam seperti tembok bangunan, bilik air dan sebagainya
Guna Tanah	Corak aktiviti atau jenis pembangunan yang dijalankan di atas sesebuah tapak atau lot tanah
Hidraulik	Digerakkan atau dijalankan oleh kuasa air atau cecair lain
Hidrologi	Sains bukan sifat, agihan, dan edaran air di bumi dan atmosfera
Hierarki	Suatu kumpulan benda, manusia atau perkara yang disusun mengikut aturan gred, pangkat atau pengkelasan tertentu
Hotel Butik	Hotel berskala kecil, berprestij dan mempunyai identiti sendiri
Identiti	Aspek-aspek tertentu yang dapat menunjukkan sifat diri seseorang, keperibadian; adat resam, kesenian yang melambangkan sekumpulan masyarakat
Ikonik	Mempunyai sifat atau menyerupai sesuatu ikon, gambar, dan sebagainya Kesan / hasil dari sesuatu perbuatan / pembangunan
Impak	Konsep tinggal bersama seperti sebuah keluarga
Inap Desa / *Homestay*	Aktiviti industri yang diuwjudkan daripada sesebuah industri lain contohnya industri tayar
Industri Hiliran	Modal berbayar adalah kurang dari RM 500 000 dan memiliki tenaga kerja tetap diantara 5 hingga 50 orang
Industri Kecil	Modal berbayar diantara RM 500 001 hingga RM 2.5 juta dan mempunyai tenaga kerja tetap diantara 51 hingga 75 orang
Industri Sederhana	Usaha-usaha untuk membangunkan atau menjalankan sesuatu perkara
Inisiatif	Saluran masuk
Inlet	Sesuatu yang diberi sebagai faktor penggalak atau pemangkin
Insentif	Idea penggabungan dua atau beberapa unsur, kaum atau bahagian yang berlainan
Integrasi	

GLOSARI

Interlocking Pavement	Penggunaan jubin saling kunci pada permukaan jalan seperti di tempat letak kenderaan dan laluan pejalan kaki
Isi rumah	Jumlah atau bilangan penghuni yang menetap di dalam sesebuah rumah
Karavan	Kenderaan yang dilengkapi tempat tidur, dapur dan sebagainya untuk dijadikan sebagai tempat tinggal semasa percutian dan biasanya ditarik oleh kenderaan bermotor lain
Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)	Kawasan khas yang sangat sensitif kepada sebarang aktiviti atau pembangunan dan perlu dipulihara untuk nilai warisannya, memelihara nilai sokongan hidupnya dan meminimumkan risiko bencana akibat penukaran guna tanah
Kiosk pelancongan	Pondok kecil bagi menempatkan maklumat pelancongan (risalah, peta bandar, tarikan, dan lain-lain)
Kluster	Gugusan, rangkaian atau kelompok
Komoditi	Barangan yg diperdagangkan, terutamanya keluaran ladang, bahan mentah, dan bahan galian
Komuniti	Kumpulan manusia yang tinggal di sesuatu daerah atau tempat; masyarakat
Komunal	Bukan (pemilikan); hak secara bersama
Mampan	Mampu terus berkembang dan mencapai tahap prestasi yang baik berkaitan ekonomi dan pembangunan
Mural	Lukisan yang terpampang pada dinding
M40	Kumpulan isi rumah yang berpendapatan bulanan RM3,860 hingga RM8,319
Non Revenue Water	Kehilangan air semasa pengagihan kepada pengguna dalam perkhidmatan bekalan air
Outlet	Saluran keluar
Pekali Gini	Suatu ukuran penyerakan statistic
Pemutihan	Gerakan (program atau proses) yang dijalankan oleh pihak berkuasa (kerajaan) untuk mendaftarkan semua pendatang tanpa izin / premis haram
Polisi	Rancangan tindakan yang disetujui, yang menjadi dasar sesebuah pergerakan, pertubuhan dan lain-lain dalam melaksanakan sesuatu keputusan
Prasarana	Keseluruhan kemudahan dan perkhidmatan asas yang perlu bagi pembangunan (pertumbuhan) dan kemajuan, infrastruktur
Projek Berimpak Tinggi/ *High Impact Project*	Projek – projek yang strategik dan memberi impak besar kepada ekonomi tempatan (contohnya nilai tambah yang tinggi, R&D, pembangunan vendor tempatan, dsb) dan juga impak besar kepada sosio – budaya dan imej sesuatu kawasan
Promenade	Kawasan bagi pengunjung untuk beriadah atau menikmati pemandangan khususnya di tepi laut, tasik atau kawasan perkelahan
Proses Biologi	Proses bagi organisma untuk hidup, dan yang membentuk keupayaannya untuk berinteraksi dengan persekitarannya
Public Realm	Elemen bandar khas jalan, lorong, plaza, taman dan kawasan persekitaran dengan skala dan tujuan yang berbeza
Quick Win	Inisiatif jangka pendek untuk memulakan sesuatu projek dengan mencapai keberhasilan dalam masa terdekat dan tidak melibatkan kos yang tinggi
Railings	Sempadan untuk mencegah atau menghalang akses kepada berbahaya atau di luar had kawasan sementara (pagar)
Rehabilitasi	Pemulihan kepada keadaan yang dahulu
Rejuvenasi	Peremajaan
Response Time	Masa yang diperlukan oleh sistem atau unit berfungsi untuk bertindak balas terhadap input yang diberikan
Riparian	Berkaitan dgn hak pemilik tanah yg sah di sisi undang-undang ke atas kawasan tebing sungai; orang yang tanahnya terletak di tebing sungai
River Front	Tanah atau kawasan di sepanjang sungai
Rock Bund	Berlingkar, dikelilingi, atau ditutup dengan batu
Skuptural	Berkaitan dengan atau menyerupai arca
Sedimen	Bahan seperti lumpur, pasir, dan kelikir, terutamanya yang mendap di dasar sungai, yang dibawa oleh air, ais atau angin
Sense of Belonging	Menimbulkan rasa kekitaan
Sense of Welcoming	Struktur binaan yang melambangkan sesuatu kawasan
Sensitif	Mudah terjejas dengan elemen luar, cepat terkesan dengan sesuatu gangguan
Sirkulasi	Peredaran
Skap Kejur	Merujuk kepada unsur binaan seperti wakaf/ gazebo dan permukaan keras
Sosio budaya	Hubungan masyarakat dengan budaya (seperti cara hidup dan adat istiadat)
Spatial	Reruang
Stamping	Penggunaan cat di atas permukaan jalan bagi membezakan laluan khas basikal dan laluan kenderaan bermotor
Strategik	Letakan yang betul
Street Lighting	Lampu Jalan
Tekanan Pembangunan	Desakan atau dorongan terhadap pembangunan yang dipengaruhi oleh faktor-faktor persekitaran
Tepu bina	Kawasan yang telah dibangunkan sepenuhnya
Thermal Comfort	Kepuasan dan keselesaan dengan persekitaran haba yang dinilai dengan penilaian subjektif
Topografi	Keadaan rupa bumi sesuatu kawasan
Traffic calming	Penyelesaian fizikal yang mampu mengurangkan kelajuan trafik untuk meningkatkan keselamatan pengguna pejalan kaki
Trail	Jalan, lorong atau jalan yang tidak berturap
Urban Garden	Amalan penanaman, pemprosesan, dan mengedarkan makanan di dalam atau di kawasan sekitar bandar
Vendor	Penjual atau pembekal barangan (perkhidmatan)
Vibrant	Berdaya Huni
Visibiliti	Darjah penglihatan
Waterfront	Kawasan dermaga
Zon Penampan	Ruang atau kawasan yang disediakan untuk memisahkan dua guna tanah atau pembangunan yang terletak bersebelahan dan tidak sepadan dengan tujuan penjagaan alam sekitar, kesihatan, keselamatan dan keselesaan



1.0
Pendahuluan

1.1 PENGENALAN

RANCANGAN KAWASAN KHAS TANJUNG GEMOK (RKKTG) merupakan rancangan pemajuan yang disediakan untuk tujuan pelaksanaan segera dan **berkepentingan khusus** sebagai *'enablers'* kepada pelancongan, ekonomi & maritim.

Laporan Draf Akhir RKKTG merupakan laporan lanjutan kepada peringkat Laporan Draf Awal. Laporan ini melibatkan penyediaan cadangan secara terperinci yang mengandungi pelan-pelan tindakan dan spesifikasi pembangunan, pelan-pelan pengurusan, garis panduan, program-program serta tindakan pelaksanaan.

KATEGORI RANCANGAN KAWASAN KHAS

- RKK BAGI PEMBANGUNAN SEMULA KAWASAN PUSAT BANDAR
- RKK BAGI KAWASAN BERKEPENTINGAN WARISAN
- RKK BAGI KAWASAN SENSITIF ALAM SEKITAR
- RKK BAGI PENEMPATAN SEMULA PENDUDUK
- **RKK BAGI KAWASAN KEPERLUAN KHUSUS**



1.2 ASAS PERUNDANGAN

Asas penyediaan RKK adalah berdasarkan peruntukkan perundangan sebagaimana dinyatakan di dalam subseksyen 16B(1), (2) dan (3) Akta 172 pindaan tahun 2001 (Akta A1129) iaitu:

01 SUBSEKSYEN 16B (1), AKTA 172

Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri atau Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan boleh menyampaikan kepada Jawatankuasa Perancang Negeri cadangan untuk menyediakan RKK bagi sesuatu kawasan.

02 SUBSEKSYEN 16B (2), AKTA 172

Jawatankuasa Perancang Negeri hendaklah menentukan sama ada Pengarah JPBD Negeri atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang bertanggungjawab menyediakan suatu RKK.

03 SUBSEKSYEN 16B (3), AKTA 172

RKK hendaklah disediakan dengan cara yang sama dengan penyediaan Rancangan Tempatan tetapi hendaklah dimasukkan ke dalam rancangan itu panduan yang terperinci bagi pelaksanaan dan pengurusannya.

1.3 HIERARKI RANCANGAN PEMAJUAN

Terdapat empat (4) sistem rancangan pembangunan yang disediakan di Malaysia iaitu Rancangan Fizikal Negara (RFN), Rancangan Struktur (RS), Rancangan Tempatan (RT) dan Rancangan Kawasan Khas (RKK). RKK adalah hierarki terakhir dalam sistem perancangan pemajuan yang mana melibatkan perincian cadangan sehingga ke peringkat pelaksanaan (**rujuk Rajah 1.1**).

Rajah 1.1: Hierarki Rancangan Pemajuan.



RANCANGAN FIZIKAL NEGARA (Seksyen 6B, Akta 172)

Merumuskan dasar-dasar strategik yang menentukan haluan dan arah aliran pemajuan fizikal dan guna tanah negara, koridor pembangunan dan perindustrian serta pemuliharaan sumber-sumber.



RANCANGAN STRUKTUR (Seksyen 8, Akta 172)

Dokumen pernyataan bertulis yang merumuskan dasar dan cadangan am Pihak Berkuasa Negeri berkenaan dengan pemajuan dan penggunaan tanah di dalam sesebuah negeri.



RANCANGAN TEMPATAN (Seksyen 12, Akta 172)

Menerangkan perincian cadangan PBT dalam memaju dan menggunakan tanah, memperelokkan landskap, memperbaiki sistem berkomunikasi dan lalu lintas, membangunkan tanah lapang serta memelihara dan mengindahkan bangunan dalam kawasan PBT itu.



RANCANGAN KAWASAN KHAS (Seksyen 16B, Akta 172)

- Dokumen untuk tujuan pelaksanaan.
- Hasil Pelan Tindakan Pembangunan sama ada pelan susun atur / pelan pengurusan dan disokong oleh spesifikasi pembangunan terperinci.
- Tindakan khusus terperinci bertujuan sama ada untuk memajukan, memajukan semula, pengelokkan, pemuliharaan atau amalan pengurusan bagi pengubahan kawasan.

1.4 FUNGSI RANCANGAN KAWASAN KHAS

Fungsi RKK adalah bertujuan **menterjemahkan polisi, dasar dan strategi** Rancangan Fizikal Negara (RFN), Rancangan Struktur Negeri (RSN) dan Rancangan Tempatan Daerah (RTD) kawasan berkenaan.

RKK menghasilkan **rancangan terperinci** bagi kawasan yang mempunyai kepentingan khusus yang membolehkan PBT melakukan tindakan pembangunan dengan kadar segera setelah mengenal pasti isu-isu perancangan dan pembangunan setempat. Cadangan tindakan pembangunan dengan kadar segera ini boleh dilaksanakan dengan cara pemajuan, pemajuan semula, pengelokkan, pemuliharaan bagi kawasan berkenaan.



Pemuliharaan



Pengelokkan



Pemajuan Semula



Amalan Pengurusan

Bentuk Tindakan Pembangunan RKK :

Pelan KAWASAN TINDAKAN – (Susun Atur - Pelan/ Perspektif / *Sketch-up* / Lakaran / 3D)
- Reka bentuk dan imej pusat bandar
- '*Sense of welcoming*'
- Imej pembangunan pinggir sungai
- Optimumkan sumberjaya pantai
- Pengurusan lalu lintas & penyusunan semula
- Pengindahan imej landskap

Pelan Tindakan Pembangunan *(Keseluruhan)*:
- Pelancongan
- Kemudahan infrastruktur & utiliti
- Industri maritim & sokongan kemudahan
- Pertanian
- Sosioekonomi
- Alam sekitar
- Kemudahan masyarakat


Garis Panduan (*Khusus*):
- Pemutihan pembangunan sedia ada
- Pembangunan di atas rizab sungai / pinggir sungai
- Garis panduan umum dan fizikal

Pelan Pengurusan :
- Cadangan Projek termasuk Projek Utama
- Fasa dan Kos Pelaksanaan
- Pendekatan dan Kaedah Pengurusan serta Pelaksanaan

1.5 KEPENTINGAN DAN KEPERLUAN PENYEDIAAN RKK TANJUNG GEMOK

Mewujudkan Pembangunan Teratur dan Sejahtera bagi Pekan Tanjung Gemok

01



- Keperluan untuk mengemaskan dan menyusun pembangunan guna tanah perumahan, aksesibiliti, infrastruktur dan kemudahan.
- Perancangan pembangunan yang teratur perlu dilaksanakan bagi mengatasi masalah setinggan, kekurangan kemudahan sokongan dan ke arah pembangunan masyarakat lebih sejahtera dalam aspek ekonomi dan sosial.

Meningkatkan Ekonomi Penduduk Tempatan

03



- Fokus pembangunan Pekan Tanjung Gemok dalam sektor perikanan, maritim dan transit pelancongan serta membantu meningkatkan ekonomi penduduk tempatan.
- Tanjung Gemok berperanan sebagai kawasan transit pelancong dan *enablers* kepada pelancongan sekitar seperti kawasan Rompin, Taman Negara Endau Rompin, Gugusan Kepulauan Tioman dan lain-lain kawasan berpotensi.

Pengurusan Kerja Perancangan dan Penyelarasan Pembangunan Oleh Majlis Daerah Rompin (MDR)

02



- Mewujudkan kaedah pengawalan guna tanah lebih berkesan melalui mekanisma pengawalan guna tanah seperti pengezonan guna tanah, garis panduan perancangan, dan undang-undang kecil.
- RKK Tanjung Gemok akan dibincangkan serta mengambil kira pandangan jabatan teknikal terlibat dalam pelaksanaan seperti JPS, PDT Rompin, JAS, JKR, PLANMalaysia dan lain-lain yang boleh menyumbang kepada tindakan bersepadu.

Pembangunan Sistematik Bagi Industri Berteraskan Maritim dan Hasil Laut

04



- Pembangunan yang sistematik berteraskan perundangan dan garis panduan industri yang teratur dapat mengelakkan berlakunya kesan negatif seperti percanggahan aktiviti, pencemaran, alam sekitar dan guna tanah tidak *compatible* disamping membuka lebih peluang pemasaran dan eksport.
- Potensi industri maritim dan hasil laut perlu di kukuhkan bagi menyokong pembangunan Tanjung Gemok.

Imej Baharu di Pekan dan Jeti Tanjung Gemok



- Pekan Tanjung Gemok kurang mempunyai identiti berbanding Bandar Endau dan Mersing.
- Mewujudkan *sense of welcoming* dengan menyuntik ikon bagi Pekan Tanjung Gemok.
- Memberikan nafas dan imej yang baharu bagi Pekan Tanjung Gemok disamping menarik minat pelancong untuk berkunjung ke Pekan Tanjung Gemok.

Keselesaan dan Kemudahan kepada Pelancong



- Pekan Tanjung Gemok merupakan kawasan transit pelancong sebelum ke Pulau Tioman.
- RKK Tanjung Gemok perlu mengambil kira kemudahan awam seperti pengangkutan awam bersepadu (*integrated public transport*), kemudahan beli belah, produk tempatan dan *visitor center* bagi kemudahan dan keselesaan pelancong.

Kemudahan Penduduk melalui Penyediaan Kemudahan Awam



- Kekurangan dalam aspek kualiti dan kuantiti untuk kemudahan awam terutama berasaskan pelancongan.
- Perancangan penyediaan kemudahan awam semasa perlu sesuai dengan hierarki Pekan Tanjung Gemok bagi memastikan keselesaan penduduk.

Pembangunan Industri Maritim dan Produk Tempatan



- Lokasi Tanjung Gemok bersempadan dengan Laut China Selatan iaitu laluan maritim sebagai lokasi strategik dalam Negeri Pahang.
- Industri perikanan tertumpu di bahagian barat kawasan kajian iaitu pesisiran Sungai Endau.
- Produk hasil laut diproses sebagai produk tempatan dan dikomersilkan kepada pelancong serta pengunjung sekaligus meningkatkan ekonomi penduduk setempat.

1.6 SEJARAH RINGKAS TANJUNG GEMOK

- Pada asalnya kawasan sekitar Tanjung Gemok dihuni oleh **beberapa keluarga petani dan nelayan** serta **orang asal** sejak 1800-an, kira-kira 200 tahun lalu di pinggir Sungai Endau dan muaranya.

- **Penempatan terawal** di kawasan sekitar adalah Kampung Pianggu yang dibuka pada tahun 1818 oleh sekumpulan pahlawan Bugis (Tok Jenang, Tok Kota, Tok Parit dan Tok Kubu) yang berasal dari Makasar, Sumatera.

- Aktiviti utama adalah menangkap ikan dan pertanian sara diri. Sementara penduduk asal berpindah-randah dan hidup secara menangkap ikan, menjerat binatang dan mengutip hasil tumbuhan seperti ubi dan buah-buahan.

- Sekitar tahun 1960an petempatan utama di kawasan Tanjung Gemok adalah kampung tradisional Melayu yang dikenali sebagai Kampung Teluk Gading dan Tanjung Pahang. Kampung ini dihuni empat (4) hingga lima (5) keluarga.

- Penghijrahan penduduk dari Negeri Kedah, Terengganu dan Kelantan pada tahun-tahun 1960an dan 1970an bagi mengusahakan sawah padi dan aktiviti perikanan meningkatkan bilangan penduduk kepada kira-kira 3000 orang **di kawasan perkampungan sekitar** (termasuk Tanjung Pahang, Teluk Gading, Pianggu, Sarang Tiong dan Tanjong Gemok).

Sumber: Official Portal Fraser's Hill Development Corporation, 'Pahang Tourism Board',19 Mac 2017

1.6.1 ASAL USUL NAMA TANJUNG GEMOK

- Adat masyarakat pesisir sungai, jika ada teluk sudah tentu ada tanjungnya dan begitulah asal usul nama Tanjung Gemok.

- Menurut masyarakat tempatan sejarah nama Tanjung Gemok adalah bersempena dengan **keadaan tanjung yang besar di pinggir Sungai Endau yang bersaiz besar dan "gemok".**



Foto:1950an-1970an kawasan perkampungan di Daerah Rompin (Kampung Pontian).



Foto: Petempatan awal Tanjung Gemok di Sungai Endau circa 1948.




Foto: Masyarakat Tanjung Pahang bersama Penghulu Mukim Endau ke 3 dan YB Penolong Pegawai Daerah Rompin circa 1948.



Foto: Sekolah Kebangsaan Tanjung Gemok, 1970an.

Rajah 1.2: Peta Menunjukkan Kedudukan Perkampungan di Sekitar Tanjung Gemok.




Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

1.6.2 PERKEMBANGAN DAN PENGARUH PEMBINAAN JALAN DAN JAMBATAN TANJUNG GEMOK

- Menurut sumber lisan penduduk tempatan, sebelum penempatan dibuka, Tanjung Gemok merupakan kawasan berhutan yang tiada jalan utama melainkan laluan di pesisir pantai untuk ke Kuala Rompin atau Pekan.
- Pada zaman sebelum kemerdekaan, kawasan Daerah Rompin dan sebahagian Daerah Pekan juga tiada sistem pengangkutan. Dengan adanya, petempatan perkampungan yang wujud dan dibuka di kawasan pinggir sungai ini secara tidak langsung menjadi nadi perhubungan sebagaimana kawasan-kawasan lain di Negeri Pahang.
- Rajah 1.3 menunjukkan laluan perhubungan utama Tanah Melayu pada tahun 1950. Ketika itu, jambatan belum dibina sebagaimana ditunjukkan dalam buku *"Bridge and Barrier: Transport and Communication in Colonial Malaya 1870-1957, Amarjit Kaur, Oxford University Press, 1985"*. Peta tersebut menunjukkan tiada jalan darat menghubungkan dari Johor-Pahang kecuali menggunakan pengangkutan laut.

Rajah 1.3: Laluan perhubungan utama Tanah Melayu pada tahun 1950.



Sumber: Malaya Main Communications, 1950

- 1970-an – Jambatan Tanjung Gemok menghubungkan bahagian pantai timur Johor (Endau) dan Pahang telah disiapkan dan memberi impak besar kepada pembangunan Tanjung Gemok dan Rompin seluruhnya. Laluan darat ini sangat penting menghubungkan wilayah pantai Timur Pahang terutama pergerakan dari Johor-Singapura. Wujud penghijrahan penduduk dari Kedah, Kelantan, Johor, Terengganu dan lain-lain yang mengambil peluang perkembangan ekonomi dalam bidang penanaman padi, perlombongan dan perikanan.
- Pembangunan kemudahan seperti sekolah, balai raya dan pondok polis telah dibina bagi memenuhi keperluan penduduk.
- 1990-an - Pengusaha industri maritim membangunkan jeti pendaratan ikan dan meningkatkan ekonomi tempatan. Pertengahan tahun 2000 menyaksikan perkhidmatan jeti ke Tioman dilancarkan dan turut memberi impak besar kepada kegiatan perdagangan, perumahan dan pelancongan di Tanjung Gemok.

Foto di bawah menunjukkan sistem pengangkutan kawasan Tanjung Gemok circa pada tahun 1960an sehingga tahun 1970an yang menggunakan feri bagi menyeberangi Sungai Endau yang menghubungkan kawasan Tanjung Gemok, Pahang dan Endau, Johor.



Foto: Sungai Endau pada tahun 1962



Foto: Perkhidmatan Feri Kampung Sarang Tiong pada tahun 1976-1986



Foto: Perkhidmatan feri mengangkut kenderaan menyeberang Sungai Endau



Foto: Feri Sungai Anak Endau Pahang

Sumber: Majlis Daerah Rompin, 2019

Foto di bawah menunjukkan perubahan Jambatan Tanjung Gemok - Endau semasa perasmian pada 1970an dan Jambatan Tanjung Gemok – Endau semasa, 2019



Foto: Jambatan Tanjung Gemok Endau pada tahun 1970an



Foto: Jambatan Tanjung Gemok - Endau semasa, 2019



Foto: Jambatan Tanjung Gemok - Endau tahun 2019

Sumber: Drone, Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019



2.0

Senario Pembangunan Semasa

2.1 LATAR BELAKANG KAWASAN RKK

Kawasan kajian RKK Tanjung Gemok terletak di dalam Daerah Rompin, Pahang iaitu di bawah pentadbiran Majlis Daerah Rompin (MDR) dan kedudukan bersempadankan Endau, Mersing, Negeri Johor (rujuk Rajah 2.1). Kawasan kajian mempunyai keluasan 351.27 hektar dan berada di dalam Blok Perancangan Kecil 5.1 (Blok Perancangan 5 – Endau) sebagaimana di dalam Rancangan Tempatan Daerah Rompin 2002-2015.

Dalam konteks wilayah, Tanjung Gemok terletak di pesisir pantai Laut China Selatan dan Sungai Endau yang berfungsi sebagai sempadan antara Negeri Pahang dan Johor. Lokasi Tanjung Gemok yang strategik iaitu merupakan pintu masuk dari arah selatan Negeri Pahang dan utara Negeri Johor menjadikan Tanjung Gemok sangat berperanan dalam menonjolkan imej awal Negeri Pahang dari pintu masuk di arah selatan.

Keistimewaan Tanjung Gemok berada dalam jarak lokasi yang sesuai untuk dikunjungi dari bandar-bandar utama yang lain seperti Kuantan, Johor Bahru termasuklah Singapura, iaitu dalam jarak perjalanan yang sederhana sekitar 120km – 140km atau jarak masa perjalanan antara 2.5 jam ke 3 jam (rujuk Rajah 2.2).

Kedudukannya di pusat tengah bagi laluan utama antara Johor Bahru dan Kuantan menjadikan Tanjung Gemok semakin berpotensi untuk dikunjungi dengan lebih ramai pengunjung sekiranya peranannya sebagai hab transit pelancongan dapat diperkukuhkan pada masa akan datang.

Kedudukannya yang hampir dengan lokasi-lokasi tumpuan pelancongan yang lain seperti Pulau Tioman, Taman Negara Endau Rompin, Kuala Rompin dan Kuantan meningkatkan lagi potensi Tanjung Gemok dalam mengukuhkan peranannya sebagai pintu masuk dan hab transit pelancong.



Foto: Pemandangan pusat bandar Tanjung Gemok dari perspektif udara.

KEPENTINGAN TANJUNG GEMOK :



***Entry point* ke Pulau Tioman.**



***Gateway* ke Taman Negara Endau Rompin**



Lokasi strategik – visual menarik



Pintu masuk ke Negeri Pahang



Pelancongan akua & industri maritim



Pusat Petempatan Utama

Rajah 2.1: Pelan Kawasan Kajian RKK Tanjung Gemok, Rompin, Pahang.



Sumber : Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019 (Olahan Google Earth).



Foto: Pemandangan bandar bersempadan dari perspektif udara.

Tanjung Gemok juga berfungsi sebagai **Pusat Petempatan Utama** dimana ia akan bertindak sebagai pola '*nuclei*' dan penggerak utama pembangunan di sekitarnya.

Rajah 2.2: Lokasi Tanjung Gemok berdasarkan Radius Jarak dari Bandar-bandar Utama.




Sumber : PlanMalaysia, 2019.



Peranan Tanjung Gemok juga sebagai penyokong kepada Kuala Rompin yang merupakan pusat pembangunan utama yang berfungsi sebagai pemangkin kepada pembangunan di pesisiran pantai.

Secara amnya, Tanjung Gemok berada di lokasi yang strategik dengan '*setting*' lokasi pinggir sungai dan pantai yang menarik sebagai imej pintu masuk utama ke Negeri Pahang. Potensi ini perlu dioptimumkan dan diperkukuhkan supaya dapat memberi manfaat dan impak positif kepada bandar serta membentuk imej baik negeri.



Rumusan :

- *Laluan Persekutuan 3 telah membahagikan kawasan Tg. Gemok kepada 2 bahagian iaitu timur dan barat.*
- *Sebahagian besar kawasan RKK dilitupi oleh tanah-tanah kosong dan guna tanah pertanian yang berpotensi untuk dibangunkan.*
- *Aktiviti industri tertumpu di bahagian barat sepanjang pesisiran Sungai Endau.*
- *Manakala aktiviti perniagaan tertumpu di bahagian tengah kawasan RKK.*

Singkatan :
Pendidikan
SK Sekolah Kebangsaan
Kesihatan
KK Klinik Kesihatan
Keagamaan
M Masjid

TAJUK

Rajah 2.3
Guna Tanah Semasa Kawasan RKK Tanjung Gemok 2019

PETUNJUK:

- Perumahan
- Komersial
- Industri
- Pendidikan
- Kesihatan
- Keagamaan
- Perkuburan
- Keselamatan
- Kegunaan Kerajaan/Badan Berkanun
- Kemudahan Awam
- Tanah Lapang dan Rekreasi
- Tanah Kosong
- Jalan Raya
- Pengangkutan Air
- Bekalan Elektrik
- Bekalan Air
- Pengairan dan Perparitan
- Telekomunikasi
- Pembentungan
- Pertanian
- Hutan
- Badan Air
- Pantai

Lain-lain :

- Jalan Raya
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Rancangan Kawasan Khas (RKK)

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

Secara keseluruhannya, kawasan Tanjung Gemok terdiri daripada guna tanah tepu bina dan bukan tepu bina yang hampir seimbang antara keduanya. Guna tanah bukan tepu bina mendahului dengan perbezaan peratusan yang sangat kecil iaitu kurang daripada 1%. **Guna tanah bukan tepu bina** berkeluasan **177.08 hektar (50.41%)** berbanding **guna tanah tepu bina** iaitu sebanyak **174.19 hektar (49.59%)** (rujuk Jadual 2.1).

Tanah kosong dan **guna tanah perumahan** mendominasi sebahagian besar (53.09%) daripada kawasan Tanjung Gemok dengan keluasan tanah kosong **105.56 hektar (30.08%)** diikuti oleh guna tanah **perumahan** (**80.83 hektar, 23.01%**). Peratusan tanah kosong yang tinggi disebabkan oleh berlakunya perubahan guna tanah pertanian kepada tanah kosong (untuk tujuan pembangunan). situasi ini meningkatkan potensi Tanjung Gemok untuk diisi dengan lebih banyak pembangunan baru dan lebih berdaya maju. Manakala keluasan guna tanah pertanian masih tinggi berbanding guna tanah lain walaupun banyak perubahan guna tanah pertanian telah berlaku.

Bagi guna tanah tepu bina, guna tanah **industri** (**33.59 hektar, 9.56%) adalah kedua tertinggi selepas perumahan.** Penemuan ini menunjukkan keluasan industri di Mukim Endau mendahului lain-lain mukim di dalam daerah Rompin. Pembangunan industri dilihat sedikit sebanyak mempengaruhi corak pembangunan di kawasan Tanjung Gemok.

Guna tanah **pertanian** juga merupakan penyumbang tertinggi di dalam guna tanah bukan tepu bina dengan keluasan sebanyak **45.40 hektar (12.92%).** Jenis **tanaman utama** di Tanjung Gemok adalah **kelapa sawit** dengan keluasan sebanyak **38.84 hektar (87.70%)** diikuti tanaman bercampur sebanyak 3.88 hektar (1.94%), nenas 0.71 hektar (1.61%) dan lain-lain tanaman 0.86 hektar (1.94%). Pengekalan kawasan pertanian pada masa akan datang dapat meningkatkan penghasilan dan kualiti produk asas tani bagi memenuhi keperluan rakyat dan permintaan pasaran dunia.

Jadual 2.1: Pecahan Guna Tanah Semasa Kawasan RKK, 2019

Guna Tanah	Keluasan (Hektar)	Peratusan (%)
Guna Tanah Tepu Bina		
Perumahan	**80.83**	**23.01**
Komersil	**8.03**	**2.29**
Industri	**33.59**	**9.56**
Institusi dan Kemudahan Masyarakat		
Pendidikan	2.19	0.62
Kesihatan	0.61	0.17
Keagamaan	2.56	0.73
Perkuburan	1.48	0.42
Keselamatan	0.82	0.23
Kegunaan Kerajaan / Badan Berkanun	5.73	1.63
Kemudahan Awam	1.70	0.48
Tanah Lapang dan Rekreasi	**2.64**	**0.75**
Infrastruktur dan Utiliti		
Bekalan Elektrik	0.16	0.05
Bekalan Air	0.50	0.14
Pengairan dan Perparitan	0.34	0.10
Telekomunikasi	0.04	0.01
Pembetungan	0.23	0.07
Pengangkutan		
Jalanraya	25.40	7.32
Pengangkutan Air	7.34	2.09
Jumlah	**174.19**	**49.59**
Guna Tanah Bukan Tepu Bina		
Pertanian	45.40	12.92
Hutan	4.45	1.27
Tanah Kosong	105.56	30.08
Badan Air	0.51	0.14
Pantai	21.06	6.00
Jumlah	**177.08**	**50.41**
Jumlah Keseluruhan	**351.27**	**100.00**

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

Pembangunan Semasa di Tanjung Gemok



Terminal Penumpang Tanjung Gemok


Industri Perikanan


Perumahan Kampung

2.2 KAWASAN RKK DALAM KONTEKS WILAYAH


2.2.1 RANCANGAN FIZIKAL NEGARA KE-3 (RFN-3)

Merujuk kepada dokumen RFN-3, Tanjung Gemok tidak terletak di dalam pusat katalis pembangunan di Daerah Rompin. Walau bagaimanapun, ia tetap berperanan menyokong pelancongan ke Pulau Tioman khasnya dan Kuala Rompin amnya (rujuk Rajah 2.4).

Walaupun hierarki Tanjung Gemok dilihat belum dapat menyaingi kepentingan pusat-pusat katalis yang lain, tetapi dari segi kekuatan dan potensi sedia ada, Tanjung Gemok berupaya menyokong Kuala Rompin sebagai Pusat Agropolitan. Pusat Agropolitan Kuala Rompin perlulah memberi fokus dan mengambil peluang untuk sama-sama mengoptimumkan sumberjaya Daerah Rompin sedia ada di Tanjung Gemok. Aktiviti perikanan, industri dan eko-pelancongan yang bakal diperkukuhkan di Tanjung Gemok adalah antara yang boleh dimanfaatkan bersama untuk pembangunan daerah.

Strategi pertumbuhan bandar yang seimbang dan pembangunan guna tanah yang holistik di dalam RFN-3 dirangka bagi memperkukuhkan ekonomi bagi bandar sempadan negeri seperti Tanjung Gemok dan Endau. Ia bertujuan memperkukuhkan peranan bandar sebagai penjana utama serta menggalakkan pembangunan bandar sederhana dan kecil dalam memastikan pembangunan yang seimbang.

Rajah 2.4: Pelan Rangka Pertumbuhan Spatial Negeri Pahang, Rancangan Fizikal Negara Ke-3.



Sumber: Rancangan Fizikal Negara Ke-3 (RFN-3), 2016


2.2.2 PELAN INDUK WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR (ECER)

Tanjung Gemok terletak di dalam Node 4 dalam Kawasan Pembangunan Utama ECER (ECER's KDAs) iaitu Mersing – Rompin – Segamat *Growth Area* dan mengguna pakai strategi pelaksanaan *Rainforest to Reef* (R2R) (rujuk Rajah 2.5).

Empat hala tuju utama pembangunan ECER yang akan membantu dalam pemuliharaan ekologi dan ekonomi Tanjung Gemok adalah:


i. Memulihara dan memelihara alam sekitar.
ii. Mengawal pembangunan secara mampan.
iii. Menawarkan peluang pekerjaan dan keusahawanan kepada masyarakat setempat.
iv. Menjadikan Pulau Tioman sebagai destinasi ekopelancongan *premier* dan bertaraf antarabangsa.

Rajah 2.5: Strategi Pembangunan ECER Melibatkan Kawasan Tanjung Gemok.



Sumber: Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER), 2018

Rajah 2.6: Pelan Induk *East Corridor Economic Region* - Inisiatif Koridor Tempatan.



Sumber: Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER), 2018.

Berdasarkan Inisiatif Koridor Tempatan yang dicadangkan di dalam Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER), kawasan Tanjung Gemok berada di dalam **Koridor Tempatan Muadzam Shah-Rompin-Mersing-Endau** yang mana koridor ini melibatkan kluster pelancongan pesisiran pantai, pulau, pertanian, ekopelancongan serta pendidikan (rujuk Rajah 2.6 dan Jadual 2.2).

Fokus utama ECER terhadap Tanjung Gemok pula adalah melalui kluster pelancongan dengan inisiatif sebagai *'Island Gateway ke Pulau Tioman'*. Ini kerana Tanjung Gemok merupakan satu-satunya pintu masuk ke Pulau Tioman dari Pahang selain Mersing di Johor.

Jadual 2.2: Inisiatif Koridor Tempatan (Muadzam Shah-Rompin-Mersing-Endau Rompin).

Fokus	Pelancongan Pesisiran Pantai dan Pulau serta Pertanian Ekopelancongan	
Lokasi	Kluster	Inisiatif
Endau Rompin	Pelancongan	• Pusat Ekopelancongan.
Muadzam Shah	Pertanian	• Penyelidikan ternakan lembu. • Penternakan lembu.
	Pendidikan	• Politeknik.
Pekan-Nenasi-Rompin	Pertanian	• Projek Pembangunan Bersepadu Nanas (CPPC, Kilang dan Perumahan). • Penternakan lembu bersepadu di kawasan penanaman nanas.
Ulu Bebar, Pekan	Pertanian	• Agropolitan (RISDA).
Pekan – Rompin-Mersing	Pertanian	• *Agro Valley*.
Kuala Rompin	Pertanian	• Penternakan lembu bersepadu di kawasan ladang kelapa sawit. • Buah-buahan dan sayur-sayuran CPPC. • Pengeluaran makanan haiwan (*green*).
	Pelancongan	• Pelancongan persisiran pantai. • Pusat memancing / rekreasi. • *Homestay*.
Tanjung Gemok	**Pelancongan**	• ***Island Gateway* ke Pulau Tioman**
Kg. Kahang Kangkar	Pelancongan	• Ekopelancongan.
Mersing	Pendidikan	• Politeknik baru.
	Pelancongan	• Pelancongan pulau dan pesisiran pantai. • *Island Gateway*.

Sumber: Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER), 2018

Selain berperanan sebagai pintu masuk ke Pulau Tioman, kedudukan Tanjung Gemok yang strategik di kawasan perairan serta di laluan utama negeri boleh dikembangkan dengan menaikkan imej pelancongan bandar '*setting*' visual yang menarik, imej bandar persisiran sungai / pantai, penambahan aktiviti seperti *river cruise* dijangka dapat menjadikan Tanjung Gemok sebagai hab pelancongan yang lebih menarik di pintu masuk Negeri Pahang.


Kelebihan ini boleh dimanfaatkan untuk mengembangkan sektor pertanian dan industri hasil laut melalui kepelbagaian tarikan aktiviti bagi menyokong kluster pelancongan kawasan Tanjung Gemok.

2.2.3 PELAN PELAKSANAAN STRATEGIK BAGI TAMAN NEGERI ENDAU ROMPIN DI DALAM ECER

Selain menyokong pelancongan di Pulau Tioman, Tanjung Gemok sedikit sebanyak berperanan dalam menyokong Pelan Pelaksanaan Strategik bagi Taman Negeri Endau Rompin (TNER) iaitu ***Rainforest to Reef Region*** **(R2R).** R2R ini mengoptimumkan sumber hutan semulajadi dan sumber ekologi pulau.


Pelan Pelaksanaan Strategik bagi Taman Negeri Endau Rompin (TNER) ini merangkumi kawasan dari puncak gunung di bahagian barat TNER hingga ke Pantai Laut China Selatan hingga melepasi kawasan terumbu karang dan lautan di sekitar Pulau Mersing. Kepentingan Tanjung Gemok dalam strategi R2R ini adalah sebagai transit serta penghubung melalui perkhidmatan jetinya bagi melengkapkan perjalanan ke destinasi pelancongan terumbu karang (sila rujuk Rajah 2.7).

Rajah 2.7: Koridor Pengangkutan Sedia Ada Taman Negeri Endau Rompin (TNER).



Sumber: Strategic Implementations Plan For Taman Negara Endau Rompin Tourism Development (ECER), 2018.

Rajah 2.8: Konsep Dari Hutan Hujan ke Terumbu Karang *(From Rainforest to R2R)*



TAMAN NEGERI ENDAU-ROMPIN
Memulih dan mengekalkan hutan semula jadi.

AGRO-HUTAN DAN TANAH LEMBAP YANG MAMPAN
Memulihkan dan melindungi zon hutan riparian dan tebing sungai dari berlakunya hakisan dan menyediakan koridor hidupan liar.

TNER sebagai komponen utama dalam *The Reef Rainforest to The Reef Special Sustainable Region* beserta dengan Kepulauan Seribuat Mersing.

Menetapkan rangka kerja alam sekitar yang strategik untuk mengurus dan mengekalkan aset landskap dan ekologi dengan lebih meluas.

ZON PANTAI PULAU TIOMAN
Habitat pantai yang sensitif akan mendapat manfaat daripada penambahbaikan kualiti kawasan tadahan sungai.

Sumber: Strategic Implementations Plan For Taman Negara Endau Rompin Tourism Development (ECER).

Kewujudan R2R secara tidak langsung memperkenalkan Kuala Rompin sebagai *International Centre for Sport Fishing.* Potensi yang terdapat di wilayah ini adalah setanding dengan acara di peringkat antarabangsa dan ianya mampu mewujudkan *multiplier effects* dalam ekonomi wilayah dan negara.

Rainforest to Reef (R2R) juga berpotensi menjadi *Sustainable Futures Region* yang pertama di Malaysia melalui penggalakan teknologi, perniagaan hijau dan juga penerapan amalan pertanian mampan. Penyediaan pelan strategik ini dijangka membantu mengendalikan isu ancaman terhadap alam sekitar serta menjamin sumber diversiti yang bernilai tinggi di samping mewujudkan '***kawasan tarikan hijau***' bagi pelancong dari dalam dan luar negara serta pelabur.

2.2.4 RANCANGAN FIZIKAL ZON PESISIRAN PANTAI NEGARA (RFZPPN)

RFZPPN adalah Rancangan Strategik Guna Tanah yang menggariskan hala tuju penggunaan, pemuliharaan dan pengurusan sumber jaya pesisiran pantai di Semenanjung Malaysia. Merujuk Seksyen 8 bahagian Strategi dan Langkah-langkah, 10 strategi di bawah lima tema telah dibentuk untuk penggunaan dari tahun 2008 sehingga 2030.

Tujuan Penyediaan RFZPPN

Penyediaan RFZPPN adalah untuk membantu merancang, mengawal dan membangunkan kawasan pulau dari aspek perletakan, kepadatan, aktiviti yang dibenarkan dan tidak dibenarkan dalam sesuatu pemajuan di sesebuah pulau. Dokumen ini juga merupakan landasan dalam menyediakan syarat-syarat piawaian perancangan minima bagi semua pembangunan di kawasan pulau. Ia juga bertujuan memelihara dan memperbaiki kualiti persekitaran dan memulihara flora dan fauna serta biodiversiti kawasan pulau dan sekitarnya. Jadual 2.3 menunjukkan ringkasan Tema dan Strategi yang telah dikemukakan di dalam kajian RFZPPN. (sila rujuk Jadual 2.3)

Jadual 2.3: Tema dan Strategi RFZPPN.

TEMA DAN STRATEGI RFZPPN
Tema 1: Memulihara Biodiversiti Persisiran Pantai
RFZPPN 1 Biodiversiti daratan dan marin di zon pesisiran pantai, termasuklah spesis, habitat dan ekosistem perlu dipulihara dan diuruskan secara mampan. **RFZPPN 2** Nilai ekonomi bagi perkhidmatan ekosistem serta kemerosotannya yang berpunca daripada kesan pembangunan perlu diambil kira dalam keputusan perancangan dan pembangunan.
Tema 2: Mewujudkan Zon Persisiran Pantai yang Dinamik
RFZPPN 3 Zon pesisiran pantai dan aset ekonominya perlu dilindungi daripada ancaman bencana pesisiran pantai melalui langkah-langkah pencegahan.
Tema 3: Pembangunan Mampan Zon Persisiran Pantai
RFZPPN 4 Pembangunan petempatan di pesisiran pantai perlu dirancang untuk memaksimumkan manfaat sosioekonomi, dalam bentuk dan skala yang bersesuaian bagi melindungi sumber-sumber asli pesisiran pantai yang sensitif serta berharmoni dengan proses-proses semulajadi pesisiran pantai. **RFZPPN 5** Pembangunan infrastruktur sepanjang zon pesisiran pantai perlu dirancang dan diuruskan dengan mengamalkan prinsip memberi manfaat kepada orang ramai, mengelakkan daripada kemusnahan alam semulajadi dan meminimumkan gangguan proses semulajadi pesisiran pantai.
Tema 4: Penggunaan Mampan Sumber Persisiran Pantai
RFZPPN 6 Penambakan laut di zon pesisiran pantai hanya dibenarkan sekiranya dapat dibuktikan bahawa manfaat ekonomi yang diperolehi daripada aktiviti ini jelas mengatasi kos sosial dan alam sekitar. **RFZPPN 7** Kerja-kerja pengorekan dan perlombongan perlu dijalankan dalam bentuk dan skala yang memberi impak minima kepada ekosistem semulajadi atau proses semulajadi pesisiran pantai.

Jadual 2.3: Tema dan Strategi RFZPPN (sambungan…)

TEMA DAN STRATEGI RFZPPN
Tema 4: Penggunaan Mampan Sumber Persisiran Pantai
RFZPPN 8 Perancangan dan pengurusan industri perikanan pesisiran pantai perlu ditumpukan ke arah memantapkan kemampanan ekonomi dan alam sekitar. **RFZPPN 9** Pembangunan sektor pelancongan di zon pesisiran pantai perlu tertumpu kepada aspek pemuliharaan, pengekalan dan peningkatan nilai-nilai khazanahnya yang unik, estetik dan semulajadi yang membentuk daya tarikan utama kawasan tersebut.
Tema 5: Mempertingkatkan Kualiti Air Marin
RFZPPN 10 Kualiti air marin perlu dipertingkatkan untuk memastikan ekosistem marin yang sihat dan dapat menyokong pelbagai kegunaan sumber-sumber pesisiran pantai.

Sumber: Rancangan Fizikal Zon Pesisiran Pantai Negara (RFZPPN), 2010

RUMUSAN

- Pembangunan Tanjung Gemok pada masa ini perlu seiring dengan pematuhan RFZPPN iaitu bertujuan memastikan perlindungan dan pemuliharaan aset semulajadi terutamanya sumber jaya di pesisiran pantai dapat diurus sebaik mungkin. Ianya juga membantu memelihara biodiversiti laut di samping menjamin keberlangsungan ekonomi penduduk setempat.

2.2.5 RANCANGAN STRUKTUR NEGERI PAHANG (RSNP) 2050


Rajah 2.9: Kerangka Visi, Teras, Dasar dan Strategi RSNP 2050

Visi

PAHANG CEMERLANG EX2050

SPATIAL, MAJU, SEJAHTERA, LESTARI

Pernyataan hala tuju strategik dan strategi pembangunan Negeri Pahang dirangka selaras dengan visi pembangunan Rancangan Negeri Pahang 2050 dan diterjemahkan mengikut teras perancangan negeri.



SPATIAL SEIMBANG 01
- Perancangan spatial seimbang penting bagi mencapai pembangunan 2050 dalam keseimbangan aktiviti guna tanah, pengangkutan dan infrastruktur yang bersepadu.

EKONOMI BERDAYA MAJU 02
- Pahang berpotensi untuk menjadi sebuah negeri maju kerana dilimpahi dengan sumber ekonomi yang pelbagai.

KESEJAHTERAAN SOSIAL 03
- Kemajuan dan kelestarian negeri perlu diseimbangkan melalui pembangunan aspek sosial.

KELESTARIAN ALAM SEKITAR 04
- KSAS perlu dipelihara dan dipulihara untuk generasi mendatang kerana ia adalah khazanah. Penggunaan teknologi hijau serta pembangunan terkawal turut ditekankan.

Rajah 2.10: Ringkasan Teras dan Strategi RSN Pahang 2050 Melibatkan Kawasan Tanjung Gemok.



Sumber: Rancangan Struktur Negeri Pahang (RSNP), 2050.

A. Cadangan Tanjung Gemok dalam Rancangan Struktur Negeri Pahang (RSNP), 2050.

Berdasarkan Pelan Strategik Pembangunan Spatial Daerah Rompin di dalam RSN Pahang 2050, Tanjung Gemok berfungsi sebagai Bandar Tempatan / Pusat Petempatan Utama yang akan menyokong Daerah Rompin sebagai Bandar Pelancongan Antarabangsa. Selain itu, Tanjung Gemok dikenalpasti akan menjadi nodus pelancongan kepada daerah melalui pemerkasaan salah satu produk sokongan pelancongannya iaitu *Rompin's Billfish* (rujuk Rajah 2.11). Jadual 2.4 di bawah menyenaraikan cadangan-cadangan yang melibatkan kawasan Tanjung Gemok sebagaimana di dalam RSNP 2050 mengikut teras strategik.

Jadual 2.4: Senarai Cadangan Kawasan Tanjung Gemok berdasarkan Pelan Strategik Pembangunan Spatial Daerah Rompin.

SEKTOR	CADANGAN
TERAS SPATIAL	

Guna Tanah dan Petempatan	• Cadangan menjalankan kajian-kajian seperti berikut:
	  • RKK Koridor Persisiran Pantai (bersama Daerah Pekan dan Kuantan).
	  • RKK Pembangunan Pertanian (Jaminan Makanan dan *Food Sovereignty* Pahang) Daerah Rompin, Pekan, Raub, Bentong dan Cameron Highlands.
	  • **RKK Tanjung Gemok** (integrasi dengan Pekan Endau).
	• Tumpuan pembangunan kawasan **Koridor Kuala Rompin – Tanjung Gemok;** dan Koridor Muadzam Shah – Simpang Chini.

Pengangkutan	• Membina hab terminal pengangkutan awam bersepadu Konurbasi Wilayah Timur di Kuala Rompin, **Tanjung Gemok** dan Muadzam Shah. • Mengelaskan setiap pelabuhan di Negeri Pahang dengan fungsi utamanya serta perincian peranan: **Terminal Penumpang Tanjung Gemok – Pelancongan**. • Penyediaan Pelan Induk Laluan Basikal dan Laluan Pejalan Kaki di kawasan pusat bandar dan kawasan pelancongan di Kuala Rompin, Kepulauan Tioman, **Tanjung Gemok** dan Muadzam Shah. • Cadangan Jalan Pesisiran Pantai **(Kuala Pontian-Tanjung Gemok, Rompin) untuk pelancongan.**
Infrastruktur	• Mewartakan sungai, riparian dan anak sungai utama sebagai zon perlindungan badan air (Sungai Rompin, Sungai Pontian, **Sungai Anak Endau**). • Cadangan pencawang masuk utama dan cadangan menaik taraf talian rentis. • Penyediaan laluan elektrik bawah tanah (*Common Trenching System*) • Pemasangan panel solar. • Sistem rawatan kumbahan berpusat (STP) di bandar tempatan dan pusat petempatan utama (PPU). • Menyediakan Pelan Induk Pembetungan. • Kemudahan rangkaian telekomunikasi dan jalur lebar kelajuan tinggi (HSBB).

Jadual 2.4: Senarai Cadangan Tanjung Gemok (sambungan…)

SEKTOR	CADANGAN
TERAS MAJU	
Pertanian	• Pengekalan kawasan pertanian bagi pemerkasaan sebagai Pertanian Makanan dan Jaminan Makanan Negara. • Mensasarkan peningkatan pengeluaran buah-buahan dan sayur-sayuran. • Peningkatan produktiviti tanaman komoditi utama.
Pelancongan	• Pemerkasaan dan pengurusan pelancongan sokongan seperti udang galah dan memancing (*Royal Pahang Billfish International Challenge*).

Infrastruktur	• Konsep Kluster Industri Negeri Pahang, PKNP.
	  ➢ Kluster berasaskan sumber dan IKS.
	  ➢ Kluster pemprosesan makanan.


TERAS SEJAHTERA	
Kemudahan Masyarakat	• Penyediaan kemudahan masyarakat yang berkualiti dan memenuhi keperluan penduduk. • Penyediaan Institusi Pengajian Tinggi (IPT). • Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC).
TERAS LESTARI	
Alam Sekitar	• Pelaksanaan cadangan Pelan Pengurusan Pesisir Pantai Bersepadu (ISMP).

Sumber: Rancangan Struktur Negeri Pahang (RSNP), 2050

RUMUSAN

- **RSN Pahang 2050** menekankan strategi pemuliharaan alam sekitar, pemerkasaan aktiviti pelancongan sebagai sumber pendapatan utama, pengangkutan dan perhubungan menyeluruh bagi memenuhi keperluan penduduk.
- RKK Tanjung Gemok merupakan lokasi transit pelancong ke Pulau Tioman menggunakan perkhidmatan bot di Jeti Tanjung Gemok. Penambahbaikan pelabuhan Tanjung Gemok juga dijangka menjadi salah satu pelabuhan pelengkap kepada Pelabuhan Klang.
- Cadangan bagi kawasan Tanjung Gemok lebih tertumpu kepada teras pembangunan spatial melalui aspek cadangan pembangunan koridor, penyediaan aksesibiliti yang menyeluruh (sokongan pelancongan) serta meningkatkan tahap kemudahan infrastruktur dan utiliti.

Rajah 2.11: Pelan Strategik Pembangunan Spatial Daerah Rompin.



Sumber: Rancangan Struktur Negeri Pahang (RSNP), 2050

2.2.6 RANCANGAN TEMPATAN DAERAH ROMPIN (2002-2015)


Rancangan Tempatan Daerah Rompin 2002-2015 telah menetapkan Kuala Rompin sebagai kawasan berpotensi untuk dikembangkan dengan lebih maju di dalam sektor pelancongan di samping dapat menarik lebih ramai pelancong ke kawasan pelancongan lain.

Rancangan Tempatan Daerah Rompin juga menggariskan kepentingan Tanjung Gemok berdasarkan konsep pembangunan daerah yang berteraskan "Pembangunan Dwi Hub – Dwi Fungsi" iaitu merujuk kepada asas dua tumpuan zon pembangunan iaitu zon pesisiran pantai dan zon pedalaman yang mempunyai ciri-ciri pembangunan ekonomi berbeza. Sila rujuk Rajah 2.12 yang menunjukkan rajah Konsep Pembangunan Dwi Hub – Dwi Fungsi berdasarkan Rancangan Tempatan Daerah Rompin (2002-2015).

KONSEP PEMBANGUNAN DWI HUB – DWI FUNGSI :

- *Pulau Tioman dan Kuala Rompin sebagai hub pelancongan peringkat domestik dan antarabangsa.*
- *Kuala Rompin berperanan sebagai pemangkin kepada pembangunan di pesisiran pantai dan disokong oleh* ***Tanjung Gemok*** *dan* ***Leban Chondong.***
- *Pembangunan Daerah Rompin dibahagikan kepada* ***dua zon*** *iaitu zon pesisiran pantai dan zon pedalaman.*
- *Penekanan kepada* ***enam (6) pusat pertumbuhan*** *iaitu Kuala Rompin, Muadzam Shah, Leban Chondong,* ***Tanjung Gemok****, Bandar Tun Abdul Razak dan Pewira Jaya.*

Rajah 2.12: Konsep Pembangunan Dwi Hub – Dwi Fungsi RT Daerah Rompin (2002-2015).



Sumber: Rancangan Tempatan Daerah Rompin, 2002-2015

A. Justifikasi Konsep Pembangunan Rancangan Tempatan (RT) Daerah Rompin 2002-2015 kepada Pembangunan Tanjung Gemok.

01 Pulau Tioman menjadi pintu masuk utama pelancong antarabangsa; dengan adanya cadangan pembinaan lapangan terbang di Kg. Paya. Manakala Tanjung Gemok pula menjadi salah satu pintu masuk utama ke Pulau Tioman.

02 Kuala Rompin menjadi pusat pembangunan utama yang berperanan sebagai pemangkin kepada pembangunan di pesisiran pantai dan disokong oleh Tanjung Gemok dan Leban Chondong.

03 Zon pesisiran pantai memberi fokus kepada pembangunan pelancongan dan pembangunan pertanian makanan.

04 Penumpuan pembangunan adalah berasaskan kluster pelancongan, pertanian dan pemuliharaan dengan tumpuan di enam buah pusat pertumbuhan iaitu Kuala Rompin, Leban Chondong, Tanjung Gemok, Muadzam Shah, Bandar Tun Abdul Razak dan Perwira Jaya.

05 Pengekalan kawasan-kawasan pertanian yang produktif.

06 Pemuliharaan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS).



Foto: Zon pesisir pantai (Pantai Tg. Pahang) meningkatkan fokus pembangunan Tanjung Gemok ke arah pembangunan pelancongan.

Jadual 2.5: Strategi Pembangunan Daerah Rompin.

STRATEGI PEMBANGUNAN
Guna Tanah
• Meningkatkan tahap pembangunan fizikal di kawasan pusat-pusat petempatan melalui penjanaan aktiviti ekonomi yang mampu meningkatkan aktiviti pembangunan seperti perumahan, perniagaan, penyediaan kemudahan awam dan infrastruktur. • Mengekalkan sumber-sumber semulajadi seperti kawasan berpaya, pesisiran sungai dan pantai, hutan simpan dan kawasan berkecerunan melebihi 25 darjah.
Reka Bentuk Bandar
• **Imej bandar -** Mewujudkan imej bandar yang dapat menggambarkan identiti masyarakat setempat supaya mudah dikenali pada peringkat yang lebih tinggi dan meningkatkan ***(sense of belonging)*** di kalangan penduduk setempat. • **Kawalan Papan Tanda -** Mengadakan kawalan papan tanda perniagaan dan papan tanda iklan yang lebih seragam dan teratur supaya persekitaran bandar kelihatan kemas dan tidak berserabut khususnya di Bandar Kuala Rompin dan Tanjung Gemok.
Perumahan
• **Penawaran Perumahan Terancang di Kawasan Luar Bandar-** Tren penawaran perumahan semasa yang kebanyakannya tertumpu di kawasan pusat bandar utama perlu diagihkan ke kawasan petempatan-petempatan kecil di luar bandar bagi memastikan keperluan rumah bagi masyarakat luar bandar dapat dipenuhi. • Melaksanakan program penyusunan semula kawasan perkampungan bagi mewujudkan persekitaran yang lebih kondusif.
Kemudahan Masyarakat
• Meningkatkan Kemudahan Sedia Ada. Tahap penyediaan kemudahan masyarakat sedia ada ditingkatkan seperti sekolah, perkhidmatan kesihatan, perkhidmatan bomba, perkhidmatan pos, perkhidmatan polis, tempat ibadat dan kemudahan rekreasi.
Pemeliharaan dan Pemantauan Berterusan Sumber Marin dan Kawasan Pulau
• Pemantauan dan pengawasan yang berterusan di sekitar kawasan perairan pulau dan laut perlu dijalankan dengan mengambil kira kepentingan sumber dan tahap bekalan.

Sumber: Rancangan Tempatan Daerah Rompin, 2002-2015.

Sambungan…

STRATEGI PEMBANGUNAN
Perindustrian
• Sebuah kawasan industri pemprosesan makanan dan hasil laut akan diwujudkan di **Tanjung Gemok.**
Pelancongan
• Penekanan harus diberikan dari segi kemudahsampaian, kemudahan, daya tarikan, sikap dan guna tenaga. • Mengenalpasti koridor pelancongan serta mengintegrasikannya dengan pakej-pakej pelancongan. • Kuala Rompin akan berperanan sebagai hub pelancongan bagi tanah besar.
Pertanian
• Menggunakan pendekatan *cluster* atau berkelompok dimana blok perancangan Endau, Pontian dan Rompin akan dijadikan *cluster* makanan pertanian seperti padi, jagung, kekacang, sayur-sayuran, buah-buahan, herba, akuakultur dan perikanan.
Pengangkutan dan Pengurusan Lalulintas
• Meningkatkan tahap aksesibiliti di keseluruhan Daerah Rompin melalui perancangan jalan-jalan baru dan menaik taraf jalan-jalan sedia ada. • Menaik taraf dan memodenkan sistem pengangkutan air termasuk jeti-jeti utama di Pulau Tioman.
Pengangkutan dan Pengurusan Lalulintas
• Mewujudkan satu terminal utama di Kuala Rompin yang mana akan mengintegrasikan semua mod pengangkutan darat dan air. • Meningkatkan tahap kemudahan sistem pengangkutan lalu lintas dalam bandar khususnya berkaitan dengan lintasan pejalan kaki, laluan pejalan kaki, lampu isyarat dan sebagainya.

Sumber: Rancangan Tempatan Daerah Rompin, 2002-2015

Sambungan…

STRATEGI PEMBANGUNAN
Pemantauan Kualiti Alam Sekitar Secara Berterusan
• Kualiti air masin, udara serta kualiti air bawah tanah perlu sentiasa diawasi dari semasa ke semasa. • Stesen pengawasan secara tetap perlu dikenalpasti bagi membolehkan trend kualiti alam sekitar diperolehi dan seterusnya dikawal. • Data-data kualiti alam sekitar perlu direkodkan dan dianalisis secara digital bagi memastikan keberkesanan penggunaan data supaya tindakan yang sesuai dapat dijalankan.

Sumber: Rancangan Tempatan Daerah Rompin, 2002 – 2015.

B. Cadangan Utama RT Daerah Rompin (2002 - 2015) berkaitan dengan Tanjung Gemok :

i Mewujudkan Pintu Gerbang atau Papan Tanda di Pintu Masuk

- Pintu gerbang / papan tanda 'Selamat Datang' bagi Negeri Pahang dan Daerah Rompin di pintu masuk menuju ke pekan Tanjung Gemok.



Foto : Contoh penyediaan tulisan masuk yang sesuai di sempadan pintu masuk kawasan Tanjung Gemok bagi mewujudkan kesan 'sense of welcoming'.

ii Mewujudkan Medan Selera Makanan Laut

- Medan selera khusus untuk makanan laut bagi mengetengahkan Tanjung Gemok sebagai destinasi makanan laut.
- Lokasi: Jeti Tanjung Gemok atau kawasan berhampiran dengannya yang terbuka dan mempunyai pandangan laut atau kuala sungai.



Foto : Contoh medan selera di atas sungai.

iii Menjalinkan Kesinambungan antara Kawasan - kawasan Perniagaan yang Terasing

- Cadangan pembangunan komersil baru di Tanjung Gemok hendaklah ditumpukan di ruang-ruang kosong sedia ada untuk mengelakkan penyelerakan pembangunan.



Foto : Contoh bangunan perniagaan yang dibaikpulih di kawasan pekan Tanjung Gemok.

iv Mewujudkan Pusat Memancing dan Rekreasi Maritim di Jeti Tanjung Gemok

- Mempelbagaikan aktiviti berasaskan laut.
- Pusat memancing ini dicadangkan dibina sebagai sebahagian dari Jeti Tanjung Gemok sedia ada.



Foto : Kepelbagaian aktiviti berasaskan laut dijangka mengukuhkan sektor pelancongan di Tanjung Gemok.

v Menaik Taraf Jeti Tanjung Gemok

- Membolehkan jeti sedia ada yang terdapat di Tanjung Gemok terus berfungsi.
- Lebih berperanan sebagai jeti kargo.
- Lokasi utama untuk aktiviti kargo untuk seluruh Daerah Rompin.



Foto : Menaik taraf jeti Tanjung Gemok sedia ada dapat mengukuhkan fungsi utama jeti sebagai lokasi kargo selain menarik pelancong untuk ke Pulau Tioman.

vi Memperbaiki Stesen Bas dan Teksi Sedia Ada di Tanjung Gemok

- Penambahbaikan stesen bas dan teksi di kawasan Jeti Tanjung Gemok yang tidak terurus dan tidak berfungsi dengan sepenuhnya.
- Membaik pulih struktur binaan stesen bas dan teksi seperti menggantikan struktur binaan yang lebih menarik.
- Menyusun semula *lay by* bas dan teksi dengan lebih teratur.
- Menyediakan ruang menunggu serta kaunter tiket yang lebih selesa serta lengkap dengan kemudahan sokongan.





Foto : Gambaran Cadangan Menaik Taraf Kompleks Terminal Pengangkutan Bersepadu di Pekan Tanjung Gemok

vii Cadangan Perindustrian di Pekan Tanjung Gemok

- Kawasan perindustrian baru di Tanjung Gemok yang mana teras utama industri adalah memproses makanan berasaskan sumber laut.
- **Pusat Perindustrian Primer-** Pembangunan kawasan perindustrian terancang yang baru.

RUMUSAN

- **Strategi RT Daerah Rompin (2002-2015)** memberi keutamaan kepada pembangunan dalam sektor pelancongan terutamanya pelancongan pesisiran pantai dan pulau, perlindungan aset semulajadi serta perkembangan dalam sektor pertanian.
- Kawasan Tanjung Gemok merupakan pintu masuk dan keluar utama Pulau Tioman di Negeri Pahang dimana kawasan ini berpotensi dibangunkan untuk menjana ekonomi masyarakat setempat serta menjadi tarikan pelancongan melalui strategi-strategi yang diketengahkan dalam RT Daerah Rompin (2002-2015).

2.2.7 TANJUNG GEMOK DALAM KONTEKS PEMBANGUNAN BANDAR BERSEMPADAN

Pembangunan sedia ada di Tanjung Gemok dan perancangan masa hadapan adalah secara tidak langsung dipengaruhi oleh impak pembangunan bandar bersempadan seperti Kuala Rompin dan Bandar Mersing. Kuala Rompin mewujudkan kepentingan saling menyokong antara satu sama lain (simbiosis) terutama dalam aspek pembangunan pelancongan. Hubungan ini seterusnya membentuk tumpuan kepada pembangunan di koridor Kuala Rompin - Tanjung Gemok yang telah dikenalpasti di dalam kajian RSN Pahang 2050.

Manakala bagi Bandar Mersing yang berada di negeri bersempadan, ianya membentuk hubungan yang berdaya saing kerana tumpuan khusus terhadap aktiviti pelancongan. Kedua-duanya berfungsi sebagai bandar transit kepada kawasan-kawasan pelancongan termasuklah pendokong kepada perkembangan pelancongan di Pulau Tioman. Kedatangan pelancong ke kawasan-kawasan tarikan bersempadan seperti Pulau Taman Laut dan Taman Negeri Endau Rompin, secara tidak langsung mewujudkan impak kepada kawasan Tanjung Gemok sebagai destinasi persinggahan lainnya. Jadual 2.6 menunjukkan hubungan dan kepentingan bandar-bandar bersempadan terhadap Tanjung Gemok.

Jadual 2.6: Tanjung Gemok dan Hubungan Bandar Bersempadan.

Bandar	Hubungan/ Kepentingan
Kuala Rompin	• Taman Negeri Endau Rompin yang diangkat sebagai kawasan Taman Negara di Pahang (pelancongan, pemuliharaan dan KSAS). • Berfungsi sebagai pusat petempatan utama yang saling menyokong pembangunan Tanjung Gemok. • Perkembangan aktiviti ekonomi seperti pertanian, perikanan dan pelancongan (pesisiran pantai dan memancing).
Mersing	• Mersing merupakan salah satu kawasan yang terlibat dalam pembangunan ECER yang diberikan tumpuan khusus bersama pulau-pulau di Daerah Mersing dan Kepulauan Tioman yang diisytiharkan sebagai Taman Laut. • Tanjung Gemok dan Mersing adalah bandar transit dan pengangkutan yang mendokong aktiviti pelancongan di Pulau Tioman. • Taman Negeri Endau Rompin yang diangkat sebagai kawasan Taman Negara di Johor (pelancongan, pemuliharaan dan KSAS).


Sumber : Rancangan Struktur Negeri Pahang (RSNP), 2050
Rancangan Kawasan Khas Gugusan Kepulauan Mersing, 2016

2.3 PROFIL SEMASA PENDUDUK

2.3.1 PENDUDUK SEMASA

- Jumlah penduduk semasa dianggarkan berdasarkan bilangan rumah berpenghuni di dalam kawasan kajian.
- Anggaran jumlah penduduk juga mengambikira jumlah penduduk bukan warganegara yang terdiri daripada penduduk warga asing yang menetap di kawasan tidak terancang serta mengambilkira jumlah pekerja buruh / nelayan warga asing yang terdapat di kawasan kajian.


Rajah 2.13 : Maklumat Penduduk Negeri Pahang.



- Secara keseluruhan, terdapat 914 unit rumah dengan kadar kekosongan adalah 85 unit. Sebanyak 791 unit merupakan jumlah unit rumah yang berpenghuni dan didiami oleh penduduk warganegara.

- Manakala sebanyak 38 unit rumah lagi didiami oleh penduduk bukan warganegara. Sila rujuk Rajah 2.14.

Rajah 2.14: Bilangan Rumah Kosong & Berpenghuni di kawasan kajian, 2019.



Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019.

A. Penduduk Warganegara

- Penduduk warganegara terdiri daripada 3,560 orang yang mendiami kawasan taman-taman perumahan terancang (58.4%), kawasan-kawasan perkampungan (perumahan tidak terancang, 38.1%) serta di bangunan-bangunan kuarters kerajaan (3.5%).
- Lebih separuh daripada penduduk warganegara tinggal di taman-taman perumahan dan hanya sebilangan kecil yang tinggal di kuarters-kuarters kerajaan seperti kuarters Klinik Kesihatan, kuarters polis, kuarters guru dan kuarters JKR (rujuk Jadual 2.7).

B. Penduduk Bukan Warganegara

- Sebanyak 35% daripada jumlah penduduk adalah terdiri daripada golongan bukan warganegara yang kebanyakannya merupakan pekerja warga asing yang terlibat dengan aktiviti industri dan perikanan sedia ada.
- Sebahagian besar iaitu 1,366 orang (71%) penduduk bukan waganegara terdiri daripada golongan nelayan yang tinggal di dalam bot-bot nelayan.
- Manakala 20% adalah daripada warga kerja industri dan selebihnya 9% adalah penduduk bukan warganegara yang menyewa di 38 unit rumah dalam kawasan Kampung Selancar (rujuk Jadual 2.8).

Jadual 2.7: Jumlah Rumah Sedia Ada Mengikut Kawasan, 2019 (Warganegara).

Kawasan Perumahan	Jumlah Unit	* Unit Kosong	Unit Rumah berpenghuni	%	Penduduk	%	Saiz Isi Rumah
Perumahan Terancang							
Taman Tanjung Pahang	159	5	154	33.3	824	39.6	4.5
Taman Tanjung Pahang II	29	0	29	6.3			
Taman Tanjung Pahang III	30	1	29	6.3	131	6.3	4..5
Taman Cemerlang	85	0	85	137.1	383	18.4	4.5
Taman Cemerlang II	73	21	52	98.1	234	11.2	4.5
Taman Wawasan & Taman Wawasan 1	84	3	81	57.4	365	17.5	4.5
Taman Jadi	17	1	16	35.6	72	3.6	4.5
Taman Tanjung Gemok	17	1	16	5.3	72	3.6	4.5
Jumlah	**494**	**32**	**462**	**58.4**	**2,081**	**58.5**	**4.5**
Perumahan Tidak Terancang							
Kampung Tanjung Gemok	78	16	62	20.6	279	18.3	4.5
Kampung Selancar	81	28	53	17.6	410	26.9	4.5
Kampung Tanjung Pahang	147	6	141	46.8	635	41.6	4.5
Kampung Teluk Gading	46	1	45	15.0	203	13.3	4.5
Jumlah	**352**	**51**	**301**	**38.1**	**1,527**	**42.9**	**4.5**
Bangunan Kuarters							
Klinik Kesihatan	6	0	6	21.4	27	21.4	4.5
Balai Polis	8	0	8	1.0	36	28.6	4.5
Jabatan Kerja Raya	8	2	6	21.4	27	21.4	4.5
Guru	8	0	8	1.0	36	28.6	4.5
Jumlah	**30**	**2**	**28**	**3.5**	**126**	**3.4**	**4.5**
Jumlah Keseluruhan	**876**	**85**	**791**	**100**	**3,560**	**100**	**4.5**

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019.

Jadual 2.8: Jumlah Perumahan Tidak Terancang bagi Penduduk Bukan Warganegara, 2019


Bil	Kawasan / Jenis Pekerjaan	Jumlah Unit	Penduduk
1	Kampung Selancar	38	171
2	Buruh	-	387
3	Nelayan	-	1,366
		Jumlah Keseluruhan	1,924

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok,2019.

2.3.2 TEMPAT ASAL PENDUDUK

- Berdasarkan kajian soal selidik yang dibuat ke atas 343 orang responden, seramai 128 orang (37%) adalah merupakan penduduk asal Pekan Tanjung Gemok, diikuti dengan penduduk yang berasal dari luar Negeri Pahang seperti Johor, Terengganu dan Kelantan seramai 103 orang (30%) dan penduduk yang berasal dari luar Daerah Rompin seramai 35 orang (10%). Sila rujuk Rajah 2.15.
- Walau bagaimanapun, seramai 21 orang (6%) adalah penduduk yang berasal dari luar Pekan Tanjung Gemok. Pelbagai faktor yang menggalakkan penduduk luar Daerah Rompin yang menetap di Tanjung Gemok antaranya adalah peluang pekerjaan di dalam industri perikanan, harga rumah yang masih rendah serta perkahwinan merupakan antara faktor utama migrasi penduduk ke Tanjung Gemok.
- Lokasi Tanjung Gemok yang merupakan salah satu pintu masuk ke Pulau Tioman juga menggalakkan penduduk asal Pulau Tioman untuk tinggal menetap di Tanjung Gemok seterusnya terdapat peluang pekerjaan yang lebih meluas berbanding di Pulau Tioman.

Rajah 2.15 : Tempat Asal Responden Mengikut Kawasan, 2019.




Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

2.3.3 TEMPOH MENETAP

- Berdasarkan kajian ke atas tempoh menetap penduduk, seramai 166 orang penduduk (48.4%) yang tinggal melebihi 16 tahun. Kebanyakannya tinggal di kawasan Kampung Tanjung Pahang 1 dan 2, Kampung Tanjung Gemok dan Kampung Selancar. Kampung–kampung tersebut merupakan antara kawasan petempatan awal yang dibuka di Tanjung Gemok selain daripada Kampung Pianggu.
- Selain itu, pertumbuhan pembangunan di Tanjung Gemok menunjukkan peningkatan di mana peratusan penduduk yang tinggal kurang dari 5 tahun adalah kedua tertinggi iaitu seramai 86 orang (25.07%) daripada keseluruhan responden. Kebanyakan penduduk yang tinggal kurang daripada 5 tahun merupakan bukan penduduk asal daripada Tanjung Gemok.
- Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi penduduk untuk menetap di Tanjung Gemok antaranya adalah peluang pekerjaan yang tertumpu dalam sektor perikanan di Tanjung Gemok dan Pekan Endau. Selain itu, lokasinya yang bersebelahan dengan Pekan Endau yang merupakan laluan utama ke Negeri Johor menggalakkan penduduk menetap lebih lama di Tanjung Gemok.
- Rajah 2.16 menunjukkan peratusan responden yang menetap di kawasan RKK Tanjung Gemok emngikut tempoh menetap.

Rajah 2.16 : Peratusan Tempoh Menetap Responden di kawasan Tanjung Gemok, 2019.




Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

2.3.4 JENIS PEKERJAAN PENDUDUK

- Berdasarkan Rajah 2.17, didapati jenis pekerjaan tertinggi adalah nelayan iaitu sebanyak **79 orang (23.03%)** daripada 343 orang responden di mana sektor perikanan merupakan asas ekonomi utama kepada pembangunan Tanjung Gemok. Jenis pekerjaan kedua tertinggi merupakan peniaga iaitu sebanyak **47 orang** (13.70% dari jumlah keseluruhan).
- Majoriti pekerjaan tertinggi iaitu nelayan dan peniaga menetap di Taman Tanjung Pahang 1 dan 2 iaitu seramai 24 orang sahaja.
- Jenis pekerjaan pengusaha merupakan yang terendah iaitu hanya seorang sahaja manakala tidak bekerja pula hanya 3 orang.

Rajah 2.17 : Jenis Pekerjaan Ketua Isi Rumah (Responden), 2019.




Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

2.3.5 ANGGARAN PENDAPATAN

- Secara keseluruhannya bilangan Ketua Isi Rumah yang mendapat pendapatan bulanan tertinggi adalah dari kelompok gaji **RM 1,000 – RM 1,499** iaitu seramai **93 orang (27%)** daripada keseluruhan Ketua Isi Rumah diikuti dengan kelompok pendapatan **RM 2,000 – RM 2,499** iaitu seramai 60 orang (17.49%).
- **Kelompok gaji terendah** adalah melebihi **di bawah RM 499** iaitu hanya **3 orang sahaja**. Ini menunjukkan penduduk di Tanjung Gemok mempunyai pekerjaan berpendapatan sederhana dan mempunyai pekerjaan.
- Kumpulan isi rumah **M40 dan T20 (berpendapatan purata bulanan RM 3,860 – RM 8,319)** hanya **35 orang** sahaja. Kebanyakan merupakan bekerja sendiri seperti nelayan dan pemilik restoran.



Rajah 2.18 : Pendapatan Bulanan Ketua Isi Rumah (Responden), 2019.



Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019


2.4 UNJURAN PENDUDUK

Rajah 2.19 menunjukkan unjuran penduduk bagi kawasan RKK Tanjung Gemok sehingga tahun 2030. Unjuran penduduk bagi kajian ini menggunakan kaedah *Correlation Method* dan *Ratio Method* dengan mengambilkira kadar (ratio) pertumbuhan penduduk dalam wilayah atau *locality* yang sama (Endau, Rompin dan Negeri Pahang). Ia mengandaikan kadar dan *function* yang saling berkait (penduduk kawasan kajian adalah dipengaruhi oleh perkembangan penduduk kawasan tersebut).

Ringkasan kaedah pengiraan adalah sebagaimana berikut :

- Peratusan kadar pertumbuhan purata tahunan (KPPT) penduduk Mukim Endau berdasarkan sumber Jabatan Perangkaan Malaysia di antara 1.25% hingga 1.3%.
- Perbandingan peratusan penduduk Mukim Endau dengan Daerah Rompin.
- Anggaran jumlah penduduk berdasarkan kadar kekosongan dan bilangan isi rumah bagi Daerah Rompin (4.5 orang).
- 39.4% daripada jumlah penduduk Mukim Endau merupakan penduduk yang tinggal di kawasan kajian pada tahun 2020.
- Manakala, 41% daripada jumlah penduduk Mukim Endau merupakan anggaran jumlah populasi bagi kawasan kajian menjelang 2030.
- Perbandingan peratusan jumlah penduduk Tanjung Gemok (kawasan kajian) dengan Mukim Endau menunjukkan peningkatan antara 39.4% sehingga 41% sehingga 2030 disebabkan oleh faktor peningkatan kemudahan masyarakat dan perkembangan peluang pekerjaan dalam sektor perindustrian berasaskan hasil laut.

Rajah 2.19 : Unjuran Penduduk Kawasan RKK (2019-2030)



Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia, 2000
: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010
: Rancangan Struktur Negeri Pahang
: Kajian RKK Tanjung Gemok,2019

2.5 PENILAIAN IMPAK SOSIAL

2.5.1 OBJEKTIF

1. Penilaian Impak Sosial (*Social Impact Assessment*) dijalankan dalam Rancangan Pemajuan bagi memastikan pertimbangan ke atas impak pembangunan menjurus kepada kesejahteraan masyarakat.


2. Dari segi pendekatan kajian, SIA dalam RKK ini berperanan sebagai rasionalisasi cadangan sama ada ianya menjurus kepada impak positif atau negatif.

3. Jika cadangan tersebut mempunyai impak negatif yang ketara ke atas penduduk setempat, cadangan akan dinilai semula supaya tidak menjejaskan kesejahteraan sosial masyarakat setempat kawasan kajian.

4. SIA merupakan satu proses menapis cadangan-cadangan yang tidak serasi ke atas pembangunan dan kesejahteraan sosial, serta mengukuhkan projek dan program yang mempunyai impak positif.

2.5.2 KEPERLUAN PENYEDIAAN IMPAK SOSIAL RKK TANJUNG GEMOK


Rajah 2.20 : Keperluan Penilaian Impak Sosial RKK Tanjung Gemok.



2.5.3 KAEDAH PENILAIAN IMPAK SOSIAL

- **Impak sosial** didefinisikan sebagai kesan ke atas individu, keluarga atau masyarakat, akibat sesuatu aktiviti pembangunan yang berpotensi mengubah gaya, kualiti dan kesejahteraan hidup masyarakat tersebut.
- Ia juga merujuk kepada **impak yang sebenar dialami oleh manusia** (sama ada secara individu atau pada peringkat masyarakat dan seterusnya) sama ada dalam bentuk fizikal atau persepsi.
- **Penilaian Impak Sosial** didefinisikan sebagai satu proses menganalisis, memantau dan mengurus **impak sosial** yang dijangka berlaku atau yang tidak terjangka sama ada impak positif atau negatif ke atas sesuatu langkah intervensi (dasar, program, pelan dan projek) dan apa-apa proses **perubahan sosial** yang terhasil dari langkah intervensi tersebut.
- Berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan oleh *Van Schooten* (2003), berikut adalah olahan dimensi atau pemboleh ubah (*variables*) bagi kedua-dua (1) impak sosial dan (2) proses perubahan sosial yang mempunyai kaitan dengan pembangunan RKK Tanjung Gemok:

Rajah 2.21 : Pemboleh Ubah Impak Sosial dan Proses Perubahan Sosial bagi Pembangunan RKK Tanjung Gemok.



Sumber: Manual Penyediaan Penilaian Impak Sosial bagi Projek Pembangunan Edisi-2, 2018

2.5.4 KATEGORI PENILAIAN IMPAK SOSIAL

- Terdapat tiga (3) kategori utama Penilaian Impak Sosial (SIA) yang perlu disediakan berdasarkan keperluan pembangunan iaitu SIA Kategori 1, SIA Kategori 2 dan SIA Kategori 3.
- Pengenalpastian kategori impak sosial dapat memberi gambaran serta menjangkakan kesan ketara dari segi impak sosial untuk sesuatu projek pembangunan.

Rajah 2.22: Senario Penyediaan Laporan SIA Mengikut Peruntukan Akta 172 dan Kategori SIA.



Sumber: Manual Penyediaan Penilaian Impak Sosial bagi Projek Pembangunan Edisi-2, 2018


2.5.5 KAEDAH DAN PROSES PENILAIAN IMPAK SOSIAL

- Penilaian risiko (*Risk Rating*) merupakan tindakan yang berasaskan penglibatan masyarakat dan orang awam. Tindakan ini menyenaraikan impak mengikut keutamaan melalui analisis keketaraan impak sosial (tahap signifikan).
- Salah satu kaedah bagi menentukan keketaraan impak adalah Kaedah Matriks dengan pembandingan Tahap Keterukan Impak (*Severity*) dan Tahap Kebarangkalian Impak (*Probability*).
- Selain kaedah Matriks, keketaraan sesuatu impak boleh dirumuskan melalui persepsi pihak berkepentingan (*key stakeholders*) menggunakan kaedah kualitatif data mikro-naratif dan juga kaedah kuantitatif (borang tinjauan serta melalui perbincangan kumpulan sasaran).
- Berikut menunjukkan formula untuk menentukan keketaraan impak:

Keketaraan = Keterukan (x) Kebarangkalian

- Empat (4) perkara yang berikut juga boleh diambil kira dalam menentukan keketaraan impak sosial dalam sesuatu kawasan pembangunan.


Rajah 2.23: Faktor Utama yang Diambilkira dalam Keketaraan Impak Sosial.



Sumber: Manual Penyediaan Penilaian Impak Sosial bagi Projek Pembangunan Edisi-2, 2018

- Rajah 2.24 menunjukkan kaedah dan proses SIA yang terbahagi kepada dua (2) kaedah utama iaitu:-
  i. Menggunakan kaedah kualitatif serta kaedah kuantitatif untuk pengumpulan data
  ii. Sebagai panduan dalam mereka bentuk inventori impak sosial.

Rajah 2.24: Kaedah dan Proses SIA.



2.5.6 PENDEKATAN DAN TEKNIK

- Keberkesanan penilaian impak sosial bergantung kepada penglibatan awam yang menjadi faktor untuk menganalisis dan merangka langkah-langkah pembangunan sosial serta strategi-strategi mitigasi dan pengurusan impak sosial dalam kajian RKK Tanjung Gemok.
- Pendekatan dan teknik yang digunakan dijangka memberi input yang terperinci serta mempengaruhi keputusan melalui interaksi dan dialog dengan masyarakat setempat dalam penyediaan laporan SIA.
- Pendekatan yang digunakan ialah melalui perbincangan kumpulan sasaran (*Focus Group Discussion/ FGD*).


A. Perbincangan Kumpulan Sasaran (*Focus Group Discussion*/ FGD)

- FGD merupakan satu teknik penyelidikan kualitatif melalui interaksi secara bersemuka (*verbal*) dengan masyarakat setempat yang direka bentuk untuk mendapatkan pandangan terhadap sesuatu perkara secara khusus.
- Sesi FGD menyediakan platform kepada masyarakat setempat untuk memahami situasi pembangunan di Tanjung Gemok serta diberi peluang untuk menyuarakan pendapat dan pandangan mengenai projek-projek yang dicadangkan.
- Penglibatan awam dalam sesi FGD melibatkan wakil daripada pelbagai bidang dan kriteria serta pihak berkepentingan (*stakeholder*).
- Data kualitatif (data *verbal* dari perbualan lisan) yang diperolehi daripada segi FGD memberi gambaran jelas mengenai isu setempat serta mengenal pasti potensi dan impak cadangan yang dikemukakan kepada kepentingan sosial di kawasan kajian secara langsung.
- Sepanjang kajian Rancangan Kawasan Khas (RKK) Tanjung Gemok dijalankan dengan pihak berkepentingan yang mengambil kira pandangan serta penambahbaikan cadangan untuk pembangunan akan datang seperti berikut:

22 April 2019	3 Mei 2019	4 Julai 2019
FGD bersama Jawatankuasa Teknikal, Agensi Swasta dan Wakil Penduduk	*Kajian lapangan bersama MDR, PKNP, APMM, dan Pemilik Industri Perikanan*	*FGD bersama Agensi Teknikal*
• Melibatkan Jawatankuasa Teknikal Daerah Rompin dan Negeri Pahang. • Membincangkan isu –isu serta pandangan bagi menangani masalah di kawasan kajian. • Kehadiran agensi swasta seperti Hotel Sri Malaysia dan Sanwa Tours (M) Sdn Bhd • Lokasi: Dewan Kuala Rompin, Pahang.	• Melibatkan Jawatankuasa Teknikal Daerah Rompin seperti PKNP dan APMM. • Lawatan ke atas kilang-kilang industri di sepanjang Sungai Endau. • Perjumpaan bersama pemilik – pemilik industri dan jeti. • Lokasi: Kawasan Industri Perikanan Tanjung Gemok.	• Melibatkan Jawatankuasa Teknikal Daerah Rompin dan Negeri Pahang. • Membincangkan isu – isu serta pandangan dan cadangan ke atas masalah yang berlaku di kawasan kajian. • Lokasi: Dewan Bakawali, Kompleks Tun Razak, Kuantan.

2.5.7 INDIKATOR PENILAIAN KESAN SOSIAL

- Antara indikator penilaian impak sosial bagi RKK Tanjung Gemok adalah seperti berikut:




Sumber: Manual Penyediaan Penilaian Impak Sosial bagi Projek Pembangunan Edisi-2, 2018

2.5.8 ISU DAN KESAN SOSIAL TERHADAP PEMBANGUNAN DAN PENDUDUK SETEMPAT

- Berdasarkan penemuan kajian, pelbagai perspektif dan pandangan berkaitan isu dan potensi impak sosial dapat dirumuskan di kawasan pembangunan RKK Tanjung Gemok.
- Data yang dikumpulkan merangkumi aspek isu sosial, ekonomi, institusi serta keperluan dan gaya hidup penduduk setempat.
- Berikut merupakan rumusan penemuan impak sosial yang ketara dalam masyarakat setempat.
- Manakala, kesan sosial dapat dikenal pasti berdasarkan kajian lapangan yang dilakukan bersama penduduk setempat serta keadaan pembangunan semasa di kawasan RKK Tanjung Gemok.
- Terdapat dua (2) kategori kesan impak sosial yang akan di analisis dalam kajian ini iaitu kesan positif dan kesan negatif kepada penduduk setempat







3.0
Prospek dan Cabaran

3.1 PERANCANGAN FIZIKAL DAN GUNA TANAH

A. RUMUSAN PENEMUAN

1. GUNA TANAH SEMASA

Keluasan keseluruhan RKK Tanjung Gemok adalah 351.27 hektar yang merangkumi guna tanah tepu bina seluas 174.19 hektar (49.59%) dan guna tanah bukan tepu bina seluas 177.08 hektar (50.41%). Kawasan tepu bina meliputi kawasan gabungan guna tanah perumahan, komersial, industri, kemudahan masyarakat, infrastruktur dan utiliti, tanah lapang dan rekreasi serta pengangkutan.







Foto: Contoh guna tanah tepu bina (kawasan perniagaan).



Foto: Contoh guna tanah bukan tepu bina (Pantai Tg. Pahang).




Sumber: PLANMalaysia

Guna tanah tepu bina utama adalah perumahan dengan keluasan 80.83 hektar (23.01%). Peratusan ini menunjukkan terdapat faktor permintaan oleh penduduk terutama yang berkerja di dalam kawasan Tanjung Gemok dan kawasan sekitar. Guna tanah industri seluas 33.59 hektar (9.56%) merupakan guna tanah tepu bina kedua tertinggi disebabkan oleh faktor lokasi strategik iaitu di pesisir Sungai Endau. Faktor lokasi ini dapat memudahkan pergerakan laluan kapal dan bot nelayan sekaligus memudahkan proses memunggah barang. Guna tanah pengangkutan juga menunjukkan peningkatan kepada 32.74 hektar (9.32%) yang disebabkan oleh peningkatan kawasan perumahan dan komersial di kawasan RKK.

Guna tanah bukan tepu bina merupakan guna tanah dominan kawasan kajian yang merangkumi tanah kosong (terdiri daripada kawasan berumput / semak / belukar / tanah terbiar) seluas 105.66 hektar (30.08%). Sebahagian besar (97.55 hektar) tanah kosong ini terdiri daripada tanah kosong yang tidak diusahakan manakala selebihnya (8.11 hektar) merupakan tanah kosong untuk pembangunan. Faktor peningkatan guna tanah kosong disebabkan oleh perubahan guna tanah pertanian kepada kegunaan bangunan yang kemudiannya tidak dapat dibangunkan atau diusahakan.

Sila rujuk **Rajah** dan **Jadual 3.1** untuk perincian pecahan aktiviti guna tanah semasa di kawasan RKK.

Rajah 3.1: Keluasan Guna Tanah Semasa Kawasan RKK, 2019.



Sumber : Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019.

Jadual 3.1: Pecahan Guna Tanah Semasa Kawasan RKK, 2019.


Guna Tanah	Bilangan Lot / Unit	Keluasan (Hektar)	Peratus (%)
A. Guna Tanah Tepu Bina			
Guna Tanah Perumahan			
Perumahan Strata	1	0.89	0.25
Perumahan Bukan Strata	516	14.52	4.13
Perumahan Kampung	78	64.17	18.27
Perumahan Warga Asing	1	1.25	0.36
Jumlah Kecil	**596**	**80.83**	**23.01**
Guna Tanah Komersial			
Runcit	87	2.11	0.60
Borong	4	1.66	0.47
Pasar	1	0.42	0.12
Perkhidmatan	28	0.89	0.25
Perkhidmatan Peribadi dan Isi Rumah	19	0.15	0.04
Makanan dan Minuman	59	0.61	0.17
Hiburan dan Riadah	6	0.05	0.01
Kemudahan Penginapan	27	1.83	0.52
Stesen Minyak	1	0.31	0.09
Jumlah Kecil	**275**	**8.03**	**2.29**
Guna Tanah Industri			
Industri Ringan	16	32.43	9.23
Industri Sederhana	1	1.16	0.33
Jumlah Kecil	**17**	**33.59**	**9.56**

Jadual 3.1: Pecahan Guna Tanah Semasa Kawasan RKK, 2019 (sambungan…)

Guna Tanah	Bilangan Lot / Unit	Keluasan (Hektar)	Peratus (%)
A. Guna Tanah Tepu Bina			
Guna Tanah Institusi dan Kemudahan Masyarakat			
Pendidikan	1	2.19	0.62
Kesihatan	1	0.61	0.17
Keagamaan	4	2.56	0.73
Perkuburan	1	1.48	0.42
Keselamatan	1	0.82	0.23
Kegunaan Kerajaan / Badan Berkanun	6	5.73	1.63
Kemudahan Awam	3	1.70	0.48
Jumlah Kecil	**17**	**15.09**	**4.30**
Guna Tanah Infrastruktur dan Utiliti			
Bekalan Elektrik	7	0.16	0.05
Bekalan Air	1	0.50	0.14
Pengairan dan Perparitan	8	0.34	0.10
Telekomunikasi	1	0.04	0.01
Pembentungan	5	0.23	0.07
Jumlah Kecil	**22**	**1.27**	**0.36**
Guna Tanah Pengangkutan			
Jalan Raya	35	25.40	7.23
Pengangkutan Air	3	7.34	2.09
Jumlah Kecil	**38**	**32.74**	**9.32**
Guna Tanah Lapang dan Rekreasi			
Tanah Lapang	12	1.65	0.47
Kawasan Hijau	11	0.99	0.28
Jumlah Kecil	**23**	**2.64**	**0.75**
B. Guna Tanah Bukan Tepu Bina			
Guna Tanah Kosong			
Tanah Pembangunan	86	8.11	2.31
Tanah Kosong Tidak Diusahakan	193	97.55	27.77
Jumlah Kecil	**279**	**105.66**	**30.08**
Guna Tanah Pertanian			
Pertanian	69	44.29	12.61
Penternakan	30	1.11	0.32
Jumlah Kecil	**99**	**45.40**	**12.92**
Lain-Lain			
Hutan	1	4.45	1.27
Badan Air	3	0.51	0.15
Pantai	4	21.06	6.00
Jumlah Kecil	**8**	**26.02**	**7.42**
Jumlah Keseluruhan	**1,374**	**351.27**	**100**

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

Sila rujuk **Rajah 3.2** untuk pelan guna tanah semasa bagi keseluruhan kawasan RKK Tanjung Gemok Tahun 2019.



Rumusan :

- *Laluan Persekutuan 3 telah membahagikan kawasan Tg. Gemok kepada 2 bahagian iaitu timur dan barat.*
- *Sebahagian besar kawasan RKK dilitupi oleh tanah-tanah kosong dan guna tanah pertanian yang berpotensi untuk dibangunkan.*
- *Aktiviti industri tertumpu di bahagian barat sepanjang pesisiran Sungai Endau.*
- *Manakala aktiviti perniagaan tertumpu di bahagian tengah kawasan RKK.*

Singkatan :
Pendidikan
SK Sekolah Kebangsaan
Kesihatan
KK Klinik Kesihatan
Keagamaan
M Masjid

TAJUK

Rajah 3.2
Guna Tanah Semasa Kawasan RKK Tanjung Gemok, 2019

PETUNJUK:

- Perumahan
- Komersial
- Industri
- Pendidikan
- Kesihatan
- Keagamaan
- Perkuburan
- Keselamatan
- Kegunaan Kerajaan/Badan Berkanun
- Kemudahan Awam
- Tanah Lapang dan Rekreasi
- Tanah Kosong
- Jalan Raya
- Pengangkutan Air
- Bekalan Elektrik
- Bekalan Air
- Pengairan dan Perparitan
- Telekomunikasi
- Pembentungan
- Pertanian
- Hutan
- Badan Air
- Pantai


Lain-lain :

- Jalan Raya
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Rancangan Kawasan Khas (RKK)

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019


2. TREND PERBANDINGAN GUNA TANAH SEMASA

Rajah 3.3: Guna Tanah Semasa Tahun 2007.




Sumber: Rancangan Tempatan Daerah Rompin (2002 – 2015)

Rajah 3.4: Guna Tanah Semasa Tahun 2019.



Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

Rajah 3.5: Trend Guna Tanah Semasa 2007 dan 2019.



Jadual 3.2: Perbandingan Keluasan bagi Trend Guna Tanah Semasa 2007 dan 2019.

Trend Guna Tanah Semasa	2007	2019
	Hektar	Hektar
Perumahan	64.34	80.83
Komersil	6.74	8.03
Industri	12.63	33.59
Institusi dan Kemudahan Masyarakat	18.5	15.09
Tanah Lapang dan Rekreasi	1.48	2.64
Pengangkutan	17.38	32.74
Infrastruktur dan Utiliti	0.28	1.27
Tanah Kosong	10.33	105.66
Pertanian	152.82	45.40
Hutan	50.81	4.45
Badan Air	8.77	0.52
Pantai	7.19	21.06
Jumlah Kecil	**351.27**	**351.27**

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

Rajah 3.3 dan **Rajah 3.4** menunjukkan perbandingan dan trend perkembangan guna tanah pada tahun 2007 dengan 2019. Arah perkembangan Tanjung Gemok terbahagi oleh laluan utama (Laluan Persekutuan 3) hingga membentuk aliran trend pembangunan ke arah timur dan barat. Tahun 2007 menunjukkan arah pembangunannya tertumpu di sepanjang laluan-laluan utama manakala tahun 2019 menunjukkan aliran pembangunan berkembang di kedua-dua arah timur dan barat Tanjung Gemok.

Secara keseluruhannya, trend guna tanah di Tanjung Gemok menunjukkan rebakan pembangunan lebih tertumpu di sepanjang kawasan pesisir sungai, laut serta kawasan pusat bandar. Pembangunan perumahan bertumpu di bahagian timur kawasan manakala pembangunan industri bertumpu di bahagian barat pesisir Sungai Endau. Pertambahan guna tanah perumahan sebanyak 4.69% menunjukkan peningkatan populasi penduduk dan rebakan perumahan di kawasan pesisir pantai dan pusat bandar. Perkembangan guna tanah industri meningkat daripada 3.60% kepada 9.56% dengan pertambahan sebanyak 5.96% (20.96 hektar) (rujuk **Rajah 3.5** dan **Jadual 3.2**).

Rajah 3.5 dan **Jadual 3.2** menunjukkan pengurangan guna tanah pertanian yang sangat ketara sebanyak 30.58% (107.42 hektar). Manakala peratus tanah kosong meningkat dengan banyak iaitu daripada 2.94% (10.33 hektar) kepada 30.08% (105.66 hektar) dengan pertambahan sebanyak 27.14% (95.33 hektar). **Peratusan tanah kosong yang tinggi disebabkan oleh berlakunya perubahan guna tanah pertanian kepada tanah untuk pembangunan namun tanah tersebut belum dapat dibangunkan.** Walau bagaimanapun keluasan tanah pertanian masih tinggi berbanding guna tanah lain.

3. GUNA TANAH CADANGAN RT DAERAH ROMPIN 2015 (PENGUBAHAN)

Dokumen Rancangan Tempatan Daerah Rompin 2015 (Pengubahan) merupakan penggantian kepada sebahagian Rancangan Tempatan Daerah Rompin (2002-2015) dan mekanisma permohonan perancangan dan kawalan pembangunan bagi kawasan RKK.

Jadual 3.3 menunjukkan perbandingan antara guna tanah cadangan oleh RT Daerah Rompin 2015 (Pengubahan) dengan guna tanah semasa tahun 2019. Guna tanah semasa menunjukkan tanah masih belum dapat dibangunkan sepenuhnya sepertimana yang diperincikan di dalam RT Daerah Rompin tersebut.

Walau bagaimanapun, keluasan guna tanah pertanian telah melepasi keluasan yang dicadangkan RT pada tahun 2015. Ini mungkin disebabkan kawasan pertanian yang telah ditukar kepada tanah untuk pembangunan namun dalam masa yang sama belum dapat dibangunkan seterusnya menjadi tanah kosong.

Selain itu, bagi komponen komersial, keluasan semasa belum dapat mencapai keluasan yang dicadangkan. Begitu juga dengan guna tanah kemudahan masyarakat. Manakala bagi lain-lain terutama industri, keluasannya telah mencapai sehingga melebihi cadangan guna tanah sepertimana di dalam cadangan RT Daerah yang tersebut.


Secara keseluruhannya hampir kesemua guna tanah telah mencapai sepertimana keluasan guna tanah yang dicadangkan di dalam RT Daerah Rompin 2015 (Pengubahan); kecuali guna tanah perumahan, komersil dan kemudahan sahaja yang belum dapat dicapai termasuk keluasan tanah kosong yang masih tinggi (30.08%). Keadaan ini menunjukkan kawasan Tanjung Gemok masih memerlukan pertambahan dari segi komponen tepu bina atau pembangunan.

Rajah 3.6 menunjukkan cadangan guna tanah sebagaimana di dalam RT Daerah Rompin 2015 (Pengubahan).

Jadual 3.3: Guna Tanah Cadangan RT Daerah Rompin 2015 (Pengubahan).

Guna Tanah	Bilangan Lot	Guna Tanah Cadangan 2015		Guna Tanah Semasa 2019	
		Keluasan (Hektar)	%	Keluasan (Hektar)	%
Perumahan	596	110.51	31.46	80.83	23.01
Jumlah Kecil	**596**	**110.51**	**31.46**	**80.83**	**23.01**
Komersial	275	58.03	16.52	8.03	2.29
Jumlah Kecil	**275**	**58.03**	**16.52**	**8.03**	**2.29**
Industri	17	19.71	5.61	33.59	9.56
Jumlah Kecil	**17**	**19.71**	**5.61**	**33.59**	**9.56**
Institusi dan Kemudahan Masyarakat					
Pendidikan	1	2.38	0.68	2.19	0.62
Kesihatan	1	0.83	0.24	0.61	0.17
Keagamaan	4	1.46	0.42	2.56	0.73
Perkuburan	1	1.33	0.38	1.48	0.42
Keselamatan	1	1.12	0.32	0.82	0.23
Kegunaan Kerajaan/Badan Berkanun	6	9.07	2.58	5.73	1.63
Kemudahan Awam	3	1.94	0.55	1.70	0.48
Jumlah Kecil	**17**	**18.13**	**5.16**	**15.09**	**4.30**
Tanah Lapang dan Rekreasi	23	1.97	0.56	2.64	0.75
Jumlah Kecil	**23**	**1.97**	**0.56**	**2.64**	**0.75**
Pengangkutan	38	21.22	6.04	32.74	9.32
Jumlah Kecil	**38**	**21.22**	**6.04**	**32.74**	**9.32**
Infrastruktur dan Utiliti	22	0.08	0.02	1.27	0.36
Jumlah Kecil	**22**	**0.51**	**0.15**	**1.27**	**0.36**
Tanah Kosong	259	-	-	105.66	30.08
Jumlah Kecil	**259**	**-**	**-**	**105.66**	**30.08**
Pertanian	99	80.13	22.81	45.40	12.92
Jumlah Kecil	**99**	**80.13**	**22.81**	**45.40**	**12.92**
Hutan	21	32.00	9.11	4.45	1.27
Jumlah Kecil	**21**	**32.00**	**9.11**	**28.49**	**8.11**
Badan Air	3	9.06	2.58	0.51	6.15
Jumlah Kecil	**3**	**9.06**	**2.58**	**21.57**	**6.15**
Pantai	4	-	-	21.06	6.00
Jumlah Kecil	**4**	**-**	**-**	**21.06**	**6.00**
Jumlah Keseluruhan	**1,374**	**351.27**	**100**	**351.27**	**100**

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019 dan RT Daerah Rompin 2015 (Pengubahan)



Singkatan :

Pendidikan
SK Sekolah Kebangsaan

Kesihatan
KK Klinik Kesihatan

Keagamaan
M Masjid

TAJUK

Rajah 3.6
Cadangan Guna Tanah RT Daerah Rompin 2015 (Pengubahan) bagi Kawasan Tanjung Gemok

PETUNJUK:

- Perumahan
- Komersial
- Industri
- Pendidikan
- Kesihatan
- Keagamaan
- Perkuburan
- Keselamatan
- Kegunaan Kerajaan / Badan Berkanun
- Kemudahan Awam
- Tanah Lapang dan Rekreasi
- Tanah Kosong
- Jalanraya
- Pengangkutan Air
- Bekalan Elektrik
- Bekalan Air
- Pengairan dan Perparitan
- Telekomunikasi
- Pembentungan
- Pertanian
- Hutan
- Badan Air
- Pantai

Lain-lain :

- Jalanraya
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Rancangan Kawasan Khas (RKK)

Sumber: RT Daerah Rompin 2015 9Pengubahan).

4. KEADAAN FIZIKAL DAN TOPOGRAFI

a) Topografi dan Ketinggian

Secara amnya, analisis ketinggian menunjukkan keseluruhan kawasan kajian berketinggian di antara 4 – 16 meter (kategori sebagai tanah rendah). Analisis ketinggian menunjukkan majoriti keadaan topografi di kawasan kajian adalah **landai** dengan ketinggian di bawah 12 meter dari aras laut yang berkeluasan 278.94 hektar (79.50%) dan meliputi sebahagian kawasan pesisir sungai dan laut. Puncak tertinggi terletak di bahagian barat berhampiran kawasan hutan dan juga tengah kawasan kajian iaitu di sebahagian kawasan Taman Cemerlang dan sebahagian kecil di bahagian barat kawasan kajian.

Secara keseluruhannya, analisis ketinggian kawasan kajian diklasifikasikan sebagai kawasan tanah rendah yang landai iaitu di bawah 150 meter (Sumber: Garis Panduan Perancangan Pembangunan di Kawasan Bukit dan Tanah Tinggi). Oleh itu, keseluruhan kawasan kajian boleh dipertimbangkan untuk semua jenis pembangunan tertakluk kepada rancangan tempatan / rancangan pemajuan.

Jadual 3.4 : Tahap Ketinggian Kawasan RKK.

Ketinggian	Keluasan (Hektar)	Peratus (%)
0 – 4 meter	20.39	5.90
4 – 8 meter	117.68	33.50
8 – 12 meter	140.87	40.10
12 – 16 meter	68.91	19.62
> 16 meter	3.42	0.97
Jumlah Keseluruhan	**351.27**	**100**

b) Kecerunan

Aspek kecerunan menunjukkan keseluruhan kawasan kajian berkecerunan landai iaitu antara 0 - 15 darjah dengan keluasan kajian 351.27 hektar dan termasuk di dalam kecerunan Kelas I (< 15 darjah). Kawalan perancangan perlu mengambil kira pembatasan geoteknikal (geomorfologi, saliran dan lain-lain).

Oleh kerana ketinggian kawasan kajian di bawah 16 meter (dikelaskan sebagai tanah rendah), kawasan kajian boleh dipertimbangkan untuk semua jenis pembangunan dan tertakluk kepada kajian rancangan tempatan.

Walau bagaimanapun, kawasan kajian merujuk kepada kategori KSAS Tahap 1 dan KSAS Tahap 3 yang memerlukan pengawalan pembangunan pada masa akan datang.

i. KSAS Tahap 1: Kesensitifan Tinggi Pembangunan Terhad dengan Pengawalan Sepenuhnya
   - Sungai Endau dan Sungai Anak Endau
   - Sepanjang pesisir pantai berlumpur di sekitar Kampung Tanjung Pahang
   - Kawasan *banker* di Kampung Tanjung Pahang

ii. KSAS Tahap 3 : Kesensitifan Rendah Pembangunan Terkawal
   - Kawasan Sungai Paya Larat, Sungai Tap/Tot, Sungai Nipah dan Sungai Anak Gading.



TAJUK

Rajah 3.7
Analisis Ketinggian Kawasan RKK Tanjung Gemok, 2019


PETUNJUK:

- 0 – 4 meter
- 4 – 8 meter
- 8 – 12 meter
- 12 – 16 meter
- >16 meter

Lain-lain :

- Jalanraya
- Sempadan Negeri
- Sempadan Rancangan Kawasan Khas (RKK)

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019



TAJUK

Rajah 3.8
Analisis Kecerunan Kawasan RKK Tanjung Gemok

PETUNJUK:

<15 Darjah

Lain-lain :

Jalan Raya

Sempadan Negeri


Sempadan Rancangan Kawasan Khas (RKK)

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

5. ANALISIS PEMILIKAN TANAH

- Kajian analisis pemilikan ini adalah bertujuan mengenal pasti status pemilikan tanah sama ada milikan individu, swasta / syarikat mahupun kerajaan bertujuan mengenal pasti tanah-tanah yang sesuai untuk cadangan pembangunan kelak.
- Hasil semakan ke atas pemilikan tanah, didapati hampir 60% tanah merupakan milik individu, 30% milik kerajaan dan 12% milik swasta.
- Tanah milik individu atau persendirian adalah tertumpu di bahagian tengah, timur dan barat kawasan kajian.
- Tanah milik swasta dan syarikat pula lebih tertumpu di bahagian tengah atau kawasan pusat bandar iaitu kawasan tumpuan utama pembangunan yang mana sesuai untuk dibangunkan dengan komponen tepu bina.
- Manakala bagi tanah-tanah bermilik kerajaan, kebanyakannya terdapat di bahagian tengah dan selatan yang terdiri daripada rizab-rizab kemudahan dan juga kawasan rizab pantai dan sungai.
- **Rajah 3.9** menunjukkan pelan taburan pemilikan tanah bagi kawasan kajian.

Rajah 3.9: Taburan Pemilikan Tanah di kawasan Tanjung Gemok, 2019.



Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019.

Jadual 3.5: Senarai Keluasan Mengikut Status Pemilikan Tanah di Kawasan RKK.

Senarai Semakan Tanah	Keluasan (Hektar)	Peratusan %
Kerajaan	107.93	30.73
Swasta/Syarikat	41.48	11.81
Individu	201.86	57.47
Jumlah	**351.27**	**100**

Sumber : Pejabat Daerah dan Tanah Rompin dan Kajian Lapangan RKK Tanjung Gemok, 2019.

6. KESEDIAAN TANAH PEMBANGUNAN KAWASAN KAJIAN


Analisis kesediaan tanah disediakan bagi mengenal pasti kawasan yang boleh dibangunkan dan tidak boleh dibangunkan. Kesediaan tanah dikenal pasti melalui beberapa faktor seperti:

Jadual 3.6 : Faktor Pemilihan Kriteria dan Sub Kriteria.

Bil.	Kriteria	Sub-Kriteria
1.	Sempadan Bandar	Di dalam kawasan
		Di luar kawasan
2.	Jalan	50 meter
		50 -100 meter
		100 – 200 meter
3.	Sungai	Dalam Rizab
		Luar Rizab
4.	Pemilikan Tanah	Kerajaan
		Swasta / Syarikat
		Individu
5.	Kesediaan Tanah	Boleh Dibangunkan
		Boleh Dibangunkan dengan Syarat
		Tidak Boleh Dibangunkan

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

Rajah 3.10: Model Analisis Kesediaan Tanah Kawasan Kajian.



Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019


Berdasarkan analisis kesediaan tanah yang telah dijalankan, secara keseluruhannya kawasan kajian boleh bangunkan untuk pembangunan kerana tidak terdapat sebarang kawasan berhalangan yang tidak boleh dibangunkan. Walau bagaimanapun hanya seluas 120.42 hektar (34.28%) sahaja kawasan yang boleh dibangunkan tanpa syarat. Manakala selebihnya 230.85 hektar (65.72%) lagi merupakan kawasan yang boleh dibangunkan dengan bersyarat (rujuk **Jadual 3.7** dan **Rajah 3.10**).

Jadual 3.7: Tahap Kesediaan Tanah.

Tahap Kesediaan Tanah	Keluasan (Hektar)	Peratus (%)
Boleh Dibangunkan	120.42	34.28
Boleh Dibangunkan Dengan Syarat	230.85	65.72
Jumlah	**351.27**	**100.00**

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

Rajah 3.11 : Peratusan Kesediaan Tanah Pembangunan Kawasan Kajian, 2019.




Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019.

MCDA

Multicriteria Decision Analysis (MCDA) adalah suatu pendekatan statistik yang berupaya untuk menyelesaikan berbagai masalah berkaitan pembuatan keputusan yang disebabkan oleh multi-kriteria *(Sumber: Malczewski, 1999).*

Rajah 3.12 menunjukkan liputan kawasan bagi kesediaan tanah yang boleh dibangunkan tanpa syarat dan kawasan yang boleh dibangunkan dengan syarat. Kawasan yang boleh dibangunkan dengan syarat secara umumnya melibatkan kawasan pesisir pantai, riparian pinggir sungai, kawasan tepu bina, tanah milik kerajaan dan kawasan-kawasan bersaliran semula jadi.



TAJUK

Rajah 3.12
Analisis Kesediaan Tanah Pembangunan Kawasan Kajian RKK Tanjung Gemok 2019

PETUNJUK:

- Boleh Dibangunkan Dengan Syarat
- Boleh Dibangunkan

Lain-lain :

- Jalan Raya
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Rancangan Kawasan Khas (RKK)

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

7. SENARIO PEMBANGUNAN GUNA TANAH MENGIKUT ZON


Fokus pembangunan guna tanah adalah berdasarkan kawasan dan zon-zon tumpuan pembangunan sedia ada. Berdasarkan fokus dan tumpuan pembangunan guna tanah semasa, terdapat 4 zon yang telah dibentuk bagi menjelaskan senario pembangunan guna tanah kawasan kajian iaitu:

i. **Zon 1 : Zon Pusat Bandar**
ii. **Zon 2 : Zon Perumahan**
iii. **Zon 3 : Pesisir Sungai Endau dan Industri Maritim**
iv. **Zon 4 : Pesisir Pantai / Tanjung Pahang**

Sila rujuk **Rajah 3.13** untuk pembahagian kawasan mengikut zon.

Pembentukan zon-zon pembangunan ini bertujuan memperincikan dan mengenalpasti aspek potensi, halangan serta cabaran yang seterusnya memberi impak kepada pembentukan cadangan di dalam kawasan kajian ini.

Rajah 3.13 : Pembahagian Kawasan Kajian Mengikut Zon.



Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

i) Zon 1: Pusat Bandar

Zon pusat bandar merupakan tumpuan utama pelancong yang menggunakan Terminal Penumpang Tanjung Gemok untuk ke Pulau Tioman dan gugusan pulau lain. Zon ini juga mempunyai pengelompokan kawasan perniagaan yang merupakan tumpuan penduduk. Terdapat kawasan perniagaan yang tidak aktif (terbiar) dan dijadikan sebagai aktiviti sarang burung walit dan tempat penyimpanan barang.



Foto: Kawasan tumpuan (Kawasan Perniagaan)



Foto: Salah satu kemudahan penginapan di pusat bandar



Foto: Tumpuan utama (Terminal Penumpang Tanjung Gemok)

Berdasarkan senario semasa, 69% daripada kawasan pusat bandar merupakan kawasan tepu bina. Masih terdapat banyak lagi ruang-ruang kosong dalam pusat bandar yang berpotensi untuk dimajukan sebagai komponen bandar yang berdaya maju.

b) Zon 2 : Perumahan



Foto: Perumahan tidak terancang (didiami oleh warga asing dari Indonesia, Vietnam dan Thailand)



Foto: Azzahra Homestay merupakan tumpuan pelancong apabila tiba musim percutian



Foto: Nabella Homestay sebagai salah satu kemudahan penginapan di Taman Cemerlang 2

Zon perumahan terbahagi kepada dua (2) bahagian barat (Kampung Selancar/Kampung Teluk Gading) dan bahagian timur (Kampung Tanjung Gemok/Kampung Tg. Pahang).

Isu pembangunan di zon 2 bahagian barat (Kampung Selancar/ Kampung Teluk Gading lebih kepada isu penempatan oleh warga asing. Terdapat dua (2) lokasi perumahan tidak terancang yang disewakan di atas tanah milik yang bernombor Lot 460 (26 unit rumah) dan Lot 565 (10 unit rumah).

Keadaan dan persekitaran perumahan tidak terancang menunjukkan akses yang tidak berturap, persekitaran yang kurang bersih dan memerlukan pengurusan yang sistematik terutama kemudahan asas oleh pihak berkuasa tempatan.

Manakala fokus pembangunan zon 2 lebih tertumpu kepada kemudahan penginapan yang terdiri daripada rumah inap (*homestay*) sebanyak 10 unit. Kebanyakan rumah inap di zon ini disediakan di kawasan lot perumahan (Taman Cemerlang 2).

Kemudahan penginapan sedia ada dapat dimanfaatkan di dalam sektor pelancongan kerana lokasi yang strategik dan sering menjadi tumpuan pelancong selain mempunyai kemudahan asas seperti unit bilik tidur, tempat letak kenderaan dan lain-lain yang dijaga dalam keadaan baik.

c) Zon 3 : Pesisir Sungai Endau dan Industri Maritim



Foto: Sisa minyak dan pepejal dibuang terus ke dalam sungai



Foto: Tumpuan utama (Kolam Pancing PNK)

Zon 3 merupakan kawasan pesisir Sungai Endau yang menjadi tumpuan aktiviti industri perikanan dan maritim. Terdapat sebanyak 26 buah perusahaan industri berasaskan aktiviti perikanan yang beroperasi di sepanjang Sungai Endau (kawasan riparian) melalui aktiviti pendaratan ikan, penjualan minyak, air batu dan pemprosesan hasil dan sejuk beku. Kawasan industri ini berkepentingan dalam menyumbang kepada ekonomi daerah dan tempatan. Walau bagaimanapun, hanya sebuah sahaja industri yang telah mendapat kelulusan Kebenaran Merancang (KM).

Corak pembangunan industri akan memberi kesan kepada pembangunan pesisir air dan riparian pada masa hadapan. Kajian mendapati kawasan industri yang mendapat LPS tidak mempunyai akses yang berturap, tiada sistem saliran dan pembentungan serta pembuangan sampah secara terus ke sungai menyebabkan sisa buangan (*greywater*) dibuang terus ke Sungai Endau dan pencemaran kualiti air sungai. Kemudahan pekerja seperti asrama / tempat tinggal juga tidak disediakan mengikut piawaian / prosedur yang betul. Kebanyakan nelayan yang bekerja di industri akan menginap di dalam bangunan industri tersebut.

Oleh itu, kawasan ini memerlukan perancangan dan kawalan pembangunan yang khusus bagi mengatasi masalah sedia ada seperti ketiadaan sistem pembentungan, sisa pepejal / *sullage* / *greywater* / *darkwater* yang dibuang terus ke dalam sungai dan tiada akses yang berturap.

d) Zon 4 : Pesisir Pantai / Tanjung Pahang



Foto: Pemandangan matahari terbit di perairan Tanjung Gemok.



Foto: Kegunaan Kerajaan (Pangkalan Pos Maritim Tg. Gemok).




Foto: Industri perkimpalan kapal sebagai salah satu potensi di Tanjung Gemok.

Zon ini merupakan gabungan kawasan muara Sungai Endau, perkampungan desa dan kawasan pinggir pantai. Zon ini mempunyai visual pemandangan yang menarik (*scenic view*) kerana kedudukannya di sepanjang muara sungai sehingga ke kawasan pantai Tanjung Pahang. Manakala suasana perkampungan desa dan matahani terbit / terbenam memberi nilai tambah kepada estetika zon ini.

Keseluruhan kawasan hadap air di muara Sungai Endau merupakan kawasan aktiviti berasaskan pengangkutan (bengkel, tempat letak bot); serta institusi kerajaan iaitu Jabatan Taman Laut, Jabatan Kastam, Jabatan Laut dan Jabatan Maritim. Jeti Tanjung Gemok yang berfungsi sebagai pengangkutan utama ke Kepulauan Tioman juga terletak di kawasan ini. Dalam jarak 60 meter garis pantai dan sungai di bahagian timur tiada masalah pembangunan secara haram. Sebahagian pembangunan dalam rizab riparian adalah melibatkan sistem pengangkutan air seperti terminal feri dan pos maritim dan bengkel membaiki bot.

B. PROSPEK DAN CABARAN

Secara keseluruhannya, penemuan cabaran dan prospek bagi sektor guna tanah adalah seperti berikut:

Jadual 3.8 : Senarai Prospek dan Cabaran Perancangan Fizikal dan Guna Tanah

LOKASI	CABARAN	PROSPEK
Kawasan zon industri (pesisiran Sungai Endau)	Majoriti iaitu sebanyak 90% kawasan industri merupakan tanah berstatus Lesen Pendudukan Sementara (LPS)	• Kawasan industri merupakan sumber ekonomi utama kawasan kajian. Penguatkuasaan / kawalan ketat dan pemantauan berkala melalui MDR dan agensi teknikal untuk memastikan tiada sisa yang mencemar oleh industri tersebut. • Perlu mendapatkan Kebenaran Merancang bagi mana-mana bangunan LPS yang ingin memperbaharui lesen.
Lot guna tanah kosong	Lot tanah kosong berpotensi pembangunan sebahagiannya merupakan tanah milik individu. Pemajuannya oleh pihak kerajaan memerlukan kepada kaedah pengambilan balik tanah (PBT).	• Pembangunan baharu yang berdaya maju terutama di kawasan pesisiran muara sungai dan riparian memerlukan pemantauan dan kawalan.
Kawasan KSAS 1	Berpotensi tinggi mengalami banjir	• Memerlukan pemantauan untuk memastikan tiada pembangunan dijalankan di radius kawasan rendah/banjir dan juga merupakan lokasi strategik bagi 'sunrise' • Pengawalan pembangunan iaitu (Garis Panduan Pembangunan Pesisir Air dan Riparian)


Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

3.2 PERUMAHAN


A. RUMUSAN PENEMUAN

Perbandingan guna tanah perumahan semasa tahun 2007 sehingga 2019 menunjukkan guna tanah perumahan meningkat sebanyak 16.49 hektar iaitu dari 64.43 hektar kepada 80.83 hektar. Peningkatan ini berlaku atas faktor peningkatan populasi penduduk dan rebakan perumahan di kawasan pesisir pantai dan pusat bandar

Rajah 3.14: Taburan Pembangunan Perumahan Semasa RKK, 2007.




Rajah 3.15: Taburan Pembangunan Perumahan Semasa RKK, 2019.



1. TABURAN PERUMAHAN SEMASA

Perumahan sedia ada kawasan kajian terdiri daripada **perumahan terancang, perumahan tidak terancang dan kuarters yang melibatkan kawasan seluas 80.83 hektar (23.01%)** daripada keluasan keseluruhan RKK. Taburan pembangunan perumahan semasa meliputi 16 buah kawasan dan mempunyai jumlah unit kediaman sebanyak 914 buah rumah.

Rajah 3.16: Peratusan Taburan Pembangunan Perumahan Semasa RKK, 2019.



Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

Jadual 3.9: Taburan Pembangunan Perumahan Semasa, 2019.

Bil	Kategori	Kawasan	Jumlah		Keluasan	
			Unit	Peratusan (%)	Hektar	Peratusan (%)
A.	Perumahan Terancang	8	494	54.05	47.47	58.73
B.	Perumahan Tidak Terancang	4	390	42.67	30.56	37.81
C.	Kuarters	4	30	3.28	2.80	3.46
	Jumlah	16	914	100.00	80.83	100.00

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

i. Perumahan Terancang

Perumahan terancang di kawasan kajian terdiri daripada 494 unit kediaman dan berada di dalam 8 taman perumahan iaitu:

Jadual 3.10: Jenis Perumahan Kos Rendah Semasa, 2019.

Bil	Kawasan	Rumah Kos Rendah		Rumah Pasaran Bebas		Jumlah Keseluruhan	
		Unit	%	Unit	%	Unit	%
1	Taman Tanjung Pahang	97	61.00	62	38.99	159	100.00
2	Taman Tanjung Pahang II	0	0.00	29	100.00	29	100.00
3	Taman Tanjung Pahang III	0	0.00	30	100.00	30	100.00
4	Taman Cemerlang	23	27.05	62	72.94	85	100.00
5	Taman Cemerlang II	0	0.00	73	100.00	73	100.00
6	Taman Wawasan & Taman Wawasan 1	0	0.00	84	100.00	84	100.00
7	Taman Jadi	9	52.94	8	47.05	17	100.00
8	Taman Tanjung Gemok	0	0.00	17	100.00	17	100.00
Jumlah		**129**	**26.11**	**365**	**73.89**	**494**	**100.00**

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

ii. Perumahan Tidak Terancang

Perumahan tidak terancang di kawasan kajian meliputi kawasan perumahan kampung yang telah wujud sekian lama dengan **jumlah keseluruhan sebanyak 390 buah rumah iaitu 42.67% daripada keseluruhan perumahan** di kawasan kajian. Terdapat 4 buah kampung yang telah dikenal pasti berada di dalam kawasan kajian ini iaitu Kampung Tanjung Gemok, Kampung Selancar, Kampung Tanjung Pahang dan Kampung Gading.

Jadual 3.11: Taburan Perumahan Tidak Terancang Semasa, 2019.

Bil	Kawasan	Jumlah	%
1	Kampung Tanjung Gemok	78	20.00
2	Kampung Selancar	119	30.51
3	Kampung Tanjung Pahang	147	37.69
4	Kampung Gading	46	11.79
Jumlah		**390**	**100.00**

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

iii. Kuarters

Terdapat dua kategori perumahan kuarters iaitu jenis bertanah dan strata. Perumahan jenis kuarters ini hanya terdapat di dua kawasan iaitu Kampung Tanjung Gemok dan Kampung Gading dengan jumlah keseluruhan sebanyak 30 unit rumah.


Jadual 3.12: Jenis Perumahan Kuarters Semasa, 2019.

Bil	Kategori Kuarters	Jenis Bertanah		Jenis Strata		Jumlah Keseluruhan	
		Unit	%	Unit	%	Unit	%
1	Klinik Kesihatan	6	100.00	-	-	6	100.00
2	Balai Polis	-	-	8	100.00	8	100.00
3	Jabatan Kerja Raya	8	100.00	-	-	8	100.00
4	Guru	-	-	8	-	8	100.00
Jumlah		**14**	**73.89**	**16**	**100.00**	**30**	**100.00**

Sumber: Majlis Daerah Rompin & Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

Info :

- **Perumahan Terancang** ialah pembangunan perumahan yang dibangunkan di kawasan khusus perumahan atau skim perumahan yang diwujudkan.
- **Perumahan Tidak Terancang** ialah pembangunan perumahan yang dibangunkan di luar kawasan khusus perumahan ataupun skim perumahan.
- **Perumahan Pasaran Bebas** adalah merujuk kepada rumah selain daripada rumah kos rendah. Harga perumahan pasaran bebas ditentukan mengikut harga permintaan dan penawaran rumah.



TAJUK

Rajah 3.17
Taburan Perumahan Semasa RKK Tanjung Gemok, 2019

PETUNJUK:

- Perumahan Terancang
- Perumahan Tidak Terancang
- Kuarters

Lain-lain:

- Jalan raya
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Rancangan Kawasan Khas (RKK)

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019


2. RUMUSAN ANALISIS PERUMAHAN

Tiga analisis utama dalam kajian sektor perumahan adalah analisis status kegunaan bangunan semasa, analisis kepadatan bangunan perumahan dan analisis keadaan bangunan semasa perumahan terancang, tidak terancang dan kuarters

i. Analisis Kegunaan Bangunan Semasa

Secara umumnya, kegunaan bangunan dilihat dari aspek sama ada bangunan tersebut digunakan untuk tujuan kediaman, aktiviti *homestay,* sewa, kosong (tidak didiami) atau terbiar. Kategori ini dapat dikenal pasti melalui kajian lapangan yang telah dijalankan. Terdapat beberapa lot perumahan yang menjalankan fungsinya selain daripada kediaman khususnya bagi kegunaan sewa dan *homestay*.

Rajah 3.18: Peratusan Taburan Kegunaan Bangunan Perumahan, 2019.



Jadual 3.13: Taburan Kegunaan Bangunan Perumahan, 2019.

Bil	Kawasan Perumahan	Berpenghuni			Tidak Berpenghuni/ Kegunaan Lain		
		Kediaman	Sewa		Homestay	Kosong	Terbiar
			Tempatan	Warga Asing			
PERUMAHAN TERANCANG							
1	Taman Tanjung Pahang	154	-	-	-	5	0
2	Taman Tanjung Pahang II	29	-	-	-	0	0
3	Taman Tanjung Pahang III	29	-	-	-	1	0
4	Taman Cemerlang	85	-	-	-	0	0
5	Taman Cemerlang II	52	-	-	-	21	0
6	Taman Wawasan & Taman Wawasan 1	16	-	-	-	1	0
7	Taman Jadi	81	-	-	1	2	0
8	Taman Tanjung Gemok	16	-	-	-	1	0
	Jumlah Kecil	**462**	**-**	**-**	**1**	**31**	**0**
PERUMAHAN TIDAK TERANCANG							
9	Kampung Tanjung Gemok	61	1	-	8	6	2
10	Kampung Selancar	32	21	38	22	2	4
11	Kampung Tanjung Pahang	141	-	-	-	5	1
12	Kampung Gading	29	16	-	-	-	1
	Jumlah Kecil	**263**	**38**	**38**	**30**	**13**	**8**
KUARTERS							
13	Klinik Kesihatan	6	-	-	-	-	-
14	Balai Polis	8	-	-	-	-	-
15	Jabatan Kerja Raya	6	-	-	-	2	-
16	Guru	8	-	-	-	-	-
	Jumlah Kecil	**28**	**-**	**-**	**-**	**2**	**-**
	Jumlah Keseluruhan	**753**	**38**	**38**	**31**	**46**	**8**

Sumber: Majlis Daerah Rompin & Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

ii. Analisis Kepadatan Bangunan Semasa

Analisis kepadatan perumahan terancang dikategorikan kepada rumah berkepadatan rendah, sederhana rendah, sederhana, sederhana tinggi dan tinggi bagi perumahan terancang, terdapat 5 taman berada dalam lingkungan kepadatan sederhana rendah iaitu Taman Tanjung Pahang II, Taman Tanjung Pahang III, Taman Cemerlang, Taman Cemerlang II dan Taman Wawasan dan Taman Wawasan 1.

.

Manakala bagi perumahan tidak terancang, majoriti pembangunan perumahan adalah berkepadatan rendah iaitu diantara 1-5 unit ekar. Walau bagaimanapun terdapat 3 lot tanah perumahan tidak terancang adalah berkepadatan sederhana rendah (6-10 unit ekar) dan 1 lot berkepadatan sederhana (12-16 unit/ekar) iaitu Kampung Selancar dan Kampung Tanjung Pahang.

Kepadatan bagi setiap kategori kuarters berada di kategori kepadatan rendah (4-5 unit per ekar) dan sederhana rendah (6-7 unit per ekar). Perumahan kuarters ini tidak mempunyai masalah berkaitan kepadatan dan mematuhi piawaian perancangan yang ditetapkan.

Jadual 3.14: Taburan Kegunaan Bangunan Perumahan Terancang, 2019.

Bil	Kawasan Perumahan	Rendah			Sederhana Rendah		Sederhana	Sederhana Tinggi	Tinggi
		1 Unit/Ekar	2-3 Unit/Ekar	4-5 Unit/Ekar	6-7 Unit/Ekar	8-10 Unit/Ekar	12-16 Unit/Ekar	24-39 Unit/Ekar	> 40 Unit/Ekar
PERUMAHAN TERANCANG									
1	Taman Tanjung Pahang	-	-	-	-	-	1	-	-
2	Taman Tanjung Pahang II	-	-	-	-	1	-	-	-
3	Taman Tanjung Pahang III	-	-	-	-	1	-	-	-
4	Taman Cemerlang	-	-	-	-	1	-	-	-
5	Taman Cemerlang II	-	-	-	-	1	-	-	-
6	Taman Wawasan & Taman Wawasan 1	-	-	-	-	1	-	-	-
7	Taman Jadi	-	-	-	-	-	1	-	-
8	Taman Tanjung Gemok	-	-	-	-	-	1	-	-
	Jumlah Kecil	**-**	**-**	**-**	**-**	**5**	**3**	**-**	**-**

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

Jadual 3.15: Taburan Kegunaan Bangunan Perumahan Tidak Terancang, 2019.

Bil	Kawasan Perumahan	Rendah			Sederhana Rendah		Sederhana	Sederhana Tinggi	Tinggi
		1 Unit/Ekar	2-3 Unit/Ekar	4-5 Unit/Ekar	6-7 Unit/Ekar	8-10 Unit/Ekar	12-16 Unit/Ekar	24-39 Unit/Ekar	> 40 Unit/Ekar
PERUMAHAN TIDAK TERANCANG									
9	Kampung Tanjung Gemok	33	5	1	-	-	-	-	-
10	Kampung Selancar	14	3	1	-	2	-	-	-
11	Kampung Tanjung Pahang	23	12	4	-	-	1	-	-
12	Kampung Gading	3	1	2	1	-	-	-	-
	Jumlah Kecil	**73**	**21**	**8**	**1**	**2**	**1**	**-**	**-**

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

Jadual 3.16: Taburan Kegunaan Bangunan Perumahan Kuarters, 2019.

Bil	Kawasan Perumahan	Rendah			Sederhana Rendah		Sederhana	Sederhana Tinggi	Tinggi
		1 Unit/Ekar	2-3 Unit/Ekar	4-5 Unit/Ekar	6-7 Unit/Ekar	8-10 Unit/Ekar	12-16 Unit/Ekar	24-39 Unit/Ekar	> 40 Unit/Ekar
Kuarters									
13	Klinik Kesihatan	-	1	-	-	-	-	-	1
14	Balai Polis	-	1	-	-	-	-	-	1
15	Jabatan Kerja Raya	-	-	1	-	-	-	-	1
16	Guru	-	1	-	-	-	-	-	1
	Jumlah Kecil	**-**	**3**	**1**	**-**	**-**	**-**	**-**	**4**
	Jumlah Keseluruhan	**73**	**24**	**9**	**6**	**5**	**1**	**-**	**12**

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

iii. Analisis Keadaan Bangunan

Secara keseluruhannya, bagi perumahan terancang dan kuarters keadaan bangunan semasanya adalah **baik dan selesa didiami.** Oleh itu, analisis keadaan bangunan adalah lebih tertumpu bagi perumahan tidak terancang

Analisis keadaan bangunan perumahan tidak terancang dibahagikan kepada dua kategori utama iaitu rumah yang berpenghuni dan tidak berpenghuni atas faktor pendekatan dan kaedah penyelesaian yang berbeza.

Hasil kajian lapangan, terdapat 17 unit rumah yang berpenghuni berada dalam keadaan sedikit usang yang mana memerlukan penambahbaikan rumah supaya selesa untuk didiami serta boleh dijadikan stok perumahan pada masa akan datang. Selain itu, terdapat 3 unit rumah yang didiami oleh penduduk tempatan dalam keadaan sederhana usang yang memerlukan penggantian segera untuk memastikan mereka dapat mendiami perumahan yang lebih selesa.

Terdapat juga, 28 unit rumah berpenghuni yang berkeadaan sederhana usang dan sangat usang didiami oleh warga asing memerlukan tindakan yang berbeza dengan dipindahkan ke kawasan baru atau penyediaan asrama pekerja untuk memastikan suasana perumahan yang lebih harmoni di Kampung Selancar.

Bagi keadaaan rumah yang tidak berpenghuni, terdapat **sebanyak 32 unit** rumah yang sesuai **dijadikan rizab rumah akan datang atau homestay** yang secara tidak langsung menjana ekonomi dan pendapatan sampingan penduduk. Berdasarkan kajian lapangan, kegunaan bagi rumah sewa dan *homestay* merupakan permintaan kedua tertinggi selain didiami oleh penduduk tempatan.

Selain itu, terdapat **juga 8 unit rumah yang berkeadaan sederhana using atau sangat usang dan terbiar dengan perlu tindakan roboh** bagi mengatasi masalah kesihatan dan keselamatan penduduk tempatan di kawasan kajian.

Jadual 3.17: Taburan Keadaan Bangunan Perumahan Tidak Terancang, 2019.

Kawasan	Taburan Keadaan Bangunan Perumahan Tidak Terancang														Jumlah
	Berpenghuni						Tidak Berpenghuni				Terbiar				
	Baik		Sedikit Usang	Sederhana Usang		Sangat Usang	Baik	Sedikit Usang	Sederhana Usang	Sangat Usang	Baik	Sedikit Usang	Sederhana Usang	Sangat Usang	
	Warga Tempatan	Warga Asing		Warga Tempatan	Warga Asing	Warga Asing									
Kampung Tanjung Gemok	62	-	-	-	-	-	10	4	-	-	-	-	1	1	78
Kampung Selancar	48	10	5	-	26	2	22	2	-	-	-	-	-	4	119
Kampung Tanjung Pahang	129	-	9	3	-	-	-	5	-	-	-	-	1		147
Kampung Gading	42	-	3	-	-	-	-		-	-	-	-	-	1	46
Jumlah	**281**	**10**	**17**	**3**	**26**	**2**	**32**	**11**	**-**	**-**	**-**	**-**	**2**	**6**	**390**
Jumlah Keseluruhan Unit Dan Peratusan	**339 (86.92%)**						**43 (11.03%)**				**8 (2.05%)**				**390**

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

B. UNJURAN PERUMAHAN

i. Keperluan Perumahan Semasa (Penduduk tempatan)

Berdasarkan keperluan perumahan semasa tahun 2019, sebanyak 791 unit rumah yang berpenghuni dengan populasi semasa kawasan kajian sebanyak 3,560 orang *(mengikut kadar pertumbuhan penduduk semasa iaitu pada kadar 4.5 orang seisi rumah).* Secara rumusannya, sebanyak 791 unit rumah semasa adalah mencukupi bagi menampung penduduk semasa di dalam kawasan kajian.

ii. Keperluan Perumahan Semasa (Warga Asing)

Terdapat sebanyak 38 unit rumah yang dihuni oleh warga asing di dalam kawasan kajian dengan jumlah penduduk semasa sebanyak 171 orang *(mengikut kadar pertumbuhan penduduk semasa iaitu pada kadar 4.5 orang seisi rumah).* Selain itu, terdapat sebanyak 1,753 orang dari rumah pekerja industri menjadikan jumlah keseluruhan warga asing sebanyak 1,924 orang.

Walau bagaimanapun, populasi bagi warga asing ini tidak diambil kira di dalam unjuran perumahan pada tahun 2030 disebabkan tindakan yang dicadangkan ialah **penempatan semula di kawasan baru atau penyediaan asrama pekerja** bagi memenuhi keperluan rumah bagi mereka pada masa akan datang.

iii. Unjuran Perumahan Sehingga Tahun 2030


Jumlah stok perumahan bagi tahun 2019-2030 mencukupi untuk menampung keperluan penduduk sehingga tahun 2030 dan masih mempunyai lebihan sebanyak 41 unit rumah

Jadual 3.18: Unjuran Keperluan Perumahan Sehingga Tahun 2030.

Maklumat	Tahun 2019			Tahun 2030			Keperluan Kediaman 2030
	Penduduk	Isi rumah	Rumah (unit)	Penduduk	Isi rumah	Rumah(unit)	
Kawasan Kajian Tanjung Gemok	3,560	4.5 (mengikut kadar nasional)	791	4,422	4.5 (mengikut kadar nasional)	983	192
Penggantian Segera (2019)	-		3	-		-	3
(A) Jumlah Keperluan Perumahan 2020-2030 (Berdasarkan Pertambahan Penduduk Sebanyak 1,011 Orang)							195
Stok Perumahan Tahun 2019-2030							
Rumah Kosong Dan Berkeadaan Baik	-	-		-	-		(32)
Rumah Dalam Pembinaan	-	-		-	-		(106)
Rumah Komited	-	-		-	-		(68)
(B) Jumlah Stok Perumahan Tahun 2019-2030							206
(A-B) Jumlah Keseluruhan Unjuran Perumahan *Sehingga Tahun 2030*							**(11)**

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

Rajah 3.19: Rumusan Penemuan Sektor Perumahan.



Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

C. PROSPEK CABARAN

Secara keseluruhannya, penemuan cabaran dan prospek bagi sektor perumahan adalah seperti berikut:

Jadual 3.19: Senarai Prospek dan Cabaran Perumahan.

LOKASI	CABARAN	PROSPEK
Kampung Tanjung Gemok (4 unit rumah), Kampung Selancar (7 unit rumah), Kampung Tanjung Pahang (14 unit rumah) dan Kampung Gading (3 unit rumah)	**Penambahbaikan** 17 rumah berpenghuni dan 11 unit rumah tidak berpenghuni (jumlah keseluruhan 28 unit) berkeadaan sedikit usang.	Membaik pulih rumah sekiranya rumah tersebut berpotensi untuk dijadikan rumah sewa oleh pihak JKKK kampung (sekiranya tidak berpenghuni).
Kampung Tanjung Pahang	Sebanyak **3 unit rumah yang sederhana usang** dan didiami penduduk tempatan memerlukan **penggantian segera.**	Mengadakan program gotong-royong sesama penduduk kampung
Kampung Tanjung Gemok (1 unit rumah), Kampung Selancar (21 unit rumah), dan Kampung Gading(16 unit rumah)	Sebanyak **38 unit rumah yang digunakan sebagai kategori sewa dan didiami oleh penduduk tempatan** di dalam kawasan kajian.	Kegiatan aktiviti rumah sewa dan *homestay* dapat menjana pendapatan ekonomi kepada penduduk kampung dan dapat memberi pendapatan sampingan.
Kampung Selancar	Rumah sewa sebanyak **38 unit yang didiami oleh penduduk asing di Kampung Selancar perlu penempatan semula atau penyediaan asrama pekerja**	Penempatan semula warga asing/asrama pekerja dapat memberi **visual kampung yang lebih menarik dan tersusun**. Selain itu, Tanah kosong yang berpotensi untuk dimajukan untuk penawaran masa akan datang.
Kampung Tanjung Gemok (2 unit rumah), Kampung Selancar (4 unit rumah), Kampung Tanjung Pahang dan Kampung Gading (setiap 1 unit rumah)	Telah dikenal pasti sebanyak **8 unit rumah yang berkeadaan usang dan terbiar** memerlukan **tindakan perobohan**	Bahan binaan yang masih baik pada rumah-rumah kampung terbiar dan sangat usang berpotensi untuk dikitar semula seperti digunakan atau dijual sebagai barang lusuh.
Kampung Selancar (50 unit rumah) dan Kampung Tanjung Pahang (11 unit rumah)	Pemutihan KM bagi kampung yang berkepadatan melebihi 6 unit per ekar **i) 1 lot Kampung Gading (14 unit)** **ii) 2 lot di Kampung Selancar (22 rumah kegunaan *homestay* serta 28 unit rumah kegunaan sewa)** **iii) 1 lot di Kampung Tanjung Pahang (11 unit)**	Pemutihan kawasan petempatan yang tidak mempunyai Kebenaran Merancang dapat memberi pendapatan kepada pihak PBT melalui kutipan cukai.


Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

3.3 KEMUDAHAN MASYARAKAT

A. RUMUSAN PENEMUAN

Guna tanah institusi dan kemudahan masyarakat di kawasan kajian adalah seluas **14.57 hektar** yang melibatkan sebanyak 24 unit sedia ada di kawasan Tanjung Gemok.

Rajah 3.20: Keluasan Guna Tanah Institusi Dan Kemudahan Masyarakat.




Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

Jadual 3.20: Taburan Semasa Kemudahan Institusi dan Kemudahan Masyarakat, 2019.

Bil	Kemudahan	Unit	Keluasan (Hektar)	Peratus (%)
A	**Institusi Dan Kegunaan Kerajaan**			**35.21%**
	Pejabat Kastam Tanjung Gemok	1	4.30	29.51%
	Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (Tanjung Gemok)	1	0.11	0.75%
	Jabatan Laut Tanjung Gemok (Terminal Penumpang)	1	0.62	4.26%
	Lembaga Pembangunan Tioman	1	0.07	0.48%
	Repositori Jabatan Muzium dan Antikuitu	1	0.03	0.21%
B	**Kemudahan Pendidikan**			**15.17%**
	Sekolah Kebangsaan Tanjung Gemok	1	2.19	15.03%
	Tadika Kemas Kg. Tanjung Gemok	1	0.02	0.14%
C	**Kemudahan Kesihatan**			**4.19%**
	Klinik Kesihatan Tanjung Gemok	1	0.61	4.19%
D	**Kemudahan Keagamaan (Tempat Ibadat)**			**22.79%**
	Masjid Sultan Haji Ahmad Shah	1	2.12	14.55%
	Surau Lama Haji Ali	1	0.36	2.47%
	Surau Haji Embong Kg.Tanjung Pahang	1	0.78	5.35%
	Surau Haji Ibrahim	1	0.02	0.14%
	Surau Tanjung Pahang	1	0.01	0.07%
	Surau Terminal Tanjung Gemok (Musollah)	1	0.03	0.21%
E	**Kemudahan Perkuburan**			**10.16%**
	Perkuburan Islam Tanjung Gemok	1	1.48	10.16%
F	**Kemudahan Keselamatan**			**5.77%**
	Pusat Khidmat Komuniti Rela	1	0.02	0.14%
	Balai Polis Tanjung Gemok	1	0.82	5.63%
G	**Kemudahan Komuniti**			**6.24%**
	Pejabat Penghulu Mukim Endau	1		
	Balai Raya Teluk Gading	1	0.86	5.90%
	Dewan Teluk Gading	1		
	Dewan Terbuka Tanjung Pahang	1	0.05	0.34%
H	**Lain-lain**			**0.48%**
	Perpustakaan Desa Tanjung Gemok	1	0.04	0.27%
	Tandas Awam Dataran Jam	1	0.01	0.07%
	Tandas Awam PPD Tg.Gemok	1	0.02	0.14%
	Jumlah	**24**	**14.57**	**100.00%**

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019



TAJUK

Rajah 3.21
Taburan Pembangunan Institusi Dan Kemudahan Masyarakat Semasa

PETUNJUK:

- Institusi dan Kegunaan Kerajaan
- Kemudahan Pendidikan
  - Sekolah Kebangsaan (SK)
  - Tabika (Tbk)
- Kemudahan Kesihatan
  - Klinik Kesihatan (KK)
- Kemudahan Keagamaan
  - Masjid (M)
  - Surau (S)
- Tanah Perkuburan Islam (PI)
- Kemudahan Keselamatan
  - Balai Polis (BP)
- Kemudahan Masyarakat
  - Dewan Orang Ramai (Dewan)
  - Balai Raya (BR)
- Lain-lain
  - Perpustakaan Desa (P)
  - Tandas (T)

Lain-lain :

- Jalan raya
- Sungai
- Laut
- Sempadan Negeri
- Sempadan Rancangan Kawasan Khas (RKK)

Sumber: Majlis Daerah Rompin dan Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

i. Rumusan Penemuan Semasa

Secara umumnya, penemuan dan analisis semasa dikaji berdasarkan aspek kualiti, kapasiti dan keperluan kemudahan disediakan serta kemudahsampaian ke satu kawasan.

Kemudahan	Kapasiti	Kemudahsampaian	Kualiti
Pendidikan Sekolah Kebangsaan Tabika	Mencukupi Tidak Mencukupi	Mudah Diakses	Baik
Kesihatan	Mencukupi	Mudah Diakses	Baik
Keagamaan (Tempat Ibadat) Masjid Surau	Mencukupi	Mudah Diakses	Baik
Perkuburan	Mencukupi	Mudah Diakses	Baik
Keselamatan Balai Polis	Mencukupi	Mudah Diakses	Baik
Masyarakat Dewan Orang Ramai Balai Raya Perpustakaan Desa	Mencukupi	Mudah Diakses	Baik Sederhana **(Tidak Selenggara)**

ii. Unjuran Kemudahan Masyarakat


Secara umumnya, penyediaan kemudahan awam sedia ada di kawasan kajian amat baik dan masih digunakan sehingga kini oleh penduduk setempat. Namun begitu berasaskan keperluan perancangan semasa terdapat beberapa pertambahan kemudahan demi menjamin kehidupan yang berkualiti, sejahtera dan selesa. Berdasarkan kajian yang dijalankan bilangan penduduk menjadi asas pertimbangan dalam menentukan kesediaan kemudahan masyarakat.

Jadual 3.21: Unjuran Kemudahan Institusi dan Kemudahan Masyarakat.

BIL	KEMUDAHAN	ASAS	KEMUDAHAN SEDIA ADA 2019	KEPERLUAN 2030 4,422	TAMBAHAN UNIT
A	**KEMUDAHAN PENDIDIKAN**				
	Sekolah Kebangsaan	3,000-7,500 penduduk	1	1	-
	Tadika	2,500 penduduk	1	2	1
B	**KEMUDAHAN KESIHATAN**				
	Klinik Kesihatan	15,000-20,000 penduduk	1	1	-
C	**KEMUDAHAN KEAGAMAAN (TEMPAT IBADAT)**				
	Masjid	0.5 hektar bagi setiap 2,500 penduduk menampung 1000 jemaah	1	1	-
	Surau	500 unit rumah @ 2,500 penduduk	2	2	-
D	**KEMUDAHAN KEAGAMAAN (PERKUBURAN)**				
	Tanah Perkuburan Islam	1.48 hektar tanah perkuburan sedia ada di kawasan kajian	1.48 hektar	(Keperluan 0.75 hektar sehingga 2030) **Lebihan 0.16 hektar	-
E	**KEMUDAHAN KESELAMATAN**				
	Balai Polis Tanjung Gemok	2,000-3,000 penduduk	1	1	-
F	**KEMUDAHAN KOMUNITI**				
	Dewan	1,000 – 10,000 penduduk	2	2	-
	Balai Raya Teluk Gading	200-5,000 penduduk	1	1	-
	JUMLAH		**10**	**11**	**1**

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

Rajah 3.22: Rumusan Analisis Sektor Institusi dan Kemudahan Masyarakat.



Isu: Kualiti perpustakaan Desa Tanjung Gemok dilihat kurang memberikan tarikan khususnya kepada penduduk setempat.

Potensi: Memberikan kemudahan kepada penduduk setempat untuk digunakan sebagai tempat mengulang kaji pelajaran serta pembelajaran berkumpulan kepada pelajar-pelajar sekolah dikawasan kajian khususnya.

Isu: Kedudukan Balai Bomba dan Penyelamat yang agak jauh di Rompin memberikan kesukaran untuk mendapatkan bantuan khususnya kepada pelancong di kawasan Tanjung Gemok.

Potensi: Dapat memberikan servis yang lebih cepat dan dapat menjaga keselamatan di kawasan kajian.

Isu: Kemudahan pendidikan seperti tabika dilihat tidak mencukupi berdasarkan unjuran pertambahan penduduk pada masa akan datang.

Potensi: Memberikan kemudahan kepada penduduk bagi menghantar anak-anak ke tadika dan menjadikan kecukupan penyediaan bilangan tadika dan kemudahsampaian yang mudah untuk penduduk.

PETUNJUK:

- Isu-isu / masalah
- Potensi
- Pantai
- Sungai
- Laut
- Sempadan Negeri
- Sempadan Rancangan Kawasan Khas (RKK)

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

B. PROSPEK DAN CABARAN

Secara keseluruhannya, penemuan cabaran dan prospek bagi sektor institusi dan kemudahan masyarakat adalah seperti berikut:

Jadual 3.22: Senarai Prospek dan Cabaran Kemudahan Masyarakat.

LOKASI	CABARAN	PROSPEK
Kampung Tanjung Gemok.	Kemudahan pendidikan seperti tabika dilihat tidak mencukupi berdasarkan unjuran pertambahan penduduk pada masa akan datang.	Penyediaan tadika perlu disediakan berdasarkan unjuran yang dibuat dengan mengira pertambahan penduduk sehingga tahun 2030.
Taman Wawasan 1.	Kualiti perpustakaan Desa Tanjung Gemok dilihat kurang memberikan tarikan khususnya kepada penduduk setempat.	Memenuhi permintaan semasa penduduk bagi menjalankan aktiviti keilmuan dan pembelajaran secara tertutup serta dapat memberikan kemudahan IT kepada penduduk kampung dan penduduk sekitar.
Balai Bomba dan Penyelamat, Rompin.	Kedudukan Balai Bomba dan Penyelamat yang berada agak jauh dari Pekan Rompin memberikan kesukaran untuk mendapatkan bantuan khususnya kepada pelancong di kawasan Tanjung Gemok.	Penyediaan balai bomba kecil perlu disediakan bagi meningkatkan keselamatan di kawasan tumpuan pelancong khususnya di Jeti Penumpang Tanjung Gemok selain mempercepatkan tindakan untuk mendapatkan pertolongan.

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

3.4 INDUSTRI

A. RUMUSAN PENEMUAN

01 Pada tahun 2016, sektor industri menyumbang **sebanyak 22.1% daripada nilai KDNK Negeri Pahang**.

02 Sektor industri merupakan sektor utama yang menjadi tonggak kemantapan ekonomi negeri Pahang ke arah menjadikan negeri maju menjelang tahun 2045.

03 Merujuk kepada Rancangan Struktur Negeri Pahang 2050, pengagihan modal pelaburan yang terlibat dengan Rompin sebagai **sektor pengilangan makanan.**

04 Berdasarkan RSN Negeri Pahang 2050 dan RT Daerah Rompin 2002-2015, **aktiviti pengilangan makanan terbahagi kepada empat (4)** iaitu sumber asli, pemprosesan susu, **produk IKS, dan hasil laut.**


05 Sektor industri bagi Daerah Rompin tertumpu di Kuala Rompin, Muadzam Shah dan **Tanjung Gemok**.

06 **Daerah Rompin hanya mewakili 0.96%** peratusan keluasan kawasan industri yang dirancang bagi Negeri Pahang.

1. KELUASAN KAWASAN PERINDUSTRIAN

Menurut **Rajah 3.23**, **Mukim Endau** merupakan mukim yang tertinggi berbanding mukim lain **dengan keluasan industri sebanyak 34.72 hektar termasuk kawasan Tanjung Gemok.** Penyumbang kedua merupakan Mukim Kuala Rompin dengan keluasan 23.02 hektar daripada jumlah keseluruhan kawasan industri sedia ada.

Rajah 3.23: Keluasan Kawasan Industri Mengikut Mukim.



Sumber : Guna Tanah Geospatial iPlan, 2018

Hasil kajian lapangan mendapati, aktiviti industri utama yang dijalankan di **Mukim Endau khususnya di Tanjung Gemok** terdiri daripada **Industri Ringan dan Industri Sederhana**. Antara aktiviti industri yang dijalankan adalah:

- *Industri pemprosesan dan penjualan hasil laut*
- *Penjualan minyak bot*
- *Bengkel membaiki bot atau jentera berat*



Foto: Industri sejuk beku hasil-hasil laut



Foto: Industri berasaskan besi untuk tujuan penangkapan hasil laut





Foto: Industri membaiki kapal dan bot

Kajian menunjukkan, sumbangan perindustrian Endau terhadap ekonomi perindustrian di Rompin adalah sebanyak 18% daripada jumlah keseluruhan (rujuk **Rajah 3.24**). Kawasan perindustrian ini terletak di kawasan perindustrian Tanjung Gemok yang terdiri daripada industri ringan iaitu sebanyak 17% dan industri sederhana sebanyak 1%.

Rajah 3.24: Peratusan Keluasan Kawasan Industri Endau dan Rompin.



Sumber: Majlis Daerah Rompin dan Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

Berdasarkan **Rajah 3.25**, keluasan kawasan perindustrian Tanjung Gemok telah meningkat sebanyak 5.28 hektar (19%) dari tahun 2015 sehingga tahun 2019. Perkara ini menunjukkan terdapat permintaan kawasan industri yang boleh menjadi pemangkin kepada perkembangan sektor industri pada masa hadapan.

Rajah 3.25: Trend Industri Tanjung Gemok.







Foto: Bangunan industri tidak terjual di Jalan Feri Lama, Kampung Gading, Tanjung Gemok

2. STRUKTUR DAN KEADAAN FIZIKAL BANGUNAN

Secara keseluruhannya, struktur dan keadaan fizikal bangunan industri di Tanjung Gemok adalah dalam jenis kekal iaitu sebanyak 66% yang terdiri daripada industri makanan sejuk beku dan gudang penyimpanan hasil laut. Selain itu, terdapat juga industri yang memiliki bangunan jenis separa kekal iaitu sebanyak 20% dan sementara sebanyak 14%. (rujuk **Rajah 3.26**).

Rajah 3.26: Struktur Fizikal Bangunan Industri.



Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019


Lokasinya yang strategik dan berdekatan dengan jeti pendaratan ikan, kebanyakan industri memilih untuk membangunkan bangunan industri mereka sama ada dalam struktur kekal, separa kekal atau sementara di kawasan pesisir Sungai Endau dan hal ini secara tidak langsung telah melanggar syarat-syarat lesen pendudukan sementara (LPS) yang telah diberikan oleh Pejabat Daerah Rompin dimana terdapat syarat lesen tidak boleh digunakan untuk mendirikan bangunan atau struktur kekal.

Bangunan industri berstatus kekal yang didirikan oleh pengusaha ini berfungsi sebagai pusat pendaratan hasil-hasil laut atau gudang simpanan. Struktur bangunan kekal dan separa kekal yang dibangunkan ini memberikan impak yang negatif dari aspek keselamatan pengguna. Bangunan yang dibangunkan adalah tidak menepati syarat-syarat kelulusan Kebenaran Merancang seperti rezab antara sungai, *firebreak*, keperluan bomba, dan lain-lain dan juga berlawanan dengan syarat-syarat lesen pendudukan sementara (LPS).

3. STATUS BANGUNAN INDUSTRI

Bangunan Industri yang beroperasi di Tanjung Gemok adalah sebanyak 87% terdiri daripada 47 bangunan industri. Didapati, hanya 13% bangunan industri sahaja yang tidak berfungsi yang dibiarkan terbengkalai dan kosong. Masalah ini disebabkan oleh pengurusan yang tidak cekap dan kurang efektif oleh pengusaha-pengusaha industri.

Rajah 3.27: Peratusan Status Bangunan Industri.



Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

4. STATUS KELULUSAN KEBENARAN MERANCANG DAN LPS

Berdasarkan kajian lapangan, terdapat 26 industri yang bertapak di sekitar pesisiran Sungai Endau di Tanjung Gemok. Dengan merujuk kepada status kebenaran merancang semasa daripada Majlis Daerah Rompin menunjukkan hanya sebuah (satu) industri yang telah memperolehi kebenaran merancang iaitu **Timurikan Terengganu Marine Products Sdn. Bhd. yang menjalankan industri ringan. Manakala, industri selebihnya mendapat Lesen Pendudukan Sementara** (rujuk **Jadual 3.23**).

Jadual 3.23: Senarai Status Industri Tanjung Gemok.

Bil.	Nama Industri	Status
1.	Prospect Docky Sdn. Bhd	LPS
2.	Kumpulan Jana Satu Sdn. Bhd	LPS
3.	Hun Seng Trading	LPS
4.	Lian Soon Fishery Trading	LPS
5.	Timurikan Terengganu Sdn. Bhd	LPS
6.	Timurikan Terengganu Sdn. Bhd	LPS
7.	Seng Fu Trading Sdn. Bhd	LPS
8.	Weng Heng Engineer Works Sdn Bhd	LPS
9.	Atong Fishing Sdn Bhd	LPS
10.	Atong Fishing Sdn Bhd	LPS
11.	Syarikat Lian Hup Fishery Sdn. Bhd	LPS
12.	Lee Cheng Hwee	LPS
13.	Perikanan Seri Tanjung	LPS
14.	Choon Huat Fish Dealer	LPS
15.	Wen Bao Fishery Sdn. Bhd	LPS

Jadual 3.23: Senarai Status Industri Tanjung Gemok… (Sambungan)

Bil.	Nama Industri	Status
16.	Mayfresh Frozen Sea Products Sdn. Bhd	LPS
17.	Telok Gading Fishery	LPS
18.	Hai Lee Hong Fishery Sdn. Bhd	LPS
19.	**Timurikan Terengganu Marine Products Sdn. Bhd**	**Kebenaran Merancang**
20.	Rompin Fishery Sdn. Bhd	LPS
21.	Guan Rompin Utama Entrp	LPS
22.	Timurikan Terengganu Sdn. Bhd	LPS
23.	Anzeco Ocean Sdn Bhd	LPS
24.	Agro Timur Fishery Sdn Bhd	LPS
25.	Perikanan Hap Huat Sdn. Bhd	LPS
26.	Kejuruteraan Guan Seng Huat Sdn Bhd	LPS


Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

5. JENIS AKTIVITI INDUSTRI, JENIS PRODUK INDUSTRI DAN PEMASARAN PRODUK INDUSTRI

- **Jenis Aktiviti Industri**


Aktiviti utama bagi sektor industri di Tanjung Gemok adalah pendaratan hasil laut. Pendaratan ikan yang semakin meningkat disokong oleh aktiviti pemprosesan makanan laut dan makanan sejuk beku. Selain itu, terdapat juga aktiviti-aktiviti industri lain di kawasan kajian antaranya ialah bengkel kejuruteraan dan gudang simpanan.

Rajah 3.28: Jenis Aktiviti Industri Mengikut Bilangan Kilang Perikanan.



Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

	NAMA INDUSTRI
1.	Prospect Docky Sdn. Bhd
2.	Kumpulan Jana Satu Sdn. Bhd
3.	Hun Seng Trading
4.	Lian Soon Fishery Trading
5.	Timurikan Terengganu Sdn. Bhd
6.	Timurikan Terengganu Sdn. Bhd
7.	Seng Fu Trading Sdn. Bhd
8.	Weng Heng Engineer Works Sdn Bhd
9.	Atong Fishing Sdn Bhd
10.	Atong Fishing Sdn Bhd
11.	Syarikat Lian Hup Fishery Sdn. Bhd
12.	Lee Cheng Hwee
13.	Perikanan Seri Tanjung
14.	Choon Huat Fish Dealer
15.	Wen Bao Fishery Sdn. Bhd
16.	Mayfresh Frozen Sea Products Sdn. Bhd
17.	Telok Gading Fishery
18.	Hai Lee Hong Fishery Sdn. Bhd
19.	Timurikan Terengganu Marine Products Sdn. Bhd
20.	Rompin Fishery Sdn. Bhd
21.	Guan Rompin Utama Entrp
22.	Timurikan Terengganu Sdn. Bhd
23.	Anzeco Ocean Sdn Bhd
24.	Agro Timur Fishery Sdn Bhd
25.	Perikanan Hap Huat Sdn. Bhd
26.	Kejuruteraan Guan Seng Huat Sdn Bhd



TAJUK

Rajah 3.29
Taburan Industri Semasa di Keeluruhan Kawasan Kajian


PETUNJUK:

- Bangunan Industri
- Industri Sedia ada
- Tanah Berstatus LPS
- Industri yang Mendapat KM

Lain-lain :

- Jalan raya
- Sungai
- Laut
- Sempadan Negeri
- Sempadan Rancangan Kawasan Khas (RKK)

Sumber: Majlis Daerah Rompin dan Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019



	NAMA INDUSTRI
1.	Prospect Docky Sdn. Bhd
2.	Kumpulan Jana Satu Sdn. Bhd
3.	Hun Seng Trading
4.	Lian Soon Fishery Trading
5.	Timurikan Terengganu Sdn. Bhd
6.	Timurikan Terengganu Sdn. Bhd
7.	Seng Fu Trading Sdn. Bhd
8.	Weng Heng Engineer Works Sdn Bhd
9.	Atong Fishing Sdn Bhd
10.	Atong Fishing Sdn Bhd
11.	Syarikat Lian Hup Fishery Sdn. Bhd
12.	Lee Cheng Hwee
13.	Perikanan Seri Tanjung
14.	Choon Huat Fish Dealer
15.	Wen Bao Fishery Sdn. Bhd
16.	Mayfresh Frozen Sea Products Sdn. Bhd
17.	Telok Gading Fishery
18.	Hai Lee Hong Fishery Sdn. Bhd
19.	Timurikan Terengganu Marine Products Sdn. Bhd
20.	Rompin Fishery Sdn. Bhd
21.	Guan Rompin Utama Entrp
22.	Timurikan Terengganu Sdn. Bhd
23.	Anzeco Ocean Sdn Bhd
24.	Agro Timur Fishery Sdn Bhd
25.	Perikanan Hap Huat Sdn. Bhd
26.	Kejuruteraan Guan Seng Huat Sdn Bhd

TAJUK

Rajah 3.30
Pelan Terperinci Taburan Industri Semasa

PETUNJUK:

- Bangunan Industri
- Industri Sedia ada
- Industri Berstatus LPS
- Industri yang Mendapat KM

Lain-lain :


- Jalan raya
- Sungai
- Laut
- Sempadan Negeri
- Sempadan Rancangan Kawasan Khas (RKK)

Sumber: Majlis Daerah Rompin dan Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

- **Jenis Produk Industri**

Kebanyakan hasil industri yang ada di Tanjung Gemok ialah produk yang berasaskan hasil laut iaitu 86% dari keseluruhan produk industri sedia ada. Antara produk yang berasaskan hasil laut ialah penjualan ikan segar (33%), memproses hasil laut (25%), pemasaran produk perikanan (20%), dan pemasaran produk sejuk beku (8%). Selain hasil laut, industri lain yang ada di situ ialah industri penjualan air batu, membaiki jentera berat, dan membaiki dan membuat bot.

Rajah 3.31: Peratusan Jenis Produk Industri di Tanjung Gemok.




Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

- **Pemasaran Produk Industri**

Hasil daripada industri hasil laut di Tanjung Gemok kebanyakannya dipasarkan di dalam negeri sahaja seperti ke Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Kuala Lumpur dan Selangor yang mewakili 54% daripada keseluruhan. Bagi pasaran tempatan pula sebanyak 23%. Ada juga yang dieksport ke luar negara seperti Singapura dan Thailand adalah sebanyak 23%.


Perkembangan pengeluaran produk hasil laut (makanan beku) ini akan memberikan potensi yang baik dalam jangka masa panjang untuk meningkatkan lagi sosioekonomi di kawasan Tanjung Gemok terutamanya produk-produk IKS, peluang pekerjaan, dan sumber pendapatan nelayan.

Rajah 3.32: Taraf Pemasaran Produk Industri.



Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

Rajah 3.33: Pemasaran Produk Industri Perikanan Tanjung Gemok.




Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

Hampir 74,000 tan metrik hasil laut yang dinaikkan di jeti-jeti sekitar Tanjung Gemok yang memberi pulangan hampir RM 100 juta. Secara tidak langsung ini menyumbangkan kepada peningkatan ekonomi dan pendapatan penduduk setempat dan kerajaan.

- **Jenis Lesen**

Setiap industri di Tanjung Gemok mempunyai lesen-lesen mengikut jenis industri yang diusahakan. Lesen untuk pendaratan ikan paling banyak dikeluarkan oleh Majlis Daerah Rompin iaitu sebanyak 18 unit. Seterusnya ialah Lesen komersial (3), Lesen penjualan minyak (4), Lesen penjualan air batu (2), Lesen memproses hasil laut (6) dan lesen memposes makanan sejuk beku (1). Dengan adanya lesen-lesen ini, pihak berkuasa dapat memantau aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh pengusaha industri dan dalam masa yang sama boleh menambah pendapatan kerajaan melalui cukai yang dikutip.

Rajah 3.34: Bilangan Lesen Mengikut Jenis.



Sumber: Majlis Daerah Rompin dan Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

- **Bilangan Bot**

Perikanan laut pantai telah memberi sumbangan yang besar dan diusahakan oleh nelayan-nelayan tradisional dan nelayan-nelayan komersial yang menggunakan bot bermuatan 70 GRT ke bawah. Bilangan bot-bot perikanan di Tanjung Gemok adalah mengikut zon iaitu jenis A, B, C dan C2. Jumlah bot yang terdapat di sekitar jeti ialah 406 unit. Zon A mempunyai 5 unit dengan kapasiti muatan 3 orang, zon B sebanyak 122 unit dengan kapasiti 4 orang, zon C 143 unit dengan kapasiti 5 orang dan zon C2 sebanyak 136 unit dengan kapasiti 8 orang. Ini menunjukkan nelayan lebih banyak menggunakan bot C berbanding bot-bot lain.

Jadual 3.24: Bilangan Bot Mengikut Jenis.

Zon	Jenis Bot	Jarak *(bn-batu nautika)	Bilangan Bot
A	0 – <40 GRT	0 – 5 bn	5
B	0 – <40 GRT	5 – 12 bn	122
C	40 – <70 GRT	12 – 30 bn	143
C2	70 GRT & keatas	30 bn hingga sempadan ZEE	136
		Jumlah	**406**

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

6. KEMUDAHAN SOKONGAN INDUSTRI

Terdapat dua buah rumah panjang sebagai **asrama pekerja** asing di Tanjung Gemok. Kebanyakan pekerja yang terlibat dengan industri perikanan akan tinggal di dalam bot – bot nelayan kerana terdapat syarat yang dikenakan ke atas mereka di mana mereka tidak dibenarkan untuk pergi jauh daripada 5 km dan meninggalkan bot.

Terdapat 10 industri yang mempunyai **jeti pendaratan ikan** masing-masing bagi memudahkan nelayan memunggah hasil laut terus ke darat.

Tiada **tempat letak lori (TLL)** yang terancang di kawasan industri di sepanjang pesisir pantai selain daripada dataran berhampiran. Kebanyakan lori-lori diparkir di bangsal-bangsal berhampiran dengan jeti.

Lokasi kemudahan sokongan pekerja seperti penempatan pekerja dan penggunaan tandas / bilik mandi yang tidak terancang telah menyebabkan penurunan kualiti air di mana **air kumbahan dan sisa industri tidak dirawat** dan akan mengalir terus ke laut.

Terdapat kepelbagaian produk yang berasaskan hasil laut di sekitar kawasan Tanjung Gemok. Namun begitu, masih belum terdapat **pusat pemasaran setempat** untuk produk Industri.

B. PROSPEK DAN CABARAN

Secara keseluruhannya, penemuan cabaran dan prospek bagi sektor industri adalah seperti berikut:

Jadual 3.25: Senarai Prospek dan Cabaran Industri.

LOKASI	CABARAN	PROSPEK
Keseluruhan Tanjung Gemok.	Kekurangan daripada kalangan bumiputera untuk melibatkan diri sepenuhnya dalam industri yang berkaitan perikanan.	Mempertingkatkan taraf sosioekonomi masyarakat bumiputera khususnya serta melahirkan lebih ramai tenaga mahir, berkualiti dan produktif bagi memenuhi keperluan industri tempatan.
Sekitar Kampung Selancar, Kampung Gading dan pesisir Sungai Endau.	Kekurangan tapak pembuangan sisa industri yang sedia ada dan kekurangan bekalan air bagi menjalankan aktiviti perindustrian.	Pengagihan bekalan air mencukupi bagi memenuhi permintaan melalui perancangan yang berkesan serta penyediaan Sistem Pengurusan Sisa Pepejal secara menyeluruh dan perkhidmatan sisa terjadual secara cekap dan berkesan.
Sekitar Kampung Selancar.	Keadaan semasa rangkaian jalan raya yang kurang memuaskan. Jalan yang ada tidak diturap sepenuhnya.	Jalan-jalan tersedia memberikan aksesibiliti yang baik.
Sekitar Kampung Selancar, Kampung Gading dan pesisir Sungai Endau.	Penempatan pekerja industri dan nelayan tidak disediakan dengan baik. Ada yang hanya menetap di dalam bot dan ada yang membina rumah setinggan sekitar kawasan industri.	Kawasan perumahan berhampiran boleh dibangunkan sebagai asrama pekerja yang mempunyai kemudahan lengkap dan tersusun serta mengikut syarat-syarat oleh agensi kerajaan untuk keselamatan dan keselesaan pekerja.
Sekitar Kampung Selancar, Kampung Gading dan pesisir Sungai Endau.	Masalah pencemaran alam sekitar seperti pencemaran udara akibat lori keluar masuk di jalan yang tidak diturap dan pencemaran air yang disalurkan oleh industri.	Pemantauan berkala oleh agensi yang terlibat dengan alam sekitar supaya pencemaran dapat dikurangkan.
Sekitar Kampung Selancar, Kampung Gading dan pesisir Sungai Endau.	Masalah sosial pekerja apabila penempatan pekerja tidak ditempatkan di satu kawasan untuk memudahkan pemantauan	Aktiviti penyediaan rumah pekerja mengikut negara asal berpotensi mengurangkan masalah sosial warga asing.

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

3.5 PERIKANAN DAN MARITIM

A. RUMUSAN PENEMUAN

- Sektor perikanan merupakan salah satu sektor ekonomi yang penting kepada negara.
- Sektor ini telah memainkan peranan sebagai penyumbang sumber protein termurah.
- Selain itu sektor ini juga telah membantu dalam pertumbuhan dan perkembangan industri huluan dan hiliran yang berasaskan sumber perikanan, seperti industri membuat bot, perkakas menangkap ikan, memproses ikan, mengilang ikan dan hasil perikanan serta restoran makanan laut.
- Pengeluaran ikan dalam negara juga telah dapat mengurangkan jumlah ikan yang terpaksa diimport untuk keperluan rakyat.
- Pada masa yang sama pengeksportan ikan dan hasil perikanan ke luar negara telah menyumbang kepada pendapatan negara melalui tukaran wang asing.
- Tanjung Gemok merupakan pusat pendaratan ikan dan hasil laut kedua terbesar di mana produk hasil lautnya dieksport ke luar kawasan.
- Aktiviti perikanan merupakan salah satu pekerjaan bagi menjana pendapatan penduduk setempat.
- Hasil tangkapan akan diedarkan dan dijual di pasar mini, pasar awam dan kawasan-kawasan yang mempunyai permintaan terhadap hasil laut.

1. PERIKANAN LAUT

Di Tanjung Gemok, aktiviti utama sektor perikanan ialah perikanan laut pantai. Sumber perikanan di dalam perairan Malaysia dibahagikan kepada dua, iaitu laut pantai dan laut dalam. Laut pantai merupakan perairan dari pantai sehingga 30 batu nautika manakala laut dalam melepasi 30 batu nautika dari pantai. Terdapat beberapa jenis produk yang dikeluarkan oleh pengusaha-pengusaha jeti.

Hasil kajian lapangan mendapati, aktiviti industri utama yang dijalankan di Mukim Endau khususnya di Tanjung Gemok terdiri daripada **Industri Ringan dan Industri Sederhana**.

Berikut adalah aktiviti industri yang dijalankan :

01 Penjualan ikan segar.

02 Memproses hasil laut.

03 Pemasaran produk beku.

04 Pemasaran produk perikanan.



Foto: Penjualan ikan segar



Foto: Produk sejuk beku

Produk perikanan yang dihasilkan:

i. Keropok keping dan keropok lekor.
ii. Isi ikan (surimi atau fish cake/fish ball).



Foto: Produk perikanan yang dihasilkan

JETI TANJUNG GEMOK SEBAGAI TEMPAT PUSAT PENDARATAN IKAN

- Pusat pengumpulan hasil laut dan jeti-jeti pendaratan ikan tertumpu di pesisiran Sungai Endau (bahagian barat Tanjung Gemok).
- Jeti Pendaratan Ikan Tanjung Gemok diisytiharkan sebagai pusat pendaratan ikan bagi nelayan seluruh Rompin oleh Lembaga Kemajuan Perikanan Malaysia (LKIM) yang membolehkan nelayan menerima insentif pendaratan.
- Pendaratan ikan perlu dibuat di Kompleks LKIM dan insentif akan diberikan kepada nelayan yang menurunkan ikan di tempat tersebut.
- Melalui pengisytiharan ini, ia dapat memastikan tidak wujud lagi masalah dalam penjualan ikan membabitkan orang tengah yang sering mengaut keuntungan sehingga menyebabkan timbul masalah bekalan dan harga ikan yang tinggi,

Perkembangan yang pesat dalam sektor perikanan dapat dilihat daripada jumlah pendaratan ikan, bilangan bot, peralatan menangkap ikan yang lebih canggih seperti pukat tunda dan juga bilangan nelayan.

Terdapat 2 (dua) jenis pengeluaran yang dijual iaitu ikan segar dan produk sejuk beku.

JENIS PENGELUARAN PRODUK :

Jumlah Produk Yang Dijual Mengikut Jenis Pengeluaran (tan metrik)

- ***Ikan Segar =74,108***
- ***Produk Sejuk Beku = 504***

Nota:

Kebiasaannya, pada musim tengkujuh iaitu pada bulan Disember hingga Januari bot nelayan hanya akan keluar ke laut pantai (Zon A). Tiada simpanan stok ikan beku bagi industri hasil laut disebabkan oleh hasil jualan terjual pada tahun yang sama dan tidak dibawa ke tahun berikutnya


Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

Mengikut laporan dari LKIM Rompin, 2019 pada tahun 2018 mencatatkan pendaratan ikan segar sebanyak 40,924,618.40 tan matrik dengan nilai pengeluaran RM 115,405,325.86 berbanding tahun 2017, pendaratan ikan ialah sebanyak 35,049,651.90 tan matrik dengan nilai pengeluaran RM 100,398,006.20. Ini menunjukkan pada tahun 2018 terdapat peningkatan pengeluaran sebanyak 16.76% dengan nilai tambahan RM 15,007,319.60 berbanding tahun 2017 (rujuk Rajah 3.34).

Nota:

Memandangkan ikan merupakan sumber protein penting kepada penduduk tempatan, adalah perlu agar diurus secara mampan. Peruntukan yang mencukupi dan berterusan diperlukan bagi mengurus sumber perikanan agar ianya kekal menyumbang pada tahap tertinggi secara mampan. Permintaan ikan dijangka akan semakin bertambah selari dengan pertambahan penduduk.

Rajah 3.35: Kuantiti dan Nilai Pendaratan Ikan, 2017-2018.



Sumber: LKIM Rompin, 2019

2. BILANGAN BOT MENANGKAP IKAN

Perusahaan perikanan di Tanjung Gemok lebih tertumpu pada perikanan laut pantai iaitu **dalam lingkungan 30 batu nautika dari pantai.** Perikanan laut pantai telah memberi sumbangan yang besar dan diusahakan oleh nelayan-nelayan tradisional dan nelayan-nelayan komersial yang **menggunakan bot bermuatan 70GRT ke bawah**.

Bilangan bot-bot perikanan di Tanjung Gemok adalah mengikut zon iaitu jenis A, B, C dan C2. **Jumlah bot yang terdapat di sekitar jeti ialah 406 unit.** Dari Jadual 3.2.12 didapati bilangan bot menangkap ikan berlesen yang berskala besar adalah di zon C2 iaitu sebanyak 33.5% daripada keseluruhan bot-bot yang ada di Tanjung Gemok dengan kapasiti seramai 8 orang bagi sebuah bot. Jumlah yang kecil ini mungkin disebabkan oleh persaingan dengan jeti Endau, Johor. Tiada bot besar untuk laut dalam di Tanjung Gemok kerana keperluan tangkap ikan laut dalam telah disediakan di Endau, Johor.

Jadual 3.26: Bilangan Bot Menangkap Ikan yang Berlesen.

Zon	Jenis Bot	Jarak (Batu Nautika)	Bilangan bot	Kapasiti (orang/bot)	Peratus (%)
A	0-<40 GRT	0-5 bn	5	3	1.2
B	0-<40 GRT	5-12 bn	122	4	30.0
C	40-<70 GRT	12-30 bn	143	5	35.2
C2	70 GRT & Ke atas	30 bn hingga sempadan ZEE	136	8	33.5
		Jumlah	**406**	**-**	**100.0**

Sumber: LKIM Rompin, 2019







Foto: Bot yang digunakan ketika aktiviti penangkapan ikan

3. STATUS NELAYAN

Nelayan memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan pembangunan dan ekonomi industri perikanan selain membantu bekalan makanan negara agar mencukupi. Status nelayan yang berada di Tanjung Gemok terdiri daripada warganegara dan bukan warganegara menjadikan jumlah bilangan nelayan yang menjalankan aktiviti penangkapan ikan adalah seramai 3,589 orang secara keseluruhannya. Nelayan tempatan masih mendominasi tenaga kerja sektor ini dimana sebanyak 61.9% daripada jumlah keseluruhan nelayan di Tanjung Gemok merupakan warganegara Malaysia. Selain itu, bilangan nelayan warga asing mencatatkan jumlah sederhana iaitu sebanyak 38.1% daripada jumlah keseluruhan.

Rajah 3.36: Bilangan Nelayan yang Bekerja Di Atas *Vessel* yang Berlesen.



Sumber: Kajian Lapangan RKK Tanjung Gemok, 2019

Tambahan, terdapat seramai 297 orang nelayan warganegara yang berdaftar dengan Persatuan Nelayan PNK Tanjung Gemok manakala tiada keahlian direkodkan bagi nelayan bukan warganegara. Ini menunjukkan nelayan yang bukan warganegara tidak dibenarkan mendaftar dengan persatuan.

Jadual 3.27: Bilangan Nelayan yang Berdaftar dengan Persatuan Nelayan PNK Tanjung Gemok.

Status Nelayan	Bilangan (orang)
Warganegara	297
Bukan Warganegara	-
Jumlah	**297**

Sumber: LKIM Rompin, 2019




Foto: Nelayan yang terdiri daripada warganegara dan bukan warganegara

4. KOMPLEKS PENDARATAN IKAN

Kerajaan telah membina pusat-pusat pendaratan seperti kompleks perikanan, pusat pemasaran, pusat jualan pangkalan dan jeti yang baru bagi menghindarkan para nelayan daripada mendaratkan hasil tangkapan dan berurus niaga dengan orang tengah.

Pada tahun 2018, pendaratan yang dilakukan di Kompleks Tanjung Gemok adalah sebanyak 40,924,618.40 tan metrik jumlah pendaratan yang tinggi berbanding Kompleks Endau dengan jumlah pendaratan sebanyak 4,281,871.80 tan metrik. Di Kompleks Nenasi jumlah pendaratan ikan sebanyak 885,776.77 tan matrik.

Nota:

Ini menunjukkan nelayan-nelayan lebih banyak mendaratkan hasil-hasil tangkapan mereka di jeti Tanjung Gemok berbanding di Endau dan Nenasi. Jumlah penangkapan ikan meningkat di Tanjung Gemok disebabkan permintaan yang tinggi dari pasaran luar termasuk luar dan dalam negara seperti di Singapura.

Jadual 3.28: Jumlah Pendaratan Ikan Mengikut Kompleks, 2018.

Kompleks	Laut Pantai			Peratus (%)
	Kuantiti (m.t)	Purata Harga (RM)	Nilai (RM juta)	
Tanjung Gemok	40,924,618.40	2.82	115,405,325.86	88.8
Nenasi	885,776.77	5.42	4,801,853.72	1.9
Endau	4,281,871.80	4.13	17,684,130.53	9.3
Jumlah	**46,092,266.97**	**-**	**137,891,310.11**	**100.0**

Sumber: LKIM Endau 2019, LKIM Nenasi 2019, LKIM Rompin 2019

5. PERUNTUKAN SUBSIDI MINYAK

Dalam usaha meningkatkan taraf hidup masyarakat nelayan, kementerian menerusi LKIM telah memperkasakan projek minyak dengan memberi subsidi kepada nelayan-nelayan yang memerlukan. Terdapat 2 (dua) jenis subsidi minyak iaitu:

a) Subsidi minyak petrol

- Pada April 2019, PNK Rompin telah menyediakan peruntukan sebanyak 101,920 liter minyak petrol sebulan pada 112 *vessel* yang menggunakan perkakasan tangkapan bubu, pancing, pukat bakul dan pukat hanyut bagi zon A. Berbanding penggunaan sebenar hanya 16,330 liter.
- *Vessel* yang menggunakan pukat hanyut lebih banyak menggunakan minyak petrol iaitu sebanyak 103 unit.
- Kadar penggunaan petrol berbanding subsidi yang diberikan adalah sangat rendah iaitu hanya 16.02%.

b) Subsidi minyak diesel

- Terdapat 361 *vessel* yang menggunakan minyak diesel bagi zon A, B, C dan C2.
- Pihak PNK Rompin telah menyediakan peruntukkan sebanyak 5,662,000 liter sebulan minyak diesel kepada nelayan. Berbanding penggunaan sebenar hanya 3,611,803.80 liter iaitu penggunaan sebanyak 63.79%.
- *Vessel* yang menggunakan pukat tunda lebih banyak menggunakan minyak diesel iaitu sebanyak 140 unit bagi zon C.
- menunjukkan *vessel* yang terdapat di Tanjung Gemok lebih banyak menggunakan minyak diesel berbanding minyak petrol kerana harganya lebih murah.

Jadual 3.29: Bilangan *Vessel* yang Menggunakan Minyak Petrol.

Zon	Perkakasan Tangkapan	Bilangan *Vessel*	Kuota Bulanan (liter)	Penggunaan Sebenar (liter)
A	Bubu	2	1,300.00	435.00
A	Pancing	6	3,120.00	0.00
A	Pukat Bakul	1	1,170.00	450.00
A	Pukat Hanyut	103	96,330.00	15,445.00
Jumlah		**112**	**101,920.00**	**16,330.00**

Sumber: LKIM Rompin, 2019



Foto : Badan yang berwajib menyalurkan peruntukan subsidi minyak yang diberi kepada nelayan

Jadual 3.30: Bilangan *Vessel* yang Menggunakan Minyak Diesel.

Zon	Perkakasan Tangkapan	Jenis Bot	Jarak (Batu Nautika)	Bilangan *Vessel*	Kuota Bulanan (liter)	Penggunaan Sebenar (liter)
A	Menunggu Peranti-peranti Ikan	0-<40 GRT	0-5 bn	1	1,500.00	1,500.00
A	Pancing	0-<40 GRT	0-5 bn	4	13,000.00	5,663.00
A	Pukat Hanyut	0-<40 GRT	0-5 bn	13	34,500.00	9,447.00
A	Pukat Jerut Bilis	0-<40 GRT	0-5 bn	1	15,000.00	7,387.00
A	Pukat Tangguk	0-<40 GRT	0-5 bn	1	3,000.00	0.00
B	Pukat Jerut Ikan	5-12 bn	5-12 bn	1	6,000.00	1,000.00
B	Pukat Tunda	5-12 bn	5-12 bn	102	1,567,000.00	1,047,338.80
C	Menunggu Peranti-peranti Ikan	40-<70 GRT	12-30 bn	8	18,500.00	14,000.00
C	Pancing	40-<70 GRT	12-30 bn	1	10,000.00	10,000.00
C	Pukat Jerut Bilis	40-<70 GRT	12-30 bn	2	27,000.00	9,455.00
C	Pukat Jerut Ikan	40-<70 GRT	12-30 bn	21	285,000.00	234,021.00
C	Pukat Tunda	40-<70 GRT	12-30 bn	140	2,865,000.00	2,274,992.00
C2	Menunggu Peranti-peranti Ikan	70 GRT & Ke atas	30 bn hingga sempadan ZEE	32	99,500.00	0.00
C2	Pukat Jerut Ikan	70 GRT & Ke atas	30 bn hingga sempadan ZEE	28	572,000.00	0.00
C2	Pukat Tunda	70 GRT & Ke atas	30 bn hingga sempadan ZEE	6	144,000.00	0.00
			Jumlah	**361**	**5,662,000.00**	**3,611,803.80**

Sumber: LKIM Rompin, 2019

6. SENARAI PEMEGANG LESEN

Jeti Pendaratan Ikan Tanjung Gemok merupakan salah satu pusat pendaratan ikan terbesar di Pahang dengan pelbagai kemudahan infrastruktur kepada nelayan seperti pusat pendataran, penyimpanan, pemprosesan, pemasaran dan bekalan input yang lengkap dan efisien bagi menyokong pembangunan industri perikanan di negeri ini.

Terdapat 22 jeti di Tanjung Gemok yang mempunyai lesen untuk perniagaan daripada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia. Senarai pengusaha-pengusaha jeti adalah seperti di bawah:

Jadual 3.31: Senarai Pemegang Lesen yang Dikeluarkan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia bagi Tanjung Gemok (2018).

Bil	No. Lesen	Nama pemegang lesen	Alamat	Jenis perniagaan
1.	L-12734	Mayfresh Frozen Sea Products Sdn. Bhd	Jalan Feri Lama, Kg Tg Gemok	• Jeti pendaratan ikan. • Memproses hasil laut. • Gudang penyimpanan
2.	L-12571	Kumpulan Jana Satu Sdn. Bhd (Nng Hong Mooi)	Sublot 1/1, Jeti Pendaratan Ikan, Kg Tg Gemok	• Penjualan diesel
3.	Tiada rekod	Hun Seng Trading	Sublot 2/1, Jeti Pendaratan Ikan, Kg Tg Gemok	• Jeti pendaratan ikan
4.	L-12569	Prospect Docky Sdn. Bhd (Ng Hong Huat)	Sublot 3/1, Jeti Pendaratan Ikan, Kg Tg Gemok	• Penjual diesel
5.	L-12698	Telok Gading Fishery (Pang Yoke Soon)	Sublot 1/13, Jeti Pendaratan Ikan, Kg Tg Gemok	• Jeti pendaratan ikan
6.	L-19264	Hai Lee Hong Fishery Sdn. Bhd	Sublot 2/13, Jeti Pendaratan Ikan, Kg Tg Gemok	• Jeti pendaratan ikan • Memproses hasil laut
7.	Tiada rekod	Lian Soon Fishery Trading	Sublot 2, Jeti Pendaratan Ikan, Kg Tg Gemok	• Jeti pendaratan ikan
8.	L-16303	Timurikan Terengganu Sdn. Bhd	Sublot 4, Jeti Pendaratan Ikan, Kg Tg Gemok	• Jeti pendaratan ikan
9.	L-17108/ L-17197	Seng Fu Trading Sdn. Bhd	Sublot 5, Jeti Pendaratan Ikan, Kg Tg Gemok	• Jeti pendaratan ikan • Memproses hasil laut • Penjualan diesel

Jadual 3.31: Senarai Pemegang Lesen yang Dikeluarkan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia bagi Tanjung Gemok (2018)…. (Sambungan)

Bil	No. Lesen	Nama pemegang lesen	Alamat	Jenis perniagaan
10.	L-17553	Atong Fishing Sdn Bhd (Cheng Chor Tong)	Sublot 6, Jeti Pendaratan Ikan, Kg Tg Gemok	• Jeti pendaratan ikan • Memproses hasil laut • Gudang penyimpanan
11.	Tiada rekod	Atong Fishing Sdn Bhd (Cheng Thee How)	Sublot 7, Jeti Pendaratan Ikan, Kg Tg Gemok	• Jeti pendaratan ikan
12.	L-19767	Syarikat Lian Hup Fishery Sdn. Bhd	Sublot 8, Jeti Pendaratan Ikan, Kg Tg Gemok	• Jeti pendaratan ikan
13.	Tiada rekod	Lee Cheng Hwee	Sublot 9, Jeti Pendaratan Ikan, Kg Tg Gemok	• Jeti pendaratan ikan
14.	L-12407	Perikanan Seri Tanjung	Sublot 10, Jeti Pendaratan Ikan, Kg Tg Gemok	• Jeti pendaratan ikan
15.	Tiada rekod	Choon Huat Fish Dealer	Sublot 11, Jeti Pendaratan Ikan, Kg Tg Gemok	• Jeti pendaratan ikan
16.	L-12570 (2016)	Wen Bao Fishery Sdn. Bhd (Heng Juh Uci)	Sublot 14, Jeti Pendaratan Ikan, Kg Tg Gemok	• Penjual diesel
17.	L-16304	Timurikan Terengganu Marine Products Sdn. Bhd	Sublot 15, Jeti Pendaratan Ikan, Kg Tg Gemok	• Memproses hasil laut • Gudang penyimpanan
18.	L-12409	Rompin Fishery Sdn. Bhd (Chia Hoo Tong)	Sublot 16, Jeti Pendaratan Ikan, Kg Tg Gemok	• Jeti pendaratan ikan • Memproses hasil laut • Gudang penyimpanan
19.	L-16712	Guan Rompin Utama Entrp (Heng Loon Peng)	Sublot 17 , Jeti Pendaratan Ikan, Kg Tg Gemok	• Jeti pendaratan ikan
20.	Tiada rekod	Timurikan Terengganu Sdn. Bhd	Sublot 18 , Jeti Pendaratan Ikan, Kg Tg Gemok	• Jeti pendaratan ikan
21.	Tiada rekod	Timurikan Terengganu Sdn. Bhd	Sublot 19 , Jeti Pendaratan Ikan, Kg Tg Gemok	- Jeti pendaratan ikan
22.	L-17037 (2018)	Perikanan Hap Huat Sdn. Bhd	Sublot 20 , Jeti Pendaratan Ikan, Kg Tg Gemok	- Jeti pendaratan ikan - Memproses hasil laut - Gudang penyimpanan

Sumber: Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (2018)

7. MARITIM

Daerah Kuantan merupakan Pangkalan ke-3 Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) di Wilayah Timur. Tujuan pangkalan ini dibina bagi memastikan kawalan keselamatan di perairan negara berada di tahap optimum. Kawalan keselamatan yang dibuat di sekitar perairan Pahang perlu diperketatkan lagi bagi mengurangkan kadar jenayah. Ini kerana terdapat banyak bot-bot nelayan dari luar terutamanya dari Vietnam dan Indonesia yang sering masuk ke perairan Malaysia untuk menangkap ikan secara besar-besaran. Ini boleh menyebabkan bekalan ikan negara berkurangan dan memerlukan mengimport bekalan dari negara luar seperti Indonesia dan Thailand.

Pihak Maritim memiliki 5 unit bot peronda jenis Inshore Patrol Craf (PA Class) yang berpusat di pangkalan Kuantan. Kekurangan aset bot peronda dan tidak memiliki teknologi yang tinggi menyukarkan pihak Maritim menjalankan tugas dalam membentras jenayah.

Pihak Maritim menggunakan kapal peronda jenis Inshore Patrol Craf (PA Class). Spek bot adalah seperti di Jadual 3.32:

Jadual 3.32: Spek Bot Jenis I*nshore Patrol Craf* (PA Class).

Perkara	Ciri-ciri
Kapal	PA Class
Asal	Jerman/Malaysia
Panjang	14.8 meter
Beam	2.7 meter
Draf	0.8 meter
Kelajuan	30 knot (60 km/jam)

Sumber: www.drnik.com.my


Jenayah-jenayah yang sering dilakukan ialah seperti berikut:

i. Penyeludupan minyak subsidi.
ii. Penyeludupan haiwan eksotik.
iii. Penyeludupan pendatang asing terutamanya dari Vietnam, Myanmar dan Kemboja.



Foto : Bot peronda jenis PA yang digunakan untuk membuat rondaan

Sumber: Agensi Penguatkuasaan Maritim Kuantan, 2019



TAJUK

Rajah 3.37
Taburan Kompleks Dan Jeti LKIM Negeri Pahang


PETUNJUK:

1	Seng Fu Trading Sdn. Bhd
2	Atong Fishing Sdn Bhd
3	Syarikat Lian Hup Fishery Sdn. Bhd
4	Perikanan Seri Tanjung
5	Choon Huat Fish Dealer
6	Telok Gading Fishery
7	Hai Lee Hong Fishery Sdn. Bhd
8	Guan Rompin Utama Entrp
9	Rompin Fishery Sdn. Bhd
10	Timurikan Terengganu Sdn. Bhd
11	Kompleks Jeti Persatuan Nelayan
	Bangunan Industri

Lain-lain :

- Jalan raya
- Sungai
- Laut
- Sempadan Negeri
- Sempadan Rancangan Kawasan Khas (RKK)

Sumber: Majlis Daerah Rompin dan Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019



TAJUK

Rajah 3.38
Pelan Terperinci Taburan Kompleks Dan Jeti LKIM Negeri Pahang

PETUNJUK:

1	Seng Fu Trading Sdn. Bhd
2	Atong Fishing Sdn Bhd
3	Syarikat Lian Hup Fishery Sdn. Bhd
4	Perikanan Seri Tanjung
5	Choon Huat Fish Dealer
6	Telok Gading Fishery
7	Hai Lee Hong Fishery Sdn. Bhd
8	Guan Rompin Utama Entrp
9	Rompin Fishery Sdn. Bhd
10	Timurikan Terengganu Sdn. Bhd
11	Kompleks Jeti Persatuan Nelayan
	Bangunan Industri

Lain-lain :
- Jalan raya
- Sungai
- Laut
- Sempadan Negeri
- Sempadan Rancangan Kawasan Khas (RKK)

Sumber: Majlis Daerah Rompin dan Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

B. PROSPEK DAN CABARAN

Secara keseluruhannya, penemuan cabaran dan prospek bagi sektor perikanan dan maritim adalah seperti berikut:

Jadual 3.33: Senarai Prospek dan Cabaran Sektor Perikanan dan Maritim.

LOKASI	CABARAN	PROSPEK
Jeti-jeti pendaratan ikan.	Jeti di Tanjung Gemok adalah berlesen iaitu mengikut lesen pendaratan ikan, lesen minyak dan lesen air batu. Namun, struktur bangunan bagi pemprosesan di jeti adalah tidak berlesen. Ini berpunca daripada pihak pengusaha kilang yang mendirikan struktur kekal bagi bangunan tersebut yang tidak mendapat kelulusan dari pihak PBT. Lesen hanya diberikan kelulusan bagi jeti pendaratan ikan sahaja.	Pihak PBT boleh menjalankan pemutihan ke atas industri perikanan di Tanjung Gemok.
Pasar Awam Tanjung Gemok.	Terdapat persaingan pasaran hasil laut antara Tanjung Gemok dan kawasan sekitar seperti di pasar Endau, Johor. Di atas faktor kepelbagaian tawaran hasil laut dan keperluan asas yang lain.	Menggalakkan penternakan ikan secara komersil bagi mempertingkatkan pendapatan nelayan.
Persisiran Sungai Endau.	Produk-produk yang dikeluarkan oleh penduduk tempatan yang kurang dipasarkan.	Mewujudkan pusat penjualan serta mengumpulkan pelbagai produk hasil Rompin tanpa melalui orang tengah dan dijadikan sebagai tarikan pelancong.
Jeti ke Pulau Tioman.	Keperluan air pasang untuk kapal atau bot berlayar dengan bacaan 1.8>. Tiada zon penampan ombak di muka kuala Tanjung Gemok melambatkan perjalanan disebabkan ombak yang tinggi. Hakisan boleh berlaku di dinding-dinding sungai dan pantai ketika musim tengkujuh.	Membina benteng pemecah ombak bagi memperlahankan kelajuan ombak, memudahkan pergerakan kapal dan bot nelayan di muara Sungai Endau.

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

3.6 PELANCONGAN

A. RUMUSAN PENEMUAN

Tanjung Gemok dilihat mempunyai potensi pelancongan yang kukuh selari dengan hala tuju pembangunan RKK sebagai Hab Pelancongan dan Pusat Perkhidmatan yang maju dan selesa selaras dengan peranan sebagai *Entry Point* ke Pulau Tioman. Di samping itu, impak kekuatan tarikan dan pembangunan pelancongan Daerah Mersing yang menekankan pelancongan pantai, kepulauan dan alam semula jadi telah mempengaruhi pembangunan Tanjung Gemok.

Jika dilihat dari konteks pelancongan Mersing (terutama kawasan bersempadanan Endau – Pantai Penyabong), Tanjung Gemok tidak begitu membangun seiring dengan kawasan sempadannya. Walau bagaimanapun pembangunan daerah sempadan ini boleh menyokong dan saling melengkapi Tanjung Gemok.


Keadaan ini memberi *added value* kepada Tanjung Gemok untuk menjadi pekan pertama dikunjungi sebagai pintu masuk ke Negeri Pahang.

Rajah 3.39: Kedudukan Tanjung Gemok dalam Kluster EkoPelancongan Tioman – Rompin – Endau.




Sumber: Pelan EkoPelancongan Kebangsaan (2016-2025)

a) Perbandingan Jumlah Pelancong Melalui JETI TANJUNG GEMOK vs JETI MERSING (2018)



Jumlah Pelancong Mengikut Jeti pada Tahun 2018



Sumber: 1. Jabatan Laut Mersing, 2019
2. Jabatan Laut Wilayah Timur, 2019


Faktor penumpang Jeti Mersing lebih tinggi berbanding Jeti Tanjung Gemok:

1) Feri di Terminal Penumpang Tanjung Gemok dihentikan operasi berikutan lautan bergelora manakala perkhidmatan feri di Mersing tertakluk kepada arahan pemberhentian operasi dari masa ke semasa oleh Jabatan Meteorologi.
2) Kekerapan perkhidmatan trip perjalanan.
3) Pembangunan kawasan sekitar Bandar Mersing yang lebih tersusun, lengkap dengan kemudahan infrastruktur dan pelancongan.
4) Walau bagaimanapun, potensi Jeti Tanjung Gemok boleh dibangunkan dengan meningkatkan kemudahan asas yang efisien dari segi infrastruktur dan tempat letak kereta.

b) Perbandingan Kedatangan Pelancong ke Rompin dan Pulau Tioman Mengikut Tahun


- **Rajah 3.40** menunjukkan kedatangan pelancong lebih tinggi di Pulau Tioman berbanding Rompin.
- Pelancong ke Pulau Tioman disebabkan tarikan destinasi antarabangsa dan nasional dan juga Pulau Tioman merupakan ikon negeri Pahang
- Pulau Tioman juga merupakan antara pulau yang meletakkan nama ASEAN di mata dunia

Rajah 3.40: Perbandingan Kedatangan Pelancong ke Rompin dan Pulau Tioman.



Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

Rajah 3.41: Kedatangan Pelancong Mengikut 17 Negara Tertinggi.




Sumber: Lembaga Pembangunan Tioman (TDA), 2019

Jadual 3.34: Rumusan Kedatangan Pelancong ke Pulau Tioman.

Tahun	Jeti Tg.Gemok*		Jeti Mersing**	Jeti Tg. Gemok (masuk) + Jeti Mersing	Pelancong Tioman (Data TDA)	Beza Pelancong (Jeti vs TDA)
	Masuk	Keluar				
2016	64,429	81,681	Tiada Data	-	249,300	249,300
2017	115,185	119,383	Tiada Data	-	263,291	263,291
2018	93,072	181,308	173,804	266,876	256,064	10,812

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019


c) Rumusan Perbandingan Tanjung Gemok dan Kawasan Bersempadanan (Mersing)




Segmen Pelancong

- **Pelancong DOMESTIK adalah merupakan pasaran utama pelancong ke Pulau Tioman (65%)**
- Manakala, pelancong **SINGAPURA merupakan pelancong yang tertinggi bagi pelancong ANTARABANGSA**
- Perkhidmatan bot untuk ke pulau lain seperti Pulau Rawa mempunyai bot persendirian
- Kebanyakan pelancong hanya menginap selama 3 hari 2 malam di Pulau Tioman dan hanya bertumpu kepada aktiviti rekreasi air dan marin

d) Unjuran Kedatangan Pelancong ke Tanjung Gemok/ Mersing



PRODUK PELANCONGAN DI TANJUNG GEMOK



PRODUK TEMPATAN

Bubu Ikan
Pengusaha : Yusof Bin Ibrahim
Tel : 013 - 2231921

Produk Laut Sejuk Beku
Pengusaha : End Town Trading
Tel : 012- 7343622
Emel : endtown1@gmail.com

Hasil Laut dan Makanan
Pengusaha: ZDUE Enterprise
(Fauzimas Binti Osman)
Tel: 013-9005668

Makanan
Pengusaha: Perusahaan Az Setia
(Fatimah Binti Idris)
Tel: 019-9814313

MAKANAN TEMPATAN DI TANJUNG GEMOK


Foto: Gulai lemak udang di Warung Manggis terletak di Jalan Tanjung Pahang


Foto: Kuih bakar dan kuih dagai yang dikatakan popular di Tanjung Gemok.




Foto: Perusahaan keropok lekor Sarang Tiong


Foto: Ikan celup tepung di Pantai Tg. Pahang


Foto: Nasi Dagang Bonda


Foto: Pulut panggang salah satu kuih popular di Tg. Gemok

EKO PELANCONGAN

i. Aktiviti memukat udang di Pesisir Pantai Tanjung Pahang tidak mengira musim
ii. Melihat pemandangan fajar dan senja











KEMUDAHAN PENGINAPAN



RUMAH INAP

Definisi Homestay - membolehkan pelancong yang tak pernah merasai pengalaman duduk di kawasan kampung / desa bersama-sama dengan penduduk serta merasi aktiviti harian mereka.

Definisi Rumah Inap – Sebuah rumah persendirian yang menawarkan penginapan kepada tetamu tanpa tuan rumah.

Jadual 3.35: Senarai Rumah Inap di Kawasan RKK Tanjung Gemok.

Bil.	Nama Rumah Inap	Warganegara pemilik Homestay	Jenis Rumah	Bilangan Bilik	Status Berdaftar (MOTAC)
1.	Rumah Inap Rayyan	Warganegara	Semi-D (2 Buah)	4 Bilik	Tidak
2.	Rumah Inap MK Boutique	Warganegara	Semi-D	4 Bilik	Tidak
3.	Quan Homestay	Warganegara	Semi-D	3 Bilik	Tidak
4.	Quan Homestay	Warganegara	Rumah Sesebuah	4 Bilik	Tidak
5.	Green Homestay	Warganegara	Teres 2 Tingkat	2 Bilik	Tidak
6.	LKS Homestay	Warganegara	Semi-D	3 Bilik	Tidak
7.	KJ Homestay	Warganegara	Teres	3 Bilik	Tidak
8.	Homestay Tg.Gemuk	Warganegara	Dibina di atas tanah lot	8 Bilik	Berdaftar
9.	Nabella Homestay	Warganegara	Semi-D	4 Bilik	Tidak
10.	Homestay Az Zahra	Warganegara	Rumah Sesebuah	5 Bilik	Tidak
11.	KBK INN Homestay	Warganegara	Dibina di atas tanah lot	10 Bili	Tidak
12.	Kediaman Bersaudara	Warganegara	Rumah Sesebuah	1 Bilik	Tidak
13.	D'Anggerik	Warganegara	Dibina di atas tanah lot (4 Unit)	3 Bilik	Tidak

Sumber: Kajian Lapangan RKK Tanjung Gemok, 2019


KJ Homestay


Rayyan Homestay (2 Buah Rumah)


MK Boutique Homestay


Green Homestay


KBK INN Homestay


Az Zahra Homestay


LKS Homestay


Nabella Homestay


Kediaman Bersaudara


Quan Homestay (2 Buah Rumah)




Homestay Tg Gemok


D'Anggerik Homestay

Foto: Kemudahan Penginapan Homestay

RUMAH INAP

- Rumah Inap yang diusahakan merupakan **100%** milik warganegara
- **Satu (1)** sahaja yang **berdaftar** di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC) (Rumah Inap Tanjung Gemok)
- Pemilik rumah inap digalakkan berdaftar di bawah MOTAC/ PBT kerana berpotensi sebagai tarikan pelancongan di Tanjung Gemok.

HOTEL

Jadual 3.36: Senarai Hotel di Kawasan RKK Tanjung Gemok.

Nama Hotel	Jumlah Bilik	Bintang	Purata Masa Menginap	Kadar RM/ Semalam	Cara Promosi/ Pemasaran
Hotel Jeti Tanjung Gemok	42	3	2	RM 130	Agoda
Hotel Mei Wah	17	1	1	RM 100	Google Maps
Hotel Kong Jing	10	1	1-2	RM 100	Google Maps
Hotel Hico	14	1	2	RM 100	Facebook
Hotel Seri Malaysia	50	3	1-2	RM 100 – RM 280	Traveloka, Agoda, Brochure
Hotel Soon Chin	* Tidak Beroperasi				

Sumber: Kajian Lapangan RKK Tanjung Gemok, 2019



Foto: Kemudahan Penginapan Hotel di Tanjung Gemok

CHALET

Jadual 3.37: Senarai Chalet di kawasan RKK Tanjung Gemok.

Nama Chalet	Jumlah Bilik	Purata Masa Menginap	Waktu Chalet Mendapat Permintaan Yang Tinggi
D' Layak Chalet	9	2-3 hari	Musim cuti, hujung minggu
D' Muara Sri Tanjung Chalet	8	2 hari	Musim cuti


** Nota: Kedua-dua chalet tidak berdaftar*

Sumber: Kajian Lapangan RKK Tanjung Gemok, 2019





Foto: Kemudahan Penginapan Chalet



TAJUK

Rajah 3.42
Taburan Produk Pelancongan Tanjung Gemok

PETUNJUK:

- Lokasi Makan - Makan
- Tapak Karnival
- Produk Tempatan
- Rumah Inap/ Chalet
- Hotel
- Rumah Tradisional
- Memancing
- Memukat Udang

Lain-lain :

- Jalan raya
- Sungai
- Laut
- Sempadan Negeri
- Sempadan Rancangan Kawasan Khas (RKK)

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

B. PROSPEK DAN CABARAN

Secara keseluruhannya, penemuan cabaran dan prospek bagi sektor pelancongan adalah seperti berikut:

Jadual 3.38: Senarai Prospek dan Cabaran Pelancongan.

LOKASI	CABARAN	PROSPEK
Keseluruhan Tanjung Gemok	Produk tempatan yang tidak dipasarkan secara meluas.	• Penghasilan produk berasaskan sumber laut dan pertanian (antara contoh keropok, bebola ikan, ikan masin, udang salai dan sebagainya). • *Rebranding* produk tempatan berasaskan sumber laut yang boleh dieksploitasi untuk pasaran tempatan / luar negara.
	Kawasan kajian masih kurang pusat tarikan pelancongan berbanding dengan kawasan sekitar.	Cadangan pakej pelancongan Tanjung Gemok dan kawasan kajian.
	Tidak signifikan identiti contohnya Daerah Rompin terkenal dengan udang galah.	Mewujudkan identiti Tanjung Gemok melalui makanan, kraftangan, cenderamata dan sebagainya.
	Tanjung Gemok tidak tersenarai di dalam Acara Pelancongan Negeri Pahang / kurang promosi.	Meletakkan Tanjung Gemok sebagai salah satu destinasi tarikan di dalam Kalendar Acara Pelancongan Negeri Pahang.
Pesisir Pantai Tanjung Pahang	Tiada aktiviti pelancongan yang menarik di kawasan pantai.	Pantai Tanjung Pahang merupakan kawasan potensi pelancongan seperti aktiviti memukat , sukan ATV, *boat ride*, bola pantai, berkayak, *board surfing* dan sebagainya.
Kampung Selancar Kampung Tanjung Gemok Kampung Tanjung Pahang Taman Tanjung Pahang Taman Cemerlang 2	Rumah inap yang tidak berdaftar di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC) : • **14 buah Rumah Inap Terlibat (merangkumi 30 unit bagi Rumah Inap Tanjung Gemok dan Rumah Inap KBK Inn di kawasan perkampungan) manakala 12 buah rumah inap merupakan teres perumahan terancang.**	• Potensi program pemutihan kesemua rumah inap didaftarkan di bawah MDR. • Rumah tradisional yang berpotensi untuk didaftarkan sebagai *homestay* di bawah MOTAC – penerapan aktiviti kebudayaan / aktiviti untuk menarik .

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019


3.7 PENGURUSAN ALAM SEKITAR

A. PENEMUAN UTAMA

1. SUHU DAN TABURAN HUJAN

- Tanjung Gemok mengalami Monsun Barat Daya yang bermula April hingga September. Semasa tempoh ini, angin akan bertiup secara konsisten dari arah barat daya. Keadaan atmosfera lazimnya adalah lebih stabil dan sekaligus mengurangkan aktiviti perolakan. Ini menyebabkan taburan hujan yang lebih rendah dan keadaan cuaca lebih panas dan kering.
- Suhu pada musim ini boleh mencapai sehingga 32.4 ° C dengan menunjukkan purata suhu bagi musim Monsun Barat Daya lebih tinggi berbanding Monsun Timur Laut. Dengan taburan hujan yang lebih rendah dan suhu yang tinggi menyebabkan kelangsungan sumber air perlu diberi perhatian.
- Tanjung Gemok juga mengalami Monsun Timur Laut bermula Oktober sehingga Mac. Di mana ia mengalami hujan yang lebih lebat dan akan mencatatkan taburan hujan yang lebih tinggi berbanding bulan-bulan lain. Suhu purata bagi bulan-bulan ini juga rendah.
- Suhu pada musim ini boleh mencapai sehingga 31.4 ° C. Secara keseluruhan, perbezaan taburan hujan adalah 493 mm di antara musim Monsun Timur Laut dan Monsun Barat Daya. Suhu purata berbeza-beza sepanjang tahun sebanyak 1.8 ° C .
- Bagi kawasan kajian, stesen yang berhampiran adalah stesen Kuala Rompin. **Rujuk jadual 3.39 dan rajah 3.43.**

Rajah 3.43: Suhu dan Taburan Hujan Sekitar Kawasan Kuala Rompin.



Sumber : Laporan Tinjauan Cuaca, 2019

Apa Itu??

- ✓ **Monsun Timur Laut** merupakan musim hujan utama negara kita. Sistem cuaca monsun yang terbentuk bersama-sama dengan luruan udara sejuk dari Siberia menghasilkan hujan lebat yang sering menyebabkan banjir besar di negeri-negeri pantai timur iaitu negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor Timur, serta negeri Sarawak di Malaysia Timur.
- ✓ **Monsun Barat Daya** secara relatifnya adalah lebih kering bagi seluruh negara kecuali negeri Sabah di Malaysia Timur. Pada musim ini, kebanyakan negeri mengalami hujan bulanan minimum, biasanya di antara 100 - 150mm. Keadaan ini menunjukkan keadaan atmosfera yang stabil di kawasan khatulistiwa.

Jadual 3.39 : Suhu dan Taburan Hujan Sekitar Kawasan Kuala Rompin.

Parameter	Jan	Feb	Mar	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sep	Okt	Nov	Dis
Purata Suhu (°C)	25.8	26.3	26.8	27.5	27.5	27.1	26.8	26.8	26.7	26.8	26.3	25.7
Suhu Min. (°C)	22.4	22.6	22.5	22.7	22.7	22.4	22.1	22.1	22.0	22.2	22.3	22.4
Suhu Maks. (°C)	29.2	30.1	31.2	32.3	32.4	31.9	31.5	31.5	31.4	31.4	30.3	29.1
Taburan Hujan (mm)	419	243	217	163	149	130	140	127	168	215	377	620

Petunjuk:

Monsun Timur Laut

Monsun Barat Daya

Sumber : Laporan Tinjauan Cuaca, 2019

2. KUALITI AIR SUNGAI

- Sungai utama dalam kawasan kajian adalah Sungai Endau dan Sungai Anak Endau yang mengalir terus ke Laut China Selatan. Sungai Endau merupakan sempadan pemisah antara 2 negeri iaitu Negeri Pahang (Rompin) dan Negeri Johor (Mersing). Manakala terdapat 4 buah anak sungai iaitu Sungai Paya Larat, Sungai Anak Gading, Sungai Nipah dan Sungai Tot / Tap yang terletak di dalam kawasan kajian. Jadual menunjukkan lokasi sungai dengan kawasan berhampiran. **Jadual 3.40 dan rajah 3.44** menunjukkan lokasi lembangan sungai dan kawasan berhampiran.

Jadual 3.40 : Lembangan Sungai.

Lembangan Sungai	Kawasan Berhampiran
Sungai Paya Larat	Taman Wawasan
	Taman Tanjung Gemok
	Taman Cemerlang
Sungai Nipah	Kampung Tanjung Pahang
Sungai Tot/ Tap	Jabatan Kastam
	Jeti Penumpang Tanjung Gemok
Sungai Anak Gading	Kampung Selancur
	Kampung Gading

Sumber: Olahan dari Peta Topografi JUPEM

- Indeks Kualiti Air (IKA) digunakan untuk mengukur tahap pencemaran dan kesesuaian jenis guna air seperti yang digariskan oleh Standard Kualiti Air Negara (**ANNEX**). Bagi memastikan kualiti air sungai adalah bersih dan sesuai untuk kegunaan domestik, kualiti air sungai perlu memenuhi kelas II, *National Water Quality Standards* (NWQS) yang hanya memerlukan rawatan konvensional dan boleh digunakan untuk kegiatan rekreasi yang memerlukan sentuhan badan serta menyokong kepada kehidupan akuatik yang sensitif selain dari memenuhi Garis Panduan Kebangsaan Kualiti Air untuk Minuman (NGDWQ) oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. **Jadual 3.41** menunjukkan kelas kualiti air sungai mengikut indeks kualiti air.

Jadual 3.41: Kelas kualiti air Sungai Mengikut Indeks Kualiti Air dan Penggunaannya.

Kiraan Indeks Kualiti Air (%)	Kelas	Penggunaan	Jenis Rawatan
90 - 100	I	• Kualiti air semula jadi yang baik • Tiada rawatan yang diperlukan, kecuali dengan proses pembasmian kuman • Kehidupan air yang sensitif	• Airnya boleh terus diminum tanpa rawatan
75 - 90	II A	• Rawatan ringan diperlukan • Kehidupan air yang sensitif	• Airnya memerlukan rawatan biasa
	II B	• Penggunaan rekreasi dengan penyentuhan badan	
45 - 75	III	• Rawatan sepenuhnya patut dilakukan	• Air nampak bersih, tidak berbau, tetapi kualitinya tercemar dan orang ramai tidak boleh berenang tetapi boleh berkelah di tebing
20 - 45	IV	• Pengairan	• Tercemar
0 - 20	V	• Tidak sesuai untuk aktiviti yang disebutkan di atas	• Hampir mati

Sumber: Laporan Tahunan Jabatan Alam Sekitar, 2017

Jadual 3.42 : Indeks Kualiti Air Sungai bagi Kelas II.

Parameter	Unit	Kelas Ii
Ammoniacal Nitrogen	mg/1	0.1-0.3
Biochemical Oxygen Demand	mg/1	1-3
Chemical Oxygen Demand	mg/1	10-25
Dissolved Oxygen	mg/1	5-7
pH	-	6-7
Total Suspenbed Solid	mg/1	25-50
Water quality index (WQI)	-	76.5-92.7

Sumber: Laporan Tahunan Jabatan Alam Sekitar, 2017


- Keperluan Oksigen Biokimia (BOD), Ammonia Nitrogen (NH3-N) dan Pepejal Terampai (SS) masih menjadi punca kepada pencemaran air sungai. Jumlah Oksigen Biokimia yang tinggi kerap kali dikaitkan dengan pengolahan sisa kumbahan yang tidak mencukupi, atau akibat pelepasan efluen daripada industri-industri pengilangan dan berasaskan pertanian. Punca utama pelepasan Ammonia Nitrogen dikaitkan dengan aktiviti penternakan dan kumbahan domestik manakala punca utama pembuangan pepejal terampai adalah kerja-kerja tanah yang tidak teratur dan aktiviti pembukaan tanah.
- **Jadual 3.43** menujukkan status kualiti air bagi Sungai Endau dan Sungai Anak Endau pada tahun 2016 dan 2017.

Jadual 3.43: Status Kualiti Air bagi Tahun 2016 dan 2017.

	2016			2017		
Lokasi	**Indeks Kualiti Air (WQI)**	**Kelas**	**Kategori**	**Indeks Kualiti Air (WQI)**	**Kelas**	**Kategori**
Sungai Endau	83	II	B/C	84	II	B/C
Sungai Anak Endau	79	II	ST/SP	80	II	ST/SP

Sumber: Laporan Kualiti Alam Sekeliling, 2017

Rajah 3.44 : Sistem Saliran Semulajadi, 2019.



Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

3. KUALITI AIR MARIN

- Status kualiti air marin dilihat dari aspek Indeks Kualiti Air Marin (IKAM) di mana ia dibangunkan berdasarkan kepada 7 parameter utama iaitu Oksigen Terlarut (DO), Nitrat (NO3), Fosfat (PO4), Ammonia Tidak Terion (NH3), Faecal Coliform, Minyak dan Gris (O&G) dan Jumlah Pepejal Terampai (TSS). Indeks Kualiti Air Marin (IKAM) 90-100 menunjukkan kualiti air marin yang 'terbaik', 80-<90 'baik', 50-<80 'sederhana' manakala <50 menandakan air marin telah 'tercemar'. Rujuk jadual 3.44 menunjukkan klasifikasi Indeks Kualiti Air Marin berdasarkan Laporan Kualiti Alam Sekitar.

Jadual 3.44 : Klasifikasi Indeks Kualiti Air Marin.

Kategori	Unit
Terbaik	90 - 100
Baik	80 - <90
Sederhana	50 - <80
Tercemar	0 - <50

Sumber: Laporan Tahunan Jabatan Alam Sekitar, 2017

- Indeks Kualiti Air Marin Malaysia (IKAM) adalah berdasarkan pendekatan menggunakan teknik Delphi. **Jadual 3.45** menunjukkan kriteria dan piawaian kualiti air marin.

Jadual 3.45 : Kriteria dan Piawaian Kualiti Air Marin.

Parameter	Kelas 1	Kelas 2	Kelas 3	Kelas E
KEGUNAAN	Pemeliharaan, Kawasan Laut dilindungi, Taman Laut	Kehidupan Laut, Perikanan, Terumbu Karang, Rekreasi and Marikultur	Pelabuhan, Lapangan Minyak & Gas	Paya Bakau & Muara Sungai
Suhu (°C)	≤ 2°C peningkatan terhadap ambien maksimum	≤ 2°C peningkatan terhadap ambien maksimum	≤ 2°C peningkatan terhadap ambien maksimum	≤ 2°C peningkatan terhadap ambien maksimum
Oksigen Terlarut (mg/L)	>80% tepu	5	3	4
Jumlah Pepejal Terampai (mg/L)	25 mg/L or ≤ 10% peningkatan dalam purata bermusim, yang mana lebih rendah	50mg/L (25 mg/L) or ≤ 10% peningkatan dalam purata bermusim, yang mana lebih rendah	100 mg/L or ≤ 10% peningkatan dalam purata bermusim, yang mana lebih rendah	100 mg/L or ≤ 30 % peningkatan dalam purata bermusim, yang mana lebih rendah
Minyak dan Gris (mg/L)	0.01	0.14	5	0.14
Merkuri* (μg/L)	0.04	0.16 (0.04)	50	0.5
Kadmium* (μg/L)	0.5	2 (3)	10	2
Kromium (VI) (μg/L)	5	10	48	10
Kuprum (μg/L)	1.3	2.9	10	2.9
Arsenik (III)* (μg/L)	3	20(3)	50	20 (3)
Plumbum (μg/L)	4.4	8.5	50	8.5
Zink (μg/L)	15	50	100	50
Sianida (μg/L)	2	7	20	7
Ammonia (tidak terion) (μg/L)	35	70	320	70
Nitrit (NO2) (μg/L)	10	55	1,000	55
Nitrat (NO3) (μg/L)	10	60	1,000	60
Fosfat (μg/L)	5	75	670	75
Fenol (μg/L)	1	10	100	10
Tributyltin (TBT) (μg/L)	0.001	0.01	0.05	0.01
Faecal coliform*	70 faecal coliform 100mL-1	100 faecal coliform 100mL-1 & (70 faecal coliform 100mL-1)	200 faecal coliform 100mL-1	100 faecal coliform 100mL-1 & (70 faecal coliform 100mL-1)
Polycyclic Aromatic Hydrocarbon (PAHs) μg/L	100	200	1000	1000

Sumber: Laporan Tahunan Jabatan Alam Sekitar, 2017

- Oksigen terlarut (DO) adalah satu keperluan yang penting untuk segala kehidupan marin. DO yang rendah sering terhasil daripada pencemaran organik yang tinggi. Nitrat dan fosfat kedua-duanya pula dikaitkan dengan pencemaran kumbahan serta penggunaan baja. *Faecal Coliform* dan amonia juga dikaitkan dengan pencemaran kumbahan manakala minyak dan gris berpunca terutamanya daripada aktiviti perkapalan dan industri minyak dan gas serta sumber daripada daratan. Jumlah pepejal terampai secara umumnya dikaitkan dengan aktiviti-aktiviti di daratan, terutamanya aktiviti pembangunan dalam bentuk air larian semasa hujan. **Rujuk Jadual 3.46.**

Jadual 3.46 : Indeks Kualiti Air Marin Daerah Rompin bagi Tahun 2017.

Parameter	Unit	Nama Stesen		
		Mmcc020 Pantai Tanjung Batu	Mmce002 Kuala Rompin Kecil	Mmce004 Kuala Nenasi
Suhu	mg/1	30.369	30.233	30.581
Oksigen Terlarut (DO)	mg/1	5.896	6.128	6.515
pH	-	8.205	8.196	8.243
Nitrat (NO3)	µg/L	<10.000	<10.000	<10.000
Fosfat (PO4)	µg/L	<10.000	<10.000	<10.000
Ammonia Tidak Terion (NH3)	µg/L	190	80	70
Faecal Coliform	MPN/100ml	<1.800	4	<1.800
Minyak dan Gris (O&G)	mg/L	<1.000	<1.000	<1.000
Jumlah Pepejal Terampai (TSS)	mg/L	59	14	15
Polycyclic Aromatic Hydrocarbons(PAHs)	µg/L	<5.000	<5.000	<5.000
Unionized Ammonia(NH3)	µg/L	13.695	5.597	5.54

Sumber: Jabatan Alam Sekitar, 2019


- Berdasarkan Laporan Tahunan Alam Sekitar 2017, sebanyak 188 stesen pantai, 88 stesen kuala dan 95 stesen pulau telah dipantau. Sebanyak 752 sampel di kawasan pantai, 352 di kuala dan 380 di pulau telah diambil untuk dianalisis dan hasilnya dilaporkan berdasarkan Indeks Kualiti Air Marin (IKAM).
- Bagi kawasan kajian, stesen lokasi terdekat adalah Pantai Tanjung Batu, Kuala Rompin Kecil dan Kuala Nenasi. Walau bagaimanapun, stesen Kuala Rompin Kecil dan Kuala Nenasi merupakan stesen pemantauan terbaru yang baru bermula pada tahun 2017. **Jadual 3.47** menunjukkan nilai IKAM dan kategori kualiti air marin dari tahun 2015 hingga 2017.

Jadual 3.47: Status Kualiti Air Marin pada Tahun 2015-2017.

Nama Stesen	No Stesen	Nilai Ikam			Kategori
		2015	2016	2017	
Pantai Tanjung Batu	**MMCC020**	83.32	79.29	90.23	Terbaik
Kuala Rompin Kecil	**MMCE002**	-	-	89.04	Baik
Kuala Nenasi	**MMCE004**	-	-	93.96	Terbaik

Sumber: Laporan Tahunan Jabatan Alam Sekitar,2017

Rajah 3.45 : Lokasi Stesen Pemantauan Kualiti Air di Sungai Anak Endau.



Sumber: Jabatan Alam Sekitar, 2019

4. KUALITI UDARA

- Stesen pengawasan kualiti udara bertujuan mengesan sebarang perubahan ketara ke atas kualiti udara yang mungkin memberi kesan berbahaya kepada kesihatan dan alam sekitar. Status kualiti udara dikenal pasti berdasarkan Indeks Pencemaran Udara (IPU) dikira berdasarkan kepekatan lima bahan pencemar utama iaitu ozon di permukaan bumi, karbon monoksida, nitrogen dioksida, sulphur dioksida dan habuk halus bersaiz kurang dari 10 mikron. Rujuk **Jadual 3.48** menunjukkan bacaan IPU bagi status kualiti udara.


Jadual 3.48: Status Kualiti Udara (IPU).

IPU	Status Kualiti Udara
0-50	Baik
51-100	Sederhana
101-200	Tidak Sihat
201-300	Sangat Tidak Sihat
> 300	Berbahaya

Sumber: Laporan Kualiti Alam Sekeliling, 2017
: Air Pollutant Index of Malaysia (APIMS), 2019

- Secara keseluruhan, Kualiti udara di Pantai Timur Semenanjung Malaysia (Negeri Pahang, Negeri Terengganu, Negeri Kelantan dan timur Negeri Johor) kekal berstatus baik dan sederhana pada kebanyakan masa, dan tiada kawasan yang mencatatkan status kualiti udara tidak sihat sepanjang tahun 2017. Status kualiti udara di Pantai Timur Semenanjung Malaysia secara keseluruhan adalah seperti di **Rajah 3.46**.

Rajah 3.46 : Status Kualiti Udara bagi Pantai Timur Semenanjung Malaysia, 2017.



Sumber: Jabatan Alam Sekitar, 2019

- Bagi kawasan kajian, stesen IPU terdekat terletak 40 km dari kawasan kajian iaitu di SMK Sri Rompin, Leban Condong (Latitude: 2.926661, Longitude: 103.419179) dengan bacaan sederhana iaitu 51-100 pada tahun 2017. Antara faktor yang menyumbang kepada pencemaran udara seperti berikut:

- Pembangunan tidak terkawal.
- Pertambahan penggunaan kenderaan bermotor.
- Penebangan tumbuhan hijau secara berleluasa.
- Pelepasan asap dari kilang secara tidak berjadual.

5. HAKISAN

- Keadaan pesisir pantai yang berlumpur yang berhadapan dengan Laut China Selatan yang terdedah secara terus kepada angin dan ombak menyebabkan berlakunya hakisan pantai berlumpur terutama di Kampung Tanjung Pahang, Kampung Gading dan pesisir Sungai Endau di bahagian kawasan industri.
- Paras laut yang meningkat menyebabkan peningkatan gelombang yang dapat meningkatkan kadar hakisan di kawasan kajian. Selain itu, pembangunan yang padat terutama di kawasan rizab sungai juga boleh menyebabkan hakisan berlaku. Ketiadaaan ruang penampan menyebabkan tebing sungai terdedah secara terus kepada ombak yang menjadi ancaman hakisan yang serius.
- Berikut merupakan analisis semasa di Kampung Tanjung Pahang serta kawasan Jeti Penumpang Tanjung Gemok dan pesisir Sungai Endau berdasarkan kajian lapangan yang telah dijalankan:

1. **Kampung Tanjung Pahang dan Kawasan Jeti Penumpang:**
   Keadaan pantai berlumpur yang terdedah dengan angin dan ombak serta terletak berhadapan Laut China Selatan boleh menyebabkan hakisan berlaku. Selain itu, tiada penampan hakisan semula jadi seperti pokok bakau yang dapat membantu mengurangkan hakisan pantai.





Foto : Antara kesan hakisan berhampiran Jeti Penumpang Tanjung Gemok.



Foto : Antara kesan hakisan di muara Sungai Endau.

2. **Sungai Endau (Kawasan Industri):**
   Pembangunan yang padat di kawasan rizab Sungai Endau boleh menyebabkan hakisan berlaku. Ruang bagi penanaman pokok bakau sebagai penampan semula jadi tidak dapat disediakan berikutan pembinaan jeti dan kawasan industri yang berhadapan terus dengan Sungai Endau.



Foto : Antara kesan hakisan di kawasan industri Tanjung Gemok.



Foto : Antara kesan hakisan berhampiran Dataran Tanjung Gemok.

Faktor hakisan adalah seperti berikut:

i. Kenaikan Aras Laut (SLR) :

- Kajian daripada NAHRIM menyatakan trend SLR sejak 5 tahun lepas menunjukkan peningkatan yang signifikan berbanding dengan trend bagi tempoh 20 tahun terdahulu. Kadar purata SLR di sepanjang garis pantai Malaysia meningkat antara 0.2 mm sehingga 4.4 mm setahun sejak tahun 2010.
- Manakala data satelit altimeter menunjukkan peningkatan 2.7 mm sehingga 7.0 mm setahun. Stesen pengawasan kenaikan aras laut yang berdekatan dengan kawasan kajian adalah perairan Mersing dengan peningkatan 2.73 mm setahun manakala Pulau Tioman dengan peningkatan 2.78 mm setahun.
- Kadar maksima unjuran peningkatan aras laut sehingga 2100 di Semenanjung Malaysia di bahagian Pantai Barat Laut dan Timur Laut Semenanjung Malaysia adalah 0.25 meter sehingga 0.52 meter setahun.
- Ramalan global untuk paras air laut meningkat kira-kira 1.7 - 3.1 mm / tahun, kenaikan paras laut serantau di Malaysia dijangka lebih tinggi, disebabkan oleh iklim tempatan dan keadaan topografi. Kawasan rendah yang terletak berhampiran pantai memerlukan langkah penyesuaian untuk mengurangkan masalah peningkatan paras laut.


ii. Kadar Pasang Surut Air :

- Perbezaan kadar pasang surut air dapat mempengaruhi jadual perjalanan bot nelayan dan feri penumpang di Sungai Endau dan Laut China Selatan. Purata dalam setahun, perubahan masa pasang surut lebih kurang 50 minit dalam sehari. Berdasarkan bacaan air pasang surut daripada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, memerlukan sekurang-kurangnya 0.8 meter untuk menghampiri jeti.
- Berikut merupakan purata kadar pasang surut pada bulan Mei (Monsun Barat Daya) dan pada bulan Disember (Monsun Timur Laut).

Pasang Surut

- Pasang surut merupakan salah satu dari 3 gerak air laut selain gelombang laut dan arus laut.
- Fenomena pasang surut didefinisikan sebagai pergerakan naik atau turunnya posisi permukaan perairan laut secara berkala disebabkan oleh pengaruh gaya graviti bulan dan matahari.

Rajah 3.47: Perbezaan Kadar Bacaan Pasang Surut Air Pada Bulan Mei dan Disember.



Sumber: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, 2019



Foto : Kejadian air pasang dan surut di kawasan Jeti Kompleks Penumpang Tanjung Gemok.

6. BANJIR


- Banjir didefinisikan sebagai badan air yang melimpah keluar dari tebing sungai, tasik atau sistem perparitan disebabkan oleh hujan lebat, air pasang dan halangan pada saluran. Kawasan yang berisiko banjir di kawasan kajian adalah di Kampung Tanjung Pahang akibat daripada fenomena air pasang besar pada tahun 2017.
- Selain itu, pembinaan kawasan taman perumahan baru menyebabkan kemudahan sistem perparitan yang kurang sistematik di mana parit tersebut merupakan jajaran daripada lembangan anak Sungai Paya Larat, Sungai Anak Gading, Sungai Tap / Tot dan Sungai Nipah.

Faktor-faktor Penyebab Banjir	Limpahan air Sungai Anak Endau
	Saliran air yang kurang efisien
	Penurunan air dari hulu sungai
	Perubahan saliran daripada anak sungai kepada parit yang tidak dapat menampung larian air permukaan
	Hakisan persisir pantai sehingga menyebabkan banjir kilat

- Bagi kawasan kajian, kawasan yang berpotensi sebagai kawasan banjir adalah di Kampung Tanjung Pahang, Kampung Teluk Gading, Kampung Tanjung Gemok dan Kampung Selancar. *(Sumber: JPS Rompin dan Laporan Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara 2030)*.
- Pembinaan kawasan taman perumahan baru menyebabkan kemudahan sistem perparitan yang kurang sistematik di mana parit tersebut merupakan jajaran daripada lembangan anak Sungai Paya Larat, Sungai Anak Gading, Sungai Tap / Tot dan Sungai Nipah.
- 50% daripada jumlah panjang jajaran sungai tersebut telah dikonkritkan ke kawasan taman perumahan tersebut yang menyebabkan banjir berlaku ketika hujan lebat. *(JPS Rompin, 2019).*



Foto : Kejadian banjir yang berlaku di kawasan Sekolah Kebangsaan Tanjung Gemok.



TAJUK

Rajah 3.48
Kawasan Potensi Banjir

PETUNJUK:

- Kawasan Potensi Banjir
- Kontur
- Laut

Lain-lain :


- Sungai
- Jalan raya
- Sempadan Negeri
- Sempadan Rancangan Kawasan Khas (RKK)

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

7. PENCEMARAN

- Pembangunan di pinggir sungai dan pesisir pantai memberi ancaman kepada kestabilan dan kepelbagaian ekosistem semula jadi.
- Ianya berpunca daripada pencemaran alam sekitar seperti pembuangan sisa pepejal, pembuangan sisa minyak daripada bot dan pelepasan efluen daripada aktiviti industri secara terus ke dalam sungai dan laut.
- Pencemaran terbahagi kepada 2 jenis iaitu:
  - Pencemaran yang disebabkan faktor semula jadi.
  - Pencemaran yang disebabkan oleh faktor manusia.

- Bagi kawasan Tanjung Gemok lebih cenderung daripada sumber pencemaran tetap di mana sumber pencemaran utama adalah berpunca daripada aktiviti perindustrian hasil perikanan oleh pengusaha industri perikanan di sekitar Tanjung Gemok.



Sumber Pencemaran

Pembuangan sisa dan pelepasan efluen berbentuk air ikan, sisa buangan ikan dan lain-lain hasil daripada industri perikanan.

Pencemaran tumpahan minyak daripada bot-bot atau feri.

Bagi *Blackwater* di kawasan kajian adalah berpunca daripada tandas kuaters pekerja industri yang disalurkan terus ke dalam Sungai Endau.



Aktiviti pembuangan sampah oleh penduduk yang tinggal di kawasan perumahan tidak terancang dan kawasan industri.

Greywater pula adalah berpunca daripada aktiviti komersial seperti kedai makan dan kedai cuci kenderaan yang terletak berhampiran kawasan sungai.

Aktiviti industri yang memproses hasil ikan kepada baja di kawasan berhampiran.

Pencemaran Tetap
Pencemaran Tidak Tetap
Pencemaran Tapak Pelupusan Haram


i. Pelepasan efluen daripada industri dan komersial

- Pembuangan sisa dan pelepasan efluen berbentuk air ikan, sisa buangan ikan dan lain-lain hasil daripada industri perikanan berhampiran pinggir Sungai Endau.
- Secara keseluruhannya, terdapat 22 jenis industri di kawasan kajian. (Diterangkan secara terperinci di bahagian sektor perindustrian)





Foto : Pelepasan efluen berpunca daripada aktiviti perikanan.








Foto : Pelepasan efluen berpunca daripada aktiviti komersial.

ii. Tumpahan Minyak

- Lokasi Tanjung Gemok yang menghadap Laut China Selatan menyumbang kepada masalah pencemaran tumpahan minyak daripada bot-bot atau feri yang melalui kawasan berhampiran Tanjung Gemok.
- Kesan daripada tumpahan minyak bot menyebabkan kawasan di pinggir Sungai Endau terutama di Kampung Gading mengalami pencemaran di mana kawasan pinggir sungai menjadi hitam dan berbau busuk.



Foto : Pencemaran air Sungai Endau disebabkan oleh pencemaran tumpahan minyak.

iii. Sisa Sampah Haram

- Lokasi Kampung Tanjung Pahang yang terletak di muara Sungai Endau menyumbang kepada faktor pencemaran pembuangan sampah-sarap.
- Selain itu, aktiviti pembuangan sampah oleh penduduk yang tinggal di kawasan perumahan tidak terancang seperti di Kampung Gading dan kawasan industri yang terletak berhampiran dengan pinggir Sungai Endau.



Foto : Pembuangan sampah di muara dan pinggir Sungai Endau.

iv. Blackwater dan *Greywater*

- *Blackwater* merupakan air yang berpunca daripada tandas, tangki septik atau sisa kumbahan.
- Manakala *Greywater* merupakan air buangan daripada sisa domestik.
- Bagi *Blackwater* di kawasan kajian adalah berpunca daripada tandas kuaters pekerja industri yang disalurkan terus ke dalam Sungai Endau.
- *Greywater* pula adalah berpunca daripada aktiviti komersial seperti kedai makan dan kedai cuci kenderaan yang terletak berhampiran kawasan sungai.
- Foto menunjukkan perbezaan *blackwater* dan *greywater*.




Foto : Proses saluran bagi greywater dan black water.



Foto : Perumahan bagi pekerja yang disediakan oleh penggiat industri perikanan.



Foto : Contoh tandas yang terus ke kawasan industri dan komersial (Black water).

8. KAWASAN SENSITIF ALAM SEKITAR (KSAS)

- Setiap KSAS dinilai secara bersepadu mengikut fungsi utama dan tahap sensitiviti mengikut kategori. KSAS Bersepadu ditentukan berdasarkan tahap sensitiviti fungsi atau kepentingan utama KSAS sektoral terhadap takrifan KSAS Bernilai Warisan, KSAS Berisiko Bencana dan KSAS Bernilai Sokongan Hidup.

Rajah 3.49 : Kategori KSAS.



Jadual 3.49: Kategori KSAS Berdasarkan Lokasi Kawasan Kajian.

Kategori KSAS	Kawasan	Lokasi	KSAS
KSAS Bernilai Warisan	• Kepelbagaian Biologi • Geologi dan Landskap	Tanjung Pahang dan pesisir Sungai Endau	• Pesisir Pantai Berlumpur
KSAS Berisiko Bencana	• Sungai dan Tasik • pesisir • Tanah Lembap (Bencah)	Tanjung Pahang dan pesisir Sungai Endau	• Sungai dan Badan Air • Pesisir Pantai Berlumpur • Kawasan Banjir
KSAS Bernilai Sokongan Hidup	• Air Bersih • Makanan Asas • Tenaga dan Bahan Binaan • Keperluan Ruang	Kampung Tanjung Pahang	• Sungai dan Badan Air • Pesisir Pantai Berlumpur

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019 dan GPP KSAS, 2014

Pengenalpastian KSAS adalah seperti berikut:

KSAS Tahap 1 – Kesensitivitian Tinggi Pembangunan Terhad dengan Pengawalan Sepenuhnya

- Tiada di kawasan kajian.

KSAS Tahap 2 – Kesensitivitian Sederhana Pembangunan Terhad dengan Kawalan Ketat

- *KSAS kawasan pinggir sungai dan paya bakau serta kawasan jasad air (anak sungai)*

KSAS Tahap 3 – Kesensitivitian Rendah Pembangunan Terkawal

- Sepanjang pesisir pantai berlumpur di sekitar Kampung Tanjung Pahang.
- Kawasan anak sungai Paya Larat, Sungai Tap / Tot, Sungai Nipah dan Sungai Anak Gading.

Luar Kawasan KSAS

- Kawasan pertanian.

Jadual 3.50: Tahap KSAS Kawasan Kajian.

KSAS	Lokasi	KSAS Bersepadu			Tahap KSAS
		Ksas Bernilai Warisan (KBW)	Ksas Berisiko Bencana (KBB)	Ksas Bernilai Sokongan Hidup (KBSH)	
Sungai dan Badan Air	Sungai Nipah, Sungai Tap/Tot, Sungai Paya Larat/ Sungai Anak Gading		/	/	Tahap 3
Pesisir Pantai Berlumpur	pesisir Sungai Endau dan Sungai Anak Endau	/	/	/	Tahap 1
Kawasan Banjir	Kampung Tanjung Pahang		/		Tahap 1

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

KSAS Sektoral

KSAS Kawasan Jasad Air (Sungai)

- Sungai terbahagi kepada tiga (3) bahagian iaitu koridor sungai yang merupakan tanah awam, tanah lapang dan persendirian di luar kawasan rizab sungai dengan kelebaran lingkungan 50 meter, rizab sungai yang merupakan benteng, tebing dan dataran banjir di kedua-dua belah sungai yang diwartakan di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara dan sungai atau lembangan sungai sebagai aliran air semula jadi dan sumber hidupan air.
- Sungai sebagai KSAS juga dikenal pasti sebagai KSAS berisiko bencana yang melibatkan proses hakisan dan pemendapan berlaku di sepanjang tebing sungai yang memerlukan kawalan ketat. Kejadian banjir berlaku akibat daripada curahan hujan dan isipadu air sungai yang berubah-ubah dan tidak dapat menampung air sungai tersebut.

Jadual 3.51: Senarai Anak Sungai di Kawasan Kajian.

NAMA ANAK SUNGAI	PANJANG (KM)	SEMPADAN	LEBAR SUNGAI (M)	RIZAB SUNGAI	
				SETIAP TEBING (M)	KESELURUHAN (M)
Sungai Paya Larat	1.6	Dari Kuala Sungai Endau 1600 meter ke hulu sungai	10	10	30
Sungai Nipah	1.0	Dari Kuala Sungai Endau 1000 meter ke hulu sungai	20	20	60
Sungai Tot/ Tap	0.5	Dari Kuala Sungai Endau 500 meter ke hulu sungai	5	5	15
Sungai Anak Gading	1.0	Dari Kuala Sungai Endau 1000 meter ke hulu sungai	5	5	15

Sumber: Jabatan Pengairan dan Saliran, 2019

KSAS Kawasan Pesisir Pantai

- Kawasan pesisir merupakan kawasan pantai yang bersambung dengan daratan. Bagi kawasan kajian, kawasan pinggir pantai berlumpur dapat dikenal pasti di kawasan sepanjang Tanjung Pahang menghala ke Laut China Selatan berdekatan dengan Kampung Tanjung Pahang. Ancaman kepada pembangunan pesisir pantai akan menyebabkan hakisan pantai yang boleh mengakibatkan kehilangan keluasan tanah dan kehilangan habitat semula jadi.
- Kategori KSAS bagi kawasan pesisir pantai adalah KSAS Bernilai Warisan yang mempunyai kepentingan dan nilai tinggi dari segi ekosistem marin, KSAS Bernilai Sokongan Hidup yang mempunyai fungsi sampingan dari segi ekosistem pantai seperti pokok bakau dan KSAS Berisiko Bencana yang menyebabkan impak negatif ke atas proses pembentukan pantai serta pengangkutan sendimen seperi bencana hakisan.

KSAS Kawasan Dataran Banjir

- Bagi kawasan kajian, zon saluran banjir adalah di kawasan Sungai Nipah dan Sungai Anak Endau. Manakala zon pinggir dataran banjir adalah di kawasan Kampung Tanjung Pahang, Kampung Setajam dan Kampung Pianggu yang terletak berhampiran kawasan kajian.
- KSAS Kawasan Dataran Banjir dikategorikan sebagai KSAS berisiko bencana yang berfungsi sebagai kawasan semula jadi untuk menyimpan air lebihan sungai semasa banjir. Pembangunan dan pencerobohan serta penukaran guna tanah di kawasan risiko banjir tanpa kawalan boleh menyebabkan kehilangan nyawa serta kerugian harta benda.

Zon Saluran Banjir *(Floodway)*

Zon Saluran Banjir ialah saluran / aliran sungai dan tanah bersempadan yang perlu dirizabkan untuk menampung discas air banjir supaya dapat mengelakkan kenaikan aras air banjir 100 tahun melebihi 1 kaki.

Zon Pinggir Dataran Banjir *(Flood fringe)*

Zon Pinggir Dataran Banjir adalah kawasan yang bersempadan dengan zon saluran banjir. Kawasan ini akan dibanjiri air semasa kejadian banjir tetapi tidak mengalami pengaliran arus yang deras.



TAJUK

Rajah 3.50
Pelan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)

PETUNJUK:

- KSAS Tahap 2
- KSAS Tahap 3
- Luar Kawasan KSAS

Lain-lain :

- Sungai
- Jalan raya
- Sempadan Negeri
- Sempadan Rancangan Kawasan Khas (RKK)

Nota :
Tahap II : KSAS kawasan pinggir sungai dan paya bakau serta kawasan jasad air (anak sungai)
Tahap III : KSAS kawasan persisir pantai berlumpur

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

I. PROSPEK DAN CABARAN

Secara keseluruhannya, penemuan cabaran dan prospek bagi sektor alam sekitar adalah seperti berikut:

Jadual 3.52: Senarai Prospek dan Pengurusan Alam Sekitar.

LOKASI	CABARAN	PROSPEK
• Kampung Tanjung Pahang. • Kampung Gading. • Kawasan Industri (Berhadapan Sungai Endau).	• **Berlakunya hakisan** yang berlaku di Tanjung Pahang yang melibatkan kawasan Kampung Tanjung Pahang sehingga di pesisir Sungai Endau di kawasan jeti penumpang Tanjung Gemok dan kawasan industri (Kampung Gading).	• Penanaman semula pokok bakau dan pokok-pokok bersesuaian atau secara *engineering method.* • Pengawalan terhadap pembinaan di bahagian atas rizab sungai terutama bagi pembinaan kawasan perindustrian.
• Sungai Endau. • Sungai Anak Gading. • Sungai Tap/Tot. • Kampung Gading. • Kampung Tanjung Pahang. • Taman Cemerlang.	• **Pencemaran air sungai** akibat daripada tumpahan minyak bot dan feri. • Pencemaran daripada pelepasan efluen daripada kawasan industri. • **Pencemaran bau** daripada industri pemprosesan ikan kepada baja terutama di Kampung Tanjung Pahang.	• Kawalan terhadap pelepasan efluen dan pembuangan sisa pepejal dengan melaksanakan denda. • Pemasangan perangkap sampah di setiap kilang serta parit utama bagi memastikan kualiti sungai tidak tercemar.
• Kampung Tanjung Pahang. • Taman Wawasan. • Taman Cemerlang.	• **Banjir** berpunca daripada limpahan air sungai. • Pembangunan kawasan perumahan baru yang menyebabkan sistem perparitan yang kurang sistematik.	• Pembangunan yang mengambil kira Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) mampu mengurangkan bencana alam dan menjurus kepada pembangunan yang mampu bertahan untuk generasi masa hadapan. • Menaik taraf dan pembesaran parit dan sistem perparitan sedia ada.

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

3.8 PERTANIAN

A. RUMUSAN PENEMUAN

Rancangan Struktur Negeri Pahang 2050 telah mengenal pasti bahawa sektor pertanian merupakan sektor guna tanah kedua terbesar di negeri Pahang dan berpotensi kepada peningkatan ekonomi yang kukuh.

Sasaran sumbangan KDNK sektor pertanian adalah sebanyak 11% menjelang tahun 2050 bagi pengeluaran produk pertanian premium selari dengan sasaran menjadikan Pahang sebagai 'Gedung Makanan Negara'.


Bagi Daerah Rompin, jenis tanaman yang dirancang untuk pembangunan adalah tanaman belimbing, limau, tembikai, nanas dan roselle.

a) Guna Tanah Pertanian

Berdasarkan pemerhatian, sektor pertanian yang ada di Kawasan Tanjung Gemok lebih kepada pertanian komersial iaitu tanaman kelapa sawit. Sektor pertanian yang tidak komersial pula hanya lebih kepada tanaman kecil-kecilan seperti nanas, kelapa, buah-buahan dan pisang yang mungkin untuk kegunaan sendiri atau penduduk setempat sahaja.

Sektor pertanian di kawasan Tanjung Gemok hanya merangkumi 12.92% sahaja dari keseluruhan guna tanah di kawasan ini iaitu merangkumi 45.40 hektar. Pecahan guna tanah pertanian boleh dilihat di **Rajah 3.51** di mana pertanian merangkumi 12.61% dan penternakan merangkumi 0.32% daripada keseluruhan keluasan guna tanah pertanian.

Rajah 3.51: Pecahan Guna Tanah Pertanian Di Tanjung Gemok.



Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019







Foto: Pertanian utama iaitu tanaman kelapa sawit dan tanaman kecil-kecilan seperti nanas dan tanaman bercampur di sekitar Tanjung Gemok.

Rajah 3.52 menunjukkan tanaman kelapa sawit adalah tanaman utama di Tanjung Gemok iaitu sebanyak 96.41% berbanding tanaman bercampur seperti dusun buah-buahan yang bercampur dengan tanaman kelapa, nanas dan lain-lain.

Kebanyakan pertanian di kawasan ini adalah pertanian secara kecil-kecilan untuk kegunaan sendiri dan juga dijual di sekitar Tanjung Gemok.

Rajah 3.52: Pecahan Jenis Pertanian Di Tanjung Gemok.



Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

Jadual 3.53: Senarai Pertanian Di Tanjung Gemok.


Bil.	No lot	Kategori	Tanaman	Luas (hektar)
1	Lot 871	Pertanian	Kelapa Sawit	2.63
2	Lot 873	Pertanian	Kelapa Sawit	2.57
3	N/A	Pertanian	Kelapa Sawit	3.16
4	Lot 870	Pertanian	Kelapa Sawit	2.36
5	Lot 874	Pertanian	Kelapa Sawit	2.48
6	Lot 10187	Pertanian	Kelapa Sawit	0.92
7	Lot 10186	Pertanian	Kelapa Sawit	0.46
8	Lot 4412	Pertanian	Kelapa Sawit	0.82
9	Lot 878	Pertanian	Kelapa Sawit	2.36
10	Lot 1209	Pertanian	Kelapa Sawit	0.81
11	Lot 275	Pertanian	Kelapa Sawit	1.4
12	Lot 1210	Pertanian	Kelapa Sawit	1.24
13	Lot 409	Pertanian	Kelapa Sawit	0.87
14	Lot 603	Pertanian	Kelapa Sawit	0.67
15	Lot 27542	Pertanian	Kelapa Sawit	0.9
16	Lot 866	Pertanian	Kelapa Sawit	2.47
17	Lot 10072	Pertanian	Kelapa Sawit	1.27
18	N/A	Pertanian	Kelapa Sawit	0.62
19	Lot 1003	Pertanian	Kelapa Sawit	1.06
20	Lot 1001	Pertanian	Kelapa Sawit	1.06
21	Lot 1006	Pertanian	Nanas	0.72
22	Lot 773	Pertanian	Kelapa Sawit	2.42
23	Lot 774	Pertanian	Kelapa Sawit	1.12
24	Lot 10072	Pertanian	Kelapa Sawit	1.2
25	Lot 742	Pertanian	Campuran	0.87
26	Lot 776	Pertanian	Kelapa Sawit	1.46
27	Lot 784	Pertanian	Kelapa Sawit	0.99
28	Lot 27552	Pertanian	Kelapa Sawit	0.78
29	Lot 731	Pertanian	Kelapa Sawit	1.6
30	Lot 97	Pertanian	Kelapa Sawit	0.7
31	Lot 1173	Pertanian	Kelapa Sawit	1
32	Lot 702	Pertanian	Kelapa Sawit	1.3
		JUMLAH		**44.29**

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

ii. Tanah Pertanian Terbiar

Status tanah pertanian terbiar tidak diusahakan yang terdapat di Tanjung Gemok adalah sebanyak 173 lot terlibat yang merangkumi kawasan seluas 73.51 hektar secara keseluruhannya.

Rajah 3.53: Taburan Tanah Terbiar.



Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

ii. Usahawan Tanam Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM)


Berdasarkan **Jadual 3.54**, Daerah Rompin mencatatkan bilangan petani TKPM kedua tertinggi bagi Negeri Pahang pada tahun 2017 selepas Daerah Temerloh iaitu seramai 39 orang berbanding keseluruhan peserta TKPM Negeri Pahang seramai 249 orang.

Projek TKPM yang dibangunkan oleh Jabatan Pertanian Negeri Pahang telah mensasarkan pendapatan bersih peserta projek ini kepada sekurang-kurangnya RM3,000/bulan. Pendapatan petani di Daerah Rompin menunjukkan terdapat seramai 8 orang petani yang meraih pendapatan kurang daripada RM1,000 dan seramai 7 orang petani yang meraih pendapatan dalam lingkungan RM1,000 hingga RM5,000.

Jadual 3.54: Senarai Usahawan Tanam Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Projek Jabatan Pertanian Negeri Pahang Tahun 2017.

Daerah	Bilangan Petani TKPM (Orang)	Bilangan Petani Pendapatan < RM 1,000	Bilangan Petani Pendapatan RM 1,000 - Rm 5,000
Bentong	13	4	2
Bera	18	3	6
Cameron Highlands	0	0	0
Jerantut	13	3	5
Lipis	28	4	14
Maran	6	0	4
Kuantan	19	0	5
Pekan	16	5	7
Raub	8	2	1
Rompin	**39**	**8**	**7**
Temerloh	89	27	21
Jumlah Keseluruhan	**249**	**56**	**72**

Sumber: Jabatan Pertanian.



TAJUK

Rajah 3.54
Taburan Kawasan Pertanian, Tanah Kosong Dan Hutan

PETUNJUK:

- Pertanian
- Hutan
- Tanah Kosong

Lain-lain :

- Jalanraya
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Rancangan Kawasan Khas (RKK)

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

B. PROSPEK DAN CABARAN

Secara keseluruhannya, penemuan cabaran dan prospek bagi sektor pertanian adalah seperti berikut:

Jadual 3.55: Senarai Prospek dan Cabaran Pertanian.

LOKASI	CABARAN	PROSPEK
Tanaman pertanian kelapa sawit dan tanaman bercampur.	Masalah sistem pengairan yang tidak teratur yang menyebabkan saluran air tersumbat dan mudah untuk banjir.	Sistem perparitan sedia ada perlu diperbaiki dengan baik supaya air tidak bertakung dan tersumbat.
Tanah kosong pertanian di sekitar Tanjung Gemok.	Strategi pemasaran produk pertanian sedia ada berasaskan buah-buahan dan sayur-sayuran yang lemah.	Membangunkan Produk IKS Dengan Kerjasama antara FAMA, Jabatan Pertanian dan PBT. Mewujudkan pusat pengumpulan dan pemasaran hasil tani dan produk tempatan.
Tanah kosong pertanian di sekitar Tanjung Gemok.	Terdapat banyak tanah kosong berpotensi untuk pertanian yang tidak diusahakan.	Perlu diusahakan sebagai kawasan tanaman sayuran atau buahan melalui kerjasama bersama pihak FAMA dan Jabatan Pertanian.
Jalan utama dan jalan-jalan pertanian.	Jaringan sistem jalan masih belum memuaskan menyebabkan hasil pertanian susah untuk dikeluarkan.	Baiki semula jalan-jalan yang rosak serta melakukan turapan pada jalan tanah.

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

3.9 LANDSKAP, REKREASI & REKA BENTUK BANDAR

I. LANDSKAP DAN REKREASI

A. PENEMUAN UTAMA

Pekan Tanjung Gemok merupakan sebuah pekan kecil yang kaya dengan pelbagai tarikan semula jadi, seperti Sungai Endau dan Pantai Tanjung Pahang. Bagaimanapun, tahap kualiti visual landskap masih berada di tahap yang rendah dan tidak mendapat perhatian kerana kelihatan kurang menarik. Oleh yang demikian, penyediaan infrastruktur hijau yang mampan dan berkesan perlu diberi penekanan yang sewajarnya agar dapat mengimbangi pembangunan fizikal di Tanjung Gemok.


01 PUSAT BANDAR

Menaik taraf kawasan pusat Bandar serta persekitaran jeti dengan mewujudkan elemen landskap berkonsepkan *waterfront*, bagi menarik lebih ramai pengunjung tempatan atau luar.



02 DATARAN TG GEMOK

Menaik taraf reka bentuk dan keadaan semasa Dataran Tanjung Gemok serta mempelbagaikan aktiviti supaya kawasan ini lebih menonjol dan menarik.




03 PANTAI TG PAHANG

Pesisir pantai yang mempunyai potensi sebagai lokasi aktiviti, melihat pemandangan matahari terbit dan terbenam serta aktiviti rekreasi air lain.



04 LANDSKAP PINGGIR JALAN

Menanam tanaman yang sesuai dan menarik di sepanjang pinggir jalan serta mewujudkan jaringan laluan basikal dan pejalan kaki yang selesa serta menghubungkan ke kawasan-kawasan rekreasi.



05 KG TG PAHANG

Pengindahan landskap dengan penambahan elemen landskap kejur dan penanaman pokok-pokok yang menonjolkan identiti landskap desa.



B. PROSPEK DAN CABARAN

Secara keseluruhannya, penemuan cabaran dan prospek bagi sektor landskap dan rekreasi adalah seperti berikut:

Jadual 3.56: Senarai Prospek dan Cabaran Landskap dan Rekreasi.

LOKASI	CABARAN	PROSPEK
Pusat Bandar.	• Reka bentuk pusat bandar sedia ada yang tidak mempunyai menyediakan ruang penanaman landskap.	• Menambah baik lot tempat letak kenderaan dengan penanaman landskap lembut serta perabot jalan.
Dataran Tanjung Gemok.	• Lokasi yang agak hampir dengan jalan utama (Jalan Persekutuan 3) dan mempunyai kawasan tempat letak kereta yang agak terhad. • Kurang teduhan mengakibatkan tidak berfungsi secara optimum sebagai kawasan rekreasi.	• Mewujudkan elemen landskap kejur yang menonjol dengan kemasan baru yang boleh menarik minat pengunjung. • Menambah baik infrastruktur sokongan di sekitar dataran supaya wujud lebih pelbagai aktiviti yang menarik kehadiran orang ramai.
Pantai Tanjung Pahang.	• Tiada laluan masuk yang menarik dan sempurna ke kawasan pantai. • Tiada pernyataan masuk ke kawasan pantai. • Paras air pasang surut yang boleh menjejaskan aktiviti rekreasi pinggir pantai.	• Berpotensi dibangunkan sebagai tarikan kawasan rekreasi. • Mewujudkan laluan masuk dilengkapi dengan landskap pinggir jalan yang menarik.
Landskap Pinggir Jalan (Jalan Persekutuan 3).	• Kualiti visual yang berada dalam tahap yang rendah dan tidak menarik. • Kawasan hijau pinggir jalan yang terhad bagi tujuan pengindahan.	• Pengindahan landskap yang berkesan boleh menarik lebih ramai pengunjung untuk berhenti rehat. • Program kerjasama atau pertandingan keceriaan dengan masyarakat setempat serta pembiayaan kewangan melalui jawatankuasa kampung.
Kampung Tanjung Pahang.	• Kualiti landskap yang rendah dan kurang menyerlahkan identiti desa setempat.	• Ketersediaan ruang bagi tujuan penambahan elemen landskap bagi menyerlahkan identiti desa.


Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

II. REKA BENTUK BANDAR

A. PENEMUAN UTAMA

Tanjung Gemok pada asalnya digelar sebagai Endau Pahang. **Rajah 3.55** menunjukkan garis masa perkembangan Tanjung Gemok yang pada asalnya adalah sebuah kampung.

Rajah 3.55: Garis Masa Tanjung Gemok.










Foto: kiri (1) Pelan sirkulasi Malaysia, 1950
(kanan atas) bangunan sekolah selepas diambil alih dari tentera Jepun
(kanan bawah) keratan akbar berkenaan Kampung Pianggu

Sumber:
1) *www.facebook.com/badanpencintasejarahrompin*
2) *sektanjonggemok.blogspot.com/p/sejarah.html*
3) *ms.wikipedia.org/wiki/Endau*
4) *buletinendau.blogspot.com/p/blog-page.htm*

- **Identiti**

Identiti Tanjung Gemok secara amnya dikenal pasti berdasarkan nama, aktiviti masyarakat setempat di peringkat daerah dan kawasan kajian. Berikut adalah faktor yang telah dikenal pasti:


Konteks Tanjung Gemok



Nama Tanjung Gemok

Tanjung Gemok berasal dari Tanjung yang kelihatan bersaiz besar atau "gemok".

Sumber: www.facebook.com/badanpencintasejarahrompin



Aktiviti Penduduk Tanjung Gemok

Di awal pembukaan Tanjung Gemok aktiviti utama penduduk adalah bertani dan menangkap ikan. Seterusnya berkembang kepada penangkapan ikan bagi tujuan perindustrian.

Konteks Daerah (Rompin)



Aktiviti Pelancongan Terkenal di Daerah Rompin

RPBIC yang diadakan sejak 2004 berjaya meletakkan nama Rompin sebagai antara destinasi pelancongan memancing ikan layaran utama dunia.

Sumber: www.freemalaysiatoday.com

Konteks Negeri Pahang



Rumah Serambi Pahang

Reka bentuk rumah tradisi Pahang peninggalan Penghulu Kelola merupakan imej keasliaan reka bentuk seni bina tempatan yang boleh menjadi inspirasi kepada seni bina baharu di kawasan pekan Tanjung Gemok dan kawasan perkampungan.

Sumber: https://akuanakpahang.blogspot.com/


- **Nodus dan *Linkages / Path***

Nodus bagi kawasan pusat bandar Tanjung Gemok adalah terdiri daripada kawasan tumpuan setiap masa, masa tertentu dan kawasan tumpuan pelancongan. Berdasarkan penemuan tumpuan utama setiap masa adalah persimpangan di kawasan pusat bandar dan Laluan Persekutuan 3. Manakala tumpuan pada waktu tertentu dan tumpuan pelancongan adalah Teminal Penumpang Tanjung Gemok, Dataran Tanjung Gemok, pasar malam dan perhotelan. Nodus kawasan Tanjung Gemok dihubungkan hanya dengan jalan raya dan laluan pejalan kaki (di beberapa kawasan tertentu). **(Rujuk Rajah 3.56)**



Foto: Imej dron menunjukkan kawasan utama transit pelancongan yang berada 400 meter dari Terminal Penumpang Tanjung Gemok.

Rajah 3.56: Analisis *Nodus Linkages / Path.*



Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

- **Mercu Tanda**

Jambatan Endau, menara Tanjung Gemok dan Hotel Jeti Tanjung Gemok merupakan mercu tanda Tanjung Gemok. Jambatan ini walaupun tidak mempunyai reka bentuk khusus namun ia sangat signifikan melambangkan ketibaan ke Tanjung Gemok melalui jalan darat mahupun pengangkutan air.



Foto: Jambatan Endau.



Foto: Menara Jam Tanjung Gemok.

- **Kawasan *(District)***

Terdapat 3 kawasan utama yang telah dikenal pasti iaitu kawasan berhampiran terminal Jeti Tanjung Gemok, kawasan perkhidmatan dan perniagaan penduduk tempatan dan kawasan di bahagian kiri sepanjang laluan persekutuan 3.

- **Kualiti Visual *(Scenic View)***

Secara keseluruhan, kualiti visual bangunan di Bandar Tanjung Gemok adalah sederhana dan perlu ditambah baik bagi mempertingkatkan imej bandar ini. Terdapat satu lokasi menarik yang telah dikenal pasti untuk melihat matahari terbit dan terbenam iaitu di atas Jambatan Endau. Walau bagaimanapun, penambahbaikan kemudahan sokongan perlu dipertingkatkan bagi menyokong aktiviti ini.

Jadual 3.57: Analisis Mercu Tanda.

Imej Bandar	Fungsi	Konteks Tapak
Mercu tanda	• Titik rujukan fizikal dan vertikal • Ciri-ciri visual bandar yang terkenal	1. Jambatan Endau 2. Menara Jam Tanjung Gemok 3. Hotel Jeti Tanjung Gemok

Jadual 3.58: Analisis Kawasan (*District*).

Imej Bandar	Fungsi	Konteks Tapak
Kawasan *(district)*	• Lingkungan kawasan dalam sesebuah bandar untuk mengenal pasti perwatakan antara kawasan yang berlainan • Perbezaaan antara kawasan bandar yang lebih kecil dan kawasan bandar yang lebih besar	1. Kawasan Terminal Penumpang Tanjung Gemok 2. Kawasan perkhidmatan dan perniagaan penduduk setempat 3. Kawasan perumahan dan kemudahan masyarakat di bahagian kiri sepanjang laluan persekutuan 3





Foto: Pemandangan matahari terbit dari Jambatan Endau.



Foto: Pemandangan matahari terbenam dari Jambatan Endau.



TAJUK

Rajah 3.57
Penemuan Analisis Reka Bentuk Bandar

PETUNJUK:

- Nodus Utama
- Nodus Waktu Tertentu
- Jeti
- Hotel
- Mercu Tanda
- Radius 400 meter dari Nodus Utama
- Potensi Vista
- Scenic View
- Laluan Kaki Lima
- Laluan Pejalan Kaki
- Pokok Jalan
- Jalan Utama
- Jalan Sekunder
- Laut

Lain-lain :

- Sungai
- Sempadan Zon Pusat Bandar
- Sempadan Negeri
- Sempadan Rancangan Kawasan Khas (RKK)

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

B. PROSPEK DAN CABARAN

Secara keseluruhannya, penemuan cabaran dan prospek bagi sektor reka bentuk bandar adalah seperti berikut:

Jadual 3.59: Senarai Prospek dan Cabaran Reka Bentuk Bandar.

LOKASI	CABARAN	PROSPEK
Kawasan berhampiran Terminal Penumpang Tanjung Gemok.	Imej kawasan perkedaian, persekitaran dan fasad bangunan yang kurang menarik dan menyerlah.	Penambahbaikan imej fasad bangunan di sekitar kawasan perdagangan, pintu masuk agar lebih menarik pelancong dan dalam masa yang sama mencerminkan bandar pelancongan yang baik.
	Tiada integrasi bangunan Terminal Penumpang Tanjung Gemok, hentian bas, kafeteria dan laluan pejalan kaki berbumbung.	Cadangan pembangunan terminal bersepadu dengan penyediaan kemudahan yang pelbagai bukan sahaja kepada pelancong tetapi juga kepada penduduk tempatan.
Pintu Masuk.	Kawasan pintu masuk negeri dan bandar yang kurang "*sense of welcoming*" .	Naik taraf struktur Jambatan Endau dengan penambahan kemudahan pejalan kaki dan komponen dekorasi perabot jalan yang menarik.
	Kawasan tempat letak kenderaan berat di dalam kawasan bandar yang kurang menarik dan mencerminkan bandar pelancongan.	Mengenal pasti lokasi baru tempat letak kenderaan berat yang lebih strategik.
Dataran Tanjung Gemok.	Kawasan dataran yang tidak dioptimumkan sebaiknya sebagai *public realm* kerana reka bentuk yang hanya boleh digunakan pada waktu malam dan tidak pelbagai.	Menaik taraf dari segi komponen landskap dan rekreasi serta mercu tanda bandar.
Kawasan Tepi Sungai Endau.	Pembangunan tepi sungai yang kurang mengoptimumkan sungai sebagai kawasan tarikan.	Garis panduan pembangunan tepi sungai.

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

3.10 PENGURUSAN DAN PERHUBUNGAN LALU LINTAS

A. PENEMUAN UTAMA



Rangkaian jalan raya sedia ada, tahap keupayaan semasa (jalan dan persimpangan) dan modal split.

Pengangkutan awam semasa iaitu bas, teksi dan feri.

Merangkumi sistem sirkulasi, tempat letak kenderaan dan laluan pejalan kaki.

B. RUMUSAN PENEMUAN

1. RANGKAIAN JALAN RAYA

Rangkaian jalan raya bagi RKK Tanjung Gemok mengikut hierarki adalah seperti **Jadual 3.60** berikut:

Jadual 3.60: Rangkaian Jalan Raya Mengikut Hierarki di Tanjung Gemok.

Bil	Nama Jalan	Rizab Jalan	Bilangan Lorong	Piawaian Reka bentuk	Panjang Jalan
Jalan Pengagih Utama					
1	Laluan Persekutuan 3	40 m	2 lorong 2 hala	U5 Jenis 1	2.22 km
Jalan Pengagih Sekunder					
2	Jalan Tanjung Gemok – Kampung Kasing (C107)	24 m	2 lorong 2 hala	U3 Jenis 1	0.78 km

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

Jadual 3.60: Rangkaian Jalan Raya Mengikut Hierarki di Tanjung Gemok (Sambungan)


Bil	Nama Jalan	Rizab Jalan	Bilangan Lorong	Piawaian Reka bentuk	Panjang Jalan
Jalan Pengagih Tempatan					
3	Jalan Feri Lama	16 m	2 lorong 2 hala	U2 Jenis 1	0.53 km
4	Jalan Selancur	7 m	2 lorong 2 hala	U2 Jenis 11	1.37 km
5	Jalan Murni	7 m	2 lorong 2 hala	U2 Jenis 11	0.76 km
6	Jalan Usaha	7 m	2 lorong 2 hala	U2 Jenis 11	0.50 km
7	Jalan Anggerik	9 m	2 lorong 2 hala	U2 Jenis 11	0.56 km
8	Jalan Makmur	7 m	2 lorong 2 hala	U2 Jenis 11	0.22 km
9	Simpang Rompin Endau – Tanjung Pahang	12 m	2 lorong 2 hala	U2 Jenis 1	0.85 km
10	Jalan Tanjung Pahang	12 m	2 lorong 2 hala	U2 Jenis 1	1.29 km
11	Jalan Tanjung Pahang 1	10 m	2 lorong 2 hala	U2 Jenis 11	0.40 km
12	Jalan Sri Pinang	14 m	2 lorong 2 hala	U2 Jenis 1	0.68 km
13	Jalan Sungai Nipah	7 m	2 lorong 2 hala	U2 Jenis 11	0.71 km
14	Jalan Besar	5 m	2 lorong 2 hala	U2 Jenis 11	0.57 km

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

Isu semasa: Jalan semasa tidak mengikut hierarki yang jelas. Jalan pengagih tempatan berhubung terus dengan jalan pengagih utama (tiada jalan pengagih sekunder).

Rizab jalan sempit (bawah 20m). Kedapatan jalan tempatan yang rosak / tidak bersambung menyukarkan kemudahsampaian – Jalan Selancar dan Jalan Sri Pinang.

Komposisi Lalu Lintas Semasa



Penggunaan kereta di kawasan RKK Tanjung Gemok adalah tertinggi yang merangkumi sebanyak 37.7% - 69.7% daripada trafik keseluruhan. Penggunaan motosikal pula adalah kedua tertinggi yang merangkumi 20.3% - 38.0% daripada keseluruhan trafik.

Komposisi kenderaan berat (lori sederhana, lori berat dan bas) pula adalah 0.4% - 12.3%. Jalan Feri Lama mempunyai komposisi kenderaan berat yang tinggi iaitu 12.3%. Hal ini disebabkan Jalan Feri Lama merupakan laluan utama bagi kawasan perindustrian.



Jadual 3.61: Tahap Keupayaan Jalan Raya Utama RKK Tanjung Gemok.

Stesen Bancian	Trafik 16 Jam (Kend/Hari)	Arah Trafik	Trafik Waktu Puncak (vph)	Volume To Capacity (V/C)	LOS
J1) Laluan Persekutuan 3 (Jambatan Sungai Endau)	16,607	Ke Rompin	809	0.45	C
		Ke Endau	794		
J2) Laluan Persekutuan 3 (Taman Cemerlang)	16,591	Ke Rompin	724	0.48	C
		Ke Endau	962		
J3) Laluan Persekutuan 3 (Masjid Sultan Haji Ahmad Shah)	13,641	Ke Rompin	684	0.36	B
		Ke Endau	598		
J4) Jalan Tanjung Gemok – Kampung Kasing (C107)	5,025	Ke Kampung Kasing	234	0.16	A
		Ke Tanjung Gemok	240		
J5) Jalan Sri Pinang	3,766	Ke Tanjung Gemok	122	0.10	A
		Ke Rompin	180		
J6) Jalan Tanjung Pahang	2,965	Ke Endau	156	0.09	A
		Ke Kampung Tanjung Pahang	110		
J7) Simpang Rompin Endau – Tanjung Pahang	3,998	Ke Endau	166	0.12	A
		Ke Kampung Tanjung Gemok	210		
J8) Jalan Feri Lama	2,747	Ke Kampung Gading	122	0.08	A
		Ke Rompin	122		

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

Berdasarkan analisis keupayaan jalan semasa kawasan kajian menunjukkan pada keadaan semasa ke semua jalan masih beroperasi dalam kapasiti dengan tahap perkhidmatan jalan *LOS A* hingga *LOS C*. Jalan dalaman masih beroperasi dengan *LOS A* di mana dapat disimpulkan bahawa kawasan kajian mempunyai penduduk yang sedikit. Jumlah trafik yang banyak di Laluan Persekutuan 3 disebabkan trafik luar (perjalanan jarak jauh).

Jadual 3.62: LOS dan Purata Kelengahan.

Los	Kadar Kelengahan (Saat)			Penerangan
	Persimpangan Berlampu Isyarat	Persimpangan Tanda Berhenti	Persimpangan Bulatan	
LOS A	<10 saat	<10 saat	<10 saat	Aliran Bebas
LOS B	11-20 saat	11-20 saat	11-15 saat	Aliran Kurang Bebas
LOS C	21-35 saat	21-35 saat	16-25 saat	Aliran Stabil
LOS D	36-55 saat	36-50 saat	26-35 saat	Aliran Kurang Stabil
LOS E	56-80 saat	51-70 saat	36-50 saat	Aliran Mula Sesak
LOS F	>81 saat	> 71 saat	> 51 saat	Aliran Sangat Sesak

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019


Jadual 3.63: Tahap Keupayaan Persimpangan Utama RKK Tanjung Gemok.

Stesen	Lokasi	LOS
P1	Persimpangan tiga tanda berhenti Laluan Persekutuan 3 / Jalan Sri Pinang	A
P2	Persimpangan tiga tanda berhenti Laluan Persekutuan 3 / Jalan Tanjung Pahang	F
P3	Persimpangan tiga tanda berhenti Laluan Persekutuan 3 / Simpang Rompin Endau – Tanjung Pahang	A
P4	Persimpangan tiga tanda berhenti Laluan Persekutuan 3 / Jalan Feri Lama	A
P5	Persimpangan empat tanda berhenti Laluan Persekutuan 3 / Jalan Murni / Jalan Tanjung Gemok – Kampung Kasing (C107)	A

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

Isu semasa : Kedapatan persimpangan yang telah beroperasi melebihi kapasiti LOS F dan ianya perlu dinaik taraf. Penaiktarafan perlu mengambil kira persimpangan berdekatan.

Modal Split semasa bagi Tanjung Gemok:





TAJUK

Rajah 3.58
Sistem Perhubungan Sedia Ada RKK Tanjung Gemok 2019

PETUNJUK:

- Jalan Pengagih Utama
- Jalan Pengagih Sekunder
- Jalan Pengagih Tempatan
- 3 — No Jalan
- J1 — No Stesen Bancian Jalan Raya
- P2 — No Stesen Bancian Persimpangan
- Pantai
- Laut

Lain-lain :

- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Rancangan Kawasan Khas (RKK)

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

2. PENGANGKUTAN AWAM

Pada keadaan semasa, tiada **perkhidmatan bas ekspres dan bas berhenti-henti** disediakan secara terus ke Stesen Bas Tanjung Gemok. Perkhidmatan bas ekspres dan bas berhenti-henti diperolehi di hentian transit yang terletak bersebelahan Laluan Persekutuan 3. Kaunter tiket disediakan berhadapan perhentian transit.



Jadual 3.64: Perkhidmatan Bas Ekspres di Tanjung Gemok.

Bil	Syarikat Bas	Destinasi	Jumlah Trip
1	Transnasional	Tanjung Gemok - TBS	9
		Tanjung Gemok - Kota Bahru	7
		Tanjung Gemok - Kuantan	5
		Tanjung Gemok - Kuala Terengganu	11
2	Sanwa Ekspres	Tanjung Gemok - TBS	14
		Tanjung Gemok - Seremban	9
		Tanjung Gemok - Johor Bahru	9
		Tanjung Gemok - Selangor	6
		Tanjung Gemok - Kuantan	20
3	Sepakat Linear	Tanjung Gemok - TBS	2
4	K.K.K.L	Tanjung Gemok - Singapura	4

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

Jadual 3.65: Perkhidmatan Bas Berhenti-henti di Tanjung Gemok.

Bil	Syarikat Bas	Laluan Perkhidmatan	Waktu Operasi	Jumlah Trip
1	Rahmat Alam Enterprise Sdn Bhd	Endau – K.Rompin - Nenasi – Pekan	8.00 pagi - 5.00 petang	4

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

Perkhidmatan bas persiaran merupakan satu-satunya perkhidmatan bas yang menurunkan penumpang di dalam Tanjung Gemok. Destinasi utama perkhidmatan bas persiaran adalah di Jeti Tanjung Gemok di mana perkhidmatan feri ke Pulau Tioman disediakan. Antara syarikat bas persiaran yang menyediakan perkhidmatan ke Jeti Tanjung Gemok ialah LA Holiday Travel & Tours, Sanwa Ekspres, Discovery Tours, KKKL Travel & Tours PTE LTD, CEO Platinum Deluxe dan WKL Travel & Tours PTE LTD.

Pada keadaan semasa, **perkhidmatan teksi** di Tanjung Gemok disediakan secara persendirian. Perkhidmatan ini boleh didapati di Stesen Bas Endau atau Jeti Tanjung Gemok. Perkhidmatan teksi kurang mendapat sambutan kerana kurangnya permintaan dari penduduk tempatan. Perkhidmatan ini kebiasaannya aktif pada hujung minggu atau cuti umum atas permintaan pelancong yang datang untuk ke Pulau Tioman.



Perkhidmatan feri yang disediakan di Tanjung Gemok tertumpu pada destinasi pelancongan Pulau Tioman. Pada keadaan semasa terdapat tiga syarikat yang menyediakan perkhidmatan feri. **Jadual 3.66** menunjukkan perkhidmatan feri di Tanjung Gemok.

Jadual 3.66: Perkhidmatan Feri Tanjung Gemok.

Bil	Syarikat	Jumlah Trip Sehari	Senarai Masa Bertolak	
			Tanjung Gemok	Pulau Tioman
1	Bistari Gemilang Sdn. Bhd.	4	7.00 pagi 8.00 pagi 11.00 pagi 12.00 tengah hari	9.00 pagi 2.30 petang
2	Cataferry Sdn. Bhd.	2	7.15 pagi 11.30 pagi	9.00 pagi 1.00 petang
3	Dragon Star Shipping Sdn. Bhd.	2	10.00 pagi	2.30 petang

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

3. PENGURUSAN LALU LINTAS

Penyediaan **tempat letak kenderaan** di dalam kawasan kajian terdiri daripada dua jenis iaitu tempat letak kenderaan pinggir jalan (*On-Street Parking*) dan TLK luar jalan (*Off-Street Parking*).

TLK Pinggir Jalan menggunakan sebahagian daripada jalan (dalam rizab) untuk parkir kereta / kenderaan lain. TLK ini kebiasaannya terdapat pada jalan pengagih tempatan atau jalan akses. Bagi kawasan kajian, TLK pinggir jalan banyak disediakan di hadapan premis perniagaan.



Perletakan kenderaan di hadapan kedai.



Perletakan kenderaan di bahu jalan.

TLK Luar Jalan boleh didapati sama ada dalam bangunan atau di suatu tapak khusus. Juga dikenali sebagai parkir berpusat. Parkir luar jalan ini boleh didapati di tempat-tempat tumpuan awam seperti pasaraya, terminal pengangkutan awam, kawasan sekolah, taman rekreasi dan sebagainya.



Perletakan kenderaan di Stesen Bas.



Perletakan kenderaan di jeti.







Perletakan kenderaan di dalam kawasan rumah (berpagar) – oleh penduduk tempatan.

Pada keadaan semasa, **pemandu lori bertindak memarkir lori mereka di kiri dan kanan Laluan Persekutuan 3**. Perletakan secara sementara ini disebabkan pemandu lori tersebut singgah sebentar untuk berehat dan makan. Penyediaan depoh kenderaan berat perlu dipertimbangkan kerana aspek keselamatan pengguna lain memandangkan Laluan Persekutuan 3 ini merupakan laluan utama.



Perletakan kenderaan di kiri dan kanan Laluan Persekutuan 3.



Foto: Perletakan bonggol di sesuatu kawasan bagi mengelakkan kenderaan memecut

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

TAJUK

Rajah 3.59
Pengurusan Lalu Lintas Pusat Bandar Tanjung Gemok

PETUNJUK:

- Tempat Letak Kenderaan
- Tempat Letak Kenderaan (Haram)
- Perletakan Lori Secara Haram
- No Jalan
- Tempat Letak Kenderaan Berpusat
- Tempat Letak Kenderaan Persendirian
- Arah Aliran Lalu lintas
- Bonggol
- Persimpangan Tanda Berhenti
- Persimpangan Berlampu Isyarat
- Pantai
- Laut

Lain-lain :

- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Rancangan Kawasan Khas (RKK)

B. PROSPEK DAN CABARAN

Secara keseluruhannya, penemuan cabaran dan prospek bagi sektor pengurusan dan perhubungan lalu lintas adalah seperti berikut:

Jadual 3.67: Senarai Prospek dan Cabaran Perancangan Pengurusan dan Perhubungan Lalu Lintas.

LOKASI	CABARAN	PROSPEK
Stesen Bas Tanjung Gemok.	**Stesen bas sedia ada tidak digunakan**. Pengguna perkhidmatan bas awam perlu mendapatkan bas di perhentian transit yang terletak bersebelahan Laluan Persekutuan 3.	Cadangan naik taraf stesen bas sedia ada dengan tambahan kemudahan sokongan untuk pengguna dan naik taraf persimpangan utama memudahkan akses masuk ke Pekan Tanjung Gemok dan stesen bas.
Laluan Persekutuan 3 berhampiran Jambatan Sungai Endau hingga persimpangan Laluan Persekutuan 3 / Jalan Sri Pinang.	**Perletakan kenderaan berat di bahu Jalan** Laluan Persekutuan 3 boleh mengundang bahaya memandangkan laluan tersebut merupakan laluan utama.	Cadangan depoh lori di lokasi bersesuaian.
Kawasan industri Selancur, Jalan Sri Pinang ke Jalan Tanjung Pahang.	Kedapatan **jalan tempatan yang rosak / tidak bersambung** menyukarkan kemudahsampaian.	Cadangan jalan sambungan yang berpotensi mempertingkatkan tahap kemudahsampaian bagi penduduk dan juga kawasan industri. Jalan sambungan bagi Tanjung Pinang ke Jalan Tanjung Pahang berpotensi dijadikan laluan basikal bagi tarikan pelancong.
Persimpangan Laluan Persekutuan 3 / Jalan Tanjung Pahang.	Kedapatan **persimpangan sedia ada yang telah beroperasi melebihi kapasiti** iaitu LOS F.	Cadangan untuk dijadikan persimpangan belokan kiri untuk mengurangkan konflik lalu lintas memandangkan lokasi persimpangan ini sangat hampir dengan persimpangan utama ke Tanjung Gemok.
Laluan Persekutuan 3 berhampiran Jambatan Sungai Endau.	**Ketiadaan lintasan pejalan kaki / jejantas** yang menghubungkan pekan Tanjung Gemuk dengan Dataran Tanjung Gemok.	Berpotensi dilakukan *traffic calming* bagi mempertingkatkan pengurusan lalu lintas iaitu dengan tambahan lintasan pejalan kaki di persimpangan dan *transvers bars* untuk memperlahankan kenderaan.
Laluan Persekutuan 3 daripada Simpang Rompin Endau – Tanjung Pahang hingga Masjid Sultan Haji Ahmad Shah.	Pemanduan motosikal secara perlahan di jalan utama (bagi kebanyakan penduduk warga emas) membahayakan pengguna lain.	Rizab jalan mencukupi untuk penaiktarafan dengan ciri keselamatan.
Laluan Persekutuan 3.	Kedapatan bangunan semasa yang berada dalam rizab jalan.	Rizab jalan sedia ada boleh diguna untuk tujuan pembaikan geometri jalan / persimpangan.


Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

3.11 INFRASTRUKTUR DAN UTILITI

A. RUMUSAN PENEMUAN

Perancangan infrastruktur dan utiliti terbahagi kepada 6 perkara iaitu bekalan air, elektrik, sistem pembetungan, pengurusan sisa pepejal, telekomunikasi, saliran dan pengairan. Secara kesimpulan, perancangan infrastruktur merujuk di rajah dan jadual di bawah.

Rajah 3.60: Permintaan dan Penawaran Kemudahan Infrastruktur dan Utiliti.



	Keperluan Bekalan Air	Kapasiti LRA	Keperluan Bekalan Elektrik	Kapasiti PMU	Keperluan PE '000	Kapasiti Loji Rawatan Kumbahan '000	Keperluan Janaan Sisa Pepejal '000	Kapasiti Tapak Pelupusan Sisa Pepejal '000	Talian Tetap (Keperluan) '00	Talian Tetap (Kapasiti) '00
Liputan Perkhidmatan	28.99		13.74		1.08		35.05		3.53	
Kapasiti		36.38		81		1.125		50		21.9
Semasa	3.75		7.81		8.77		6.96			



Foto: Struktur batu benteng Sungai Endau jatuh akibat mendapan sungai.



Foto: Hakisan pantai kesan daripada hentaman ombak di Kampung Tanjung Pahang.



Foto : Sistem peparitan konkrit Kampung Tanjung Pahang.




Foto : Sistem Perparitan konkrit dan parit tanah di kawasan kajian.

BEKALAN AIR

- Margin rezab LRA Sepayang sebanyak 20.32%.
- Sistem paip pengagihan semasa yang masih menggunakan jenis Asbestos Simen (AC).
- Tekanan Air Rendah dimana air daripada LRA Sepayang tidak dapat mencapai ke Tangki Tanjung Gemok.
- Kadar NRW yang rendah 0.95% (Amalan Terbaik).
- Permintaan B.Air bersih meningkat dengan kadar purata 5% Setahun.

BEKALAN ELEKTRIK

- Margin Rezab Bekalan Elektrik 83.07%.
- Permintaan bekalan elektrik meningkat dengan kadar purata 6% setahun.
- Pemasangan kabel jalan "overhead" melintasi jalan yang boleh mengundang bahaya terhadap pengguna jalan raya.



SALIRAN DAN PENGAIRAN

- Kejadian Banjir di Kampung Tanjung Pahang yang disebabkan oleh fenomena air pasang besar.
- Hakisan Benteng Sungai Endau yang disebabkan oleh hentaman ombak secara semula jadi dan juga daripada laluan bot dan kapal.
- Struktur benteng Sungai Endau yang rosak disebabkan oleh mendapan sungai.

SISTEM PEMBETUNGAN

- Kawasan Liputan Loji Rawatan Sisa Kumbahan hanya terdapat di kawasan Taman Perumahan sahaja dengan kapasti 1125PE.
- Lain-lain perumahan mengunakan Sistem Konvensional Tandas Curah dan Tangki Septik.

TELEKOMUNIKASI

- Margin Rezab penggunaan talian tetap 83% (Lebihan talian tetap yang tinggi dimana penggunaan talian tetap setiap tahun menunjukkan penurunan penggunaannya).
- Secara keseluruhan, kawasan kajian telah menerima perkhidmatan 4G / LTE daripada penyediaan perkhidmatan.

PENGURUSAN SISA PEPEJAL


- Penyediaan tong sampah individual hanya terdapat dikawasan Taman Perumahan (3 kali kutipan seminggu), kawasan komersial dan perindustrian (Setiap Hari Kutipan).
- Kawasan Perkampungan hanya disediakan tong sampah pukal 1100 liter.
- Margin rizab tapak pelupusan sisa pepejal Kampung Feri di km 5 telah mencapai 30% sahaja.

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

B. UNJURAN KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR DAN UTILITI

Pengiraan unjuran infrastruktur dan utiliti berdasarkan daripada unjuran penduduk dan juga cadangan daripada sektor-sektor lain bagi mengenal pasti keperluan infrastruktur dan utiliti yang diperlukan menjelang tahun 2030.

Rajah 3.61: Unjuran Kemudahan Infrastruktur dan Utiliti.



	Unjuran Bekalan Air	Kapasiti LRA	Unjuran Bekalan Elektrik	Kapasiti PMU	Unjuran PE	Kapasiti Loji Rawatan Kumbahan	Unjuran Janaan Sisa Pepejal	Kapasiti Tapak Pelupusan Sisa Pepejal		
Liputan Perkhidmatan	28.99		13.74		1.08		35.05		3.53	
Kapasiti		36.38		81		1.125		50		21.9
Tahun 2030	0.34		0.71		0.80		0.64		0.32	
Tahun 2025	0.40		0.83		0.93		0.74		0.39	
Semasa	3.75		7.81		8.77		6.96			



Foto: Penyediaan Loji Rawatan Sisa Kumbahan yang dibahagikan kepada 3 modul (1 Modul 5,000 PE).



Foto: Penerapan panel solar bagi janaan bekalan elektrik.



Foto: Keperluan terhadap Amalan Kitar Semula yang perlu dilaksanakan dalam pengurusan sisa pepejal

BEKALAN AIR


- Rezab Bekalan air 9.49% Loji Rawatan Air Sepayang (kurang daripada rizab selamat 25%) yang tidak mencukupi bagi menampung keperluan bekalan air sehingga tahun 2030.
- Keperluan kepadanan menaik taraf sistem loji rawatan air bersih dan penyediaan pam air untuk disalurkan kepada tangki air kawasan kajian Tanjung Gemok.

BEKALAN ELEKTRIK

- Keupayaan PMU Tg.Gemuk dapat menampung keperluan dengan rizab 73.20%.
- Kemampuan untuk menampung cadangan pembangunan sehingga tahun 2030.

SALIRAN DAN PENGAIRAN

- Kejadian Banjir di Kampung Tanjung Pahang yang disebabkan oleh fenomena air pasang besar.
- Hakisan Benteng Sungai Endau yang disebabkan oleh hentaman ombak secara semula jadi dan juga daripada laluan bot dan kapal.
- Struktur benteng Sungai Endau yang rosak disebabkan oleh mendapan sungai



SISTEM PEMBETUNGAN

- Keperluan PE yang meningkat iaitu 10033PE dan memerlukan loji rawatan sisa kumbahan serantau dengan keupayaan PE 15,000 dengan keluasan 2.47 ekar (Tidak Termasuk Zon Penampan)
- Loji rawatan sisa kumbahan dibahagikan kepada modul bagi memberi perkhidmatan yang pada fasa jangka masa pendek dan panjang. (1 modul 5,000PE)
- Pelaksanaan tangki septik individu dan komunal yang berskala kecil untuk memberi perkhidmatan dan penjadualan penyelenggaraan kepada penduduk setempat.

TELEKOMUNIKASI

- Keperluan meningkat dengan 424 talian tetap dengan peningkatan 0.20% dimana peningkatan tertumpu kepada pengguna komersial dan perindustrian.
- Lebihan rezab masih mencukupi dengan 80.66%.
- Keupayaan pencawang telekomunikasi yang mampu dipertingkatkan kepada liputan 5G untuk meliputi keseluruhan kawasan kajian.

PENGURUSAN SISA PEPEJAL

- Peningkatan sisa pepejal sebanyak 7.1 tan/hari (Anggaran jumlah 42.15 Daerah Rompin) masih mencukupi dengan rizab 15.70%.
- Sasaran mencapai 30% kadar kitar semula pada tahun 2030 perlu dicapai dengan program-program dan penguatkuasaan yang perlu dilaksanakan.
- Penyediaan rumah sampah bagi setiap penyediaan tong pukal supaya keadaan visual dan pelepasan air buangan yang baik.

C. PROSPEK DAN CABARAN

Secara keseluruhannya, penemuan cabaran dan prospek bagi sektor infrastruktur dan utiliti adalah seperti berikut:

Jadual 3.68: Senarai Prospek dan Cabaran Perancangan Kemudahan Infrastruktur dan Utiliti.

LOKASI	CABARAN	PROSPEK
Pesisiran Pantai Kampung Tanjung Pahang (Ban Banjir dan Pemecah Ombak).	• Fenomena air pasang besar yang tidak dapat dijangka akan kejadiannya. • Impak fenomena air pasang besar menyebabkan kejadian banjir yang melanda Kg Tanjung Pahang.	• Keperluan kajian lanjutan seperti kajian hidrolik (*Hydraulic Study*) yang lebih terperinci kepada kawasan tersebut.
Sungai Endau (Benteng Penahan Ombak dan Benteng Pemecah Ombak).	• Mendapan tanah yang menyebabkan Sungai Endau cetek. • Hakisan tanah di benteng-benteng Sungai Endau kesan terhadap hentaman ombak yang terhasil daripada laluan bot dan kapal dan juga kejadian semula jadi.	
Kampung Selancar , Kg Tanjung Pahang, Kg Teluk Gading, Kg Tg Gemok (Loji Rawatan Sisa Kumbahan Serantau dan Loji Rawatan Sisa Kumbahan Bio Teknologi – Perindustrian).	• Penyambungan terhadap sistem pembetungan yang meliputi kawasan sedia ada terutama kawasan kampung yang tidak mempunyai kelengkapan infrastruktur yang lengkap.	• Menaik taraf sistem infrastruktur kediaman kampung menyalurkan sistem buangan kumbahan secara terus ke sistem pembetungan yang akan disediakan.
Jalan Persekutuan 3, Jalan Feri Lama, Jalan Anggerik, Jalan Murni dan Jalan Tg Gemok (Penyediaan Rizab Utiliti).	• Penyediaan rizab utiliti di jalan sedia ada di mana tiada peruntukkan 3.00 meter bagi kiri dan kanan rizab jalan. • Penyelenggaraan dan pemasangan utiliti yang menyebabkan kacau ganggu lalu lintas.	• Memastikan cadangan jalan baru menyediakan rizab utiliti dengan kelebaran 3.00 meter bagi kiri dan kanan.
Loji Rawatan Air Bersih Sepayang (LRA dan Sistem Pengagihan).	• Kajian lanjutan bagi mengambil kira keseluruhan kawasan tadahan loji rawatan air Sepayang dan bukannya tertumpu pada kawasan kajian sahaja.	• Keperluan menaik taraf LRA Sepayang dan sistem pengagihan bekalan air bersih yang perlu mengambil kira keseluruhan kawasan tadahan bagi menentukan kapasiti naik taraf LRA Sepayang.
Keseluruhan kawasan kajian.	• Penerapan teknologi hijau di dalam perancangan baru dan sedia ada yang memerlukan kos tambahan yang menyebabkan pemilik sukar menerapkan aplikasi teknologi hijau ini.	• Jika mengambil kira tempoh masa penggunaan teknologi hijau seperi SPAH, GBI dan Panel Solar akan mengembalikan pulangan modal terhadap kos penerapan teknologi tersebut.

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019



4.0
Konsep dan Strategi Pembangunan

4.1 MATLAMAT DAN OBJEKTIF

A. MATLAMAT

Matlamat pembangunan dibentuk selaras dengan potensi dan kekuatan kawasan kajian sebagai pintu masuk utama *(gateway)* Negeri Pahang (dari arah tenggara); dan juga berperanan dalam menjalankan fungsinya sebagai salah satu pintu masuk *(entry point)* bagi kawasan pelancongan utama Negeri Pahang iaitu Pulau Tioman. Penyediaan pelan tindakan pembangunan yang dirangka perlu komprehensif dan berdaya laksana.

Matlamat penyediaan RKK Tanjung Gemok adalah :

M A T L A M A T

"Menyediakan Pelan Tindakan Pembangunan yang komprehensif dan berdaya laksana untuk Pekan Tanjung Gemok sebagai Hab Pelancongan dan Pusat Perkhidmatan yang berdaya maju selaras dengan peranannya sebagai *Entry Point* ke Pulau Tioman."



Sumber : Portal Rasmi Pelancongan Pahang, 2019

B. OBJEKTIF

Objektif-objektif yang telah dikenal pasti bagi Kajian RKK Tanjung Gemok :



Menghasilkan dokumen perancangan komprehensif dan terperinci untuk perancangan guna tanah kawasan Tanjung Gemok bagi memudahkan kawalan pembangunan.



Mengenal pasti kawasan tindakan khas berpotensi yang perlu diberi keutamaan perincian cadangan seperti kawasan Pekan Tanjung Gemok, kawasan pinggir sungai dan muara, kawasan industri atau jeti pendaratan ikan dan lain-lain.



Menambahbaik kemudahan penginapan, infrastruktur dan utiliti bagi kemudahan pelancongan dan penyediaan kemudahan untuk aktiviti ekonomi masyarakat setempat.



Mempertingkatkan identiti dan imej Pekan Tanjung Gemok melalui penambahbaikan kualiti persekitaran seperti pengindahan landskap dan imej Pekan Tanjung Gemok sebagai pintu masuk (*gateway*) utama ke Kepulauan Tioman, Taman Negeri Endau Rompin dan Negeri Johor.

4.2 HALA TUJU DAN BIDANG FOKUS RKK TANJUNG GEMOK

Berasaskan matlamat dan hala tuju pembangunan yang dirangka, fokus pembangunan bagi kawasan RKK Tanjung Gemok adalah dijelaskan sebagaimana berikut:

Hala Tuju Pembangunan

Hab Pelancongan dan Pusat Perkhidmatan yang Maju dan Selesa Selaras dengan peranannya sebagai *Entry Point* ke Pulau Tioman

FOKUS HALA TUJU

Penyusunan guna tanah spatial

- Penyusunan, pemutihan dan penguatkuasaan bagi kawasan tindakan segera (Jeti Lesen Pendudukan Sementara (LPS), perumahan warga asing dan setinggan, perumahan pekerja perikanan, bangunan-bangunan di kawasan jeti perikanan).
- Mengoptimumkan kesediaan tanah pembangunan bagi perancangan komprehensif.
- Pembaikan sistem perhubungan dan penyelarasan mengikut hierarki.
- Peluang pembangunan perdagangan, industri dan perumahan.

Tanjung Gemok sebagai hab pelancongan (karektor, imej dan identiti menarik)

- Pengindahan, penerapan imej reka bentuk pusat bandar pelancongan. (Elemen sejarah tempatan, feri dan menara Tanjung Gemok)
- Penerapan konsep bandar hijau melalui promosi lingkaran hijau, pejalan kaki dan basikal sebagai identiti bandar kecil pelancongan dan menarik.
- Penyediaan kemudahan, tarikan, aktiviti dan produk pelancongan - hasil laut dan pertanian.
- Mengoptimumkan aset semula jadi (sungai / lokasi / *sunset-sunrise* / rangkaian / hubungan dengan kawasan lapang / tarikan pelancongan).
- Penyediaan Medan Selera Makanan Laut sebagai destinasi untuk menikmati hasil laut tempatan.

Penyusunan dan penambah baikan industri marin dan perikanan

- Penyusunan dan pengurusan secara bersepadu melibatkan Majlis Daerah Rompin, Pejabat Tanah & Daerah Rompin, Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) dan lain-lain (Polis Marin, Jabatan Laut dan Kastam).
- Meminimumkan kesan terhadap alam sekitar dan pengawalan dilaksanakan.
- Memastikan pelesenan aktiviti serta pembinaan berasaskan garis panduan dan kelulusan Kebenaran Merancang (KM).
- Memastikan kesan limpahan dalam bentuk pekerjaan, pemasaran produk dan *branding* (Tanjung Gemok atau Rompin).
- Mengoptimumkan potensi bahan mentah bagi industri asas tani dan hiliran berasaskan perikanan.

Pengukuhan dan peningkatan mutu prasarana dan infrastruktur dan ekonomi

- Galakan dan pembangunan pertanian moden bagi memenuhi permintaan penduduk dan pelancong.
- Penumpuan kepada infrastruktur berkaitan pelancongan seperti bengkel dan tempat letak bot, jeti, *cruise* dan lain-lain.
- Penyediaan dan naiktaraf kemudahan infrastruktur yang kritikal seperti bekalan air.
- Penyediaan infrastruktur secara berperingkat bagi pembentungan berpusat, pengutipan sisa pepejal dan perparitan dan lain-lain.
- Pembaikan dan naik taraf aksesibiliti wilayah, lalu lintas - hubungan kawasan pusat bandar dan Tanjung Gemok, pusat transit dan kemudahan pengangkutan bersepadu.

SIGNIFIKASI POTENSI

- Transit dan *gateway* Pulau Tioman.
- Hab pelancongan masa hadapan dengan pengukuhan sebagai transit ke Taman Negeri Endau Rompin, Kepulauan Mersing dan kawasan pelancongan berpotensi di sekitar (Lanjut-Rompin, Endau-Penyabong)
- Laluan utama pantai timur daripada selatan (Johor-Pahang)
- Industri perikanan dan produk berasaskan marin yang bertaraf nasional dan bagi tujuan eksport.
- Kesediaan tanah bagi tujuan pembangunan.
- Fungsi bandar sempadan dan sebagai pintu masuk Johor dari Endau, Mersing.
- Aset lokasi dan *setting* yang menarik di pinggir dan muara Sungai Endau dan berpotensi untuk aktiviti rekreasi berasaskan maritim (memancing dan lain-lain).
- Perkampungan Tanjung Pahang yang menarik dan boleh diperelokkan untuk tujuan tarikan, pelancongan dan pemeliharaan.
- Kewujudan industri dan produk tempatan yang berpotensi seperti keropok, ikan masin, jagung, tembikai dan lain-lain.


CABARAN ISU

- Pembangunan ekonomi agak perlahan dan tidak memberi kesan langsung yang optimum kepada penduduk setempat (walaupun wujud potensi pelancongan dan perikanan).
- Kemudahan berkaitan pelancongan seperti produk dan kemudahan pelancongan, kawasan rekreasi, pusat pengangkutan dan kemudahan berkaitan bot, jeti dan lain-lain).
- Kurang tumpuan dan penekanan terhadap pembangunan identiti dan imej bandar (fasad dan rupa bandar).
- Corak pembangunan pusat Bandar Tanjung Gemok yang kurang teratur dan tidak mampu mengoptimumkan fungsi bandar transit pelancongan.
- Sistem jaringan pengangkutan antara wilayah masih kurang efisien dan bersistematik.
- Hierarki jalan semasa, akses kawasan industri dan kawasan pantai, keadaan jalan dan persimpangan kurang memuaskan.
- Kemudahan infrastruktur yang tidak menyeluruh dan kurang mencukupi (sisa pepejal, pembetungan, bekalan air, perparitan).
- Kemudahan kediaman warga asing / pekerja sektor perikanan.
- Pembangunan di atas zon riparian dan rizab sungai.


4.3 ANALISIS HALANGAN DAN POTENSI PEMBANGUNAN

Analisis halangan dan potensi pembangunan diringkaskan dalam paparan **Rajah 4.1** dan diterjemahkan ke dalam bentuk pelan spatial sebagaimana di dalam **Rajah 4.2** dan **4.3**. Rajah-rajah tersebut menggambarkan kawasan-kawasan yang berhalangan dan berpotensi diperelokkan dan menjadi kawasan tindakan dalam cadangan zon-zon tindakan.

Rajah 4.1: Analisis Pertalian SWOT Kawasan RKK Tanjung Gemok.



Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019



Rajah 4.2 :
Rumusan Isu dan Masalah Utama, RKK Tanjung Gemok

PETUNJUK:


- Kawasan Pantai (sampah/kotor/buangan)
- Nodus (Gerai/Kedai Makan)
- Titik Akses
- Chalet - Tanah Persendirian
- Sungai / Longkang Tertutup
- Rumah Cantik
- Kawasan Pembangunan Terkawal
- Kawasan Berpaya (Wetland)
- Pokok Pinggir Pantai Ru/Belukar
- Tanah Persendirian - menghalang pemandangan pantai

Lain-lain:

- Laluan Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Rancangan Kawasan Khas (RKK)

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

Rajah 4.3: Kawasan Berpotensi dan Tumpuan Utama, RKK Tanjung Gemok.



Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

4.4 PEMBENTUKAN KONSEP DAN STRATEGI PEMBANGUNAN

Asas utama cadangan konsep pembangunan yang dibentuk adalah bertujuan mengoptimumkan potensi sedia ada Tanjung Gemok di samping penyelesaian terhadap isu, potensi dan hala tuju pembangunan akan datang sebagaimana berikut:

- Fungsi Tanjung Gemok sebagai pintu masuk (*gateway*) transit pelancongan ke Pulau Tioman, Taman Negeri Endau, Rompin serta bersempadan Daerah Mersing, Johor yang merupakan kawasan pelancongan berasaskan pulau dan pantai.
- Pembangunan sebagai bandar kecil menarik yang mampu menjadi hab pelancongan tersendiri dengan wujudnya potensi dan *setting* Tanjung Gemok di pinggir Muara Sungai Endau, Laut China Selatan dan kedapatan sumber pelancongan di persekitaran.
- Tanjung Gemok sebagai pusat perkhidmatan penduduk dan berkepentingan sebagai kawasan tumpuan industri perikanan dan marin dengan kewujudan jeti-jeti pendaratan perikanan yang bersimbiosis dengan Pekan Endau, Johor yang bersempadan. Keperluan pengawalan dan penstrukturan industri perikanan yang memberi pulangan ekonomi di samping mengawal kesan kepada alam sekitar dan mengelak konflik guna tanah akan menjadi keutamaan dalam pembangunan Tanjung Gemok.
- Pengukuhan prasarana dan infrastruktur akan ditumpukan bagi mengembangkan potensi dan mengawal pembangunan agar lebih tersusun dan mampan. Hierarki jalan yang lebih baik, kemudahan infrastruktur (bekalan air, pembetungan, pengurusan sisa pepejal) turut ditumpukan dalam pembentukan strategi pembangunan Tanjung Gemok.
- Meningkatkan dan menaik taraf kemudahan masyarakat, infrastruktur dan fasiliti pelancongan bagi memenuhi keperluan penduduk serta perkembangan pelancongan pada masa hadapan.

4.5 KONSEP & ZON TINDAKAN PEMBANGUNAN

Zon pembangunan spatial dibentuk dalam rangka memastikan bidang fokus dan sasaran utama pembangunan diterjemahkan ke dalam bentuk kawasan tindakan. Konsep pembangunan ini dibahagikan kepada 4 zon kawasan tindakan sebagaimana berikut (rujuk **Rajah 4.4**)

ZON 1 : PUSAT BANDAR

Meliputi kawasan pusat bandar sedia ada di Tanjung Gemok yang perlu dicadangkan elemen imej dan reka bentuk bandar menarik sesuai fungsi transit pelancongan. Ia meliputi kawasan perdagangan sedia ada, Jeti Tanjung Gemok dan kawasan Dataran Tanjung Gemok.

ZON 2 : PERUMAHAN

Kawasan perumahan sedia ada dan berpotensi di timur dan barat kawasan RKK. Merupakan kawasan perumahan perkampungan dan pertanian sedia ada. Kawasan sepanjang jalan utama Rompin - Tanjung Gemok yang dicadangkan untuk penerapan elemen utama membentuk *mind-mapping* dan imej pekan dan kawasan Tanjung Gemok. Cadangan meliputi landskap, pejalan kaki dan papan-papan tanda bersesuaian.


ZON 3 : PESISIR SUNGAI ENDAU DAN INDUSTRI MARITIM

Merupakan kawasan semasa yang dibangunkan dengan jeti-jeti perikanan milik syarikat dan persendirian. Keseluruhannya, kawasan barat jambatan di pinggir Sungai Endau.

ZON 4 : PESISIR PANTAI / TANJUNG PAHANG

Kawasan muara sungai dan sepanjang pesisir pantai di kawasan RKK meliputi kawasan Pantai Tanjung Pahang sehingga sempadan kawasan kajian. Ia merupakan kawasan timur jambatan Tanjung Gemok. Kawasan ini merupakan kebanyakannya kawasan yang berpotensi diperelokkan dan dibangunkan.

Merupakan kawasan berada di antara kawasan perumahan terancang dan kawasan pantai. Keseluruhannya adalah kawasan kampung dan menjadi pemisah atau *buffer zone* yang boleh dibangunkan dengan pembangunan landskap kedesaan dengan lokasi perkampungan menarik.



Rajah 4.4 :
Konsep dan Zon Tindakan Pembangunan RKK tanjung Gemok

PETUNJUK:

- Zon 1 : Pusat Bandar
- Zon 2 : Perumahan
- Zon 3 : Pesisir Sungai Endau dan Industri Maritim
- Zon 4 : Pesisir Pantai/Tanjung Pahang
- Pengekalan Hutan
- Nodus Utama
- Nodus Pelancongan
- Laluan Hubungan Utama
- Cadangan Akses Dalaman

Lain-lain:

- Laluan Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Rancangan Kawasan Khas (RKK)

4.6 STRATEGI PEMBANGUNAN

Strategi pembangunan ini dapat dicapai dengan melalui cadangan-cadangan mengikut sektoral yang terlibat.

SENARAI SEKTORAL	SENARAI STRATEGI	
REKA BENTUK	S1	Mempertingkatkan Imej dan Mewujudkan Identiti Tersendiri Tanjung Gemok.
	S2	Menyediakan Kawasan *Public Realm* yang Menarik dan Saling Berhubung dengan Nodus Sedia Ada Pusat Bandar.
	S3	Menyediakan Infrastruktur yang Bersepadu dan Lengkap Bagi Menyokong Fungsi Tanjung Gemok Sebagai *Gateway* Pulau Tioman.
LANDSKAP DAN REKREASI	S1	Mengintegrasikan Jaringan Zon Kawasan Hijau Semula Jadi dan Zon Landskap Bandar Sebagai Tarikan Rekreasi Baharu.
	S2	Mewujudkan Persekitaran Bandar Yang Menarik, Selesa dan Berkualiti Bagi Meningkatkan Kualiti Hidup Rakyat.
	S3	Mengintegrasikan Sistem Sirkulasi dan Aksesibiliti Ruang Landskap Bandar Sebagai Bandar Berkonsepkan Hijau.
PELANCONGAN	S1	Mempelbagaikan Serta Menambah Produk dan Tarikan Aktiviti Pelancongan.
	S2	Meningkatkan dan Menambahbaik Kemudahan Pelancongan.
PERUMAHAN	S1	Mewujudkan Persekitaran Kediaman yang Selamat, Tersusun dan Kondusif.
PERINDUSTRIAN	S1	Memperkasa Industri Hiliran Perikanan dan Pemprosesan Makanan Berasaskan Hasil Laut.
	S2	Mengawal Pembangunan Industri Sedia Ada Melalui Tindakan Pemantauan dan Penguatkuasaan.
PERTANIAN	S1	Memaksimakan Penjanaan Pendapatan Kumpulan Sasar di Kalangan Petani dan Usahawan Tani.
	S2	Meningkatkan Pengeluaran dan Produktiviti Tanaman.
PERIKANAN DAN MARITIM	S1	Meningkatkan Status Sosio-ekonomi Nelayan.
KEMUDAHAN MASYARAKAT	S1	Menyediakan Institusi dan Kemudahan Masyarakat yang Mencukupi, Berkualiti dan Mudah Sampai.

SENARAI SEKTORAL	SENARAI STRATEGI	
KOMERSIAL	S1	'Suntikan' Pelaburan Di Dalam Sektor Perdagangan Dapat Meningkatkan Ekonomi Penduduk dan Pekan Tanjung Gemok Sekaligus Menarik Perhatian Pelancong.
ALAM SEKITAR	S1	Meningkatkan Pengurusan Kualiti Alam Sekitar Dengan Pengawalan yang Lebih Menyeluruh.
	S2	Pengawalan dan Program bagi Mengurangkan Hakisan Serta Mengekalkan Habitat Hidupan Laut.
PENGANGKUTAN	S1	Mempertingkatan Tahap Kemudahsampaian Ke Tanjung Gemok Sebagai Salah Satu Laluan Utama Ke Pulau Tioman.
	S2	Mewujudkan Sistem Pengurusan Lalu Lintas yang Selamat dan Efisien untuk Kemudahan Penduduk dan Juga Pelancong.
	S3	Mempertingkatkan Aksesibiliti dan Mobiliti Bagi Penduduk Tempatan.
INFRASTRUKTUR DAN UTILITI	S1	Memastikan Keperluan Utiliti Mencukupi Seiring dengan Arus Pembangunan.
	S2	Menyediakan Kemudahan Sistem Loji Rawatan Sisa Kumbahan Serantau Yang Cekap Serta Pengurusan Sisa Pepejal Yang Lestari .
	S3	Pengurusan, Pemeliharaan dan Pemuliharaan Sistem Pengairan Yang Mesra Alam.
	S4	Meningkatkan Keupayaan Telekomunikasi 5G dan Penerapan Teknologi Hijau Dalam Perancangan Pembangunan.

KONSEP PEMBANGUNAN REKA BENTUK BANDAR DAN LANDSKAP

i. Secara keseluruhan tiga elemen utama iaitu air, hidupan laut dan budaya yang cuba diterapkan bagi membentuk identiti Pekan Tanjung Gemok.
ii. Naik taraf pusat bandar dan penambahbaikan kemudahan pelancongan (pusat informasi, info kiosk, tandas, masjid dan lain-lain).
iii. Pembangunan melibatkan pemuliharaan bangunan sedia ada bagi mewujudkan kesan keharmonian dan tarikan bandar pelancongan.
iv. Menambah baik sistem sirkulasi bandar dan mempertingkatkan laluan pejalan kaki dan basikal dalam pusat bandar.



Elemen air (sungai dan laut) + Hidupan laut (sumber ekonomi) + Gambaran budaya dan aktiviti yang pelbagai

Rajah 4.5: Ilustrasi Cadangan Reka Bentuk Bandar dan Landskap Pembangunan bagi Zon 1 Pusat Bandar Tanjung Gemok.



Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

4.6 STRATEGI PEMBANGUNAN

A) STRATEGI PEMBANGUNAN REKA BENTUK BANDAR (RB)

STRATEGI

S1 MEMPERTINGKATKAN IMEJ DAN MEWUJUDKAN IDENTITI TERSENDIRI TANJUNG GEMOK

S2 MENYEDIAKAN KAWASAN *PUBLIC REALM* YANG MENARIK DAN SALING BERHUBUNG DENGAN NODUS SEDIA ADA DI PUSAT BANDAR

S3 MENYEDIAKAN INFRASTRUKTUR YANG BERSEPADU DAN LENGKAP BAGI MENYOKONG FUNGSI TANJUNG GEMOK SEBAGAI *GATEWAY* PULAU TIOMAN

CADANGAN

Z1RB1 CADANGAN MENINGKATKAN IMEJ & IDENTITI DI LALUAN MASUK UTAMA TANJUNG GEMOK

Z1RB2 CADANGAN MENINGKATKAN IMEJ & IDENTITI DI LALUAN MASUK UTAMA TANJUNG GEMOK

Z1RB5 PENGUKUHAN IDENTITI MELALUI REKA BENTUK PERABOT JALAN

Z1RB3 CADANGAN MENAMBAHBAIK KAWASAN DATARAN TANJUNG GEMOK

Z1RB4 CADANGAN NAIK TARAF KAWASAN TERMINAL PENUMPANG TANJUNG GEMOK

Z1RB6 CADANGAN NAIK TARAF PASAR TANJUNG GEMOK



Foto: Cadangan kawasan pusat bandar (Pekan Tanjung Gemok).



Foto: Cadangan Naik Taraf Surau Tanjung Gemok.

Rajah 4.6: Pelan Tindakan Pembangunan Reka Bentuk Bandar Zon 1 : Pusat Bandar Pekan Tanjung Gemok.



Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

B. STRATEGI PEMBANGUNAN LANDSKAP DAN REKREASI

STRATEGI

S1 MENGINTEGRASIKAN JARINGAN ZON KAWASAN HIJAU SEMULA JADI DAN ZON LANDSKAP BANDAR SEBAGAI TARIKAN REKREASI BAHARU

S2 MEWUJUDKAN PERSEKITARAN BANDAR YANG MENARIK, SELESA DAN BERKUALITI BAGI MENINGKATKAN KUALITI HIDUP RAKYAT

S3 MENGINTEGRASIKAN SISTEM SIRKULASI DAN AKSESIBILITI RUANG LANDSKAP BANDAR SEBAGAI BANDAR BERKONSEPKAN HIJAU

CADANGAN

Z1LR1 CADANGAN PENGINDAHAN LALUAN UTAMA PUSAT BANDAR

Z4LR4 CADANGAN MEWUJUDKAN REKA BENTUK *WATERFRONT* DI PESISIR PANTAI TANJUNG PAHANG

Z1LR2 CADANGAN PENGINDAHAN DAN PENAMBAHBAIKAN IMEJ LANDSKAP DI SEPANJANG JALAN PERSEKUTUAN 3

Z2LR3 CADANGAN PENGINDAHAN KORIDOR TANJUNG GEMOK-ROMPIN




Foto: Kawasan pusat bandar yang telah dinaik taraf landskap.

Rajah 4.7: Pelan Tindakan Pembangunan Landskap dan Rekreasi.



LR2 Cadangan pengindahan dan penambahbaikan imej landskap di sepanjang Jalan Persekutuan 3.

LR1 Cadangan pengindahan landskap di kawasan pusat bandar.

LR3 Cadangan mewujudkan reka bentuk *waterfront* dengan menggunakan sumber semulajadi serta elemen landskap kejur sebagai daya tarikan baru ke Pantai Tanjung Pahang.

LR4 Cadangan pengindahan landskap desa di kawasan Kampung Tanjung Pahang.

Sumber: RKK Tanjung Gemok, 2019

C) STRATEGI PEMBANGUNAN PELANCONGAN

STRATEGI

S1 MEMPELBAGAIKAN SERTA MENAMBAH PRODUK DAN TARIKAN AKTIVITI PELANCONGAN

S2 MENINGKATKAN DAN MENAMBAHBAIK KEMUDAHAN PELANCONGAN

CADANGAN

Z1PL1 CADANGAN PUSAT PENERANGAN PELANCONGAN *(TOURIST INFORMATION)* TANJUNG GEMOK

Z1PL2 CADANGAN IMEJ KAFE BERINDENTITI (DEKORASI / HIASAN DALAMAN MENARIK)

Z1PL3 CADANGAN *RIVER CRUISE* TANJUNG GEMOK

Z1PL4 CADANGAN *TRAIL STREET ART* TANJUNG GEMOK

Z1PL5 CADANGAN HOTEL BERKONSEP UNIK DAN MENARIK

Z1PL6 CADANGAN *SHOWCASE* AKTIVITI PERIKANAN JETI TANJUNG GEMOK

Z1PL7 CADANGAN NAIK TARAF GERAI SEDIA ADA BERKONSEP MAKANAN TEMPATAN


Z1PL8 CADANGAN *HOMESTAY* KONSEP PERKAMPUNGAN DESA PINGGIR LAUT KAMPUNG TANJUNG PAHANG

Z1PL9 CADANGAN PROGRAM PEMUTIHAN RUMAH INAP TIDAK BERDAFTAR

Z1PL10 CADANGAN JEJAK *(TRAIL)* PELANCONGAN PEKAN TANJUNG GEMOK DAN PAKEJ PELANCONGAN WILAYAH



Foto: Ilustrasi Cadangan Jeti Rivercruise Tanjung Gemok



Z1PL1 Pusat Penerangan Pelancongan Tanjung Gemok
- *One stop centre* kepada pelancong untuk mendapatkan informasi mengenai pelancongan terkini Tanjung Gemok
- Mempromosikan aktiviti pelancongan Tanjung Gemok secara efisien

***Showcase* Aktiviti Perikanan** (Z1PL6)
- Mengeksploitasi kelebihan jeti perikanan untuk dijadikan sebagai peluang pelancongan

Imej Kafe Beridentiti (Z1PL2)
- Menjadikan Pekan Tanjung Gemok sebagai pekan yang sentiasa aktif dengan pelbagai aktiviti *(vibrant)*

***Rivercruise* Tanjung Gemok** (Z1PL3)
- Peluang menyusuri keindahan Sungai Endau dan Anak Sungai Endau dengan perkhidmatan feri

Trail Street Art (Z1PL4)
- Menekankan titik utama seni jalanan serta potensi tarikan pusat bandar yang lain

Tanjung Pahang *Arcade* (Z1PL7)
- Makanan tempatan sebagai satu tarikan pelancongan utama

Hotel Butik (Z1PL5)
- Bangunan ikonik di muara Sungai Endau

***Homestay* Konsep Perkampungan Desa Pinggir Laut Kg. Tanjung Pahang** (Z1PL8)
- Memperkukuhkan potensi pelancongan *homestay*

Z1PL9 Program Pemutihan Rumah Inap Tidak Berdaftar di bawah MDR
- Mempertingkatkan imej dan identiti Tanjung Gemok sebagai destinasi pelancongan utama

Z1PL10 Jejak Pelancongan Pekan Tanjung Gemok dan Pakej Pelancongan Wilayah
Mengintegrasikan segala produk pelancongan di Tanjung Gemok dan kawasan sekitar.

U

0 0.25 0.5 Kilometer

Rajah 4.8
Pelan Tindakan Pembangunan Pelancongan

PETUNJUK:

- **Z1PL1** Cadangan Pusat Penerangan (*Tourist Centre*) Tanjung Gemok
- **Z1PL2** Cadangan Imej Kafe Beridentiti (Dekorasi / Hiasan Dalaman Menarik)
- **Z1PL3** Cadangan *River Cruise* Tanjung Gemok
- **Z1PL4** Cadangan *Trail Street Art* Tanjung Gemok
- **Z1PL5** Cadangan Hotel Butik Berkonsep Unik dan Menarik
- **Z1PL6** Cadangan *Showcase* Aktiviti Perikanan Jeti Tanjung Gemok
- **Z1PL7** Cadangan Naik Taraf Gerai Sedia Ada Berkonsep Makanan Tempatan (Tanjung Pahang Arcade)
- **Z1PL8** Cadangan *Homestay* Konsep Perkampungan Desa Pinggir Laut Kampung Tanjung Pahang
- **Z1PL9** Cadangan Program Pemutihan Rumah Inap Tidak Berdaftar di bawah MDR
- **Z1PL10** Cadangan Jejak Pelancongan Pekan Tanjung Gemok dan Pakej Pelanocngan Wilayah

Lain-lain :
- Jalanraya
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Rancangan Kawasan Khas (RKK)

Sumber : Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

D) STRATEGI PEMBANGUNAN PERUMAHAN

STRATEGI

S1 MEWUJUDKAN PERSEKITARAN KEDIAMAN YANG SELAMAT, TERSUSUN & KONDUSIF

CADANGAN

Z1PR1 CADANGAN PEMUTIHAN PERUMAHAN SEDIA ADA YANG BERKEPADATAN MELEBIHI 6 UNIT PER EKAR

Z1PR2 CADANGAN PEROBOHAN RUMAH KAMPUNG YANG BERSTATUS TERBIAR

Z2PR3 CADANGAN PENEMPATAN SEMULA / PENYEDIAAN

Z2PR4 CADANGAN MENGGALAKAN KEGUNAAN BANGUNAN SEBAGAI AKIVITI DESASTAY

Z2PR5 CADANGAN PENAMBAHBAIKAN RUMAH KAMPUNG YANG TIDAK DIDIAMI


Z4PR6 CADANGAN NAIK TARAF PERUMAHAN SENI BINA TEMPATAN UNTUK KEGIATAN DESASTAY

Z5PR7 CADANGAN PENGGANTIAN SEGERA BAGI KEDIAMAN PENDUDUK TEMPATAN DALAM KEADAAN SEDERHANA USANG





Foto: Rumah Tradisional/Cantik yang terdapat di Kampung Tanjung Pahang



Rajah 4.9
Pelan Tindakan Pembangunan Perumahan

PETUNJUK:

- Cadangan Penempatan Warga Asing
- Cadangan Aktiviti DesaStay
- Z1PR1 — Cadangan Pemutihan
- Z1PR2 — Cadangan Perobohan Rumah Terbiar
- Z2PR5 — Cadangan Penambahbaikan Rumah Sedikit Usang
- Z4PR6 — Cadangan Naiktaraf Perumahan Seni Bina Tempatan Untuk Kegiatan DesaStay
- Z5PR7 — Cadangan Penggantian Segera

Lain-lain :

- Jalanraya
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Rancangan Kawasan Khas (RKK)

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

E) STRATEGI PEMBANGUNAN INDUSTRI

STRATEGI

S1 MEMPERKASA INDUSTRI HILIRAN PERIKANAN DAN PEMPROSESAN MAKANAN BERASASKAN HASIL LAUT

Meningkatkan promosi dan pasaran produk makanan berasaskan hasil laut ke luar kawasan di samping menjadi produk tarikan pelancongan.

S2 MENGAWAL PEMBANGUNAN INDUSTRI SEDIA ADA MELALUI TINDAKAN PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN

PBT dan agensi terlibat memandu pembangunan kawasan secara lebih ekonomik, terancang, selamat dan berdaya maju.

CADANGAN

Z1IN1 CADANGAN MEWUJUDKAN PUSAT IKS PEMASARAN PRODUK DAN MAKANAN HASIL LAUT


Z1IN2 CADANGAN MENINGKATKAN PENGELUARAN INDUSTRI PEMPROSESAN MAKANAN DAN SEJUK BEKU

Z3IN1 CADANGAN GARIS PANDUAN PEMUTIHAN INDUSTRI

Z3IN4 CADANGAN PENGEZONAN INDUSTRI



Foto: Kawasan industri di pesisiran Sungai Endau Tanjung Gemok



U
0 0.25 0.5
Kilometer

Rajah 4.10
Pelan Tindakan Pembangunan Industri

PETUNJUK:

- Z1IN1 — Cadangan Mewujudkan Pusat IKS Pemasaran Produk Dan Makanan Hasil Laut
- Z1IN2 — Cadangan Meningkatkan Pengeluaran Industri Pemprosesan Makanan dan Sejuk Beku
- Z3IN1 — Cadangan Garis Panduan Pemutihan Industri
- Z3IN4 — Cadangan Pengezonan Industri
- Cadangan Peningkatan Infrastruktur Awam dan Utiliti (Menaik taraf Jalan, Pembentungan, Sisa Pepejal, Air, Elektrik dan Lain-lain)

Lain-lain :

- Jalan raya
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Rancangan Kawasan Khas (RKK)

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

F) STRATEGI PEMBANGUNAN PERTANIAN

STRATEGI

S1 MEMAKSIMAKAN PENJANAAN PENDAPATAN KUMPULAN SASAR DI KALANGAN PETANI DAN USAHAWAN TANI

Menyalurkan medium khas untuk membantu peningkatan pemasaran dan jualan produk hasil pertanian Rompin.

S2 MENINGKATKAN PENGELUARAN DAN PRODUKTIVITI TANAMAN

Membangunkan tanah terbiar untuk meningkatkan keupayaan sektor pertanian bagi menghasilkan bahan makanan yang mencukupi.



Foto: Pertanian kluster Tanjung Gemok.

CADANGAN

Z1PT1 CADANGAN MENAMBAHBAIK PASAR MALAM TANJUNG GEMOK

Z1PT2 CADANGAN PASAR TANI TANJUNG GEMOK

Z1PT3 CADANGAN FESTIVAL BUAH BERMUSIM


Z1PT4 CADANGAN PENINGKATAN PEMASARAN DAN JUALAN PRODUK HASIL TANI MELALUI (KARAVAN TANI)

Z1PT5 CADANGAN PENINGKATAN PEMASARAN DAN JUALAN PRODUK HASIL TANI MELALUI *CAR BOOT SALE*

Z2PT6 CADANGAN PEMBANGUNAN TANAH KOSONG / TERBIAR MENERUSI PERTANIAN KELOMPOK

Z2PT7 CADANGAN PEMBANGUNAN TANAH KOSONG / TERBIAR MENERUSI PEMBANGUNAN KLUSTER BUAH / SAYUR DI LADANG KONTRAK

Z2PT8 CADANGAN PERTANIAN LESTARI MENERUSI KAEDAH AGROPONIK



U

0 0.25 0.5
Kilometer

Rajah 4.11
Pelan Tindakan Pembangunan Pertanian

PETUNJUK:

- Z1PT1 — Cadangan Menambahbaik Pasar Malam Tanjung Gemok
- Z1PT2 — Cadangan Pasar Tani Tanjung Gemok
- Z1PT3 — Cadangan Festival Buah-buahan Bermusim
- Z1PT4 — Cadangan Peningkatan Pemasaran dan Jualan Produk Hasil Pertanian Rompin melalui Karavan Tani
- Z1PT5 — Cadangan Peningkatan Pemasaran dan Jualan Produk Hasil Tani melalui *Car Boot Sale*
- Z2PT6 — Cadangan Pembangunan Tanah Kosong / Terbiar Menerusi Pertanian Kelompok
- Z2PT7 — Cadangan Pembangunan Tanah Kosong / Terbiar Menerusi Pembangunan Kluster Buah / Sayur di Ladang Kontrak
- Z2PT8 — Cadangan Pertanian Lestari menerusi Kaedah Agroponik

Lain-lain :

- Jalanraya
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Rancangan Kawasan Khas (RKK)

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

G) STRATEGI PEMBANGUNAN PERIKANAN DAN MARITIM

STRATEGI

S1 MENINGKATKAN STATUS SOSIO-EKONOMI NELAYAN

Membangun dan mengembangkan sektor kecil pasca tangkapan dan industri pemprosesan dan pengilangan produk perikanan.

CADANGAN


Z1PI1 CADANGAN *CORNICHE FISH MARKET* DI PUSAT BANDAR TANJUNG GEMOK

Z1PI2 CADANGAN IKAN SECARA AKUAKULTUR

Z1PI3 CADANGAN MENGADAKAN PERTUNJUKKAN (*SHOWCASE*) KAEDAH PENANGKAPAN IKAN



Foto: Industri Perikanan dan Maritim Tanjung Gemok



U
0 0.25 0.5
Kilometer

Rajah 4.12
Pelan Tindakan Pembangunan Perikanan & Maritim

PETUNJUK:

Z1PI1 Cadangan *Corniche Fish Market* di Pekan Tanjung Gemok.

Z2PI2 Penternakan Ikan Secara Akuakultur

Z3PI3 Cadangan Mengadakan Pertunjukkan *(Showcase)* Kaedah Penangkapan Ikan

Lain-lain :

- Jalanraya
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Rancangan Kawasan Khas (RKK)

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

H) STRATEGI PEMBANGUNAN KEMUDAHAN MASYARAKAT

STRATEGI

S1 MENYEDIAKAN INSTITUSI DAN KEMUDAHAN MASYARAKAT YANG MENCUKUPI, BERKUALITI DAN MUDAH SAMPAI

CADANGAN


Z2KM1 CADANGAN PENAMBAHAN KEMUDAHAN PENDIDIKAN (TADIKA)

Z2KM2 CADANGAN MENAIKTARAF PERPUSTAKAAN DESA TANJUNG GEMOK

Z5KM3 CADANGAN BALAI BOMBA KECIL DI TANJUNG GEMOK (KATEGORI D)



Foto: Naik taraf surau sedia ada Tanjung Gemok.



Cadangan Menaik Taraf Perpustakaan Desa Tanjung Gemok

- Meningkatkan kualiti supaya dapat digunakan oleh penduduk kampung.

Cadangan Penambahan Kemudahan Pendidikan (Tadika)

- Penyediaan berdasarkan unjuran yang dibuat dengan mengira pertambahan penduduk sehingga tahun 2030.

Cadangan Balai Bomba Kecil Tanjung Gemok

- Meningkatkan keselamatan di kawasan tumpuan pelancong khususnya di Jeti Penumpang Tanjung Gemok dan kawasan sekitar.

U

0 0.25 0.5
Kilometer

Rajah 4.13
Pelan Tindakan Pembangunan Kemudahan Masyarakat

PETUNJUK:

Z2KM1 Cadangan Penambahan Tadika

Z2KM2 Cadangan Menaik taraf Perpustakaan Desa Tanjung Gemok

Z5KM3 Cadangan Penambahan Balai Bomba dan Penyelamat Kecil

Lain-lain :

- Jalanraya
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Rancangan Kawasan Khas (RKK)

Sumber: RKK Tanjung Gemok, 2019

I) STRATEGI PEMBANGUNAN KOMERSIAL

STRATEGI

S1 'SUNTIKAN' PELABURAN DI DALAM SEKTOR PERDAGANGAN DAPAT MENINGKATKAN EKONOMI PENDUDUK DAN PEKAN TANJUNG GEMOK SEKALIGUS MENARIK PERHATIAN PELANCONG


CADANGAN

Z1KL1 CADANGAN PEMBANGUNAN PERDAGANGAN BAHARU DAN PESISIR SUNGAI ENDAU

Z1KL2 CADANGAN PEMBANGUNAN *HOTEL TRANSIT*



Foto: Cadangan Perdagangan Baharu dan Promenade



Cadangan Pembangunan *Hotel Transit*

- Penyediaan *hotel transit* sebagai salah satu kemudahan penginapan kepada pelancong yang terletak di Terminal Penumpang Tanjung Gemok

Cadangan Pembangunan Perdagangan Baharu dan *Promenade*

- Menggalakkan pelaburan terutama di dalam sektor perdagangan bagi memberi 'suntikan' imej dan salah satu kawasan perdagangan eksklusif di Pekan Tanjung Gemok

U

0 0.25 0.5
Kilometer

Rajah 4.14
PELAN TINDAKAN PEMBANGUNAN KOMERSIAL

PETUNJUK:

Z1KL1 Cadangan Pembangunan Perdagangan Baharu dan *Promenade*

Z1KL2 Cadangan Pembangunan Hotel Transit

Lain-lain :

- Jalanraya
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Rancangan Kawasan Khas (RKK)

Sumber : RKK Tanjung Gemok, 2019

J) STRATEGI PEMBANGUNAN ALAM SEKITAR

STRATEGI

S1 MENINGKATKAN PENGURUSAN KUALITI ALAM SEKITAR DENGAN PENGAWALAN YANG LEBIH MENYELURUH

S2 PENGAWALAN DAN PROGRAM BAGI MENGURANGKAN HAKISAN SERTA MENGEKALKAN HABITAT HIDUPAN LAUT


CADANGAN

ZAS2 CADANGAN PENGAWALAN KUALITI UDARA DAN AIR SUNGAI ENDAU

Z1KL2 CADANGAN PEMELIHARAAN DAN PENANAMAN POKOK BAKAU DI PINGGIR SUNGAI DAN PESISIR PANTAI BERLUMPUR *(SOFT STRUCTURE)*



Foto: Salah satu kawasan paya bakau di Tanjung Gemok



Cadangan Pengawalan Kualiti Udara dan Air Sungai Endau

- Menjalankan pengambilan '*sampling*' secara berkala dan mewujudkan stesen pemantauan kualiti udara di Tanjung Gemok

Cadangan Pemeliharaan dan Penanaman Pokok Bakau

- Mewujudkan kawasan zon penimbal yang kukuh dan stabil bagi menahan ombak dan angin kencang serta perlindungan semulajadi di pesisir pantai

Sumber: RKK Tanjung Gemok, 2019

U

0 0.25 0.5
Kilometer

Rajah 4.15
PELAN TINDAKAN PENGURUSAN ALAM SEKITAR

PETUNJUK:

Cadangan Penanaman Pokok Bakau

ZAS2 Cadangan Pengawalan Kualiti Udara dan Air Sungai Endau

Lain-lain :

- Jalanraya
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Rancangan Kawasan Khas (RKK)

K) STRATEGI PEMBANGUNAN PENGANGKUTAN

STRATEGI	CADANGAN
S1 MEMPERTINGKATKAN TAHAP KEMUDAHSAMPAIAN KE TANJUNG GEMOK SEBAGAI SALAH SATU LALUAN UTAMA KE PULAU TIOMAN	1) CADANGAN KOMPLEKS TERMINAL BERSEPADU TANJUNG GEMOK (NAIK TARAF STESEN BAS SEDIA ADA DENGAN MEMPERTINGKATKAN KEMUDAHAN SOKONGAN) 2) CADANGAN NAIK TARAF PERSIMPANGAN UTAMA KEMASUKAN KE PEKAN TANJUNG GEMOK DENGAN TAMBAHAN LALUAN BARU PENGHUBUNG ANTARA PEKAN DENGAN JALAN TANJUNG PAHANG 3) CADANGAN LALUAN PEJALAN KAKI ANTARA STESEN BAS KE JETI TANJUNG GEMOK 4) CADANGAN LINTASAN PEJALAN KAKI ANTARA PEKAN TANJUNG GEMOK DENGAN DATARAN TANJUNG GEMOK 5) CADANGAN TEMPAT LETAK KENDERAAN YANG SELAMAT
S2 MEWUJUDKAN SISTEM PENGURUSAN LALU LINTAS YANG SELAMAT DAN EFISIEN UNTUK KEMUDAHAN PENDUDUK DAN JUGA PELANCONG	1) CADANGAN DEPOH LORI BAGI MENGELAKKAN PERLETAKAN LORI DI BAHU JALAN 2) CADANGAN NAIK TARAF DAN PEMBAIKAN GEOMETRI DI SETIAP PERSIMPANGAN SEPANJANG LALUAN PERSEKUTUAN 3 3) CADANGAN TRAFFIC CALMING - BERMULA DARI JAMBATAN SG ENDAU 4) CADANGAN LALUAN PEJALAN KAKI YANG BERTERUSAN 5) CADANGAN PERUBAHAN SIRKULASI DALAM KAWASAN PEKAN TANJUNG GEMOK – MELANCARKAN TRAFIK DAN MENGURANGKAN KONFLIK 6) CADANGAN JALAN SUSUR – MENGASINGKAN TRAFIK KAWASAN TUMPUAN DENGAN LALUAN UTAMA (LALUAN PERSEKUTUAN 3)
S3 MEMPERTINGKATKAN AKSESIBILITI DAN MOBILITI BAGI PENDUDUK TEMPATAN	1) MEMPERBAIKI HIERARKI JALAN 2) CADANGAN NAIKTARAF JALAN PENGAGIH SEKUNDER DAN JALAN PENGAGIH TEMPATAN DENGAN MELEBARKAN JALAN KEPADA 24M DAN 20M. 3) CADANGAN JALAN-JALAN BARU BAGI MEMPERTINGKATKAN AKSESIBILITI: - MENYAMBUNG JALAN YANG PUTUS - MENAMBAH LALUAN BARU UNTUK MENINGKATKAN TAHAP KEMUDAHSAMPAIAN 4) CADANGAN LALUAN BASIKAL







Strategi ini dapat dicapai dengan cadangan-cadangan yang dipecahkan kepada tiga kumpulan iaitu:

- **PENAMBAHBAIKAN RANGKAIAN JALAN RAYA**

Perancangan jalan baru dan naik taraf jalan sedia ada adalah penting untuk memastikan keperluan pertumbuhan isipadu lalulintas agar sentiasa dapat disediakan dengan sempurna. Cadangan pembaikan rangkaian jalan raya merangkumi:

- Cadangan hierarki jalan.
- Cadangan pembangunan jalan raya (jalan baru dan naik taraf jalan).
- Cadangan persimpangan baru.
- Cadangan naik taraf persimpangan.

- **CADANGAN PENGANGKUTAN AWAM**


Sistem pengangkutan yang baik dapat mempertingkatkan kemudahsampaian seterusnya dapat menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi sesuatu tempat. Cadangan pengangkutan awam melibatkan:

- Cadangan Kompleks Terminal Bersepadu Tanjung Gemok.
- Cadangan Naik Taraf Terminal Penumpang Tanjung Gemok.

- **PENINGKATAN PENGURUSAN LALULINTAS**

Sistem pengurusan lalu lintas yang baik membantu kelancaran trafik, meningkatkan keselamatan dan keselesaan pengguna. Oleh itu pengurusan lalu lintas haruslah diberi penekanan dalam pembangunan sesuatu kawasan. Cadangan mempertingkatkan pengurusan lalu lintas ialah:

- Cadangan laluan pejalan kaki.
- Cadangan laluan basikal.
- Cadangan tempat letak kenderaan.
- Cadangan depoh lori.
- Cadangan sirkulasi pusat bandar.
- Cadangan *Traffic Calming*.



Cadangan Laluan Basikal
- Menyediakan pengangkutan alternatif / kemudahan rekreasi kepada penduduk dan pelancong

Naik taraf jalan pengagih tempatan kepada jalan pengagih sekunder – memperbaiki hierarki jalan dengan mewujudkan jalan lingkaran bagi perhubungan Tanjung Gemok peringkat tempatan

Cadangan Depoh Iori
- Mengelak perletakan kenderaan berat di bahu Laluan Persekutuan 3

Cadangan *Traffic Calming*
- Mengurangkan kadar kelajuan kenderaan memasuki pekan Tanjung Gemok dengan cadangan *tranvers bars* (merah dan kuning)
- Menyediakan lintasan pejalan kaki bagi menghubungkan pekan Tanjung Gemok dengan Dataran Tanjung Gemok

Naik Taraf Terminal Penumpang Tanjung Gemok
- Naik Taraf dengan pembaikan kemudahan sokongan kepada pengguna
- Tambahan tempat letak kenderaan yang selamat

Cadangan Perubahan Sirkulasi
- Aliran lalu lintas berubah kepada aliran sehala untuk melancarkan trafik dan mengurangkan konflik lalu lintas

Cadangan Kompleks Terminal Pengangkutan Tanjung Genok
- Cadangan naik taraf stesen bas sedia ada dengan tambahan kemudahan sokongan kepada pengguna

Rajah 4.16
Pelan Tindakan Pengurusan Dan Pengangkutan Lalu Lintas

PETUNJUK:

- Jalan Pengagih Utama
- Jalan Pengagih Sekunder
- Jalan Pengagih Tempatan
- Cadangan Naik Taraf Jalan 40m
- Cadangan Naik Taraf Jalan 24m
- Cadangan Naik Taraf Jalan 20m
- Cadangan Jalan Baru 24m
- Cadangan Jalan Baru 20m
- 1 No Rujukan Cadangan Naik taraf Jalan
- 1 No Rujukan Cadangan Jalan Baru
- 5 No Rujukan Cadangan Naik taraf Persimpangan
- 2 No Rujukan Cadangan Persimpangan Baru
- 2 No Rujukan Cadangan Pengangkutan Awam
- 4 No Rujukan Cadangan Pengurusan Lalu lintas
- 3 No Jalan

Lain-lain :

- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Rancangan Kawasan Khas (RKK)

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

L) STRATEGI PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN UTILITI



Penambahbaikan infrastruktur dan utiliti bagi kawasan kajian Tanjung Gemok perlu dilakukan bagi memenuhi perancangan pembangunan yang dirangka. Asas pada cadangan keseluruhan adalah dengan tercapainya strategi berikut:

STRATEGI 1 - Memastikan keperluan utiliti mencukupi seiring dengan arus pembangunan.

Bagi memenuhi keperluan bekalan air dan elektrik yang diunjurkan sehingga tahun 2030 perlu disediakan supaya perancangan pembangunan yang dirangka dapat membangun seiring dengan penawaran infrastruktur dan utiliti.

STRATEGI 2 – Menyediakan kemudahan sistem loji rawatan sisa kumbahan serantau yang cekap serta pengurusan sisa pepejal yang lestari.


Perancangan pembangunan yang efisien memerlukan sistem pembetungan yang efisien dan menyeluruh supaya dapat mengikuti piawaian standard SPAN dan juga pengurusan sisa pepejal yang efisien untuk mencapai kadar 30% kadar kitar semula.

STRATEGI 3 – Pengurusan, pemeliharaan dan pemuliharaan sistem pengairan yang mesra alam.

Sistem saliran dan pengairan yang efisien meliputi pengurusan, pemeliharaan dan pemuliharaan perlu dilaksanakan bagi kawasan kajian dengan meliputi beberapa cadangan yang lebih komprehensif dan menyeluruh.

STRATEGI 4 – Meningkatkan keupayaan telekomunikasi 5G dan penerapan teknologi hijau dalam perancangan pembangunan.

Perancangan pembangunan yang mampan merupakan pembangunan yang mengurangkan kesan terhadap alam sekitar serta penggunaan tenaga secara optimum. Selain itu, bagi memastikan kawasan perancangan dapat bersaing dengan kawasan pembangunan yang lain, peningkatan rangkaian telekomunikasi perlu dipertingkatkan supaya pengunaan teknologi boleh dipertingkatkan seiring dengan pembangunan.



Rajah 4.17
Pelan Tindakan Infrastruktur dan Utiliti


PETUNJUK:

- Cadangan Mendalamkan Sungai Endau
- Cadangan Pemuliharaan dan Pemeliharaan Rizab Sungai
- Cadangan Loji Rawatan Sisa Kumbahan Serantau
- Cadangan Pusat Kitar Semula
- Tapak Tong Sisa Pepejal Sedia Ada dan Cadangan Persediaan Rumah Sampah serta Sangkar Kitar Semula
- Cadangan Tong Sampah Pukal, Rumah Sampah dan Sangkar Kitar Semula
- Cadangan SPAH dan Panel Solar
- Cadangan Benteng Pemecah Ombak
- Cadangan Ban Banjir
- Cadangan Laluan Utiliti


Lain-lain :

- Jalanraya
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Rancangan Kawasan Khas (RKK)

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019



5.0
Pelan Tindakan Pembangunan



5.1
Cadangan Pelan Tindakan Pembangunan RKK

5.1.1 CADANGAN PELAN TINDAKAN PEMBANGUNAN RKK

Bagi memperkukuhkan dan menjadikan kawasan RKK sebagai sebuah petempatan yang lebih teratur dengan berteraskan **122 PROJEK**, cadangan tindakan pembangunan akan menitikberatkan cadangan-cadangan ke arah menjadikan kawasan RKK **sebagai petempatan tersusun dan destinasi pelancongan baru di masa akan datang disamping menyediakan kemudahan-kemudahan sokongan ke arah mempertingkatkan kualiti kehidupan penduduk setempat.**

KESELURUHAN CADANGAN **122 PROJEK**

PROJEK IMPAK TINGGI (PIT)	PROJEK UTAMA (PU)	PROJEK SOKONGAN (PS)
17	58	47

40 QUICK WIN (2020-2021)

PELAKSANAAN SEGERA

1. Cadangan Projek Impak Tinggi (9 cadangan)
2. Cadangan Projek Utama (22 cadangan)
3. Cadangan Projek Sokongan (9 cadangan)

5.1.2 DEFINISI CADANGAN PROJEK MENGIKUT KATEGORI PROJEK



CADANGAN PROJEK IMPAK TINGGI (PIT)

Cadangan projek impak tinggi (PIT) adalah projek yang **mempunyai kesan berganda kepada ekonomi, sosial dan persekitaran kawasan RKK Tanjung Gemok;** projek ini boleh berada dalam **jangkamasa panjang, pendek atau pelaksanaan segera (*quick win*).**

CADANGAN PROJEK UTAMA (PU)


Cadangan projek utama (PU) adalah projek yang **perlu diberi keutamaan berbanding projek-projek sokongan lain** walau bagaimanapun tertakluk kepada kesediaan kos dan lain-lain halangan pelaksanaan. Kebiasaannya berada dalam **jangkamasa atau fasa pelaksanaan segera *(quick win)*, jangka masa pendek atau sederhana.**

CADANGAN PROJEK SOKONGAN (PS)

Cadangan projek sokongan (PS) adalah merupakan **projek yang berkeutamaan rendah *(low priority)*** dan boleh **dibangunkan ikut keperluan dan kesediaan pelaksanaan semasa** iaitu dari segi kesediaan kos serta halangan pelaksanaan lain. **Boleh berada pada mana-mana fasa pelaksanaan.**

5.1.3 CADANGAN PROJEK MENGIKUT ZON DAN SEKTORAL

	122 CADANGAN PROJEK				
SEKTOR	ZON 1	ZON 2	ZON 3	ZON 4	ZON KESELURUHAN
REKA BENTUK (RB)	13	-	-	-	-
PELANCONGAN (PL)	5	-	1	2	2
KOMERSIAL (KL)	2	-	-	-	-
LANDSKAP DAN REKREASI (LR)	2	1	-	2	-
INDUSTRI (IN)	1	-	3	-	-
PERIKANAN MARITIM (PI)	1	-	-	1	-
PERTANIAN (PT)	5	3	-	-	-
PERUMAHAN (PR)	-	5	4	1	-
KEMUDAHAN MASYARAKAT (KM)	-	2	-	1	-
PENGANGKUTAN (PG)	-	-	-	-	49
INFRASTRUKTUR DAN UTILITI (IU)	-	-	-	-	14
ALAM SEKITAR (AS)	-	-	-	-	2
JUMLAH	29	11	8	7	67



Cadangan Pembangunan Kawasan Industri

- Mewujudkan Pusat IKS Pemasaran Produk dan Makanan Hasil laut
- Meningkatkan Pengeluaran Industri Pemprosesan Makanan dan sejuk Beku
- Garis Panduan Pemutihan Industri


Cadangan Penambahbaikan Pusat Bandar

- Pengindahan laluan Utama
- Pengindahan Landskap Pusat bandar
- Plaza Poket dan Bulatan
- Laman Tok Jenang
- Peningkatan Imej Pintu Masuk
- Kompleks Terminal Pengangkutan Bersepadu
- Naik Taraf Surau, Dataran, Menara, dan Terminal Penumpang Tanjung Gemok
- Pakir Bertingkat

Rajah 5.1.2 :
Pelan Tindakan Pembangunan Keseluruhan RKK Tanjung Gemok, 2030

- Cadangan Penambahbaikan Pusat
- Cadangan *Rivercruise*
- Cadangan *Penempatan* Warga
- Cadangan Aktiviti *Desa Stay*
- Cadangan Pembangunan Kawasan
- Cadangan Kawasan Baharu
- Cadangan Mengoptimumkan Penggunaan Tapak Pasar Untuk
- Cadangan Pembangunan Perdagangan Baharu/ *Promenade*
- Cadangan Stesen Pemantauan Udara dan Air
- Jalan Sedia Ada
- Cadangan Naik Taraf Jalan
- Cadangan Jalan Baharu
- Cadangan Naik Taraf
- Cadangan Persimpangan Baharu
- Cadangan Waterfront Sebagai Daya Tarikan baru ke Pantai Tanjung Pahang
- Cadangan Pengindahan Landskap Desa
- Pengindahan Landskap Jalan
- Cadangan Benteng Pemecah Ombak
- Cadangan Ban Banjir
- Cadangan Mendalamkan Sungai
- Cadangan Laluan Utiliti
- Cadangan Pemeliharaan dan
- Cadangan Cadangan Perangkap
- Cadangan Loji Rawatan Sisa Kumbahan Serantau

5.1 CADANGAN PELAN TINDAKAN KESELURUHAN RKK TANJUNG GEMOK



RAJAH 5.1.2

SENARAI CADANGAN PELAN TINDAKAN KESELURUHAN RKK TANJUNG GEMOK

PETUNJUK

PROJEK IMPAK TINGGI 1 → 17

1	Z1RB1.1	Cadangan *Street Art* Tanjung Gemok.
2	Z1RB1.4	Cadangan Laman Tok Jenang.
3	Z1RB1.5	Cadangan Kompleks Pengangkutan Bersepadu.
4	Z1RB3.2	Cadangan Pengindahan Laluan Utama dan *Connectivity* Pusat Bandar Tanjung Gemok.
5	Z1RB5	Cadangan Naik Taraf Terminal Penumpang Tanjung Gemok.
6	Z1PL5	Cadangan Hotel Berkonsep Unik dan Menarik.
7	Z1KL1	Cadangan Pembangunan Perdagangan Baharu dan Pesisir Sungai Endau.
8	Z1LR1	Cadangan Pengindahan Laluan Utama Pusat Bandar.
9	Z1LR2	Cadangan Pengindahan dan Penambaikan Imej Landskap Di Sepanjang Jalan Persekutuan 3 (Tanjung Gemok – Kuala Rompin).
10	Z2LR3	Cadangan Pengindahan Laluan Koridor Tanjung Gemok – Kuala Rompin.
11	Z3IN2	Cadangan Peningkatan Pengeluaran Industri Pemprosesan Makanan Dan Sejuk Beku Hasil Laut Di Pesisir Sungai Endau.
12	Z3IN3	Cadangan Pemutihan Industri Berasaskan Maritim Di Pesisir Sungai Endau.
13	Z3IN5	Cadangan Pengezonan Industri Berasaskan Maritim Di Pesisir Sungai Endau.
14	Z4LR4	Cadangan Mewujudkan Aktiviti *'Waterfront'* Di Pesisir Pantai Tanjng Pahang.
15	ZIU1	Cadangan Menaik Taraf Loji Rawatan Air Kampung Sepayang.
16	ZIU3	Cadangan Loji Rawatan Sisa Kumbahan Serantau (Domestik Dan Perindustrian).
17	ZIU13	Cadangan Pemecah Ombak *(Breakwater)* Dan Kerja-kerja Mendalamkan Sungai Endau.

PROJEK UTAMA 1 → 58

1	Z1RB1.2	Cadangan Naik Taraf Surau Tanjung Gemok.
2	Z1RB1.3	Cadangan Pemuliharaan Kawasan Perdagangan.
3	Z1RB2	Cadangan Pengukuhan Identiti Melalui Reka Bentuk Perabot Jalan.
4	Z1RB3.1	Cadangan Peningkatan Imej Pintu Masuk Dan Penambahbaikan Struktur Pejalan Kaki Di Jambatan Endau.
5	Z1RB4.1	Cadangan Naik Taraf Dataran Tanjung Gemok.
6	Z1RB4.2	Cadangan Naik Taraf Menara Jam Tanjung Gemok.
7	Z1PL1	Cadangan Pusat Penerangan Pelancongan (Tourist Information Centre) Tanjung Gemok.
8	Z1PL2	Cadangan Imej Kafe Beridentiti (Dekorasi/ Hiasan Dalaman Menarik).
9	Z1PL3	Cadangan *River Cruise* Tanjung Gemok.
10	Z1PL4	Cadangan *Trail Street Art* Tanjung Gemok.
11	Z1IN1	Cadangan Mewujudkan Pusat IKS Pemasaran Produk Dan Makanan Hasil Laut.
12	Z1PI1	Cadangan *Corniche Fish Market* Di Pusat Bandar.
13	Z1PT1	Cadangan Menambahbaik Pasar Malam Tanjung Gemok.
14	Z1PT2	Cadangan Pasar Tani Tanjung Gemok.
15	Z1PT4	Cadangan Peningkatan Pemasaran Dan Jualan Produk Hasil Tani Melalui Karavan Tani.
16	Z2PT6	Cadangan Pembangunan Tanah Kosong / Terbiar Menerusi Pertanian Berkelompok.
17	Z2PT7	Cadangan Pembangunan Tanah Kosong / Terbiar Menerusi Pembangunan Kluster Buah / Sayur Di Ladang Kontrak.
18	Z2PR3	Cadangan Penempatan Semula Pekerja Warga Asing.
19	Z3PR6	Cadangan Penempatan Semula / Penyediaan Asrama Pekerja Warga di Zon 3.
20	Z3PL6	Cadangan Pertunjukan (*Showcase*) Aktiviti Perikanan Jeti Tanjung Gemok.
21	Z4PL7	Cadangan Gerai Makanan Tempatan (*Tanjung Gemok Arcade*).
22	Z4PL8	Cadangan Homestay Konsep Perkampungan Desa Pinggir Laut Di Tanjung Pahang.
23	Z4LR4	Cadangan Pengindahan Landskap Desa Di Kawasan Tanjung Pahang.
24	Z4KM3	Cadangan Balai Bomba Kecil Tanjung Gemok.
25	ZPG2.1	Cadangan Naik Taraf Laluan Persekutuan 3.
26	ZPG2.2	Cadangan Naik Taraf Jalan Sri Pinang.
27	ZPG2.3	Cadangan Naik Taraf Jalan Sg Nipah.
28	ZPG2.4	Cadangan Naik Taraf Jalan Tg. Pahang.
29	ZPG2.5	Cadangan Naik Taraf Jalan Besar.
30	ZPG2.6	Cadangan Naik Taraf Jalan Murni.
31	ZPG2.7	Cadangan Naik Taraf Jalan Selancar.
32	ZPG2.8	Cadangan Naik Taraf Jalan Feri Lama.
33	ZPG3.1	Cadangan Jalan Pesisir Sungai.
34	ZPG3.2	Cadangan Jalan Pintasan Bandar.
35	ZPG3.3	Cadangan Jalan Besar – Kampung Tanjung Gemok.
36	ZPG3.4	Cadangan Jalan Kampung Gading *Bypass*.
37	ZPG3.5	Cadangan Jalan Selancar – Kg. Kasing.
38	ZPG4.1	Cadangan Naik Taraf Persimpangan Laluan Persekutuan 3 / Jalan Tanjung Pahang / Cadangan Kampung Gading *Bypass*.
39	ZPG4.2	Cadangan Naik Taraf Persimpangan Laluan Persekutuan 3 / Jalan Sri Pinang.
40	ZPG4.3	Cadangan Naik Taraf Persimpangan Jalan Sri Pinang / Jalan Tanjung 1/1.
41	ZPG4.6	Cadangan Naik Taraf Persimpangan Laluan Persekutuan 3 / Jalan Tg. Gemok.
42	ZPG4.7	Cadangan Naik Taraf Persimpangan Laluan Persekutuan 3 / Simpang Rompin Endau – Tg. Pahang.
43	ZPG4.8	Cadangan Naik Taraf Persimpangan Laluan Persekutuan 3 / Jalan Feri Lama.
44	ZPG4.9	Cadangan Naik Taraf Persimpangan Laluan Persekutuan 3 / Jalan Usaha.
45	ZPG4.10	Cadangan Naik Taraf Persimpangan Laluan Persekutuan 3 / Jalan Tanjung Gemok – Kampung Kasing (C107) / Jalan Murni.
46	ZPG5.2	Cadangan Persimpangan Jalan Besar/ Cadangan Jalan Besar – Kampung Tanjung Gemok.
47	ZPG5.5	Cadangan Persimpangan Jalan Murni/ Cadangan Jalan Besar – Kampung Tanjung Gemok.
48	ZPG5.9	Cadangan Persimpangan Jalan Selancar/ Cadangan Jalan Selancar – Kampung Kasing.
49	ZPG5.10	Cadangan Persimpangan Jalan Tg. Gemok – Kampung Kasing / Cadangan Jalan Selancar – Kampung Kasing.
50	ZPG5.11	Cadangan Persimpangan Jalan Tg. Pahang / Cadangan Jalan Pintasan Bandar.
51	ZPG7.1	Cadangan Pembinaan Laluan Pejalan Kaki Di Pusat Bandar.
52	ZPG7.3	Cadangan Tempat Letak Kenderaan Di Pusat Bandar.
53	ZPG7.4	Cadangan Pembinaan Depoh Lori Sampah.
54	ZPG7.5	Cadangan Pengubahan Sirkulasi Lalu Lintas Di Pusat Bandar Tanjung Gemok.
55	ZPG7.6	Cadangan *Traffic Calming*.
56	ZIU8	Cadangan Pemuliharaan Dan Pemeliharaan Rizab Sungai Endau Dan Perangkap Sampah Dan Pintu Air.
57	ZIU11	Cadangan Pembinaan Benteng Sungai Endau Dengan Mitigasi Kejuruteraan.
58	ZIU12	Cadangan Pembinaan Benteng Pemecah Ombak Dan Ban Banjir Di Kg Tanjung Pahang.

PROJEK SOKONGAN 1 → 47

1	Z1RB1.6	Cadangan Poket Plaza Dan Pengindahan Bulatan Pusat Bandar Tanjung Gemok.
2	Z1RB6	Cadangan Naik Taraf Pasar Tanjung Gemok.
3	Z1KL2	Cadangan Pembangunan Hotel Transit.
4	Z1PT3	Cadangan Festival Buah Bermusim.
5	Z1PT5	Cadangan Peningkatan Pemasaran Dan Jualan Produk Hasil Tani Melalui *Car Boot Sale*.
6	Z2PR1	Cadangan Pemutihan Perumahan Sedia Ada Yang Berkepadatan Melebihi 6 Unit Per Ekar.
7	Z2PR2	Cadangan Perobohan Rumah Kampung Yang Berstatus Terbiar.
8	Z2PR4	Cadangan Galakan Kegunaan Bangunan Sebagai Aktiviti *Desastay*.
9	Z2PR5	Cadangan Penambahbaikan Rumah Kampung Yang Tidak Didiami.
10	Z2PT7	Cadangan Pertanian Lestari Melalui Kaedah Agroponik.
11	Z2KM1	Cadangan Penambahan Kemudahan Pendidikan (Tadika).
12	Z2KM2	Cadangan Menaik Taraf Perpustakaan Desa Tanjung Gemok.
Cadangan memberi fokus kepada pengindahan laluan utama di dalam kawasan pusat bandar melalui penanaman landskap lembut. Di samping meningkatkan *connectivity* dengan laluan penyediaan pejalan kaki dan lintasan interaktif yang menyambungkan serta menghubung kedua belah jalan.

Rajah 5.2.20: Lokasi Perincian Cadangan Laluan Utama dan *Connectivity* Pusat Bandar.



Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

ILLUSTRASI PROJEK



Foto: Sebelum

Senarai komponen cadangan :

i. Pokok teduhan ketapang (*Terminalia catappa).*
ii. Kemasan *speed braker (cat epoxy 5mm tebal).*
iii. Lukisan laluan lintasan pejalan kaki '*zebra crossing'* interaktif (cat termoplastik).



Ilustrasi: Selepas (Jalan Persekutuan 3 yang telah dilandskapkan).

CADANGAN TERPERINCI

- **Konsep Reka Bentuk**

Laluan lintasan pejalan kaki (*zebra crossing*) dengan corak / motif yang interaktif dan menarik, berkonsepkan aktiviti penduduk tempatan iaitu imej nelayan / menangkap ikan.



Contoh gambaran bagi cadangan grafik lintasan pejalan kaki dari kemasan cat termoplastik yang berkonsepkan tradisional / imej nelayan tempatan sedang melintas jalan menuju ke muara sungai.



Foto : Cadangan pokok ketapang, pokok renek dan laluan pejalan kaki / basikal di sepanjang pinggir Jalan Persekutuan 3. Penggunaan landskap lembut yang minima dan mudah selenggara serta kemas.

- **Ciri-ciri Konsep**

a. Cadangan penanaman pokok teduhan di tepi jalan seperti pokok ketapang (*Terminalia catappa 7m ht, 75mm diameter), dan kemasan rumput di kawasan pusat bandar.*
b. Cadangan penanaman pokok teduhan di tepi jalan seperti pokok ketapang (*Terminalia catappa 7m ht, 75mm diameter) dan bunga kertas (Bougainvillea spp 500mm ht. 250mm c.c)* di kawasan pinggir bandar.
c. Cadangan garisan-garisan dengan penggunaan cat epoxy yang berketebalan 5mm bagi memperlahankan kelajuan kenderaan.
d. Mewujudkan laluan lintasan pejalan kaki (*zebra crossing*) dari kemasan cat termoplastik dengan corak / motif yang interaktif dan menarik.

Cadangan pokok ketapang yang seragam (Terminalia catappa, berukur lilit 75mm diameter, 7 meter tinggi) yang sinonim dengan kawasan pinggir air di sepanjang jalan utama bagi menonjolkan identiti laluan pintu masuk ke Negeri Pahang.



Foto: Contoh imej grafik yang menarik dan interaktif yang boleh digunakan di laluan lintasan pejalan kaki.

- **Spesifikasi Pembangunan**

Rajah 5.2.21: Pelan Kedudukan Lukisan Grafik Pejalan Kaki Interaktif.





Foto: Laluan lintasan pejalan kaki (zebra crossing) dari kemasan cat epoxy 5-10mm tebal.



Foto: Kemasan lantai laluan pejalan kaki – stamp concrete.






Foto: Pokok ketapang (Terminalia catappa 7m ht, 75mm diameter).

- **Garis Panduan Khusus**

Melaksanakan garis panduan penanaman pinggir jalan bagi mewujudkan keseragaman tanaman serta mengimplementasi konsep CPTED (*Crime Prevention Through Environmental Design*).

Jarak tanaman dari kerb jalan 1.5m minima, ketinggian bersih dahan pokok 3m minima. Tiada tumbuhan renek yang menghalang pandangan.



Cadangan laluan pejalan kaki di atas rezab hijau pinggir jalan dengan kemasan *stamp concrete.*

Landskap pinggiran jalan terhad kepada rumput sahaja (*Axonopus compressus*- rumput lembu).

Foto: Keratan rentas landskap laluan utama pusat bandar.

v. Benchmarking





Foto: Contoh gambaran imej landskap laluan jalan utama yang kemas.

Jadual 5.2.9: Profil Projek Pembangunan Pengindahan Laluan Utama dan *Connectivity* Pusat Bandar.


PROFIL PROJEK PEMBANGUNAN			
KOD PROJEK: Z1RB3.2	**TAJUK PROJEK: Pengindahan Laluan Utama dan *Connectivity* Pusat Bandar Tanjung Gemok**		
PROFIL PROJEK	Lokasi Tapak	Laluan Persekutuan 3	
	Lot dan Luas (meter)	300 Meter	
	Status Hak Milik Tanah	Tanah Kerajaan	
	Keadaan / Guna Tanah Semasa	Pengangkutan	
KAEDAH PELAKSANAAN	Kontrak		
FASA PELAKSANAAN	Fasa 1 (Quick Win) (2021-2022)	Fasa 2 J.Pendek (2023-2026)	Fasa 3 J. Panjang (2027-2030)
KATEGORI PROJEK	Projek Impak Tinggi	Projek Utama	Projek Sokongan
AGENSI TERLIBAT	Peneraju	Pelaksana	Pengurusan
	MDR JKR	MDR JKR	MDR
ANGGARAN KOS (GDC)	Pengambilan	Pelaksanaan	Jumlah
	Tiada	RM 5 Juta	RM 5 Juta
ANGGARAN NILAI (GDV)	RM6.5 Juta		
SUMBER KEWANGAN:	i. MDR ii. JKR		


Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

TINDAKAN PELAKSANAAN

Tindakan 1: Perancangan dan permohonan kos projek
Tindakan 2: Penyediaan cadangan terperinci, pengiklanan tender dan pelantikan kontraktor
Tindakan 3: Pelaksanaan dan pengurusan projek

Rajah 5.2.22: Carta Alir Tindakan Pelaksanaan Pengindahan Laluan Utama dan *Connectivity* Pusat Bandar Tanjung Gemok.





Z1RB4 MENAMBAHBAIK IMEJ DATARAN TANJUNG GEMOK

OBJEKTIF

Pengindahan, penerapan imej reka bentuk pusat bandar pelancongan.

JUSTIFIKASI

i. Memperkemas kiri dan kanan jalan di sepanjang laluan utama.
ii. Mengoptimumkan fungsi tempak letak kenderaan dengan menjadikan ia sebagai tapak jualan bermusim
iii. Landskap lembut: pokok ketapang (*Terminalia catappa*) dan rumput yang tidak menghalang fasad bangunan dan mudah selenggara

CADANGAN PEMBANGUNAN

Cadangan pembangunan ini melibatkan 2 lokasi di dalam kawasan pusat bandar yang menjadi tumpuan penduduk tempatan dan pelancong.

Z1RB4.1 Naik Taraf Dataran Tanjung Gemok

Penambahbaikan kawasan tempat letak kereta sedia ada dengan penambahbaikan kemasan lantai laluan bagi menyokong aktiviti berkala seperti pembukaan *booth* dan karnival.

Z1RB4.2 Naik Taraf Kawasan Menara Tanjung Gemok

Menaik taraf dataran sedia ada dengan penambahan komponen tarikan baharu dan peningkatan jumlah penanaman pokok yang memberi kesan hijau dan mengurangkan kesan panas pada waktu siang.

Rajah 5.2.23: Lokasi Menambahbaik Imej Dataran Tanjung Gemok.



Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

Z1RB4.1 CADANGAN NAIK TARAF DATARAN TANJUNG GEMOK

Cadangan ini akan memberi fokus kepada:

i. Memperkemas kiri dan kanan jalan di sepanjang laluan utama.
ii. Landskap lembut: pokok ketapang (*Terminalia Catappa)* dan rumput yang tidak menghalang fasad bangunan dan mudah diselenggara.

Rajah 5.2.24: Pelan Lokasi Cadangan Naik Taraf Dataran Tanjung Gemok.



Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

KOMPONEN PROJEK

i. Laluan basikal / pejalan kaki.
ii. Pokok teduhan yang seragam dan rumput.
iii. Tempat letak kenderaan / tapak gerai bermusim.
iv. Lampu jalan.

CONTOH GAMBARAN / ILUSTRASI PROJEK




Foto: Sebelum



Foto: Selepas (kawasan pinggir Jalan Persekutuan 3 yang telah diubah menjadi plaza terbuka).

CADANGAN TERPERINCI

- **Konsep Reka Bentuk**

Mengoptimakan penggunaan kawasan letak kereta dengan memperkenalkan tapak jualan yang lebih selesa beridentiti dan kondusif.

Cadangan pokok ketapang *(Terminalia catappa)* yang sinomim dengan kawasan pinggir air di sepanjang jalan utama bagi menonjolkan identiti laluan pintu masuk ke Negeri Pahang.

Cadangan tapak kenderaan dijadikan plaza terbuka yang berfungsi sebagai tapak jualan bermusim.





Foto : Contoh gerai dan aktiviti jualan yang boleh dijalankan di sini.

- **Ciri-ciri Konsep**

a. Cadangan laluan basikal / pejalan kaki dengan penanaman pokok teduhan yang seragam di tepi jalan.
b. Cadangan tapak kenderaan dijadikan plaza terbuka yang berfungsi sebagai tapak jualan bermusim.
c. Kemasan lantai dan perabot jalan yang mudah selenggara dan tahan lama.
d. Lampu jalan dengan motif yang menonjolkan identiti udang galah.

Kemasan lantai dan perabot jalan yang mudah selenggara dan tahan lama seperti *interlocking pavers* atau *stamp concrete.*



Foto : Cadangan plaza terbuka dwi fungsi.

Jadual 5.2.10: Profil Projek Pembangunan Naik Taraf Dataran Tanjung Gemok.


PROFIL PROJEK PEMBANGUNAN			
KOD PROJEK: Z1RB4.1	**TAJUK PROJEK: Naik Taraf Dataran Tanjung Gemok**		
PROFIL PROJEK	Lokasi Tapak	Dataran Tanjung Gemok	
	Lot dan Luas (ekar)	1.23 ekar	
	Status Hak Milik Tanah	Tanah Kerajaan	
	Keadaan / Guna Tanah Semasa	Pengangkutan	
KAEDAH PELAKSANAAN	Kontrak		
FASA PELAKSANAAN	Fasa 1 (Quick Win) (2021-2022)	Fasa 2 J.Pendek (2023-2026)	Fasa 3 J. Panjang (2027-2030)
KATEGORI PROJEK	Projek Impak Tinggi	Projek Utama	Projek Sokongan
AGENSI TERLIBAT	Peneraju	Pelaksana	Pengurusan
	MDR	MDR	MDR
ANGGARAN KOS (GDC)	Pengambilan	Pelaksanaan	Jumlah
	Tiada	RM 800'000	RM 800'000
ANGGARAN NILAI (GDV)	RM1.04 Juta		
SUMBER KEWANGAN:	Majlis Daerah Rompin (MDR)		


Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

TINDAKAN PELAKSANAAN

Tindakan 1: Perancangan dan permohonan kos projek
Tindakan 2: Penyediaan cadangan terperinci, pengiklanan tender dan pelantikan kontraktor
Tindakan 3: Pelaksanaan dan pengurusan projek

Rajah 5.2.25: Carta Alir Tindakan Pelaksanaan Naik Taraf Dataran Tanjung Gemok.





Z1RB4.2: CADANGAN NAIK TARAF KAWASAN MENARA TANJUNG GEMOK

Cadangan ini akan memberi fokus kepada:

- Menaik taraf kemasan dataran sedia ada dengan kemasan dan corak baharu yang lebih menarik.
- Menyediakan sebuah bangunan restoran terapung yang ikonik dengan menggabungkan ciri-ciri reka bentuk bermotifkan kepala kapal.
- Mengekalkan bangunan sedia ada di tapak dan melebarkan dataran ke tepi muara untuk mengoptimakan penggunaan dataran.

Rajah 5.2.26: Pelan Lokasi Cadangan Naik Taraf Kawasan Menara Tanjung Gemok.



Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

KOMPONEN PROJEK

i. Dataran terbuka.
ii. Restoran terapung dan pelantar pandang.
iii. Pokok teduhan.
iv. Menara sedia ada.

CONTOH GAMBARAN/ILUSTRASI PROJEK



Foto: Sebelum



Foto: Selepas (dataran telah diperkemaskan dan dinaik taraf).

CADANGAN TERPERINCI

- **Konsep Reka bentuk**

Plaza Terapung merupakan kesinambunagan daripada kawasan dataran. Ia direka bagi memenuhi keperluan riadah harian dan bermusim pengunjung ke Pekan Tajung Gemok pada hari biasa, hari minggu dan musim perayaan. Kawasan ini diunjurkan ke kawasan pesisir air bagi membolehkan pengunjung menikmati pemandangan matahari naik dan terbenam.

- **Ciri-ciri Konsep**

a. Corak lantai diilhamkan dari corak kocakan air muara sungai. Kemasan lantai adalah dari jenis *tile* konkrit atau *stamp concrete*
b. Restoran terapung diperkenalkan di hujung kawasan ini bagi memberi peluang pengunjung menikmati masakan laut di samping menghayati pemandangan. Plaza terapung setinggi 6 meter yang diilhamkan dari bentuk kepala kapal dibina bagi menikmati suasana matahari naik dan terbenam. Disediakan juga papan tanda Tanjung Gemok bagi pengunjung bergambar.
c. Semua struktur bagunan dikekalkan dan diberi nafas baharu (baik pulih dan cat).
d. Pokok ketapang (*Terminalia cattapa*) 7 meter tinggi, 75mm diameter ukur lilit dicadangkan bagi kawasan ini bagi meneruskan kesinambungan pokok dari kawasan berhampiran.



Foto : Cadangan plaza dan restoran terapung.



Foto : Contoh struktur plaza dan restoran terapung di waktu siang.



Foto : Contoh struktur plaza dan restoran terapung di waktu malam.

- **Ciri-ciri Konsep**

a. Corak atau motif kocakan air bagi permukaan lantai.

b. Penyediaan ruang dan kawasan yang selesa untuk kepelbagaian aktiviti seperti gerai pameran, *drone*, sambutan perayaan dan tahun baru, jogging, yoga dan zumba. aktiviti





Foto : Contoh kocakan air yang menjadi ilham corak lantai plaza.








Foto : Contoh aktiviti yang boleh dibuat bagi menghidupkan fungsi kawasan dataran.

Corak lantai diilhamkan dari corak kocakkan air muara sungai. Kemasan lantai adalah dari jenis *tile* konkrit atau *stamp concrete.*

Papan Tanda 'Tanjung Gemok'.



Tangga konkrit.

Kemasan susur tangan berketinggian 1.1 meter yang ringkas dan tidak menutup pandangan ke arah sungai.



Ramp naik ke plaza dari kemasan konkrit dan jalur anti slip.

Tumbuhan tutup bumi yang ringkas – Rumput *Axonopus compressus* bagi membolehkan pengunjung duduk berteduh.

Foto : Cadangan plaza dan restoran terapung.

- **Spesifikasi Pembangunan**

Papan Tanda Ikonik




Foto: Papan tanda ikonik dari kemasan konkrit dan kemasan cat automotif.

Pokok Teduhan





Foto: Pokok ketapang (Terminalia catappa 7m tinggi, 75mm diameter batang).

Kemasan Lantai




Foto: Kemasan lantai plaza– 'stamp concrete' atau jubin konkrit.

Restoran Terapung dan Pelantar Pandang










Foto: Perincian restoran terapung dan pelantar pandang.

Jadual 5.2.11: Profil Projek Pembangunan Naik Taraf Kawasan Menara Tanjung Gemok.


PROFIL PROJEK PEMBANGUNAN			
KOD PROJEK: Z1RB4.2	**TAJUK PROJEK: Naik Taraf Kawasan Menara Tanjung Gemok**		
PROFIL PROJEK	Lokasi Tapak	Pusat Bandar/ Dataran Tanjung Gemok	
	Lot dan Luas (ekar) / (meter)	0.001 ekar	
	Status Hak Milik Tanah	Tanah Kerajaan	
	Keadaan / Guna Tanah Semasa	Tanah Lapang dan Rekreasi	
KAEDAH PELAKSANAAN	Kontrak		
FASA PELAKSANAAN	Fasa 1 (Quick Win) (2021-2022)	Fasa 2 J.Pendek (2023-2026)	Fasa 3 J. Panjang (2027-2030)
KATEGORI PROJEK	Projek Impak Tinggi	Projek Utama	Projek Sokongan
AGENSI TERLIBAT	Peneraju	Pelaksana	Pengurusan
	MDR JLN	MDR JLN	MDR
ANGGARAN KOS (GDC)	Pengambilan	Pelaksanaan	Jumlah
	Tiada	RM 5 juta	RM 5 juta
ANGGARAN NILAI (GDV)	RM6.5 Juta		
SUMBER KEWANGAN:	i. Majlis Daerah Rompin (MDR) ii. Jabatan Landskap Negara (JLN)		

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

TINDAKAN PELAKSANAAN

Tindakan 1: Perancangan dan permohonan kos projek
Tindakan 2: Penyediaan cadangan terperinci, pengiklanan tender dan pelantikan kontraktor
Tindakan 3: Pelaksanaan dan pengurusan projek

Rajah 5.2.27: Carta Alir Tindakan Pelaksanaan Naik Taraf Kawasan Menara Tanjung Gemok.



Z1RB5 CADANGAN NAIK TARAF KAWASAN JETI TERMINAL PENUMPANG TANJUNG GEMOK

OBJEKTIF

Penumpuan kepada infrastruktur berkaitan pelancongan dengan penambahbaikan bangunan Jeti Terminal Penumpang Tanjung Gemok dan tempat letak kereta yang lebih baik.

JUSTIFIKASI

i. Cadangan ini melibatkan keseluruhan kawasan Jeti Terminal Penumpang Tanjung Gemok, kawasan ini merupakan kawasan utama tumpuan pelancong yang ingin ke Pulau Tioman. Pengukuhan fungsi sebagai kawasan tumpuan ini seharusnya diberi perhatian bagi memastikan kemasukan pelancong ke Pulau Tioman melalui Tanjung Gemok terus bertambah.
ii. Naik taraf struktur bangunan yang telah usang dengan reka bentuk beridentitikan kawasan setempat.
iii. Peningkatan kualiti kemudahan sedia ada seperti tandas yang bersih, kemudahan OKU, ruang menunggu yang lebih selesa dan *eco-friendly* dan lain-lain.
iv. Peningkatan imej landskap persekitaran
v. Konsep integrasi dengan kemudahan sedia ada di sekitar seperti terminal bas, surau, kafe dan hotel.
vi. Penyediaan perkhidmatan pelanggan yang mesra pengguna.
vii. Penyediaan laluan kenderaan yang sistematik bagi mengelakkan kesesakan semasa menurunkan penumpang dan tempat letak kenderaan persendirian yang selamat.

KOMPONEN CADANGAN UTAMA

i. Naik taraf bangunan terminal penumpang sedia ada.
ii. Penyediaan tempat letak kereta bertingkat yang selamat.
iii. Ruang menunggu yang selesa.
iv. Kios pelancongan yang pelbagai.
v. Kiosk cenderamata dan kafe yang selesa.
vi. Integrasi bangunan terminal bas dengan penyediaan laluan berbumbung yang selamat dan selesa.

Rajah 5.2.28: Lokasi Cadangan Penambahbaikan Kawasan Jeti Terminal Penumpang Tanjung Gemok.



Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

i. Naik Taraf Struktur Bangunan Terminal Feri Penumpang Tanjung Gemok

Cadangan ini akan memberi fokus kepada:

Menambah baik kondisi dalaman dan luaran Jeti Terminal Feri Penumpang Tanjung Gemok sedia ada dengan penambahbaikan kemudahan pelancongan dan pengindahan melalui elemen landskap lembut dan kejur.



Foto: Ruang penyimpanan bagasi.



Foto: Kopitiam di dalam terminal.



Foto: Penanda aras reka bentuk menurunkan penumpang (Bangunan Dato Muhammad Salleh Perang, Kota Iskandar, Johor Bahru).

SENARAI KOMPONEN CADANGAN PEMBANGUNAN

Berikut merupakan senarai cadangan

i. Penyediaan almari menyimpan bagasi.
ii. Tempat permainan kanak-kanan (dalam bangunan).
iii. Tandas yang bersih dan selesa.
iv. Struktur bangunan yang kukuh (pembaikan struktur yang telah rosak).
v. Penyediaan kiosk informasi pelancongan (perletakan maklumat pelancongan. seperti brochure, screen interaktif dan pakej pelancongan).
vi. Tempat menunggu berhawa dingin.
vii. Papan tanda informasi elektronik (waktu menaiki feri dan bas).
viii. Tempat sewaan *power bank* / pengecas telefon.
ix. Mempelbagai perniagaan di dalam bangunan seperti kopitiam.
x. Papan tanda arah.



Foto: Ruang swafoto di dalam terminal

ii. Pengindahan Landskap di Kawasan Terminal Penumpang

Menaik taraf kualiti landskap di persekitaran Terminal Feri Penumpang Tanjung Gemok.

- **Senarai komponen cadangan landskap:**

  a) *Eugenia grandis* (Jambu Laut).
  b) *Borasus flabellifer* (Toddy Palm).

- **Ciri-ciri Konsep**

a) Menggantikan pokok di kawasan sekitar bangunan terminal yang tidak seragam dengan pokok yang lebih sesuai dengan kawasan pinggiran air seperti Jambu Laut (*Eugenia Grandis*).
b) Menanam Palma *Borasus flabellifer* (Toddy palm) bagi memberi impak landskap pinggiran air.



Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

- **Spesifikasi Pembangunan**

Pokok dan palma pilihan





Foto: Palma Borasus flabellifer (toddy palm), 5m tinggi.





Foto: Jambu laut (Eugenia grandis), 7m tinggi,75mm diameter batang.

iii. Tempat Letak Kenderaan Bertingkat

Cadangan ini akan memberi fokus kepada:

Mempertingkatkan jumlah tempat letak kereta yang selamat berhampiran Terminal Penumpang Tanjung Gemok.

- **Ciri-ciri Konsep**

a) Fasad bangunan tempat letak kereta selamat.
b) Fasad juga mempunyai ciri-ciri imej yang menarik seperti penanaman pokok renek sebagai *screening* atau penggunaan dekoratif panel.

SENARAI KOMPONEN CADANGAN PEMBANGUNAN

- **Senarai komponen cadangan**

a) Bangunan tempat letak kenderaan bertingkat.
b) Sistem masuk berbayar.
c) Sistem CCTV.
d) Pencahayaan.
e) Laluan selamat ke bangunan terminal.

CONTOH GAMBARAN KOMPONEN PEMBANGUNAN



Foto: (Sebelum) tempat letak kereta.



Foto: (Selepas) tempat letak kereta.



Foto: Tempat letak kereta khas.



Foto: Reka bentuk selamat.



Foto: Papan tanda.

Jadual 5.2.12: Profil Projek Pembangunan Naik Taraf Kawasan Jeti Terminal Penumpang Tanjung Gemok.


PROFIL PROJEK PEMBANGUNAN			
KOD PROJEK: Z1RB5	**TAJUK PROJEK: Naik Taraf Kawasan Jeti Terminal Penumpang Tanjung Gemok**		
PROFIL PROJEK	Lokasi Tapak	Terminal Penumpang Tanjung Gemok	
	Lot dan Luas (ekar)	3.237 ekar	
	Status Hak Milik Tanah	Tanah Kerajaan	
	Keadaan / Guna Tanah Semasa	Infrastruktur	
KAEDAH PELAKSANAAN	Kontrak		
FASA PELAKSANAAN	Fasa 1 (Quick Win) (2020-2022)	Fasa 2 J.Pendek (2023-2026)	Fasa 3 J. Panjang (2027-2030)
KATEGORI PROJEK	Projek Impak Tinggi	Projek Utama	Projek Sokongan
AGENSI TERLIBAT	Peneraju	Pelaksana	Pengurusan
	Jabatan Laut	Jabatan Laut	Jabatan Laut
ANGGARAN KOS (GDC)	Pengambilan	Pelaksanaan	Jumlah
	Tiada	RM 1 juta	RM 1 juta
ANGGARAN NILAI (GDV)	RM13 Juta		
SUMBER KEWANGAN:	Jabatan Laut		

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

TINDAKAN PELAKSANAAN

Tindakan 1: Perancangan dan permohonan kos projek
Tindakan 2: Penyediaan cadangan terperinci, pengiklanan tender dan pelantikan kontraktor
Tindakan 3: Pelaksanaan dan pengurusan projek

Rajah 5.2.29: Carta Alir Tindakan Pelaksanaan Naik Taraf Kawasan Jeti Terminal Penumpang Tanjung Gemok.



Z1RB6 CADANGAN NAIK TARAF PASAR TANJUNG GEMOK

OBJEKTIF

i. Tanjung Gemok sebagai hab pelancongan (karakter, imej dan identiti menarik).

JUSTIFIKASI

i. Potensi penambahbaikan dan penambahan komponen pembangunan di Pasar Tanjung Gemok sebagai pusat pengumpulan hasil tempatan dan kawasan tumpuan penduduk.
ii. Penyusunan semula laluan masuk, tempat letak kereta dan laluan kenderaan berdasarkan pembangunan jalan baharu berhampiran kawasan pasar.
iii. Peningkatan imej pasar dengan elemen landskap dan komponen bangunan perniagaan bagi aktiviti perniagaan makanan dan kemudahan yang bersesuaian.
iv. Penambahan aktiviti mingguan seperti pasar pagi.

Rajah 5.2.30: Lokasi Cadangan Naik Taraf Pasar Tanjung Gemok.





Foto: Gambaran penambahan komponen pembangunan dan aktiviti di dalam kawasan Pasar Tanjung Gemok.

Jadual 5.2.13: Profil Projek Pembangunan Cadangan Naik Taraf Pasar Tanjung Gemok.


PROFIL PROJEK PEMBANGUNAN			
KOD PROJEK: Z1RB6	**TAJUK PROJEK: Cadangan Naik Taraf Pasar Tanjung Gemok**		
PROFIL PROJEK	Lokasi Tapak	Pasar Tanjung Gemok	
	Lot dan Luas (ekar)	Lot 221 / 1.037 ekar	
	Status Hak Milik Tanah	Tanah Kerajaan	
	Keadaan / Guna Tanah Semasa	Pasar Basah	
KAEDAH PELAKSANAAN	Kontrak		
FASA PELAKSANAAN	Fasa 1 (Quick Win) (2021-2022)	Fasa 2 J.Pendek (2023-2026)	Fasa 3 J. Panjang (2027-2030)
KATEGORI PROJEK	Projek Impak Tinggi	Projek Utama	Projek Sokongan
AGENSI TERLIBAT	Peneraju	Pelaksana	Pengurusan
	MDR, FAMA, Jabatan Pertanian	MDR, FAMA	MDR
ANGGARAN KOS (GDC)	Pengambilan	Pelaksanaan	Jumlah
	Tiada	RM 500,000	RM 500,000
ANGGARAN NILAI (GDV)	RM650,000		
SUMBER KEWANGAN:	i. Majlis Daerah Rompin (MDR) ii. FAMA iii. Jabatan Pertanian		

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

TINDAKAN PELAKSANAAN

Tindakan 1: Perancangan dan permohonan kos projek
Tindakan 2: Penyediaan cadangan terperinci, pengiklanan tender dan pelantikan kontraktor
Tindakan 3: Pelaksanaan dan pengurusan projek

Rajah 5.2.31: Carta Alir Tindakan Pelaksanaan Cadangan Naik Taraf Pasar Tanjung Gemok.



Z1PL1 CADANGAN PUSAT PENERANGAN PELANCONGAN *(TOURIST INFORMATION CENTRE)*, TANJUNG GEMOK

OBJEKTIF

Tanjung Gemok sebagai hab pelancongan (karakter, imej dan identiti menarik).

JUSTIFIKASI

i. Pusat Penerangan Pelancongan Tanjung Gemok merupakan *one stop centre* kepada pelancong untuk mendapatkan informasi mengenai aktiviti pelancongan terkini di Negeri Pahang khususnya bagi mempromosikan Daerah Rompin & Tanjung Gemok khasnya ke peringkat antarabangsa selaras dengan peranan Tanjung Gemok sebagai pintu masuk (*gateway*) ke Pulau Tioman.

ii. Mempromosikan aktiviti pelancongan serta penyebaran maklumat pelancongan melalui perkhidmatan kaunter pelancongan, laman web dan juga media sosial.

iii. Kolaborasi bersama Kementerian Pelancongan untuk merancang, mengurus dan melaksanakan program bagi menarik kedatangan pelancong.

KOMPONEN PROJEK

Cadangan ini melibatkan komponen projek seperti :

i) Lokasi Pusat Informasi Pelancongan di dalam Kompleks Terminal Pengangkutan Awam Bersepadu Tanjung Gemok.

ii) Tarikan bingkai (*frame)* bergambar dengan berlatar belakang *fajar / senja* Tanjung Gemok.

iii) Jualan produk tempatan (produk hasil laut seperti sate ikan, keropok dan produk-produk pertanian tempatan).

iv) Penyediaan Peta Interaktif Pelancongan Tanjung Gemok.

v) Cenderamata – poskad, botol, bingkai gambar, *tote* bag.

vi) Pemandu pelancong (*tourist guide*) untuk membawa pelancong ke kawasan sekitar dan penceritaan sejarah.

vii) Aktiviti *River Cruise* / Galeri Sejarah Tanjung Gemok yang boleh didokumentasikan.

Rajah 5.2.32: Pelan Lokasi Cadangan Pusat Pelancongan.



Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019



Foto: Pusat Pelancongan terletak di dalam Kompleks Terminal Bersepadu.

CONTOH GAMBARAN / ILUSTRASI PROJEK





Foto: Tour guide amat penting untuk mengiringi pelancong ke lokasi tarikan pelancongan (berperanan menceritakan sejarah dan pembangunan awal Tanjung Gemok).






Foto: Risalah / brochure tarikan utama di Tanjung Gemok, Pulau Tioman, Rompin, dan seluruh Negeri Pahang.







Foto: Antara komponen pusat informasi seperti produk tempatan, barangan cenderamata (keychain, t-shirt, topi, fridge magnet).




Foto: Poskad yang boleh diketengahkan berlatar belakangkan pemandangan Tanjung Gemok & pesisir Pantai Tanjung Pahang.




Foto: Kawasan pemetaan tarikan utama di sekitar Tanjung Gemok.

Muzium / Galeri Sejarah Tanjung Gemok







Foto: Dokumentasi arca sejarah bot nelayan.








Foto: Galeri sejarah Tanjung Gemok merupakan salah satu komponen Pusat Pelancongan bagi mempamerkan peninggalan sejarah penempatan awal Tanjung Gemok di daerah Rompin khususnya dan artifak didokumentasikan (duit lama, gambar Daerah Rompin / Tanjung Gemok, monumen kapal dan feri dan sebagainya).

Jadual 5.2.14: Profil Projek Pembangunan Cadangan Pusat Pelancongan (*Visitor Centre*) Tanjung Gemok.

PROFIL PROJEK PEMBANGUNAN			
KOD PROJEK: Z1PL1	**TAJUK PROJEK: Cadangan Pusat Pelancongan *(Visitor Centre)* Tanjung Gemok**		
PROFIL PROJEK	Lokasi Tapak	Kompleks Terminal Bersepadu Tanjung Gemok	
	Lot dan Luas (ekar) / (meter)	Satu lot kedai dalam kompleks	
	Status Hak Milik Tanah	Majlis Daerah Rompin	
	Keadaan / Guna Tanah Semasa	Pengangkutan	
KAEDAH PELAKSANAAN	Kontrak		
FASA PELAKSANAAN	Fasa 1 (Quick Win) (2021-2022)	Fasa 2 J.Pendek (2023-2026)	Fasa 3 J. Panjang (2027-2030)
KATEGORI PROJEK	Projek Impak Tinggi	Projek Utama	Projek Sokongan
AGENSI TERLIBAT	Peneraju	Pelaksana	Pengurusan
	ECERDC, Tourism Pahang	MDR	MDR
ANGGARAN KOS (GDC)	Pengambilan	Pelaksanaan	Jumlah
	Tiada	RM 1 Juta	RM 1 Juta
ANGGARAN NILAI (GDV)	RM 1.3 Juta		
SUMBER KEWANGAN:	ECERDC		

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019



Rajah 3.2.33: Carta Alir Tindakan Pelaksanaan Cadangan Pusat Pelancongan (*Visitor Centre*) Tanjung Gemok.

Z1PL2 CADANGAN IMEJ KAFE BERIDENTITI (DEKORASI/ HIASAN DALAMAN MENARIK)

OBJEKTIF

Tanjung Gemok sebagai hab pelancongan (karakter, imej dan identiti menarik).

JUSTIFIKASI

i. Membangunkan premis perniagaan kosong di Pekan Tanjung Gemok dengan cadangan imej kafe beridentiti untuk menarik kedatangan pengunjung / pelancong selari dengan trend semasa.
ii. Menjadikan Pekan Tanjung Gemok sebagai pekan yang sentiasa aktif dengan pelbagai aktiviti *(vibrant)*.
iii. Konsep / imej kafe beridentiti yang boleh diterapkan untuk menonjolkan imej Tanjung Gemok itu sendiri seperti berkonsepkan nelayan, kampung tradisional dan moden.

KOMPONEN PROJEK

Cadangan ini melibatkan komponen projek seperti :

i) Premis perniagaan di Pekan Tanjung Gemok yang tidak beroperasi.
ii) Cadangan imej kafe beridentiti menarik ini adalah di bawah tanggungjawab pemilik bangunan sepenuhnya.
iii) Penggunaan tingkap (bentuk dan corak struktur) yang menarik.
iv) Laluan pejalan kaki (kaki lima) di hadapan kedai yang dipelihara.




Foto: Contoh cadangan laluan pejalan kaki yang dilakar dengan elemen seni bina bernilai warisan.

Rajah 5.2.34: Pelan Lokasi Cadangan Pembaikan Fungsi Bangunan melalui Aktiviti Imej Kafe Beridentiti.



Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

CONTOH GAMBARAN / ILUSTRASI PROJEK



Foto: Premis perniagaan yang telah diberi nafas baharu melalui penggunaan cat.

CADANGAN TERPERINCI



Papan tanda bangunan yang jelas dan reka bentuk menyerlah.

Alternatif penggunaan & perletakan seperti basikal dan sebagainya.

Dekorasi luaran kedai yang menarik.

Fasad kedai berciri moden.



Foto : Contoh fasad bangunan kedai berindentiti.

Contoh fasad kedai yang unik dan berlainan di mana pengunjung boleh menikmati makanan di luar kedai secara terus.





Foto: Konsep kafe yang berciri reka bentuk menarik / luar biasa membolehkan pengunjung untuk mengambil gambar dan secara tidak langsung mempromosikan Tanjung Gemok melalui laman sosial.







Foto: Reka bentuk dalaman kafe yang kreatif yang mengetengahkan konsep tempatan Tanjung Gemok iaitu feri / kapal.

- *Antara contoh pengisian kafe berindentiti yang boleh dilaksanakan segera adalah* ***Tanjung Gemok Coffee/ Tanjung Gemok Kopitiam.***
- *Kopi boleh menjadi signatur yang kukuh untuk menarik pelancong ke sesuatu tempat.*

PENANDA ARAS

Fakta Menarik Kopitiam Hai Peng, Kemaman

- Kedai kopi ini amat sinonim dengan bandar Chukai yang telah beroperasi sejak tahun 1940-an. Restoran ini sangat terkenal dengan kopi istimewa yang dibuat di kedai. Malah, orang yang tidak minum kopi pun akan meminati kopi di sini
- Roti bakar istimewa yang dibakar atas arang api
- Hiasan dalaman pun menarik perhatian dengan perhiasan vintaj dan papan tanda mencuit hati









Foto : Contoh makanan tempatan yang boleh diketengahkan di Kopitiam Tanjung Gemok.

ZON 1
ZON 2
ZON 3
ZON 4

Jadual 5.2.15: Profil Projek Pembangunan Cadangan Imej Kafe Beridentiti (Dekorasi/ Hiasan Dalaman Menarik).


PROFIL PROJEK PEMBANGUNAN			
KOD PROJEK: Z1PL2	**TAJUK PROJEK: Cadangan Imej Kafe Beridentiti (Dekorasi/ Hiasan Dalaman Menarik)**		
PROFIL PROJEK	Lokasi Tapak	Pekan Tanjung Gemok	
	Lot dan Luas (ekar) / (meter)	-	
	Status Hak Milik Tanah	Majlis Daerah Rompin	
	Keadaan / Guna Tanah Semasa	Komersil	
KAEDAH PELAKSANAAN	Kontrak Konventional (Tender Terbuka)		
FASA PELAKSANAAN	Fasa 1 (Quick Win) (2021-2022)	Fasa 2 J.Pendek (2023-2026)	Fasa 3 J. Panjang (2027-2030)
KATEGORI PROJEK	Projek Impak Tinggi	Projek Utama	Projek Sokongan
AGENSI TERLIBAT	Peneraju	Pelaksana	Pengurusan
	MDR	Persendirian/ Swasta	Persendirian/ Swasta
ANGGARAN KOS (GDC)	Pengambilan	Pelaksanaan	Jumlah
	Tiada	RM 500,000	RM 500,000
ANGGARAN NILAI (GDV)	RM 650,000		
SUMBER KEWANGAN:	i. Persendirian ii. Swasta		

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

TINDAKAN PELAKSANAAN

Tindakan 1: Perancangan dan permohonan kos projek
Tindakan 2: Pelaksanaan dan pengurusan projek

Rajah 5.2.35: Carta Alir Tindakan Pelaksanaan Cadangan Imej Kafe Beridentiti (Dekorasi/ Hiasan Dalaman Menarik).



Z1PL3 CADANGAN *RIVER CRUISE* TANJUNG GEMOK

OBJEKTIF

Tanjung Gemok sebagai hab pelancongan (karakter, imej dan identiti menarik).

JUSTIFIKASI

i. Cadangan Pembinaan Jeti *River cruise* di Muara Sungai Endau merupakan salah satu mercu tanda pelancongan baharu bagi menarik kunjungan pelancong.

ii. *River cruise* ini bertujuan mempromosikan produk / aset pelancongan di Tanjung Gemok termasuk sebahagian Daerah Rompin.

iii. Kekuatan tarikan dan keindahan yang bakal diterokai oleh pelancong adalah menyusuri keindahan Sungai Endau melalui perjalanan satu jam dan berhenti di Perkampungan Orang Asli untuk merasai pengalaman.

Rajah 5.2.36: Pelan Lokasi Cadangan River Cruise Tanjung Gemok.



KOMPONEN PROJEK

Cadangan ini melibatkan komponen projek seperti :

i) Latihan pengendali bot / feri kepada peserta bagi melayakkan menjadi pengendali feri.

ii) Kaunter tiket / tiket online.

iii) Laluan air ke tempat menarik (Anggaran 10 kilometer).

iv) Pakej pelayaran adalah kerjasama bersama Tourism Pahang, Majlis Daerah Rompin, Majlis Daerah Mersing dan pengendali *river cruise* persendirian.

v) Keselamatan pelancong diutamakan dengan penyediaan life jacket dan jetski bagi mempercepatkan *Response Time* bantuan mencari dan menyelamat (SAR) jika berlaku kecemasan.

CONTOH GAMBARAN / ILUSTRASI PROJEK



Foto : Reka bentuk cadangan jeti river cruise.



Foto : Gambaran jeti river cruise pada waktu senja.

CADANGAN TERPERINCI

i. Pengunjung boleh memilih untuk menikmati perjalanan *river cruise* di atas bot sama ada berhawa dingin / santai-santai dengan perahu buatan tangan pakar melayu yang direka khas.

ii. Tempoh perjalanan *cruise* bergantung kepada pakej yang dibeli sama ada santai perahu atau berhawa dingin.

iii. Harga tiket berbeza mengikut peringkat umur dan jenis *bot.*

Keistimewaan *Santai-Santai Perahu*




Foto: Gambaran perahu.

Harga Tiket

Waktu Operasi
2 pm – 10 pm (Setiap Hari)

Dewasa	RM 20
Kanak-Kanak	RM 12
Pelancong	RM 27

- Pakej perahu adalah pakej yang paling murah dan berdurasi selama 45 minit





Antara aktiviti di atas perahu sehingga ke Kampung Serinkin
a) Memancing udang / ikan
b) Mandi sungai

Keistimewaan *River cruise Berhawa Dingin*



Foto: Rivercruise Tanjung Gemok yang menyusuri Sungai Endau di samping penerangan berkaitan sejarah dan keunikan dan serta makan di atas bot.


Harga Tiket

Waktu Operasi
7 am – 5.30 pm (Setiap Hari)

Dewasa	RM 30
Kanak-Kanak	RM 20
Pelancong	RM 37

** Rujuk perjalanan rivercruise (mukasurat sebelah)*

- Pakej cruise adalah pakej yang menawarkan perjalanan berdurasi 2 jam di atas *river cruise* berhawa dingin sambil menikmati makanan yang disediakan



Antara pemandangan indah yang boleh diabadikan oleh pengunjung di pesisir Sungai Endau.

Rajah 5.2.37: Cadangan Terperinci *River Cruise* Tanjung Gemok.



Keistimewaan *Rivercruise* Tanjung Gemok

Sungai Endau mengalir dari Banjaran Tahan di Negeri Pahang, melalui Taman Negara Endau-Rompin dan terus ke Laut China Selatan.



Waktu Operasi
7 am – 5.30 pm (Setiap Hari)

Dewasa	RM 25
Kanak-Kanak	RM 15
Pelancong	RM 30

Makanan ringan di atas Bot Rivercruise

Nasi Goreng Seafood + Teh Tarik + Keropok Lekor

Get Start Here Your Journey!

Beli Tiket / Tempah Tiket Online

Perjalanan *River Cruise*

Waterfront Cove	1	Pembangunan *waterfront* di muara Sungai Endau
Anjung Medan Selera Makanan Laut	2	Reka bentuk Anjung Medan Selera Makanan Laut yang gah dan ikonik di atas Sungai Endau
Bangunan Warna-Warni	3	Bangunan industri maritim warna-warni
Kampung Pianggu	4	Sejarah penempatan terawal di sekitar Tanjung Gemok
Perkampungan Orang Asli Kampung Labong	5	Peserta diberi peluang untuk mempelajari sejarah kampung serta kepakaran tempatan mereka termasuk makanan buatan sendiri
Jambatan Jalan Kg. Kasing – Tanjung Gemok	6	Pengindahan jambatan dan pemandangan bot/ feri nelayan
Kampung Serinkin	7	Melihat aktiviti eko pelancongan seperti memancing udang di MJ Eco *Village*

Jadual 5.2.16: Profil Projek Pembangunan Cadangan *River Cruise* Tanjung Gemok.


PROFIL PROJEK PEMBANGUNAN			
KOD PROJEK: Z1PL3	**TAJUK PROJEK: Cadangan *River Cruise* Tanjung Gemok**		
PROFIL PROJEK	Lokasi Tapak	Lokasi Jeti: Pesisir Pantai Tanjung Pahang Laluan rivercruise: Anggaran 10 km	
	Lot dan Luas (ekar) / (meter)	-	
	Status Hak Milik Tanah	Kerajaan	
	Keadaan / Guna Tanah Semasa	Rizab sungai	
KAEDAH PELAKSANAAN	Kontrak Konventional (Tender Terbuka)		
FASA PELAKSANAAN	Fasa 1 (Quick Win) (2021-2022)	Fasa 2 J.Pendek (2023-2026)	Fasa 3 J. Panjang (2027-2030)
KATEGORI PROJEK	Projek Impak Tinggi	Projek Utama	Projek Sokongan
AGENSI TERLIBAT	Peneraju	Pelaksana	Pengurusan
	MDR & Tourism Pahang	MDR & Tourism Pahang	Persendirian/ Swasta
ANGGARAN KOS (GDC)	Pengambilan	Pelaksanaan	Jumlah
	Tiada	RM 1 Juta	RM 1 Juta
ANGGARAN NILAI (GDV)	RM1.3 Juta		
SUMBER KEWANGAN:	i. Majlis Daerah Rompin (MDR) ii. Tourism Pahang iii. BPEN		


Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

TINDAKAN PELAKSANAAN

Tindakan 1: Perancangan dan permohonan kos projek
Tindakan 2: Penyediaan cadangan terperinci, pengiklanan tender dan pelantikan kontraktor
Tindakan 3: Pelaksanaan dan pengurusan projek

Rajah 5.2.38: Carta Alir Tindakan Pelaksanaan Cadangan *River Cruise* Tanjung Gemok.





Z1PL4 CADANGAN TRAIL *STREET ART* TANJUNG GEMOK

OBJEKTIF

Tanjung Gemok sebagai hab pelancongan (karakter, imej dan identiti menarik).

JUSTIFIKASI


i. Menjadikan dinding sebagai medium utama tarikan mural / grafiti di Tanjung Gemok.
ii. Mengetengahkan seni jalanan kerana ia bukan sekadar luahan perasaan artis / pelukis malah mampu mencantikkan pemandangan.
iii. Trail *street art* ini menekankan titik utama seni jalanan serta potensi tarikan pusat bandar yang lain.

KOMPONEN PROJEK

Cadangan ini melibatkan komponen projek seperti :

i) Lokasi tarikan pelancongan utama Tanjung Gemok.
ii) Lokasi tarikan seni jalanan di kawasan perdagangan Tanjung Gemok.
iii) *Street art* ini bawah seliaan Tourism Pahang, Majlis Daerah Rompin dan Pusat Pelancongan Tanjung Gemok.

Rajah 5.2.39: Cadangan Terperinci *Trail Street Art* Tanjung Gemok.



Jadual 5.2.17: Profil Projek Pembangunan Cadangan Trail *Street Art* Tanjung Gemok.


PROFIL PROJEK PEMBANGUNAN			
KOD PROJEK: Z1PL4	**TAJUK PROJEK: Cadangan Trail *Street Art* Tanjung Gemok**		
PROFIL PROJEK	Lokasi Tapak	Pusat Bandar Tanjung Gemok	
	Lot dan Luas (ekar) / (meter)	-	
	Status Hak Milik Tanah	-	
	Keadaan / Guna Tanah Semasa	-	
KAEDAH PELAKSANAAN	Pelaksanan Secara Terus oleh MDR		
FASA PELAKSANAAN	Fasa 1 (Quick Win) (2021-2022)	Fasa 2 J.Pendek (2023-2026)	Fasa 3 J. Panjang (2027-2030)
KATEGORI PROJEK	Projek Impak Tinggi	Projek Utama	Projek Sokongan
AGENSI TERLIBAT	Peneraju	Pelaksana	Pengurusan
	MDR, Tourism Pahang	Swasta Artis Grafiti	MDR
ANGGARAN KOS (GDC)	Pengambilan	Pelaksanaan	Jumlah
	Tiada	RM 200,000	RM 200,000
ANGGARAN NILAI (GDV)	RM 260,000		
SUMBER KEWANGAN	Tourism Pahang		

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

TINDAKAN PELAKSANAAN

Tindakan 1: Perancangan dan permohonan kos projek
Tindakan 2: Penyediaan cadangan terperinci
Tindakan 3: Pelaksanaan dan pengurusan projek

Rajah 5.2.40: Carta Alir Tindakan Pelaksanaan Pembangunan Cadangan Trail *Street Art* Tanjung Gemok.



Z1PL5 CADANGAN HOTEL BUTIK BERKONSEP UNIK DAN MENARIK

OBJEKTIF

Tanjung Gemok sebagai hab pelancongan (karakter, imej dan identiti menarik).

JUSTIFIKASI

i. Cadangan hotel yang berkonsep unik yang mampu menjadi bangunan ikonik di muara Sungai Endau.
ii. Hotel transit berkonsep tradisional dengan seni bina kayu ala kampung / tradisional.
iii. Konsep hotel butik yang menonjolkan nilai kebudayaan asli sebenar dan mengekalkan nilai sentimental Melayu.
iv. Tema yang ditonjolkan melalui dekorasi reka bentuk mewah, hiasan perabot dan layanan petugas yang menjadi pemangkin kepada pengunjung untuk datang menginap.
v. Menarik pelancong untuk menginap dengan kelengkapan / keselesaan yang disediakan.

Rajah 5.2.41: Pelan Lokasi Hotel Butik.



Foto: Pelan lokasi cadangan Hotel Butik.

KOMPONEN PROJEK

Cadangan ini melibatkan komponen projek seperti :

i. Penyediaan bilik hotel mengikut Garis Panduan Pengelasan Premis Penginapan Pelancong bagi Kategori Hotel Butik.
ii. 2 lot kedai di *Waterfront Cove*.

CONTOH GAMBARAN / ILUSTRASI PROJEK



Foto: Contoh reka bentuk bangunan hotel yang mengekalkan ciri-ciri dan reka bentuk tradisi dan tempatan.

CADANGAN TERPERINCI

i. Konsep Reka bentuk

Konsep pembangunan hotel ini boleh mengambil ilustrasi karikatur seperti Kampung Boy untuk menjadikannya menonjol dan menarik.

ii. Ciri-ciri Konsep

a. Cadangan hotel berkonsep karikatur Kampung Boy di mana dari segi pemakaian pekerja / pelayan resort mestilah berpakaian tradisional dan makanan yang disediakan merupakan makanan tempatan.
b. Hiasan dalaman bercirikan rumah tradisional melayu lama.

iii. Komponen Cadangan

a. Bilik Penginapan
b. Restoran
c. Spa
d. Kawasan Riadah
e. Kedai Cenderamata
f. Kemudahan WIFI
g. CCTV 24 jam

GARIS PANDUAN KHAS

Premis penginapan pelancong haruslah memenuhi syarat-syarat wajib seperti di bawah untuk melayakkan dikelaskan sebagai sebagai Hotel Butik:

1. Premis wajib berdaftar dengan Kementerian Pelancongan.
2. Premis menawarkan lebih daripada sepuluh (10) bilik atau lebih daripada lima puluh (50) buah katil.
3. Premis wajib mempunyai Lesen Perniagaan / Lesen Operasi Hotel atau penginapan daripada Majlis Daerah Rompin (MDR).
4. Premis wajib mempunyai :-
   - Sijil Perakuan Bomba.
   - Memadai mempunyai *Certificate of Completion and Compliance* (CCC) sekiranya premis beroperasi kurang satu tahun.
5. Premis hendaklah menjadi ahli mana-mana persatuan yang diiktiraf oleh Kementerian Pelancongan. Semua kakitangan pengendali makanan hendaklah memperolehi Sijil Pengendali Makanan dan Suntikan *Anti Thypoid.*
6. Pihak premis perlu menyediakan *Grease Trap.*
7. Premis wajib menyediakan sekurang-kurangnya satu bilik penginapan dan tandas awam di kawasan umum untuk OKU.
8. Premis perlu dikelaskan terlebih dahulu (3-5 Bintang) sebelum layak memohon untuk penarafan hotel butik.
9. Premis boleh memohon untuk dikelaskan sebagai hotel butik mengambil kira faktor lokasi hotel itu.






Foto: Antara ilustrasi bertema animasi Lat yang membawa kartunis lagenda tempatan/ watak Kampung Boy dan permainan tradisional.



Foto: Cenderamata seperti tote bag, buku nota dan t-shirt.



Jadual 5.2.18: Profil Projek Pembangunan Cadangan Hotel Berkonsep Unik dan Menarik.


PROFIL PROJEK PEMBANGUNAN			
KOD PROJEK: Z1PL5	**TAJUK PROJEK: Cadangan Hotel Berkonsep Unik dan Menarik**		
PROFIL PROJEK	Lokasi Tapak	Tanah PKNP	
	Lot dan Luas (ekar) / (meter)	4.9 ekar	
	Status Hak Milik Tanah	-	
	Keadaan / Guna Tanah Semasa	Tanah kosong	
KAEDAH PELAKSANAAN	Kontrak Konventional (Tender Terbuka)		
FASA PELAKSANAAN	Fasa 1 (Quick Win) (2021-2022)	Fasa 2 J.Pendek (2023-2026)	Fasa 3 J. Panjang (2027-2030)
KATEGORI PROJEK	Projek Impak Tinggi	Projek Utama	Projek Sokongan
AGENSI TERLIBAT	Peneraju	Pelaksana	Pengurusan
	Swasta	Swasta	Swasta
ANGGARAN KOS (GDC)	Pengambilan	Pelaksanaan	Jumlah
	Tiada	RM 3 Juta	RM 3 Juta
ANGGARAN NILAI (GDV)	RM 3.9 Juta		
SUMBER KEWANGAN:	Persendirian / Swasta		

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

TINDAKAN PELAKSANAAN

Tindakan 1: Perancangan dan penyediaan kertas kerja terperinci
Tindakan 2: Penyediaan cadangan terperinci, pengiklanan tender dan pelantikan kontraktor
Tindakan 3: Pelaksanaan dan pengurusan projek

Rajah 5.2.42: Carta Alir Tindakan Pelaksanaan Cadangan Hotel Berkonsep Unik dan Menarik.



Z1PL6 *SHOWCASE* AKTIVITI PERIKANAN JETI TANJUNG GEMOK

OBJEKTIF

Tanjung Gemok sebagai hab pelancongan (karakter, imej dan identiti menarik).


JUSTIFIKASI

i. Memperkukuhkan pelancongan akua di perkampungan nelayan dan Jeti Tanjung Gemok sebagai pangkalan utama untuk membeli serta menjual hasil tangkapan.
ii. Mengeksploitasi kelebihan jeti perikanan untuk dijadikan sebagai peluang pelancongan.
iii. Mengaktifkan lagi pelabuhan dan pendaratan ikan ini bagi menarik minat nelayan-nelayan mendaratkan ikan.

KOMPONEN PROJEK

i. Kumpulan Jana Satu Sdn Bhd.
ii. Timurikan Terengganu Marine Products Sdn. Bhd.
iii. Aktiviti perikanan yang bersesuaian bagi tujuan *showcase* kepada pengunjung.

Rajah 5.2.43: Pelan Lokasi *Showcase* Aktiviti Perikanan Jeti Tanjung Gemok.



CADANGAN TERPERINCI

Keunikan *showcase* aktiviti Perikanan Jeti Tanjung Gemok

Masa Lawatan

Setiap Sabtu & Ahad
9 am -12 pm

Bayaran

RM 7 (Dewasa)
RM 5 (Kanak-kanak)

Pengunjung diwajibkan untuk memakai jaket keselamatan dan kasut kalis air bagi tujuan keselamatan

Aktiviti yang ditawarkan:-

- Melihat pendaratan hasil laut
- Pengasingan hasil laut
- Bergambar di jeti
- Menimbang hasil laut
- Pemilihan hasil laut untuk dihantar ke restoran atau ke negeri lain
- Pengalaman membuat keropok
- Pembekuan (produk sejuk beku)
- Proses penghasilan produk hasil laut seperti bebola ikan, keropok lekor dan sebagainya



Jadual 5.2.19: Profil Projek Pembangunan Cadangan *Showcase* Aktiviti Perikanan Jeti Tanjung Gemok.


PROFIL PROJEK PEMBANGUNAN			
KOD PROJEK: Z1PL6	**TAJUK PROJEK: *Showcase* Aktiviti Perikanan Jeti Tanjung Gemok**		
PROFIL PROJEK	Lokasi Tapak	Jeti Perikanan Nelayan	
	Lot dan Luas (ekar) / (meter)	-	
	Status Hak Milik Tanah	Lesen Menduduki Sementara (LMS)	
	Keadaan / Guna Tanah Semasa	Industri	
KAEDAH PELAKSANAAN	Usahama pemilik industri dan MDR		
FASA PELAKSANAAN	Fasa 1 (Quick Win) (2021-2022)	Fasa 2 J.Pendek (2023-2026)	Fasa 3 J. Panjang (2027-2030)
KATEGORI PROJEK	Projek Impak Tinggi	Projek Utama	Projek Sokongan
AGENSI TERLIBAT	Peneraju	Pelaksana	Pengurusan
	MDR	Pemilik industri & MDR	Pemilik industri & MDR
ANGGARAN KOS (GDC)	Pengambilan	Pelaksanaan	Jumlah
	-	RM 500,000	RM 500,000
ANGGARAN NILAI (GDV)	RM 650,000		
SUMBER KEWANGAN:	i. Pemilik industri perikanan. ii. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) iii. Jabatan Perikanan Negeri Pahang		


Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

TINDAKAN PELAKSANAAN

Tindakan 1: Perancangan dan permohonan kos projek
Tindakan 2: Penyediaan cadangan terperinci, pengiklanan tender dan pelantikan kontraktor
Tindakan 3: Pelaksanaan dan pengurusan projek

Rajah 5.2.44: Carta Alir Tindakan Pelaksanaan Cadangan *Showcase* Aktiviti Perikanan Jeti Tanjung Gemok.





Z1KL1 CADANGAN PEMBANGUNAN TANJUNG PAHANG *COVE*

OBJEKTIF

Penyusunan guna tanah spatial.

JUSTIFIKASI


i. Menggalakkan pelaburan dari pihak swasta terutama dalam sektor komersial di Pekan Tanjung Gemok.
ii. Memberikan 'suntikan' imej dan kawasan baharu yang eksklusif.
iii. Kesediaan tanah berhadapan Sungai Endau yang berpotensi untuk dibangunkan secara optimum dengan konsep pembangunan hijau dan pembangunan hadapan sungai.
iv. Menyediakan ruang rekreasi hadap sungai bagi akitiviti awam dan salah satu tarikan baru pelancong.

KOMPONEN PEMBANGUNAN


Cadangan pembangunan ini melibatkan di dalam kawasan pusat bandar yang menjadi tumpuan pelancong.

- Jenis Kedai: Kedai Pejabat (rujuk **Rajah 5.2.46**)
  Terdapat tiga (3) saiz ukuran kedai pejabat:
  a. Kedai pejabat 30' x 60' – 8 unit
  b. Kedai pejabat 20' x 80' – 10 unit
  c. Kedai pejabat 24' x 80' – 21 unit
- Tempat letak kenderaan.
- Landskap lembut dan kejur.

Rajah 5.2.45: Pelan Lokasi Bagi Cadangan Pembangunan Tanjung Pahang *Cove*.



Rajah 5.2.46: Pelan Susun atur Bagi Cadangan Pembangunan Tanjung Pahang *Cove*.



CADANGAN PEMBANGUNAN

Cadangan pembangunan ini melibatkan kawasan pusat bandar yang menjadi tumpuan pelancong dan kawasan berpotensi hadap sungai untuk dibangunkan berdasarkan garis panduan pembangunan pesisir sungai yang bersesuaian. (rujuk **Rajah 5.2.47**)

a. Cadangan Pembangunan Perdagangan Baharu

Cadangan pembangunan kawasan komersial baru berkonsepkan hijau dan pembangunan menghadap sungai.

b. Cadangan *Promenade*

Mewujudkan kawasan rekreasi yang menghadap sungai bagi aktiviti rekreasi pasif dan pelancongan.

A. CADANGAN KAWASAN KOMERSIAL BAHARU

Rajah 5.2.47: Pelan Cadangan Kawasan Komersial Baharu.



Foto: Antara komponen pembangunan kawasan perdagangan baharu.

CONTOH GAMBARAN PEMBANGUNAN




Foto: Ilustrasi pembangunan menghadap Sungai Endau dengan penyediaan ruang pasif.



Foto: Ilustrasi cadangan pembangunan menghadap Sungai Endau dengan reka bentuk bangunan kolonial dan penggunaan warna yang ceria.

CADANGAN TERPERINCI

Rajah 5.2.48: Keratan Rentas Ruang Santai Luar Bangunan.



Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019



Foto: Ilustrasi pembangunan menghadap Sungai Endau dari perspektif tepi.

GARIS PANDUAN IMEJ KAWASAN CADANGAN

1. Pemilihan Warna Bangunan

Pemilik atau penyewa bangunan dibenarkan dan digalakkan untuk mengecat bangunan dengan warna yang pelbagai mengikut kesesuaian reka bentuk bangunan dan perincian bangunan tersebut. Pemilik dikehendaki mengecat bangunan menggunakan dua atau lebih tona yang berbeza pada lot bangunan tersebut.

2. Papan Tanda Bangunan Atau Kedai

Papan tanda kedai hanya boleh diletakkan pada ruang meletak papan iklan yang telah ditetapkan di tidak dibenarkan untuk menutup keseluruhan fasad atau 50% daripada saiz fasad bangunan. Tidak dibenarkan menutup tingkap fasad bangunan. Papan tanda juga hendaklah memasukkan tulisan jawi sebagaimana arahan Kerajaan Negeri Pahang.

3. Perletakan Alatan Mekanikal (M&E)

Perletakan alatan mekanikal seperti kompressor penghawa dingin perlu dilindung menggunakan *trellis* atau *lover*.

4. Koridor dan kaki lima

Dibenarkan meletakkan meja makan dan dalam masa yang sama menyediakan ruang laluan pejalan kaki sekurangnya 2 meter laluan yang tidak terhalang. Digalakkan penanaman pokok bunga kertas dan perletakan pergola pada fasad bangunan berhadapan jalan utama.

5. Perniagaan Tingkat 1

Tidak dibenarkan aktiviti perniagaan seperti bengkel, pasar borong dan penyimpanan barang. Perniagaan jenis makanan perlu mematuhi garis panduan JPS dan JAS perlepasan air singki dan air basuhan ke longkang.

6. Perniagaan Tingkat 2

Tidak dibenarkan aktiviti penternakan burung walit.

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

B. CADANGAN PROMENADE

OBJEKTIF

Tanjung Gemok sebagai hab pelancongan (karakter, imej dan identiti menarik).

JUSTIFIKASI

i. Sebagai kawasan rekreasi dan riadah di kawasan perdagangan baharu.
ii. Landskap pinggir air memberi impak imej positif pada pandangan hadapan persisir muara laut.
iii. Landskap lembut: pokok ketapang (*Terminalia Catappa), bunga kertas (Bougainvillea spp.)*
iv. Sebagai salah satu alternatif kawasan tumpuan yang dapat menarik minat pelancong dan penduduk tempatan.

Rajah 5.2.49: Pelan Lokasi Cadangan Komersial Baharu Pesisir Pantai.




Foto: Antara komponen kawasan promenade Gemok Cove.

KOMPONEN PROJEK

i. Plaza poket.
ii. Promenade.
iii. Jeti *River Cruise.*

CONTOH GAMBARAN / ILUSTRASI PROJEK




Foto: Contoh promenade dan taman poket di bandar pinggir laut.

CADANGAN TERPERINCI

i. Konsep Reka Bentuk

Plaza poket diwujudkan bagi mememuhi keperluan kawasan riadah bandar serta mengindahkan reka bentuk bandar. Taman poket ini juga dapat menambah peratusan kawasan riadah hijau yang meningkatkan keselesaan *thermal* (*thermal comfort)* kepada keseluruhan kawasan bandar.

ii. Ciri-ciri Konsep

a. Pokok teduhan seperti Jambu Laut (*Eugenia Grandis*, 75mm diameter, 5m tinggi).
b. Corak di atas lantai plaza yang bermotifkan 'pusaran titisan air' dari kemasan cat 'epoxy' berketebalan 2-5mm.
c. Kemasan lantai plaza dan *promenade* adalah dari jenis *cobble stone*.



Foto: Cadangan pengindahan kawasan promenade.

iii. Spesifikasi Pembangunan

- Kemasan lantai



Foto: Cat 'epoxy' 2-5mm tebal.



Foto: Cobble stone 100mm tebal.

- Pokok pilihan



Foto: Jambu Laut (Eugenia Grandis), 7m tinggi,75mm diameter batang.

- Tempat duduk




Foto: Kemasan 'shanghai plaster'.

Jadual 5.2.20: Profil Projek Pembangunan Tanjung Pahang Cove.

PROFIL PROJEK PEMBANGUNAN			
KOD PROJEK: Z1KL1	**TAJUK PROJEK: Cadangan Pembangunan Perdagangan Baharu Pesisir Muara Sungai Endau**		
PROFIL PROJEK	Lokasi Tapak	Berhampiran Terminal Penumpang Tanjung Gemok	
	Lot dan Luas (ekar) / (meter)	4 ekar	
	Status Hak Milik Tanah	Tanah Kerajaan	
	Keadaan / Guna Tanah Semasa	Rizab sungai	
KAEDAH PELAKSANAAN	Usahasama antara MDR, JPS dan pelabur		
FASA PELAKSANAAN	Fasa 1 (Quick Win) (2021-2022)	Fasa 2 J.Pendek (2023-2026)	Fasa 3 J. Panjang (2027-2030)
KATEGORI PROJEK	Projek Impak Tinggi	Projek Utama	Projek Sokongan
AGENSI TERLIBAT	Peneraju	Pelaksana	Pengurusan
- Mengadakan program gotong-royong membaik pulih rumah bersama penduduk / wakil penduduk kampung dan NGO seperti Belia 4B melalui peruntukan sendiri / tabung baik pulih yang ditubuhkan oleh MPKK / koperasi kampung.
- Bagi rumah tidak berpenghuni ia sesuai dijadikan rumah sewa sebagai salah satu sumber pendapatan penduduk atau pihak MPKK.

TINDAKAN PELAKSANAAN

Tindakan 1: Permohonan
Tindakan 2: Semakan
Tindakan 3: Kerja-kerja baik pulih

Rajah 5.2.82: Carta Alir Tindakan Pelaksanaan Cadangan Penambaikan Rumah Kampung Yang Tidak Didiami.






Foto: Aktiviti gotong-royong yang dilakukan oleh penduduk kampung.



Foto: Aktiviti gotong-royong untuk membaik pulih rumah.

ZON 1
ZON 2
ZON 3
ZON 4

Z2PT6 CADANGAN PEMBANGUNAN TANAH KOSONG/TERBIAR MENERUSI PERTANIAN KELOMPOK DAN KLUSTER


OBJEKTIF

Pengukuhan dan peningkatan mutu prasarana, infrastruktur dan ekonomi.

JUSTIFIKASI

Projek Tanaman Kelompok ini mampu menyumbangkan sebahagian besar daripada pengeluaran sayur-sayuran negara untuk pasaran tempatan dan eksport di samping membolehkan membantu petani dalam pembangunan kawasan dan penyediaan infrastruktur asas yang melibatkan dua jenis sayuran iaitu sayuran jenis berbuah dan sayuran jenis berdaun.

Rajah 5.2.83: Pelan Lokasi Cadangan Pertanian Kelompok dan Kluster.



Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

KOMPONEN PROJEK

i. Jumlah luas dibangunkan (Hektar).
ii. Bilangan pengusaha.
iii. Jumlah pengeluaran (Metrik Tan).
iv. Nilai Pengeluaran (RM).

CONTOH GAMBARAN / ILUSTRASI PROJEK



Foto: Sebelum (Tanah Pertanian Terbiar / Kosong).



Foto: Contoh gambaran penanaman sayur-sayuran hijau.



Foto: Contoh gambaran penanaman sayur-sayuran hijau.

Penanaman sayuran di atas tanah terbiar menjadikan ia sebagai tanah yang produktif. Ia juga membantu meningkatkan pengeluaran bahan makan dan memastikan bekalan mencukupi, berkualiti dan selamat.

TINDAKAN PELAKSANAAN PROJEK

Program ini dijalankan dengan kerjasama antara Pejabat Pertanian Daerah, FAMA, MDR, PTD, MPKK dan pemilik tanah.

- **Tindakan 1: Perancangan Program**
  - Kenal pasti kawasan tanah kosong / tanah terbiar yang berpotensi untuk dibangunkan projek pertanian.
  - Penyelarasan program dengan agensi terlibat.

- **Tindakan 2: Peruntukan Bantuan Kewangan**
  - Mendapatkan peruntukan daripada agensi / badan yang berkaitan seperti Jabatan Pertanian Negeri Pahang / Pejabat Daerah.
    - Bentuk pembiayaan untuk:
    - *i. Pembersihan dan penyediaan kawasan baru.*
    - *ii. Penyediaan input pertanian seperti benih, baja, racun, jentera pertanian dan peralatan kecil ladang.*
    - *iii. Menyediakan infrastuktur ladang merangkumi binaan jalan ladang, sistem pengairan, sistem perparitan dan pagar sempadan.*

- **Tindakan 3: Pelaksanaan dan Pemantauan Projek**
  - Syarat permohonan:
    - *i. Terbuka kepada individu dan kelompok (melebihi 3 orang).*
    - *ii. Berumur 18 tahun ke atas.*
    - *iii. Keluasan bantuan bagi individu: minima adalah 0.4 hektar (0.98 ekar) dan maksima 2.5 hektar (6.18 ekar).*
    - *iv. Keluasan bantuan bagi kelompok adalah mengikut bilangan ahli.*
    - *v. Mempunyai status tanah yang jelas (hak milik atau sewaan tidak kurang 5 tahun).*
  - Jenis tanaman / komoditi yang boleh diusahakan: Tanaman singkat masa, tanaman yang cepat mengeluarkan hasil dan mempunyai pasaran.

JENIS TANAMAN KOMODITI YANG BOLEH DIUSAHAKAN (MASA SINGKAT)

Jenis Tanaman	Masa (bulan) 1	2	3	4	5	6	7	8	9
Bayam	■								
Bendi	■								
Cili	■	■	■	■	■	■			
Halia tua	■	■	■	■	■	■	■	■	■
Halia muda	■	■	■	■	■	■			
Kacang buncis	■	■	■						
Kacang Panjang	■	■	■						
Kailan	■								
Kangkung	■								
Kobis	■	■	■						
Petola	■	■	■	■					
Sawi	■								
Terung	■	■	■	■	■	■			
Timun	■	■	■						
Tomato	■	■	■	■	■	■			
Jagung	■	■	■						
Keledek	■	■	■	■					
Labu manis	■	■	■						
Ubi kayu	■	■	■	■	■	■	■	■	

Sumber: Statistik Tanaman Jabatan Pertanian Malaysia

- Tanaman sayuran seperti sawi, bayam, kangkong dan bendi adalah yang paling cepat musim penanamannya iaitu dalam tempoh 4 minggu.
- Kacang buncis, kacang panjang, kobis, timun, jagung dan labu manis adalah tanaman yang mengambil masa 3 bulan untuk melengkapi musim penanamannya.
- Tanaman seperti cili, halia muda, terung dan tomato mempunyai 6 bulan tempoh penanamannya manakala halia tua dan kayu ubi mengambil masa 8-9 bulan.

Jadual 5.2.36: Profil Projek Pembangunan Cadangan Pertanian Kelompok.


PROFIL PROJEK PEMBANGUNAN			
KOD PROJEK: Z2PT6	**TAJUK PROJEK: Cadangan Pembangunan Tanah Kosong/Terbiar Menerusi Pertanian Kelompok**		
PROFIL PROJEK	Lokasi Tapak	Tanah Kosong dan Terbiar yang Bersesuaian *NOTA: Program ini boleh diterapkan untuk sebahagian tanah kosong atau tanah terbiar*	
	Lot dan Luas (ekar) / (meter)	Melibatkan Kawasan Tanah Kosong/ Terbiar seperti berikut: • Lot 869 (6.67 ekar) • Lot 27699 (1.11 ekar) • Lot 27701 (1.11 ekar) • Lot 27543 (1.09 ekar) • Lot 1005 (1.78 ekar)	
	Status Hak Milik Tanah	Individu & Swasta	
	Keadaan / Guna Tanah Semasa	Terdapat Tanah Kosong dan Terbiar	
KAEDAH PELAKSANAAN	Kontrak		
FASA PELAKSANAAN	Fasa 1 (Quick Win) (2021-2022)	Fasa 2 J.Pendek (2023-2026)	Fasa 3 J. Panjang (2027-2030)
KATEGORI PROJEK	Projek Impak Tinggi	Projek Utama	Projek Sokongan
AGENSI TERLIBAT	Peneraju	Pelaksana	Pengurusan
	Pemilik Tanah / Peserta	Jab. Pertanian FAMA	Jab. Pertanian FAMA
ANGGARAN KOS (GDC)	Pengambilan	Pelaksanaan	Jumlah
	Tiada	RM 200,000	RM 200,000
ANGGARAN NILAI (GDV)	RM 260,000		
SUMBER KEWANGAN:	i. Pemilik Tanah / Peserta ii. FAMA iii. Jab. Pertanian		

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

TINDAKAN PELAKSANAAN

Tindakan 1: Perancangan dan permohonan kos projek
Tindakan 2: Peruntukkan dan bantuan kewangan projek
Tindakan 3: Pelaksanaan dan Pemantauan Projek

Rajah 5.2.84: Carta Alir Tindakan Pelaksanaan Cadangan Pembangunan Tanah Kosong / Terbiar Menerusi Pertanian Kelompok.



Z2PT7 CADANGAN PEMBANGUNAN TANAH KOSONG/TERBIAR MENERUSI PEMBANGUNAN KLUSTER BUAH/SAYUR DI LADANG KONTRAK

OBJEKTIF

Pengukuhan dan peningkatan mutu prasarana, infrastruktur dan ekonomi.

JUSTIFIKASI

i. Menjamin kewujudan pasaran dan seterusnya meningkatkan pendapatan pengeluar.
ii. Mempertingkatkan pengeluaran buah-buahan dan sayur-sayuran melalui perancangan pengeluaran dan pemasaran bersistematik.
iii. Memastikan pengeluaran hasil pertanian yang berkualiti dan mapan serta menepati kehendak pasaran melalui Amalan Pertanian Baik (GAP).
iv. Mempercepatkan pemindahan teknologi di dalam rantaian bekalan.

Rajah 5.2.85: Pelan Lokasi Cadangan Pembangunan Kluster Buah / Sayur.



Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

KOMPONEN PROJEK

i. Jumlah luas dibangunkan (Hektar).
ii. Bilangan pengusaha.
iii. Jumlah pengeluaran (Metrik Tan).
iv. Nilai Pengeluaran (RM).

CONTOH GAMBARAN / ILUSTRASI PROJEK



Foto: Sebelum (tanah pertanian terbiar / kosong).



Foto: Penanaman pokok roselle menerusi ladang kontrak.



Foto: Penanaman kelapa pandan menerusi ladang kontrak.



Foto: Penanaman nanas menerusi ladang kontrak.

TINDAKAN PELAKSANAAN PROJEK

Program ini dijalankan dengan kerjasama antara Pejabat Pertanian Daerah, FAMA, MDR, PTD, JKKK dan pemilik tanah.

- **Tindakan 1: Perancangan Program**
  - Kenal pasti kawasan tanah kosong / tanah terbiar yang berpotensi untuk dibangunkan projek pertanian dan membuat penyelarasan program dengan agensi terlibat.

- **Tindakan 2: Peruntukan bantuan kewangan**
  - Mendapatkan peruntukan daripada agensi / badan yang berkaitan seperti Jabatan Pertanian Negeri Pahang/ Pejabat Daerah.
  - Bentuk pembiayaan untuk:
    i. Pembersihan dan penyediaan kawasan baru.
    ii. Penyediaan input pertanian seperti benih, baja, racun, jentera pertanian dan peralatan kecil ladang.
    iii. Menyediakan infrastuktur ladang merangkumi binaan jalan ladang, sistem pengairan, sistem perparitan dan pagar sempadan.
    iv. Bekalan / penggantian anak pokok, termasuk kerja-kerja cantasan dan cantuman.
    v. Membina kemudahan pengendalian lepas tuai.

- **Tindakan 3: Pelaksanaan dan Pemantauan Projek**
  - Syarat permohonan Ladang Kontrak:
    i. Individu Perseorangan / Kelompok Petani / Syarikat.
    ii. Memiliki kawasan tanah tapak projek dengan pemilikan / sewaan yang sah disisi undang-undang.
    iii. Terlibat secara langsung dan sepenuh masa dalam projek tanaman yang diusahakan.
    iv. Berpengalaman dalam pengeluaran komoditi buah yang diusulkan.
    v. Mempunyai modal kerja yang mencukupi.
  - Kaedah pemasaran bagi hasil tani dari program ladang kontrak dilaksanakan melalui 2 cara oleh FAMA. Iaitu:

Pengaturan Pasaran	Belian Terus Oleh Fama
• Pengeluar dengan Pengilang / Pemproses • Pengeluar dengan Institusi *(hyper / supermarket)* • Pengeluar dengan Pengumpul / Peraih / Pemborong	• Kontrak Belian Mengikut Peratus • Kontrak Pajakan Bermusim

SENARAI CONTOH BUAH-BUAHAN & SAYUR-SAYURAN



14 jenis buahan yang tersenarai di dalam Ladang Kontrak ialah:

1. Belimbing – B 10, B 17
2. Betik – Eksotika, Sekaki/Hong Kong, Subang/Batu
3. Mangga – Chokanan, Harumanis
4. Nanas – Morris, Josaphine, N 36, Gandul
5. Tembikai – Merah Tanpa Biji, Wangi, Golden Langkawi
6. Pisang – Berangan, Mas, Cavendish, Tanduk, Rastali
7. Jambu Batu – Thai Tanpa Biji, Kampucea GU 8, Klom Toon Klao GU 9, Klom Sali GU 10
8. Pitaya – Isi Merah, Isi Putih
9. Limau – Madu, Bali KK2/Melonmas, Bali PO 51/Sha Ting, Bali PO 52/Tambun
10. Nangka – J 31/NS 1, J 29
11. Cempedak – CH1, CH27, CH28, CH32
12. Rambutan – Anak Sekolah, Deli
13. Manggis
14. Durian – D 24, D 101.



16 jenis sayuran yang tersenarai di dalam Ladang Kontrak ialah:

1. Cili – Kulai, Batu Pahat, Minyak, Korean Hot (hybrid) (bawah pelindung hujan& serangga)
2. Tomato – Holand:1039, 322, 263, Denmark 163, Baccarat (sistem fertigasi)
3. Kubis – KY Cross (tanah tinggi), Tropicana
4. Kacang Buncis – White Flower/putih
5. Kacang Panjang – 388, 328
6. Kacang Bendi – Hijau (5 segi), Putih (7 segi), 989
7. Timun – 118, 980
8. Terung – 302, 312, 1540
9. Petola – tempatan terpilih, F1 (Thailand-hijau/putih)
10. Halia Tua - Bentong
11. Labu – Taiwan 767
12. Keledek – Vitato, tempatan terpilih
13. Ubi Kayu – kuning, putih, Sri Pontian
14. Tebu - Telor
15. Jagung – F1 522, 969
16. Roselle – UM-UKL 1

Jadual 5.2.37: Profil Projek Pembangunan Tanah Kosong / Terbiar Menerusi Pembangunan Kluster Buah / Sayur di Ladang Kontrak.


PROFIL PROJEK PEMBANGUNAN			
KOD PROJEK: Z2PT7	**TAJUK PROJEK: Cadangan Pembangunan Tanah Kosong/Terbiar Menerusi Pembangunan Kluster Buah/Sayur di Ladang Kontrak**		
PROFIL PROJEK	Lokasi Tapak	Tanah Kosong dan Terbiar yang Bersesuaian *NOTA: Program ini boleh diterapkan untuk sebahagian tanah kosong atau tanah terbiar*	
	Lot dan Luas (ekar) / (meter)	Melibatkan kawasan tanah kosong/ terbiar seperti berikut: • Lot 869 (6.67 ekar) • Lot 27699 (1.11 ekar) • Lot 27701 (1.11 ekar) • Lot 27543 (1.09 ekar) • Lot 1005 (1.78 ekar)	
	Status Hak Milik Tanah	Individu	
	Keadaan / Guna Tanah Semasa	Terdapat tanah kosong dan terbiar	
KAEDAH PELAKSANAAN	Kontrak		
FASA PELAKSANAAN	Fasa 1 (Quick Win) (2021-2022)	Fasa 2 J.Pendek (2023-2026)	Fasa 3 J. Panjang (2027-2030)
KATEGORI PROJEK	Projek Impak Tinggi	Projek Utama	Projek Sokongan
AGENSI TERLIBAT	Peneraju	Pelaksana	Pengurusan
	Pemilik Tanah/Peserta	Jab. Pertanian, Pengusaha	Jab. Pertanian
ANGGARAN KOS (GDC)	Pengambilan	Pelaksanaan	Jumlah
	-	RM 200,000	RM 200,000
ANGGARAN NILAI (GDV)	RM 260,000		
SUMBER KEWANGAN:	i. Pemilik Tanah / Peserta ii. Jab. Pertanian		

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

TINDAKAN PELAKSANAAN

Tindakan 1: Perancangan dan permohonan kos projek
Tindakan 2: Peruntukkan dan bantuan kewangan projek
Tindakan 3: Pelaksanaan dan Pemantauan Projek

Rajah 5.2.86: Cadangan Pembangunan Tanah Kosong / Terbiar Menerusi Pembangunan Kluster Buah / Sayur di Ladang Kontrak.



Z2PT8 CADANGAN PERTANIAN LESTARI MELALUI KAEDAH AGROPONIK

OBJEKTIF

Pengukuhan dan peningkatan mutu prasarana, infrastruktur dan ekonomi.

JUSTIFIKASI

i. Memoden dan mentransformasikan usahawan industri asas tani bagi melahirkan usahawan komersial dan berpendapatan tinggi.
ii. Di samping itu, dapat mempromosikan kaedah pertanian secara lestari.

Rajah 5.2.87: Pelan Lokasi Cadangan Pertanian Lestari Melalui Kaedah Agroponik..



Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

KOMPONEN PROJEK

i. Tangki Ikan.
ii. Bekas Tanaman.
iii. Media tanaman (pemegang tanaman) – *seperti batu kerikil, rock wool, perlite, hidroton, cocopeat.*
iv. Sistem perpaipan – *seperti paip pvc & paip poli.*
v. Pam air.
vi. Penapis.

CONTOH GAMBARAN / ILUSTRASI PROJEK



Foto: Sebelum (Tanah Pertanian Terbiar / Kosong).



Foto: Contoh gambaran penanaman sawi secara akuaponik.

Kelebihan *akuaponik* ini ialah tanaman boleh menyerap nutrisi organik secara terus dan tanaman akan tumbuh lebih cepat seterusnya meningkatkan pengeluaran pertanian Tanjung Gemok.

Strategi tanaman secara menegak bagi menjimatkan ruang dan memaksimakan penghasilan hasil tani.



Foto: Contoh gambaran penanaman dan temakan ikan secara akuaponik.

CIRI- CIRI PROJEK

i. Kaedah pertanian Akuaponik adalah teknologi yang akan menggabungkan aktiviti ternakan ikan (*Fish culture*) dengan jenis tanaman di dalam sistem pusingan air (*Circulation*). Kitaran air ini mengandungi bahan nutrisi atau air baja dimana ia dikeluarkan oleh ikan atau yang dihasilkan oleh organisma mikrob bahan organik. Bahan ini boleh diserap oleh tanaman ditanam secara hidroponik iaitu tanaman tanpa tanah.

ii. Sistem akuaponik ini akan menyalurkan air dari tangki hidupan akuatik yang bertoksik itu kepada tumbuhan dan ianya akan menyerap dan mendapatkan sepenuhnya zat nutrien yang dihasilkan daripada perkumuhan hidupan akuatik itu. Secara semula jadi tanaman itu akan membekalkan semula air yang bersih dan bebas toksik bagi hidupan akuatik tersebut.

iii. Teknologi ini juga membolehkan aktiviti tanaman dapat ditanam dengan cara kepadatan tinggi dengan sistem terapung di atas air. Sistem ini juga mampu menampung sehingga 10 kali ganda jumlah pengeluaran dari jumlah tanaman pada keluasan yang sama.


ELEMEN-ELEMEN PENTING

- **IKAN**
  Mengeluarkan sisa makanan yang mengandungi ammonia dan kotoran bagi tanaman.
- **BAKTERIA**
  Menapis dan mengubah ammonia menjadi nitrat dan zat yang berfungsi sebagai baja.
- **TANAMAN**
  Menyalurkan oksigen dan air yang bebas ammonia yang diperlukan oleh ikan.

REKA BENTUK PROJEK

Reka bentuk akuaponik adalah susunan komponen dan bahan akuakultur dengan sistem hidroponik. Jenis atau model hidroponik yang menggunakan reka bentuk bertingkat - *raft* adalah dicadangkan digunakan dalam reka bentuk sistem akuaponik.

i. Sistem *raft* ini adalah tanaman yang diletakkan terus di atas permukaan air sehingga akar tanaman terendam di dalam air dengan menggunakan sterefoam, span atau bahan yang sesuai dengannya.
ii. Kelebihan reka bentuk akuaponik menggunakan sistem ini adalah akar tumbuhan boleh menyerap nutrient organic di dalam air secara langsung. Ini menjadikan tumbuhan tumbuh dengan lebih cepat.
iii. Produktiviti sistem lebih tinggi dan digunakan secara meluas dalam projek akuaponik komersial.



Jadual 5.2.38: Profil Projek Pembangunan Cadangan Pertanian Lestari Melalui Teknik Akuaponik.


PROFIL PROJEK PEMBANGUNAN			
KOD PROJEK: Z2PT8	**TAJUK PROJEK: Cadangan Pertanian Lestari Melalui Teknik Agroponik**		
PROFIL PROJEK	Lokasi Tapak	Tanah Kosong dan Terbiar yang Bersesuaian *NOTA: Program ini boleh diterapkan untuk sebahagian tanah kosong atau tanah terbiar*	
	Lot dan Luas (ekar) / (meter)	Melibatkan Kawasan Tanah Kosong/ Terbiar seperti berikut: • Lot 463 (2.99 ekar) • Lot 462 (3.01 ekar)	
	Status Hak Milik Tanah	Individu & Swasta	
	Keadaan / Guna Tanah Semasa	Terdapat Tanah Kosong dan Terbiar	
KAEDAH PELAKSANAAN	Kontrak		
FASA PELAKSANAAN	Fasa 1 (Quick Win) (2021-2022)	Fasa 2 J.Pendek (2023-2026)	Fasa 3 J. Panjang (2027-2030)
KATEGORI PROJEK	Projek Impak Tinggi	Projek Utama	Projek Sokongan
AGENSI TERLIBAT	Peneraju	Pelaksana	Pengurusan
	Pemilik Tanah / Peserta	Jab. Pertanian Pengusaha	Jab. Pertanian
ANGGARAN KOS (GDC)	Pengambilan	Pelaksanaan	Jumlah
	-	RM 200 Ribu	RM 200 Ribu
ANGGARAN NILAI (GDV)	RM 260 Ribu		
SUMBER KEWANGAN:	i. Pemilik Tanah / Peserta ii. Jab. Pertanian		

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

TINDAKAN PELAKSANAAN

Tindakan 1: Perancangan dan permohonan kos projek
Tindakan 2: Pengambilan Peserta dan Pengurusan Projek
Tindakan 3: Pelaksanaan dan Pemantauan Projek

Rajah 5.2.88: Carta Alir Tindakan Pelaksanaan Cadangan Pertanian Lestari Melalui Teknik Akuaponik.



Z2KM1 CADANGAN PENAMBAHAN KEMUDAHAN PENDIDIKAN (TADIKA)


OBJEKTIF

Penyusunan guna tanah spatial.

JUSTIFIKASI

i. Pembinaan sebuah lagi tadika dibuat berdasarkan kiraan unjuran semasa dan akan datang yang menunjukkan kapasiti tidak mencukupi pada masa akan datang.
ii. Memberi keselesaan kepada murid yang mempunyai kapasiti yang optimum dalam sebuah kelas.
iii. Berada dalam lingkungan yang mudah diakses dan berdekatan dengan kawasan perumahan.

Rajah 5.2.89: Pelan Lokasi Cadangan Kemudahan Pendidikan (Tadika).



Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

KOMPONEN PROJEK

Cadangan ini melibatkan komponen projek seperti :

i. Sebuah bangunan tadika
ii. Stor
iii. Ruang dapur
iv. Tandas
v. Bilik kakitangan
vi. Taman permainan
vii. Tempat letak kenderaan

CONTOH GAMBARAN / ILUSTRASI PROJEK



Foto: Kemudahan pembelajaran di dalam kelas.



Foto: Kemudahan tapak permainan.



Foto: Bangunan tadika dari luaran.

Jadual 5.2.39: Profil Projek Pembangunan Cadangan Kemudahan Pendidikan (Tadika).


PROFIL PROJEK PEMBANGUNAN			
KOD PROJEK: Z2KM1	**TAJUK PROJEK: Cadangan Penambahan Kemudahan Pendidikan (Tadika)**		
PROFIL PROJEK	Lokasi Tapak	Lot 2572	
	Lot dan Luas (ekar) / (meter)	0.25 Ekar	
	Status Hak Milik Tanah	Kerajaan	
	Keadaan / Guna Tanah Semasa	Tanah Lapang dan Rekreasi	
KAEDAH PELAKSANAAN	Kontrak		
FASA PELAKSANAAN	Fasa 1 (Quick Win) (2021-2022)	Fasa 2 J.Pendek (2023-2026)	Fasa 3 J. Panjang (2027-2030)
KATEGORI PROJEK	Projek Impak Tinggi	Projek Utama	Projek Sokongan
AGENSI TERLIBAT	Peneraju	Pelaksana	Pengurusan
	KEMAS	KEMAS	KEMAS
ANGGARAN KOS (GDC)	Pengambilan	Pelaksanaan	Jumlah
	-	RM 500,000	RM 500,000
ANGGARAN NILAI (GDV)	RM 650,000		
SUMBER KEWANGAN	i. Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) ii. Jabatan Pelajaran Negeri		


Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

TINDAKAN PELAKSANAAN

Tindakan 1: Perancangan dan permohonan kos projek
Tindakan 2: Penyediaan cadangan terperinci, pengiklanan tender dan pelantikan kontraktor
Tindakan 3: Pelaksanaan dan pengurusan projek

Rajah 5.2.90: Carta Alir Tindakan Pelaksanaan Cadangan Kemudahan Pendidikan (Tadika).





Z2KM2 CADANGAN MENAIK TARAF PERPUSTAKAAN DESA TANJUNG GEMOK


OBJEKTIF

Bagi tujuan penyusunan guna tanah spatial.

JUSTIFIKASI

i. Memberi kemudahan kepada pengguna khususnya pelajar-pelajar sekolah untuk mengulangkaji pembelajaran dan penggunaan ICT.
ii. Berada dalam lingkungan yang mudah diakses dan berdekatan dengan kawasan perumahan.

Rajah 5.2.91: Pelan Lokasi Cadangan Menaik Taraf Perpustakaan Desa Tanjung Gemok.



Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

KOMPONEN PROJEK

Cadangan ini melibatkan komponen projek seperti :

i. Perkhidmatan Perpustakaan
ii. Ruang masuk, lobi
iii. Ruang simpanan (lokar)
iv. Tandas
v. Bilik kakitangan
vi. Ruang Solat
vii. Bilik ICT dan Bilik Perbincangan
viii. Tempat letak kenderaan

CONTOH GAMBARAN / ILUSTRASI PROJEK




Foto: Kemudahan ICT didalam perpustakaan desa.




Foto: Suasana persekitaran perpustakaan desa.

Jadual 5.2.40 : Profil Projek Pembangunan Cadangan Menaik Taraf Perpustakaan Desa Tanjung Gemok.


PROFIL PROJEK PEMBANGUNAN			
KOD PROJEK: Z2KM2	**TAJUK PROJEK: Cadangan Menaik Taraf Perpustakaan Desa Tanjung Gemok**		
PROFIL PROJEK	Lokasi Tapak	Perpustakaan Desa Tanjung Gemok	
	Lot dan Luas (ekar) / (meter)	0.17 Ekar	
	Status Hak Milik Tanah	Kerajaan	
	Keadaan / Guna Tanah Semasa	Perpustakaan Desa Tanjung Gemok	
KAEDAH PELAKSANAAN	Kontrak		
FASA PELAKSANAAN	Fasa 1 (Quick Win) (2021-2022)	Fasa 2 J.Pendek (2023-2026)	Fasa 3 J. Panjang (2027-2030)
KATEGORI PROJEK	Projek Impak Tinggi	Projek Utama	Projek Sokongan
AGENSI TERLIBAT	Peneraju	Pelaksana	Pengurusan
	Pejabat Daerah	Pejabat Daerah	Pejabat Daerah
ANGGARAN KOS (GDC)	Pengambilan	Pelaksanaan	Jumlah
	-	RM 30,000	RM 30,000
ANGGARAN NILAI (GDV)	RM 39,000		
SUMBER KEWANGAN	i. Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang ii. Majlis Daerah Rompin (MDR)		

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

TINDAKAN PELAKSANAAN

Tindakan 1: Perancangan projek
Tindakan 2: Mendapatkan Peruntukan / Pelabur
Tindakan 3: Pelaksanaan dan pengurusan projek

Rajah 5.2.92: Carta Alir Tindakan Pelaksanaan Cadangan Menaik Taraf Perpustakaan Desa Tanjung Gemok.



Sambungan:

Tindakan 3

Pelaksanaan projek oleh Pejabat Daerah

Cadangan komponen projek :

- Perkhidmatan Perpustakaan
- Ruang masuk, lobi
- Ruang simpanan (lokar)
- Tandas
- Bilik kakitangan
- Ruang Solat
- Bilik ICT dan Bilik Perbincangan
- Tempat letak kenderaan

Z2LR3 CADANGAN PENGINDAHAN KORIDOR TANJUNG GEMOK-ROMPIN (LR3)

OBJEKTIF

Tanjung Gemok sebagai hab pelancongan (karakter, imej dan identiti menarik).

JUSTIFIKASI

i. Menaik taraf landskap di sepanjang jalan dengan penyeragaman pokok teduhan dan pokok renek bagi mewujudkan identiti setempat.
ii. Memastikan rizab bahu jalan yang mencukupi bagi tujuan penanaman untuk memastikan kesinambungan jajaran hijau.
iii. Mewujudkan garis panduan penanaman bagi kawasan bahu jalan dan persimpangan masuk ke kawasan-kawasan kampung / perindustrian.

Rajah 5.2.93: Pelan Cadangan Koridor Tanjung Gemok-Rompin.



Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

KOMPONEN PROJEK

i. Pokok pinggir jalan Ketapang (terminalia catappa) 5 meter tinggi, 75mm diameter ukur lilit batang dan pokok renek bunga kertas (bougainvilla spp.).
ii. Laluan pejalan kaki dan lorong basikal beserta logo interaktif dan bollard keselamatan.

CONTOH GAMBARAN / ILUSTRASI PROJEK



Foto: Gambar sebelum (sebahagian pinggir Jalan Persekutuan 3).



Foto : Gambar selepas (sebahagian pinggir Jalan Persekutuan 3).

CADANGAN TERPERINCI

i. Konsep Reka bentuk

Penanaman pokok-pokok yang seragam di sepanjang pinggir jalan utama (Jalan Persekutuan 3) adalah bertujuan untuk menonjolkan imej setempat di kawasan koridor Tanjung Gemok,- Rompin.


ii. Ciri-ciri Konsep

a. Cadangan laluan basikal / pejalan kaki di tepi jalan beserta logo interaktif laluan.
b. Pengindahan landskap pinggir jalan dengan penanaman pokok teduhan yang seragam di tepi jalan. Pokok yang dicadangkan ialah pokok ketapang *(Terminalia Catappa)* yang sinonim dengan keadaan tanah dan kawasan pinggir air.
c. Penanaman pokok renek *(Bunga kertas / Bougainvillea spp)* sebagai pemisah di antara jalan utama dan laluan basikal/pejalan kaki, serta menepati konsep reka bentuk Bandar selamat.
d. Penanaman pokok renek yang berwarna-warni sebagai pernyataan pintu masuk di kawasan persimpangan-persimpangan ke kawasan perumahan / desa.
e. Lampu jalan dengan motif tiang lampu yang menonjolkan identiti setempat.



Cadangan pokok Ketapang *(terminalia Catappa)* yang sinomim dengan kawasan pinggir air dan pokok renek Bunga Kertas (*bougainvilla spp)* di sepanjang jalan utama bagi menonjolkan identiti laluan pintu masuk ke negeri Pahang

Foto : Keratan rentas Jalan Persekutuan 3.



Melengkapkan jaringan pejalan kaki dan lorong basikal dengan logo interaktif agar lebih ceria dan berinformasi

Foto: Cadangan pokok ketapang, pokok renek dan laluan pejalan kaki / basikal di sepanjang pinggir Jalan Persekutuan 3.

iii. Spesifikasi Pembangunan

Pokok Teduhan







Foto: Antara tanaman yang dicadangkan untuk pinggir jalan – Terminalia cattapa (Pokok ketapang) dan Bougainvillea spp (Bunga kertas).





Foto: Logo interaktif yang boleh dicat diatas laluan basikal dan pejalan kaki.



Rajah 5.2.94: Pelan Cadangan dan Pelan Perincian Koridor Tanjung Gemok-Rompin

Jadual 5.2.41: Profil Projek Pembangunan Cadangan Koridor Tanjung Gemok-Rompin.


PROFIL PROJEK PEMBANGUNAN			
KOD PROJEK: Z2LR3	**TAJUK PROJEK: Cadangan Koridor Tanjung Gemok-Rompin**		
PROFIL PROJEK	Lokasi Tapak	Jalan Persekutuan 3	
	Lot dan Luas (ekar) / (meter)	1km (dari simpang Jalan Feri Lama hingga hadapan SK Tanjung Gemok)	
	Status Hak Milik Tanah	Tanah Kerajaan	
	Keadaan / Guna Tanah Semasa	Infrastruktur (Pengangkutan)	
KAEDAH PELAKSANAAN	Kontrak		
FASA PELAKSANAAN	Fasa 1 (Quick Win) (2021-2022)	Fasa 2 J.Pendek (2023-2026)	Fasa 3 J. Panjang (2027-2030)
KATEGORI PROJEK	Projek Impak Tinggi	Projek Utama	Projek Sokongan
AGENSI TERLIBAT	Peneraju	Pelaksana	Pengurusan
	MDR	Tourism Pahang	MDR
ANGGARAN KOS (GDC)	Pengambilan	Pelaksanaan	Jumlah
	Tiada	RM 800,000	RM 800,000
ANGGARAN NILAI (GDV)	RM 1.04 Juta		
SUMBER KEWANGAN:	i. Majlis Daerah Rompin (MDR) ii. Tourism Pahang		

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019


TINDAKAN PELAKSANAAN

Tindakan 1: Perancangan dan permohonan kos projek
Tindakan 2: Penyediaan cadangan terperinci, pengiklanan tender dan pelantikan kontraktor
Tindakan 3: Pelaksanaan dan pengurusan projek

Rajah 5.2.95: Carta Alir Tindakan Pelaksanaan Cadangan Koridor Tanjung Gemok-Rompin.



Rajah 5.2.96: Pelan Tindakan Pembangunan Zon 3 (Pesisir Sungai Endau dan Industri Maritim).



Z3 - PERUMAHAN (PR)

- **PR6** Cadangan Penempatan Semula / Penyediaan Asrama Pekerja Warga Asing di Zon 3
- **PR7** Cadangan Pemutihan Perumahan Sedia Ada Yang Berkepadatan Melebihi 6 Unit Per Ekar di Zon 3
- **PR8** Cadangan Perobohan Rumah Kampung Yang Berstatus Terbiar di Zon 3
- **PR9** Cadangan Penambahbaikan Rumah Kampung Yang Tidak Didiami di Zon 3

Z3 - PERINDUSTRIAN (IN)

- **IN2** Cadangan Meningkatkan Pengeluaran Industri Pemprosesan Makanan Dan Sejuk Beku
- **IN3** Cadangan Pemutihan Industri
- **IN5** Cadangan Pengezonan Industri

Z3 - PELANCONGAN (PL)

- **PL6** *Showcase* Aktiviti Perikanan Jeti Tanjung Gemok

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

Z3PR6 CADANGAN PENEMPATAN SEMULA / PENYEDIAAN ASRAMA PEKERJA WARGA ASING DI ZON 3

OBJEKTIF

i. Penyusunan guna tanah spatial.
ii. Pengukuhan dan peningkatan mutu prasarana, infrastruktur dan ekonomi.

JUSTIFIKASI

i. Menangani gangguan kualiti persekitaran kehidupan masyarakat tempatan secara fizikal dan sosial.
ii. Pembangunan asrama pekerja dapat menitikberatkan aspek kemudahan infrastruktur dan prasarana yang perlu disediakan kepada warga asing.
iii. Terdapat 3 alternatif untuk mengatasi isu petempatan warga asing yang terletak di zon 2 dan 3 iaitu:
   - ✓ **Alternatif 1 - Permohonan Lesen Pendudukan Sementara (Zon 3)**
   - ✓ Alternatif 2 - Dibangunkan oleh Pengusaha (Zon 2)
   - ✓ **Alternatif 3 - Pengambilan Balik Tanah (Zon 3)**

GARIS PANDUAN PERANCANGAN- ALTERNATIF 1

Garis panduan perancangan bagi permohonan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) :

a) Memperoleh kelulusan Permit Bangunan bagi suatu tempoh terhad yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (bagi bangunan sementara).
b) Semua kemudahan dan ruang dalam bangunan kediaman hendaklah digunakan bagi tujuan penginapan sahaja.
c) Ruang kediaman seperti dapur, bilik mandi, tandas dan ruang guna sama, yang sedia ada hendaklah kekal digunakan seperti tujuan asal dan tidak boleh diubah suai.
d) Pendawaian elektrik dibuat tanpa kelulusan pihak berkuasa tidak dibenarkan sama sekali.
e) Penyediaan kemudahan tempat pembuangan sampah.

Sumber: Garis Panduan Perancangan Perumahan Pekerja Asing, PlanMalaysia, 2019

KOMPONEN PROJEK- ALTERNATIF 3

Komponen utama yang perlu disediakan di dalam cadangan penyediaan asrama pekerja di tapak cadangan baharu adalah seperti berikut:

Asrama
- Domitori – konsep hostel
- Saiz bangunan (biasa) : 25 kaki x 160 kaki
- Anjakan bangunan : 25 kaki
- Kapasiti penghuni : 500 orang/blok biasa
- Jenis bangunan – rumah pangsa 5 tingkat

Kemudahan Masyarakat & Rekreasi
- Surau dewan makan
- Padang bola
- Dewan serba guna


Perniagaan
- Mini market dan lock up store
- Restoran kecil
- Dobi
- Gerai makan

GARIS PANDUAN KHUSUS - ALTERNATIF 3

PERKARA	PIAWAIAN PERANCANGAN
ZON DIBENARKAN	• Zon Perniagaan dan Industri (Hanya dibenarkan di industri ringan dan sederhana).
KELUASAN	• Minima 2 ekar untuk 5,000 penduduk.
KETINGGIAN BANGUNAN	• Tertakluk kepada ketinggian yang telah diluluskan oleh MDR.
REKA BENTUK BANGUNAN	• Reka bentuk bersifat mesra alam. • Menggunakan bahan binaan yang berkualiti dan tidak mudah terbakar serta mematuhi syarat yang ditetapkan oleh PBT.
SAIZ RUANG LANTAI	• 800 kaki persegi/unit (minima).
LAIN-LAIN	• Pemaju dikehendaki untuk menyediakan sekurang-kurangnya 4.0 meter persegi GFA setiap pekerja untuk ruang legar. • Memastikan merangkumi kemudahan asas seperti ruang dapur dan tandas bagi tujuan meningkatkan taraf kehidupan asrama dan membantu mengurangkan isu ameniti.

Sumber: Garis Panduan Perancangan Perumahan Pekerja Asing, PlanMalaysia, 2019

Rajah 5.2.97: Pelan Cadangan Penempatan Semula / Penyediaan Asrama Pekerja Warga Asing di Zon 3



Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

Jadual 5.2.42: Profil Projek Pembangunan Cadangan Penempatan Semula / Penyediaan Asrama Pekerja Warga Asing di Zon 3

PROFIL PROJEK PEMBANGUNAN ALTERNATIF 1			
KOD PROJEK: Z3PR6	**TAJUK PROJEK: Cadangan Penempatan Semula di Zon 3**		
PROFIL PROJEK	Lokasi Tapak	Kampung Selancar (Zon 3)	
	Lot dan Luas (ekar) / (meter)	-	
	Status Hak Milik Tanah	Lesen Pendudukan Sementara (LPS)	
	Keadaan / Guna Tanah Semasa	Industri perikanan	
KAEDAH PELAKSANAAN	Pengusaha kilang dan pemilik selaku penggerak dan pihak kerajaan selaku penyelaras atau urusetia projek.		
FASA PELAKSANAAN	Fasa 1 (Quick Win) (2021-2022)	Fasa 2 J.Pendek (2023-2025)	Fasa 3 J. Panjang (2026-2030)
KATEGORI PROJEK	Projek Impak Tinggi	Projek Utama	Projek Sokongan
AGENSI TERLIBAT	Peneraju	Pelaksana	Pengurusan
	MDR	Pengusaha Kilang	Pengusaha Kilang
ANGGARAN KOS (GDC)	Pengambilan	Pelaksanaan	Jumlah
	Tiada	Tiada	Tiada
ANGGARAN NILAI (GDV)	Tiada		
SUMBER KEWANGAN:	Pengusaha Kilang		

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

PROFIL PROJEK PEMBANGUNAN ALTERNATIF 3			
KOD PROJEK: Z3PR6	**TAJUK PROJEK: Penyediaan Asrama Pekerja Warga Asing di Zon 3**		
PROFIL PROJEK	Lokasi Tapak	Kampung Selancar (Zon 3)	
	Lot dan Luas (ekar) / (meter)	Lot 133 (2.00 Ekar)	
	Status Hak Milik Tanah	Persendirian	
	Keadaan / Guna Tanah Semasa	Tanah Kosong	
KAEDAH PELAKSANAAN	Melalui proses pengambilan balik tanah (PBT) iaitu pihak kerajaan (MDR) dan Pejabat Tanah Rompin selaku penyelaras dan urusetia projek manakala pengurus kilang selaku pelaksana projek.		
FASA PELAKSANAAN	Fasa 1 (Quick Win) (2021-2022)	Fasa 2 J.Pendek (2023-2025)	Fasa 3 J. Panjang (2026-2030)
KATEGORI PROJEK	Projek Impak Tinggi	Projek Utama	Projek Sokongan
AGENSI TERLIBAT	Peneraju	Pelaksana	Pengurusan
	MDR dan Pejabat Tanah Rompin	Pengusaha Kilang, PTD Rompin	Pengusaha Kilang
ANGGARAN KOS (GDC)	Pengambilan	Pelaksanaan	Jumlah
	RM 2 Juta	Tiada	Tiada
ANGGARAN NILAI (GDV)	Tiada		
SUMBER KEWANGAN:	Pengusaha Kilang		

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

GAMBARAN / ILUSTRASI PROJEK


i. Konsep Hostel - 'Dormitori'



TINDAKAN PELAKSANAAN

Tindakan 1: Kajian Lapangan maklumat asas penghuni warga asing
Tindakan 2: Permohonan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) / Pengambilan Balik Tanah (PBT)
Tindakan 3: Pembinaan

Rajah 5.2.98: Carta Alir Tindakan Pelaksanaan Cadangan Penempatan Semula / Penyediaan Asrama Pekerja Warga Asing.



Z3PR7 CADANGAN PEMUTIHAN PERUMAHAN SEDIA ADA YANG BERKEPADATAN MELEBIHI 6 UNIT PER EKAR DI ZON 3


OBJEKTIF

i. Penyusunan guna tanah spatial.
ii. Pengukuhan dan peningkatan mutu prasarana, infrastruktur dan ekonomi.

JUSTIFIKASI

i. Meningkatkan kualiti hidup penduduk di kawasan tersebut.
ii. Meningkatkan nilai hartanah kawasan tersebut.

Rajah 5.2.99: Pelan Lokasi Cadangan Pemutihan Perumahan Sedia Ada Yang Berkepadatan Melebihi 6 Unit Per Ekar di Zon 3



Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

KOMPONEN PROJEK

i. **1 lot** tanah Kampung Gading
✓ Lot 120:14 unit (2.28 ekar)

CONTOH GAMBARAN / ILUSTRASI PROJEK



Foto: Gambaran semasa rumah berkepadatan sederhana rendah di tapak cadangan.

INSENTIF KHAS CADANGAN PEMUTIHAN

Bagi menarik minat pemilik tanah untuk membuat permohonan Kebenaran Merancang (KM), beberapa insentif khas disyorkan seperti berikut:

- Mempercepatkan proses kelulusan kebenaran merancang (KM) atau *fast track* melalui pematuhan syarat-syarat teknikal yang minima daripada agensi-agensi terlibat.
- Memberi tawaran khas pembayaran premium tanah, caj pemajuan *(tertakluk kepada keputusan kerajaan negeri).*
- Memudahkan permohonan kelulusan pelan bangunan melalui kategori pelan *as built* dan pematuhan syarat-syarat teknikal minima.
- Program ini tidak tertakluk kepada mana-mana kawasan selain yang dicadangkan sahaja. Pihak MDR haruslah melaksanakan penguatkuasaan yang lebih tegas sekiranya pelanggaran syarat tersebut berlaku di mana-mana kawasan operasi dan pentadbiran MDR.

Jadual 5.2.43: Profil Projek Pembangunan Cadangan Pemutihan Perumahan Sedia Ada Yang Berkepadatan Melebihi 6 Unit Per Ekar di Zon 3


PROFIL PROJEK PEMBANGUNAN			
KOD PROJEK: Z3PR7	**TAJUK PROJEK: Cadangan Pemutihan Perumahan Sedia Ada yang Berkepadatan Melebihi 6 Unit Per Ekar di Zon 3**		
PROFIL PROJEK	Lokasi Tapak	Kampung Gading	
	Lot dan Luas (ekar) / (meter)	Lot 120 (2.28 ekar)	
	Status Hak Milik Tanah	Persendirian	
	Keadaan / Guna Tanah Semasa	Perumahan	
KAEDAH PELAKSANAAN	MPKK dan pelaksanaan projek secara bersepadu		
FASA PELAKSANAAN	Fasa 1 (Quick Win) (2021-2022)	Fasa 2 J.Pendek (2023-2026)	Fasa 3 J. Panjang (2027-2030)
KATEGORI PROJEK	Projek Impak Tinggi	Projek Utama	Projek Sokongan
AGENSI TERLIBAT	Peneraju	Pelaksana	Pengurusan
	PDT Rompin, MDR	Pemilik Tanah	Pemilik Tanah, MDR, PDT Rompin, PTG
ANGGARAN KOS (GDC)	Pengambilan	Pelaksanaan	Jumlah
	Tiada	Tiada	Tiada
ANGGARAN NILAI (GDV)	Tiada		
SUMBER KEWANGAN:	Ditanggung oleh pemilik tanah		

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

TINDAKAN PELAKSANAAN

Tindakan 1: Penyelarasan agensi
Tindakan 2: Permohonan KM dan ubah syarat secara serentak
Tindakan 3: Pembinaan

Rajah 5.2.100: Carta Alir Tindakan Pelaksanaan Cadangan Pemutihan Perumahan Sedia Ada Yang Berkepadatan Melebihi 6 Unit Per Ekar di Zon 3



Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

Z3PR8 CADANGAN PEROBOHAN RUMAH KAMPUNG YANG BERSTATUS TERBIAR DI ZON 3


OBJEKTIF

i. Penyusunan guna tanah spatial.
ii. Pengukuhan dan peningkatan mutu prasarana, infrastruktur dan ekonomi

JUSTIFIKASI

i. Meningkatkan kualiti hidup penduduk di kawasan tersebut.
ii. Mengelakkan menjadi punca pembiakan nyamuk dan masalah kes demam denggi selain menjadi sarang kepada haiwan berbisa seperti ular yang boleh memberi ancaman kepada penduduk setempat.

Rajah 5.2.101: Pelan Lokasi Cadangan Perobohan Rumah Kampung Yang Berstatus Terbiar di Zon 3



Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

KOMPONEN PROJEK

i. **2 buah rumah** yang sederhana usang / sangat usang berkeadaan terbiar
✓ Lot 104 : 2 unit (6.09 ekar)

CONTOH GAMBARAN / ILUSTRASI PROJEK

Sebelum





Foto: Gambaran semasa rumah kosong yang berstatus terbiar di tapak cadangan

Selepas





Foto: Gambaran gotong royong bersama pihak MPKK dan penduduk kampung untuk rumah sederhana usang / sangat usang berkeadaan terbiar

Jadual 5.2.44: Profil Projek Pembangunan Cadangan Perobohan Rumah Kampung Yang Berstatus Terbiar di Zon 3

PROFIL PROJEK PEMBANGUNAN			
KOD PROJEK: Z3PR10	**TAJUK PROJEK: Cadangan Perobohan Rumah Kampung Yang Berstatus Terbiar di Zon 3**		
PROFIL PROJEK	Lokasi Tapak	Kampung Gading	
	Lot dan Luas (ekar) / (meter)	Lot 104 (6.09 ekar)	
	Status Hak Milik Tanah	Persendirian	
	Keadaan / Guna Tanah Semasa	Perumahan	
KAEDAH PELAKSANAAN	Pelaksanaan Projek Secara Bersepadu (Usahasama pemilik tanah bersama agensi)		
FASA PELAKSANAAN	Fasa 1 (Quick Win) (2021-2022)	Fasa 2 J.Pendek (2023-2026)	Fasa 3 J. Panjang (2027-2030)
KATEGORI PROJEK	Projek Impak Tinggi	Projek Utama	Projek Sokongan
AGENSI TERLIBAT	Peneraju	Pelaksana	Pengurusan
	PDT Rompin, MDR, KPLB	Pemilik Tanah, KPLB	Pemilik Tanah, MDR, PDT Rompin, PTG
ANGGARAN KOS (GDC)	Pengambilan	Pelaksanaan	Jumlah
	Tiada	RM 10,000 (RM 5,000 seunit)	RM 10,000 (RM 5,000 seunit)
ANGGARAN NILAI (GDV)	RM 13,000 (RM 6,500 seunit)		
SUMBER KEWANGAN:	Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB)		

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

TINDAKAN PELAKSANAAN

Tindakan 1: Pengesahan
Tindakan 2: Semakan
Tindakan 3: Perobohan dan meratakan tapak

Rajah 5.2.102: Carta Alir Tindakan Pelaksanaan Cadangan Perobohan Rumah Kampung Yang Berstatus Terbiar di Zon 3



Z3PR9 CADANGAN PENAMBAHBAIKAN RUMAH KAMPUNG YANG TIDAK DIDIAMI DI ZON 3


OBJEKTIF

i. Penyusunan guna tanah spatial.
ii. Pengukuhan dan peningkatan mutu prasarana, infrastruktur dan ekonomi.

JUSTIFIKASI

i. Meningkatkan kualiti hidup penduduk di kawasan tersebut.
ii. Mewujudkan semangat kemasyarakatan melalui aktiviti gotong-royong membersihkan persekitaran rumah dan kawasan kampung secara amnya.

Rajah 5.2.103: Pelan Lokasi Cadangan Penambaikan Rumah Kampung yang Tidak Didiami.



Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

KOMPONEN PROJEK

i. **2 buah rumah** di Kampung Selancar
✓ Lot 104 : 2 unit (6.09 ekar)

CONTOH GAMBARAN / ILUSTRASI PROJEK

Sebelum





Selepas



Foto: Aktiviti gotong-royong untuk membaik pulih rumah.



Foto: Aktiviti gotong-royong yang dilakukan oleh penduduk kampung.

Jadual 5.2.45: Profil Projek Pembangunan Cadangan Penambahbaikan Rumah Kampung Yang Tidak Didiami Di Zon 3

PROFIL PROJEK PEMBANGUNAN			
KOD PROJEK: Z3PR9	**TAJUK PROJEK: Cadangan Penambahbaikan Rumah Kampung yang Tidak Didiami**		
PROFIL PROJEK	Lokasi Tapak	Kampung Selancar	
	Lot dan Luas (ekar) / (meter)	Lot 104 :2 unit (6.09 ekar)	
	Status Hak Milik Tanah	Persendirian	
	Keadaan / Guna Tanah Semasa	Perumahan	
KAEDAH PELAKSANAAN	MPKK dan Pelaksanaan Projek Secara Bersepadu		
FASA PELAKSANAAN	Fasa 1 (Quick Win) (2021-2022)	Fasa 2 J.Pendek (2023-2026)	Fasa 3 J. Panjang (2027-2030)
KATEGORI PROJEK	Projek Impak Tinggi	Projek Utama	Projek Sokongan
AGENSI TERLIBAT	Peneraju	Pelaksana	Pengurusan
	PDT Rompin, MDR	Pemilik Tanah, KPLB	Pemilik Tanah, MDR, PDT Rompin, PTG, KPLB
ANGGARAN KOS (GDC)	Pengambilan	Pelaksanaan	Jumlah
	Tiada	Tiada	Tiada
ANGGARAN NILAI (GDV)	Tiada		
SUMBER KEWANGAN	Ditanggung oleh Pemilik Tanah		

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019


Kriteria cadangan bagi tindakan baik pulih bangunan rumah tidak berpenghuni adalah seperti berikut:

- Mengadakan program gotong-royong membaik pulih rumah bersama penduduk / wakil penduduk kampung dan NGO seperti Belia 4B melalui peruntukan sendiri / tabung baik pulih yang ditubuhkan oleh MPKK / koperasi kampung.
- Bagi rumah tidak berpenghuni ia sesuai dijadikan rumah sewa sebagai salah satu sumber pendapatan penduduk atau pihak MPKK.

TINDAKAN PELAKSANAAN

Tindakan 1: Permohonan
Tindakan 2: Semakan
Tindakan 3: Kerja-kerja baik pulih

Rajah 5.2.104: Carta Alir Tindakan Pelaksanaan Cadangan Penambahbaikan Rumah Kampung Yang Tidak Didiami di Zon 3



ZON 1
ZON 2
ZON 3
ZON 4

Z3IN3 CADANGAN PEMUTIHAN INDUSTRI MARITIM

OBJEKTIF

Penyusunan dan penambahbaikan industri marin dan perikanan.

JUSTIFIKASI

i. Mengurangkan masalah sosial dan aduan awam bagi mewujudkan persekitaran yang harmoni.


ii. Melaksanakan tindakan penguatkuasaan bersepadu di antara MDR dan PDT Rompin kepada semua penguasaha kilang dan pemilik tanah.

iii. Meningkatkan sumber pendapatan selain memudahkan pemantauan dibuat oleh pihak MDR.

iv. Cadangan Garis Panduan Pemutihan Industri akan menggariskan beberapa kaedah pelaksanaan Program Pemutihan Industri melalui:

- Insentif dari MDR.
- Pengenaan Syarat Teknikal Minimum.
- Program *'Outreach'*.
- Mensyaratkan pengusaha kilang beroperasi secara terancang.

Rajah 5.2.105: Pelan Lokasi Pelaksanaan Garis Panduan Pemutihan Industri.



NAMA INDUSTRI	
1.	Prospect Docky Sdn. Bhd
2.	Kumpulan Jana Satu Sdn. Bhd
3.	Hun Seng Trading
4.	Lian Soon Fishery Trading
5.	Timurikan Terengganu Sdn. Bhd
6.	Timurikan Terengganu Sdn. Bhd
7.	Seng Fu Trading Sdn. Bhd
8.	Weng Heng Engineer Works Sdn Bhd
9.	Atong Fishing Sdn Bhd
10.	Atong Fishing Sdn Bhd
11.	Syarikat Lian Hup Fishery Sdn. Bhd
12.	Lee Cheng Hwee
13.	Perikanan Seri Tanjung
14.	Choon Huat Fish Dealer
15.	Wen Bao Fishery Sdn. Bhd
16.	Mayfresh Frozen Sea Products Sdn. Bhd
17.	Telok Gading Fishery
18.	Hai Lee Hong Fishery Sdn. Bhd
19.	Timurikan Terengganu Marine Products Sdn. Bhd
20.	Rompin Fishery Sdn. Bhd
21.	Guan Rompin Utama Entrp
22.	Timurikan Terengganu Sdn. Bhd
23.	Anzeco Ocean Sdn Bhd
24.	Agro Timur Fishery Sdn Bhd
25.	Perikanan Hap Huat Sdn. Bhd
26.	Kejuruteraan Guan Seng Huat Sdn Bhd

PETUNJUK:

- Sempadan Zon 3
- Lot Bangunan Industri Sedia Ada
- Industri sedia ada yang akan dikenakan Pemutihan Industri
- Industri di atas LPS sedia ada yang akan dikenakan Pemutihan Industri
- Industri yang telah memperoleh Kebenaran Merancang Khusus

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

KOMPONEN PROJEK

i. Garis panduan.
ii. Program pemutihan industri tanpa kebenaran.
iii. Pematuhan penyediaan kediaman pekerja.

TINDAKAN PELAKSANAAN

Cadangan pelaksanaan oleh PTD dan MDR untuk program pemutihan industri

- **Tindakan 1: Pengesahan lot dan keadaan semasa tapak**
  - ➢ Kenal pasti lot industri tanpa KM yang akan melibatkan penukaran zon tapak semasa kepada zon industri.
  - ➢ Memberi makluman kepada PTD bagi lot industri tanpa KM.
  - ➢ Siasatan dan laporan tapak.

- **Tindakan 2: Sebaran Program**
  - ➢ Menjalankan program '*Outreach*' kepada pengusaha.

- **Tindakan 3: Pelaksanaan Program**
  - ➢ PTD perlu menghantar notis berkaitan pelanggaran syarat nyata tanah dan tempoh masa kepada pemohon untuk pulihkan semula pelanggaran syarat nyata tanah tersebut.
  - ➢ Pengusaha perlu menghantar permohonan KM secara serentak kepada MDR.
  - ➢ Permohonan lesen perniagaan.
  - ➢ Cadangan pengenaan Syarat Teknikal Minima dan pemberian insentif yang boleh diambil kira oleh MDR kepada pengusaha industri.

Program '*Outreach*'

- Program ini dijalankan bagi memberi penerangan tentang program pemutihan serta mendekatkan pihak berkuasa berkaitan dengan pemilik-pemilik tanah dan pengusaha-pengusaha industri tanpa kebenaran.
- Program '*Outreach*' ini akan diadakan selama setahun untuk memastikan pemilik tanah dan pengusaha kilang memahami tentang kepentingan tukar syarat kegunaan tanah dengan jelas.
- Di antara program '*Outreach*' yang diusulkan ialah seperti berikut:
  - i. Pengedaran brosur-brosur kepada pemilik-pemilik tanah dan pengusaha-pengusaha industri tanpa kebenaran.
  - ii. Program turun padang oleh pegawai-pegawai dan kakitangan yang terlibat secara langsung di dalam program pemutihan dalam usaha memberi taklimat dan penerangan kepada pemilik dan pengusaha-pengusaha kilang tanpa kebenaran tentang konsep pemutihan kilang haram. Di samping itu, taklimat yang sama akan dihebahkan kepada orang awam melalui media cetak dan elektronik agar pemilik tanah dan pengusaha-pengusaha kilang faham dengan terperinci program yang akan dijalankan nanti; dan
  - iii. Pegawai dan kakitangan tersebut akan memberi khidmat nasihat dan bantuan di dalam melengkapkan borang-borang permohonan tukar syarat.

SYARAT TEKNIKAL MINIMA

Syarat Teknikal Minima ini akan diguna pakai sebagai rujukan sepanjang pogram pemutihan ini dijalankan dan syarat umum yang dirujuk adalah berpandukan Manual Piawaian Perancangan Negeri Pahang (2017).

BIL.	PERKARA	SYARAT UMUM	SYARAT MINIMA
1.	Luas Tapak Minimum	Saiz minima 0.25 ekar	Sedia ada
2.	Ketinggian Bangunan	1-3 Tingkat	Sedia ada
3.	Jalan Perkhidmatan	20.1m (66')	Mengikut pelan induk
4.	Kilang tiada anjakan bangunan	Bahagian yang termasuk di dalam anjakan bangunan akan dirobohkan atau didenda	Dibenarkan dijadikan kilang berkembar atau teres dengan aktiviti yang bersesuaian
5.	Anjakan Bangunan	Kilang sesebuah / berkembar: a. Menghadap jalan – 40 kaki b. Sempadan bersama – 25 kaki c. Lorong belakang – 25 kaki	 20 kaki 13 kaki 15 kaki
6.	Tempat Letak Kenderaan Tempat Letak Kereta (TLK)	<u>Ruang Pengeluaran</u> • 1 TLK : 92.9mp (1,500kp) ruang lantai kasar+ 10% TLK pelawat. <u>Stor</u> • 1 TLK : 232.2mp (2,500kp) ruang lantai kasar + 10% TLK pelawat.	Sediada
	Tempat Letak Motosikal (TLM) Tempat Letak Lori (TLL)	<u>Pejabat</u> • 1 TLK : 46.4mp (500kp) ruang lantai kasar + 10% TLK pelawat. • 1 TLM : 185.8mp (2,000kp) / 1 TLM : 1 pekerja. • 1 TLL : 929.9mp (10,000kp)/ minimum 2 TLL (berdasarkan jumlah yang lebih tinggi)	
7	Zon Penampan	Tertakluk kepada Jabatan Alam Sekitar.	
8.	Tanah Lapang / Landskap	Minimum 5% daripada keluasan tapak industri.	
9.	Perimeter Planting	Minimum 3.1m (10') disediakan di sekitar kawasan pembangunan tidak termasuk jarak anjakan bangunan.	Sedia ada
10.	Gudang / Stor	• Penyimpanan bahan mentah dan bahan buangan, kapasiti stor - dua (2) • bulan. • Disediakan dalam kawasan tapak tanpa mengganggu laluan kenderaan.	Sedia ada
12.	Surau	• Ruang lantai kasar (minimum) : 6.1m x 6.1m (20' x 20'). • Disediakan ruang berasingan bagi lelaki (10' x 10') dan wanita (10' x 10'). • Tempat mengambil air sembahyang 1.2m x 0.6m (4' x 2') disediakan bersepadu dalam ruang sembahyang lengkap dengan tandas.	Sedia ada
13.	Tapak Gerai	2% daripada jumlah keluasan tapak industri 1 % daripada keseluruhan kawasan.	Sedia ada
14	Kediaman Pekerja	Bergantung kepada jenis industri dan tertakluk kepada kelulusan JAS. **Rujuk Garis Piawaian Penyediaan Kediaman Pekerja Asing, PLANMalaysia 2019*	
15.	Tapak Sementara Sisa Pepejal	• 5% daripada jumlah keluasan tapak industri / Luas tapak 0.3 hektar	Sedia ada
16	Lain-lain	• Tandas (lelaki & wanita berasingan). • Kebuk Sampah.	Sedia ada

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

PIAWAIAN PENYEDIAAN KEDIAMAN PEKERJA

Piawaian penyediaan kediaman pekerja perlulah mengambil kira perkara-perkara berikut:

i. Asrama pekerja didefinisikan sebagai premis yang digunakan sebagai tempat tinggal pekerja industri.
ii. Penyediaan kediaman pekerja boleh dipertimbangkan bagi industri yang mempunyai 30% daripada pekerja-pekerja asing dan bukan penduduk tempatan.
iii. Ketinggian dan anjakan bangunan tidak boleh melebihi had ketinggian yang telah ditetapkan bagi kawasan berkenaan.
    a) Anjakan bangunan menghadap jalan – 6m (20 kaki) minimum atau '*road buffer*' yang mana lebih besar; dan
    b) Anjakan tepi belakang – 2.3m (7.5 kaki) minimum untuk bangunan yang berketinggian tidak melebihi 3 tingkat.
iv. Lokasi kawasan asrama perlulah di luar daripada zon penampan.
v. Kepadatan pembangunan bagi asrama adalah di dalam lingkungan 250 penghuni/ekar.
vi. Kemudahan yang perlu disediakan ialah dewan makan, pejabat, pondok pengawal, surau dan kemudahan rekreasi.
vii. Pihak pengurusan hendaklah memastikan pengasingan setiap unit dengan mengambil kira jantina, negara asal, agama yang dianuti untuk mengelakkan sebarang perbalahan / pergaduhan sesama mereka.
viii. Penukaran fungsi serta pengubahsuaian bangunan yang telah sedia ada kepada fungsi kediaman (asrama) adalah seperti berikut:
    a) Lokasi : kedudukan bangunan asrama mestilah di luar kawasan penampan *physical / greenery* yang ditetapkan.
    b) Susun atur Bangunan : perlu diasingkan daripada aktiviti-aktiviti perindustrian.
    c) Jumlah Pekerja : jumlah pekerja yang dibenarkan untuk menduduki sesuatu bangunan asrama tidak melebihi 500 orang.
    d) Kemudahan Awam / Sosial : kemudahan yang perlu disediakan haruslah mematuhi syarat perancangan perumahan pekerja kilang.
ix. Kawalan aktiviti di kawasan asrama penghuni asrama tidak dibenarkan:
    - Memelihara haiwan peliharaan
    - Meminum minuman keras / arak
    - Aktiviti pelacuran dan perjudian
    - Menimbulkan kacau ganggu / kekacauan kepada jiran bersebelahan
x. Semua pekerja industri warga asing perlu menjalani tapisan keselamatan oleh pihak yang ditetapkan oleh kerajaan. Semua maklumat setiap pekerja industri warga asing yang akan ditempatkan di asrama pekerja hendaklah disalinkan kepada Jabatan Imigresen, Majlis Keselamatan Negara, PDRM dan pihak pengurusan.

KAWALAN PEMATUHAN PENYEDIAAN KEDIAMAN PEKERJA

i. Cadangan pembangunan asrama pekerja memerlukan pihak pemaju memohon kebenaran merancang. Sesuatu kebenaran merancang diperlukan bagi menjalankan aktiviti pemajuan hendaklah disertakan Laporan Cadangan Pemajuan (LCP) mengikut Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172), Seksyen 21A.

ii. Pengusaha juga perlu mematuhi syarat-syarat kehendak agensi-agensi teknikal dengan mendapat sokongan diperingkat permohonan Kebenaran Merancang.

Jadual 5.2.46: Profil Projek Pembangunan Cadangan Garis Panduan Pemutihan Industri Maritim.


PROFIL PROJEK PEMBANGUNAN				
KOD PROJEK: Z3IN3	**TAJUK PROJEK: Cadangan Garis Panduan Pemutihan Industri Maritim**			
PROFIL PROJEK	Lokasi Tapak	Zon Industri		
Penyediaan laluan rizab utiliti adalah bagi memudahkan penyedia perkhidmatan untuk memasang dan menyelenggarakan utiliti mereka tanpa ada kacau ganggu terhadap lalu lintas dan rizab-rizab yang lain. Oleh itu, keperluan 3.00 meter bagi kiri dan kanan perlu disediakan dan ianya tidak termasuk di dalam rizab jalan.

Jadual 5.3.70: Profil Projek Pembangunan Cadangan Laluan Utiliti.

PROFIL PROJEK PEMBANGUNAN			
KOD PROJEK: ZIU 10	**TAJUK PROJEK: Cadangan Laluan Utiliti**		
PROFIL PROJEK	Lokasi Tapak	Rizab Jalan	
	Lot dan Luas (ekar) / (meter)	->5,200 Meter	
	Status Hak Milik Tanah	Persendirian	
	Keadaan / Guna Tanah Semasa	Perumahan dan Komersial	
KAEDAH PELAKSANAAN	Pelaksanaan Program Secara Bersepadu (PBT,Penyedia Perkhidmatan dan Agensi)		
FASA PELAKSANAAN	Fasa 1 (Quick Win) (2021-2022)	Fasa 2 J.Pendek (2023-2026)	Fasa 3 J. Panjang (2027-2030)
KATEGORI PROJEK	Projek Impak Tinggi	Projek Utama	Projek Sokongan
AGENSI TERLIBAT	Peneraju	Pelaksana	Pengurusan
	MDR	MDR	MDR
ANGGARAN KOS (GDC)	Pengambilan	Pelaksanaan	Jumlah
	-	RM 1.78 Juta	RM 1.78 Juta
ANGGARAN NILAI (GDV)	RM 2.314 Juta		
SUMBER KEWANGAN	Majlis Daerah Rompin (MDR)		


Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

TINDAKAN PELAKSANAAN

Tindakan 1: Perancangan dan permohonan kos projek
Tindakan 2: Penyediaan cadangan terperinci, pengiklanan tender dan pelantikan kontraktor
Tindakan 3: Pelaksanaan dan pengurusan projek

Rajah 5.3.112 : Carta Alir Tindakan Pelaksanaan Cadangan Pembangunan Laluan Utiliti.

Tindakan 1



Rajah 5.3.113 : Pelan Cadangan Laluan Utiliti.



Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

ZIU 11 CADANGAN BENTENG SUNGAI ENDAU DENGAN MITIGASI KEJURUTERAAN

OBJEKTIF

Pengukuhan dan peningkatan mutu prasarana, infrastruktur dan ekonomi.

JUSTIFIKASI

i. Mengurangkan hakisan benteng.
ii. Memelihara lebar rizab Sungai Endau.
iii. Memastikan struktur benteng sungai kukuh.

KOMPONEN PROJEK

i. Kajian lanjutan bagi menentukan komponen struktur benteng yang akan dibina (Rubble Wall, Gabion, RC Wall dan lain-lain).
ii. Kerja-kerja mendalamkan Sungai Endau.

CADANGAN TERPERINCI

i. Kajian yang lebih terperinci perlu dilaksanakan bagi menentukan kaedah mitigasi kejuruteraan yang bersesuaian dengan keadaan benteng Sungai Endau serta kajian hidraulik perlu disediakan.

CONTOH GAMBARAN / ILUSTRASI PROJEK



Foto: Ilustrasi Benteng Penahan Jenis Gabion.



Foto: Ilustrasi Benteng Penahan Jenis Rubble Wall.

Pelbagai teknik yang boleh diaplikasikan bagi penahan benteng sepanjang Sungai Endau supaya dapat menahan hakisan ombak yang terhasil daripada laluan bot dan kapal.




Foto: Ilustrasi Benteng Penahan Jenis RC Wall.

Jadual 5.3.71: Profil Projek Pembangunan Cadangan Benteng Sungai Endau dengan Mitigasi Kejuruteraan.

PROFIL PROJEK PEMBANGUNAN			
KOD PROJEK: ZIU 11	**TAJUK PROJEK: Cadangan Benteng Sungai Endau dengan Mitigasi Kejuruteraan**		
PROFIL PROJEK	Lokasi Tapak	Sungai Endau	
	Lot dan Luas (ekar) / (meter)	3420 meter	
	Status Hak Milik Tanah	-	
	Keadaan / Guna Tanah Semasa	Rizab Sungai	
KAEDAH PELAKSANAAN	Kontrak		
FASA PELAKSANAAN	Fasa 1 (Quick Win) (2021-2022)	Fasa 2 J.Pendek (2023-2026)	Fasa 3 J. Panjang (2027-2030)
KATEGORI PROJEK	Projek Impak Tinggi	Projek Utama	Projek Sokongan
AGENSI TERLIBAT	Peneraju	Pelaksana	Pengurusan
	JPS	JPS	JPS
ANGGARAN KOS (GDC)	Pengambilan	Pelaksanaan	Jumlah
	-	RM 40.08 Juta	RM 40.08 Juta
ANGGARAN NILAI (GDV)	RM 52.104 Juta		
SUMBER KEWANGAN:	Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)		


Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

TINDAKAN PELAKSANAAN


Tindakan 1: Perancangan dan permohonan kos projek
Tindakan 2: Penyediaan cadangan terperinci, pengiklanan tender dan pelantikan kontraktor
Tindakan 3: Pelaksanaan dan pengurusan projek

Rajah 5.3.114 : Carta Alir Tindakan Pelaksanaan Cadangan Benteng Sungai Endau dengan Mitigasi Kejuruteraan.

Tindakan 1



Rajah 5.3.115: Pelan Cadangan Struktur Benteng Penahan Sungai Endau.



Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

ZIU 12 CADANGAN BENTENG PEMECAH OMBAK DAN BAN BANJIR DI KG TANJUNG PAHANG

OBJEKTIF

Pengukuhan dan peningkatan mutu prasarana dan infrastruktur dan ekonomi.

JUSTIFIKASI

i. Cadangan benteng pemecah ombak dapat mengembalikan keadaan semasa pantai.
ii. Cadangan ban banjir sepanjang pantai Kg Tanjung Pahang dapat menangani masalah fenomena banjir akibat daripada air pasang besar.

KOMPONEN PROJEK

i. Benteng pemecah ombak (RC Wall, Gabion, Rubble Wall).
ii. Ban banjir beserta kemudahan rekreasi.

(Menaik taraf komponen projek tertakluk kepada kajian lanjutan yang perlu dilaksanakan)

CADANGAN TERPERINCI

i. Kajian yang lebih terperinci perlu dilaksanakan bagi menentukan kaedah mitigasi kejuruteraan yang bersesuaian dengan keadaan pesisiran pantai Kg Tanjung Pahang serta kajian laporan hidraulik perlu disediakan.

CONTOH GAMBARAN / ILUSTRASI PROJEK

Penyediaan struktur pemecah ombak dan ban banjir dengan anggaran ketinggian 2 meter bagi menahan impak daripada kejadian air pasang besar serta memperkukuhkan garisan pantai daripada terhakis. Selain itu, struktur ban banjir boleh dijadikan sebagai kemudahan pejalan kaki dan rekreasi menghadap laut.




Foto: Ban Banjir dan Pemecah Ombak.



Foto: Ban Banjir Sepanjang Tg Pahang.



Foto: Pemecah Ombak (Horizontal).



Foto: Pemecah Ombak (Verticall).

Terdapat 2 kaedah bagi struktur pemecah ombak (breakwater) yang boleh di aplikasi di kawasan kajian di mana kedua-dua kaedah ini adalah bagi mencegah kepada hakisan pantai serta mengembalikan struktur pantai.

Jadual 5.3.72: Profil Projek Pembangunan Cadangan Pemecah Ombak dan Ban Banjir di Kg Tanjung Pahang.

PROFIL PROJEK PEMBANGUNAN			
KOD PROJEK: ZIU 12	**TAJUK PROJEK: Cadangan Pemecah Ombak dan Ban Banjir di Kg Tanjung Pahang**		
PROFIL PROJEK	Lokasi Tapak	Pesisiran Pantai Kg Tanjung Pahang	
	Lot dan Luas (ekar) / (meter)	>3,000 m	
	Status Hak Milik Tanah	Kerajaan	
	Keadaan / Guna Tanah Semasa	Pesisiran Pantai (Badan Air)	
KAEDAH PELAKSANAAN	Kontrak		
FASA PELAKSANAAN	Fasa 1 (Quick Win) (2021-2022)	Fasa 2 J.Pendek (2023-2026)	Fasa 3 J. Panjang (2027-2030)
KATEGORI PROJEK	Projek Impak Tinggi	Projek Utama	Projek Sokongan
AGENSI TERLIBAT	Peneraju	Pelaksana	Pengurusan
	JPS	JPS	JPS
ANGGARAN KOS (GDC)	Pengambilan	Pelaksanaan	Jumlah
	-	RM 32.22 Juta	RM 32.22 Juta
ANGGARAN NILAI (GDV)	RM 41.886 Juta		
SUMBER KEWANGAN	Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)		

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

TINDAKAN PELAKSANAAN

Tindakan 1: Perancangan dan permohonan kos projek
Tindakan 2: Penyediaan cadangan terperinci, pengiklanan tender dan pelantikan kontraktor
Tindakan 3: Pelaksanaan dan pengurusan projek

Rajah 5.3.116 : Carta Alir Tindakan Pelaksanaan Cadangan pemecah Ombak dan Ban Banjir di Kg Tanjung Pahang.

Tindakan 1

Pihak JPS akan melantik pakar perunding perkhidmatan bagi mengkaji kesesuaian reka bentuk yang lebih terperinci bagi cadangan pemecah ombak dan ban banjir.

↓

Melaksanakan dan memohon peruntukan bagi pelaksanaan cadangan pemecah ombak dan ban banjir mengikut kajian lanjutan yang telah dilaksanakan dengan:-

- Pengukuhan tebing sungai
- Penguatkuasaan MSMA Edisi Kedua
- Kerja-kerja korekan mendapan
- Penguatkuasaan terhadap pencerobohan rizab sungai

↓

Pelaksanaan dalam kawasan kajian mengikut reka bentuk terperinci yang disediakan oleh pakar runding.

Rajah 5.3.117: Pelan Cadangan Benteng Pemecah Ombak dan Ban Banjir Kg Tanjung Pahang.



Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

ZIU 13 CADANGAN PEMECAH OMBAK (BREAKWATER) DAN KERJA – KERJA MENDALAMKAN SUNGAI ENDAU

OBJEKTIF

Pengukuhan dan peningkatan mutu prasarana, infrastruktur dan ekonomi.

JUSTIFIKASI

i. Cadangan benteng pemecah ombak dapat mengembalikan keadaan semasa pantai.
ii. Cadangan ban banjir sepanjang pantai Kg Tanjung Pahang dapat menangani masalah fenomena banjir akibat daripada air pasang besar.

KOMPONEN PROJEK

i. Benteng Pemecah Ombak (RC Wall, Gabion, Rubble Wall).
ii. Ban Banjir berserta kemudahan rekreasi.
(Menaik taraf komponen projek tertakluk kepada kajian lanjutan yang akan dilaksanakan).

CADANGAN TERPERINCI

i. Kajian yang lebih terperinci perlu dilaksanakan bagi menentukan kaedah mitigasi kejuruteraan yang bersesuaian dengan keadaan Sungai Endau serta kajian laporan Hidraulik perlu disediakan.

CONTOH GAMBARAN / ILUSTRASI PROJEK



Foto: Contoh Pemecah Ombak (Breakwater) di Pengkalan Kubor Kelantan.

Penyediaan struktur pemecah ombak di Sungai Endau adalah bagi mengawal paras air bagi membolehkan laluan kapal dan bot untuk berlabuh dan belayar. Selain itu, struktur pemecah ombak ini mengurangkan mendapan tanah yang terhasil daripada hakisan tebing serta pembawakan tanah dari pertembungan arus air laut dan sungai.

Jadual 5.3.73: Profil Projek Pembangunan Cadangan Pemecah Ombak dan Kerja-Kerja Mendalam Sungai Endau.

PROFIL PROJEK PEMBANGUNAN			
KOD PROJEK: ZIU 13	**TAJUK PROJEK: Cadangan Pemecah Ombak dan Kerja-Kerja Mendalamkan Sungai Endau**		
PROFIL PROJEK	Lokasi Tapak	Sungai Endau	
	Lot dan Luas (ekar) / (meter)	-	
	Status Hak Milik Tanah	-	
	Keadaan / Guna Tanah Semasa	Badan Air	
KAEDAH PELAKSANAAN	Kontrak		
FASA PELAKSANAAN	Fasa 1 (Quick Win) (2021-2022)	Fasa 2 J.Pendek (2023-2026)	Fasa 3 J. Panjang (2027-2030)
KATEGORI PROJEK	Projek Impak Tinggi	Projek Utama	Projek Sokongan
AGENSI TERLIBAT	Peneraju	Pelaksana	Pengurusan
	JPS, Jabatan Laut	JPS, Jabatan Laut	JPS, Pejabat Laut
ANGGARAN KOS (GDC)	Pengambilan	Pelaksanaan	Jumlah
	-	RM 150 Juta	RM 150 Juta
ANGGARAN NILAI (GDV)	RM 195 Juta		
SUMBER KEWANGAN	i. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) ii. Jabatan Laut		

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

TINDAKAN PELAKSANAAN

Tindakan 1: Perancangan dan permohonan kos projek
Tindakan 2: Penyediaan cadangan terperinci, pengiklanan tender dan pelantikan kontraktor
Tindakan 3: Pelaksanaan dan pengurusan projek

Rajah 5.3.118 : Carta Alir Tindakan Pelaksanaan Cadangan Pemecah Ombak dan Kerja-Kerja Mendalam Sungai Endau.

Tindakan 1

Pihak JPS akan melantik pakar perunding perkhidmatan bagi mengkaji kesesuaian reka bentuk yang lebih terperinci bagi cadangan pemecah ombak dan ban banjir.

↓


Melaksanakan dan memohon peruntukan bagi pelaksanaan cadangan pemecah ombak dan ban banjir mengikut kajian lanjutan yang telah dilaksanakan dengan:-

- Pengukuhan tebing sungai
- Penguatkuasaan MSMA Edisi Kedua
- Kerja-kerja korekan mendapan
- Penguatkuasaan terhadap pencerobohan rizab sungai

↓

Pelaksanaan dalam kawasan kajian mengikut reka bentuk terperinci yang disediakan oleh pakar runding.

Rajah 5.3.119: Pelan Cadangan Pemecah Ombak dan Kerja-Kerja Mendalamkan Sungai Endau.



Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

ZIU 14 CADANGAN MENAIK TARAF RANGKAIAN TELEKOMUNIKASI 4G KEPADA 5G

OBJEKTIF

Pengukuhan dan peningkatan mutu prasarana, infrastruktur dan ekonomi.

JUSTIFIKASI

i. Keperluan kemudahan telekomunikasi dengan kemampuan yang tinggi diperlukan bagi pemangkin pembangunan kawasan kajian.

KOMPONEN PROJEK

i. Menaik taraf keupayaan pemancar daripada 4G kepada 5G.
(Menaik taraf komponen projek tertakluk kepada kajian lanjutan yang akan dilaksanakan).

CADANGAN TERPERINCI

i. Kajian yang lebih terperinci perlu dilaksanakan (Kajian Populasi) bagi menentukan keperluan keupayaan 5G kerana penyedia perkhidmatan akan menyediakan kemudahan sekiranya mempunyai populasi pengguna yang mencukupi dengan tampungan keupayaan liputan telekomunikasi 5G tersebut.

CONTOH GAMBARAN / ILUSTRASI PROJEK




Foto: Evolusi rangkaian telekomunikasi mudah alih.

Evolusi rangkaian mudah alih telah mampu untuk menyediakan kemudahan jalur lebar capaian 5G di mana mampu untuk mencapai kelajuan sehingga >1 GBPS. Bagi kawasan kajian yang merupakan kawasan yang berpotensi dari segi kedatangan pelancong serta kawasan berpendudukan yang padat, maka keperluan kemudahan capaian jalur lebar 5G perlu disediakan bagi memudahkan urusan harian dan perniagaan *E-Commerce*. Walau bagaimanapun, bagi kawasan yang tidak menerima perkhidmatan liputan 5G ini masih boleh menikmati kemudahan capaian liputan 4G.

Jadual 5.3.74: Profil Projek Pembangunan Cadangan Menaik Taraf Rangkaian Telekomunikasi 4G kepada 5G.

PROFIL PROJEK PEMBANGUNAN			
KOD PROJEK: ZIU14	**TAJUK PROJEK: Cadangan Menaik Taraf Rangkaian Telekomunikasi 4G kepada 5G**		
PROFIL PROJEK	Lokasi Tapak	Tapak Sedia Ada Menara Telekomunikasi Tanjung Gemok	
	Lot dan Luas (ekar) / (meter)	0.09 ekar	
	Status Hak Milik Tanah	Persendirian	
	Keadaan / Guna Tanah Semasa	Infrastruktur	
KAEDAH PELAKSANAAN	Kontrak		
FASA PELAKSANAAN	Fasa 1 (Quick Win) (2021-2022)	Fasa 2 J.Pendek (2023-2026)	Fasa 3 J. Panjang (2027-2030)
KATEGORI PROJEK	Projek Impak Tinggi	Projek Utama	Projek Sokongan
AGENSI TERLIBAT	Peneraju	Pelaksana	Pengurusan
	Penyedia Perkhidmatan, SKMM	Penyedia Perkhidmatan, SKMM	Penyedia Perkhidmatan, SKMM
ANGGARAN KOS (GDC)	Pengambilan	Pelaksanaan	Jumlah
	-	RM 500,000	RM 500,000
ANGGARAN NILAI (GDV)	RM 650,000		
SUMBER KEWANGAN	i. SKMM ii. Penyedia Perkhidmatan		


Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

TINDAKAN PELAKSANAAN

Tindakan 1: Perancangan dan permohonan kos projek
Tindakan 2: Penyediaan cadangan terperinci, pengiklanan tender dan pelantikan kontraktor
Tindakan 3: Pelaksanaan dan pengurusan projek

Rajah 5.3.120 : Carta Alir Tindakan Pelaksanaan Cadangan Menaik Taraf Rangkaian Telekomunikasi 4G kepada 5G.

Tindakan 1



Rajah 5.3.121: Pelan Cadangan Naik Taraf Rangkaian Telekomunikasi 4G Kepada 5G.



Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

5.3.3 CADANGAN PELANCONGAN

ZPL9 CADANGAN PROGRAM PEMUTIHAN RUMAH INAP TIDAK BERDAFTAR DI BAWAH MDR

OBJEKTIF

i. Menyokong Tanjung Gemok sebagai hab pelancongan (karekter, imej dan identiti menarik).

JUSTIFIKASI

i. Memastikan kualiti perkhidmatan pelancongan terbaik di kawasan Tanjung Gemok serta meningkatkan imej Tanjung Gemok sebagai hab pelancongan utama.
ii. Sebagai panduan bagi kegiatan rumah inap yang telah beroperasi tanpa pendaftaran di bawah MDR.
iii. MDR bertindak sebagai pemantau kegiatan rumah inap di kawasan Tanjung Gemok.
iv. Menyokong sumber pendapatan MDR.


KOMPONEN PROJEK

Cadangan ini melibatkan rumah inap:

1. Rumah Inap Az Zahra
2. Rumah Inap Nabella
3. Rumah Inap LKS
4. Rumah Inap MK Boutique
5. Rumah Inap Rayyan
6. Rumah Inap Quan
7. Rumah Inap Green
8. D'Muara Sri Tanjung Chalet
9. Rumah Inap D'Anggerik
10. Rumah Inap Az Zahra
11. Rumah Inap KBK Inn
12. Rumah Inap Tg Gemok
13. Rumah Inap Kediaman Bersaudara

PELAN LOKASI

Rajah 5.3.122: Pelan Cadangan Program Pemutihan Rumah Inap Tidak Berdaftar di Bawah MDR.



Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

Rumah Inap di Kawasan Perkampungan


Rumah Inap Tanjung Gemok


Rumah Inap KBK INN


Kediaman Bersaudara


Rumah Inap D'Anggerik


Rumah Inap Az Zahra

Rumah Inap di Kawasan Perumahan Teres


Rumah Inap KJ


Rumah Inap Rayyan
(2 Buah Rumah)


Rumah Inap Quan (2 Buah Rumah)




Rumah Inap LKS


Rumah Inap Nabella


Rumah Inap MK Boutique


Rumah Inap Green


CADANGAN TERPERINCI

i. Pemilik pengusaha rumah inap perlu berdaftar di bawah Majlis Daerah Rompin (MDR) bagi tujuan pemantauan dari segi kualiti perkhidmatan oleh pihak MDR.
ii. Terdapat satu unit khas di bawah jabatan perancangan Majlis Daerah Rompin yang akan memantau dan mengenal pasti rumah inap yang masih belum berdaftar.
iii. Pihak perlu menampal plaque di hadapan rumah sebagai tanda pendaftaran dengan MDR.
iv. MDR akan membantu mempromosikan rumah inap berdaftar di dalam laman web rasmi, media sosial dan promosi yang lain sebagai strategi pelancongan.
v. Penyewa boleh mengemukakan maklum balas / aduan kepada MDR terhadap rumah inap dan pihak MDR boleh mengambil tindakan membatalkan lesen pendaftaran atau sebagainya.
vi. Pihak pengusaha berpeluang mengikuti kursus, khidmat nasihat pelancongan dan sebagainya yang dianjurkan oleh MDR.

Rajah 5.3.123 : Kelebihan Bagi Pengusaha Rumah Inap Yang Berdaftar di Bawah MDR.



Rajah 5.3.124 : Kaedah Pendaftaran dan Mendapatkan *Plaque* Rumah Inap di bawah MDR.



Jadual 5.3.75: Profil Projek Pembangunan Cadangan Program Pemutihan Rumah Inap Tidak Berdaftar di Bawah MDR.

PROFIL PROJEK PEMBANGUNAN			
KOD PROJEK: ZPL9	**TAJUK PROJEK: Cadangan Program Pemutihan Rumah Inap Tidak Berdaftar di Bawah MDR**		
PROFIL PROJEK	Lokasi Tapak	Rumah-rumah Inap di Tanjung Gemok	
	Lot dan Luas (ekar) / (meter)	Rumah Inap di Kawasan Perumahan Teres: 1. 10055 2. 10046 3. 10048 4. 10715 5. 10716 6. 27739 7. 301 8. 1845 9. 27613 Rumah Inap di Kawasan Perumahan Kampung: 1. 27698 2. 275 3. 997 4. 722 5. 120	
	Status Hak Milik Tanah	Persendirian	
	Keadaan / Guna Tanah Semasa	Perumahan	
KAEDAH PELAKSANAAN	Usaha Sama Pengusaha Rumah Inap dan MDR		
FASA PELAKSANAAN	Fasa 1 (Quick Win) (2021-2022)	Fasa 2 J.Pendek (2023-2026)	Fasa 3 J. Panjang (2027-2030)
KATEGORI PROJEK	Projek Impak Tinggi	Projek Utama	Projek Sokongan
AGENSI TERLIBAT	Peneraju	Pelaksana	Pengurusan
	MDR	Pengusaha Rumah Inap	MDR
ANGGARAN KOS (GDC)	Pengambilan	Pelaksanaan	Jumlah
	-	RM 20,000	RM 20,000
ANGGARAN NILAI (GDV)	RM 26,000		
SUMBER KEWANGAN	i. Majlis Daerah Rompin (MDR) ii. Persendirian		

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

TINDAKAN PELAKSANAAN


Tindakan 1: Perancangan dan permohonan kos projek
Tindakan 2: Penyediaan cadangan terperinci, pengiklanan tender dan pelantikan kontraktor
Tindakan 3: Pelaksanaan dan pengurusan projek

Rajah 5.3.125: Carta Alir Tindakan Pelaksanaan Pemutihan Rumah Inap Tidak Berdaftar di Bawah MDR.



Sambungan:

Tindakan 3



ZPL10 CADANGAN JEJAK PELANCONGAN (*TOURISM TRAIL*) WILAYAH DAN PEKAN TANJUNG GEMOK

OBJEKTIF

Memberi peluang kepada pelancong untuk meneroka setiap tarikan pelancongan di Tanjung Gemok dan menawarkan pelbagai pilihan dan alternatif kepada pelancong untuk meneroka kawasan sekitar bersesuaian dengan kehendak.

JUSTIFIKASI

i. Mengintegrasikan segala produk pelancongan di Tanjung Gemok dan kawasan sekitar.
ii. Membantu mempromosi dan memudahkan kelancaran aktiviti atau program pelancongan.
iii. Membuka peluang pekerjaan dalam industri pelancongan tempatan, premis perniagaan, pemandu pelancong, kedai menyewa kenderaan dan lain-lain.
iv. Makanan tempatan dan membangunkan ekonomi setempat.
v. Mengukuhkan imej, identiti dan fungsi sektor pelancongan.
vi. Memperkenalkan tarikan pelancongan baharu seperti *skyline waterfront*, Dataran Tanjung Gemok, *stairway to heaven*, kiosk warna-warni, menara pandang dan rumah api serta anjung medan selera makanan laut.

KOMPONEN PROJEK

i) Brosur dan papan info pelancongan.
ii) Mengetengahkan produk pelancongan yang boleh diintegrasikan sebagai satu pakej pelancongan.



Jadual 5.3.76: Profil Projek Pembangunan Cadangan Trail Pelancongan Wilayah dan Pekan Tanjung Gemok.

PROFIL PROJEK PEMBANGUNAN			
ZPL10	**TAJUK PROJEK: Cadangan Trail Pelancongan Wilayah dan Pekan Tanjung Gemok**		
PROFIL PROJEK	Lokasi Tapak	Tanjung Gemok, Rompin dan Mersing (Kawasan Sekitar)	
	Lot dan Luas (ekar) / (meter)	-	
	Status Hak Milik Tanah	-	
	Keadaan / Guna Tanah Semasa	Kawasan Utama Pelancongan di Tanjung Gemok	
KAEDAH PELAKSANAAN	Pelaksanaan Program Secara Bersepadu (MOTAC, Tourism dan MDR/ MDM)		
FASA PELAKSANAAN	Fasa 1 (Quick Win) (2021-2022)	Fasa 2 J.Pendek (2023-2026)	Fasa 3 J. Panjang (2027-2030)
KATEGORI PROJEK	Projek Impak Tinggi	Projek Utama	Projek Sokongan
AGENSI TERLIBAT	Peneraju	Pelaksana	Pengurusan
	Tourism Pahang/ MOTAC	Tourism Pahang/ MDR	Tourism Pahang/ MDR
ANGGARAN KOS (GDC)	Pengambilan	Pelaksanaan	Jumlah
	-	RM 800,000	RM 800,000
SUMBER KEWANGAN:	i. MOTAC ii. Tourism Pahang		

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

Rajah 5.3.126 : Pelan Cadangan Trail Pelancongan Wilayah dan Pekan Tanjung Gemok.

ATURAN LAWATAN TRAIL

PAKEJ / PEMANDU PELANCONG
Melalui pakej lawatan dan khidmat pemandu pelancong

ATURAN SENDIRI
Melalui pakej lawatan dan khidmat pemandu pelancong

MOD PENGANGKUTAN LAWATAN TRAIL


KENDERAAN
Sesuai untuk lawatan semua tarikan sepanjang trail

BERBASIKAL
Sesuai untuk lawatan melebihi 5 km

BERJALAN KAKI
Sesuai untuk lawatan di dalam trail Tanjung Gemok

Petunjuk:


- Kawasan Pesisir Pantai
- Laluan Trail (Mod Basikal/ Kenderaan)
- Laluan trail (Kenderaan)
- Laluan Air
- Kemudahan Penginapan



Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

PENGANGKUTAN
INFRASTRUKTUR DAN UTILITI
PELANCONGAN
ALAM SEKITAR

Terokai 'Tanjung Gemok Trail' 'Anggaran 10 km perjalanan anda'



Cadangan Trail Pelancongan Tanjung Gemok

- Pusat Informasi Pelancongan
- Makan-Makan
  Sarapan, Makan Tengahari & Minum Petang
  - Keropok Lekor Sarang Tiong
  - Warung Nasi Dagang Bonda
  - Warung Manggis
  - Medan MDR
  - Kafe Beridentiti Menarik
  - Tanjung Pahang *Arcade*

  Makan Malam
  - Restoran Terapung
- Produk Tempatan
- *Showcase* Perikanan
- Program Homestay
- Lokasi Swafoto
- *Rivercruise*
- Aktiviti Pantai
- Memukat Udang
- Pasar Malam, *Car Boot Sale*, Karnival Tani, Pasar Malam
- Jeti *Rivercruise*
- Kemudahan Penginapan
  - Hotel Sri Malaysia
  - Hotel Mei Wah
  - Hotel Kong Jing
  - Hotel Jeti Tg Gemok
  - Hotel Hico

1. Rumah Inap Az Zahra
2. Rumah Inap Nabella
3. Rumah Inap LKS
4. Rumah Inap MK Boutique
5. Rumah Inap Rayyan
6. Rumah Inap Quan
7. Rumah Inap Green
8. D'Muara Sri Tanjung Chalet
9. Rumah Inap D'Anggerik
10. Rumah Inap Az Zahra
11. Rumah Inap KBK Inn
12. Rumah Inap Tg Gemok
13. Rumah Inap Kediaman Bersaudara



PAKEJ PELANCONGAN WILAYAH & TANJUNG GEMOK TRAIL



HARI 1- TANJUNG GEMOK

Kompleks Terminal Bersepadu Tanjung Gemok
Tempat berkumpul

Daftar Masuk Hotel/ Homestay

Sarapan (7 am – 10 am)

1. Pusat Pelancong



Info pelancongan (brosur/ pelan kawasan tarikan/ trail)

2. Dataran Tanjung Gemok



3. *Street Art Explore/ Jalan di Pekan*



4. *Waterfront Cove*



Makan Tengahari (12 pm – 2 pm)

5. *River Cruise Tanjung Gemok*



Pengalaman makan di atas *rivercruise sambil menyusuri keindahan sungai, bakau & perkampungan orang asli*

Balik Ke Penginapan

Makan Malam (7 pm – 10 pm)


HARI 2

Homestay
Titik Mula



7. Sarapan (7 am – 10 am)

6. *Corniche Fish Market*



8. Kampung Pinggir Laut Tanjung Pahang



Pengalaman berbasikal/ berjalan


10. *Stairway to Heaven/* Menara Api & Aktiviti Pantai




9. Makan Tengahari (12 pm – 2 pm)



11. Minum Petang (3 pm – 7 pm)



12. Plaza Terapung/ Melihat Senja



Balik Ke Penginapan

Makan Malam di Plaza Terapung (7 pm – 10 pm)

HARI 3

Homestay
Titik Mula

13. Melihat Fajar dan Memukat Udang



Sarapan (7 am – 10 am)



14. *Showcase* Perikanan



15. Berbasikal di sekitar kampung



Balik Ke Penginapan

Bertolak ke Kawasan Pelancongan Sekitar

Makan Tengahari (12 pm – 2 pm)



HARI 4 - ROMPIN

Homestay D'Sawah



Sawah Padi, Kampung Jawa Pantai



D'Kuala Waterfront Chalet & Boat Charter



LKKP Padi Rompin



Pantai Hiburan



- *Chalet Sri Nelayan*
- *Beach House Chalet*

- *D'Kuala Pontian Chalet*
- *Privasi Homestay*


Cemara *Riverview Chalet*



Daftar Masuk Homestay

HARI 5

Homestay Leban Chondong



Hutan Simpan Menchali



Pantai Lanjut



- *Rantau D'Rhu Chalet*
- *Lanjut Beach Resort*

Daftar Masuk Homestay

HARI 6


Kompleks Tenusu Muadzam Shah



Ke Mersing

HARI 7

Pantai Semanyir



Pantai Penyabong



- *Endau Beach Resort*
- *Villa Jenang Rion Penyabong Warisan Resort*
- *Pasir Lanun Camp & Chalet*
- *Telok Penyabung Resort*

Sukan layar *Resort, Café & Sailing Centre*



Daftar Masuk Homestay

Aktiviti Sukan



Taman Negara Endau Rompin



Ke Jeti Mersing

Bertolak Pulang



5.3.4 CADANGAN ALAM SEKITAR

ZAS1 CADANGAN PEMELIHARAAN DAN PENANAMAN POKOK BAKAU DI PINGGIR SUNGAI

OBJEKTIF

Pengukuhan dan peningkatan mutu prasarana, infrastruktur dan ekonomi.

JUSTIFIKASI

i. Pemeliharaan dan penamaman pokok bakau di pinggir sungai dengan kerjasama penduduk tempatan dan pelajar.
ii. Tujuan penanaman pokok bakau mengurangkan mendapan pasir terus ke sungai serta mengurangkan hakisan sungai.
iii. Mewujudkan satu kawasan 'zon penimbal' yang kukuh dan stabil bagi mencegah pencemaran alam sekitar dengan perlindungan semula jadi di pesisir pantai.
iv. Penanaman secara berperingkat. Penglibatan program *Corporate Sosial Responsibility* (CSR) ini perlu bagi meningkatkan kesedaran penduduk dan pelajar terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.
v. Kawasan pantai yang telah dibina dengan struktur bagi mencegah hakisan pantai (*rock bund*) oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) akan ditanam dengan spesies pokok bakau dan spesies lain yang sesuai.
vi. Antara jenis pokok bakau yang sesuai ditanam di pinggir sungai adalah:
   - **Bakau Kurap** (*Rhizophora Mucronata*), tinggi minima anak pokok yang boleh ditanam adalah 55 cm dengan jumlah daun 4-6 helai.
   - **Bakau Minyak** (*Rhizophora Apiculata*), tinggi minimanya adalah 30 cm dengan jumlah daun 4 helai.

KOMPONEN PROJEK

i. Program CSR penduduk bersama badan kerajaan dan agensi swasta (Kempen 1 keluarga 1 pokok).



Foto : Contoh aktiviti penanaman pokok bakau dengan kerjasama agensi luar.



Kelebihan:
Pokok bakau sangat unik mempunyai sistem akar yang kuat, sifat batang dan daun yang istimewa mampu beradaptasi untuk terus hidup di dalam habitat yang menerima air pasang surut air laut. Keadaan kawasan pasang surut berlumpur yang lembut berselut dan cetek menyokong sistem akar bakau yang pelbagai jenis.

ii. Aktiviti penyemaian benih pokok bakau secara keratin atau tut.





Foto : Ilustrasi penanaman jenis pokok bakau termasuk di dalam Zon Rhizophor.

Rajah 5.3.127: Pelan Lokasi Pemeliharaan Dan Penanaman Pokok Bakau Di Pinggir Sungai.



Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019



Sumber: Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia , 2019

Jadual 5.3.77: Profil Projek Pembangunan Cadangan Program Pemeliharaan dan Penanaman Pokok Bakau di Pinggir Sungai.


PROFIL PROJEK PEMBANGUNAN			
KOD PROJEK: ZAS1	**TAJUK PROJEK: Cadangan Program Pemeliharaan dan Penanaman Pokok Bakau di Pinggir Sungai (*Soft Structure*)**		
PROFIL PROJEK	Lokasi Tapak	Pinggir Sungai Endau berhampiran Kampung Selancar	
	Lot dan Luas (ekar) / (meter)	800 meter	
	Status Hak Milik Tanah	Kerajaan	
	Keadaan / Guna Tanah Semasa	Badan Air	
KAEDAH PELAKSANAAN	Pelaksanaan Program Secara Bersepadu		
FASA PELAKSANAAN	Fasa 1 (Quick Win) (2021-2022)	Fasa 2 J.Pendek (2023-2026)	Fasa 3 J. Panjang (2027-2030)
KATEGORI PROJEK	Projek Impak Tinggi	Projek Utama	Projek Sokongan
AGENSI TERLIBAT	Peneraju	Pelaksana	Pengurusan
	MDR	Swasta, IPT, NGO	MDR
ANGGARAN KOS (GDC)	Pengambilan	Pelaksanaan	Jumlah
	Tiada	RM 1 Juta	RM 1 Juta
ANGGARAN NILAI (GDV)	RM 1.3 Juta		
SUMBER KEWANGAN:	i. Majlis Daerah Rompin (MDR) ii. Jabatan Perhutanan Negeri Melaka iii. Jabatan Alam Sekitar iv. NGO/IPT/Swasta		

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019


TINDAKAN PELAKSANAAN

Tindakan 1: Perancangan Projek
Tindakan 2: Permohonan kos dan peruntukan kewangan
Tindakan 3: Pelaksanaan dan pengurusan projek

Rajah 5.3.128: Carta Alir Tindakan Pelaksanaan Cadangan Program Pemeliharaan dan Penanaman Pokok Bakau di Pinggir Sungai.



Sambungan:



ZAS2 CADANGAN PENGAWALAN KUALITI UDARA DAN AIR SUNGAI ENDAU

OBJEKTIF

Pengukuhan dan peningkatan mutu prasarana, infrastruktur dan ekonomi.

JUSTIFIKASI

i. Menjalankan kaedah alternatif bagi mengawal kualiti air dan udara di Tanjung Gemok.
ii. Menjalankan kajian pengawalan kualiti udara dan air secara berkala.
iii. Melaksanakan kajian berkaitan kualiti udara, bunyi bising dan gegaran serta kawalan punca pencemaran udara.
iv. Menguatkuasakan undang-undang bagi mempertingkatkan penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 serta mengawal pembebasan asap-asap atau gas-gas beracun dari kilang-kilang.
v. Memastikan pengusaha kilang mendapatkan nasihat daripada Jabatan Alam Sekitar sebelum memulakan operasi peindustrian.
vi. Melaksanakan program Pencegahan Pencemaran dan Peningkatan Kualiti Air Sungai.

KOMPONEN PROJEK

i. Melakukan *persampelan* air sungai dan udara *(*Persampelan Stack*)* secara berkala.
ii. Pemasangan stesen baharu bagi mengawal kualiti udara *(Stesen IPU terdekat terletak 40 km dari kawasan kajian iaitu di SMK Sri Rompin, Leban Condong).*



Foto: Contoh cadangan pengambilan sampling air sungai bagi mengenal pasti tahap kualiti air Sungai Endau.



Foto: Contoh cadangan penubuhan stesen baharu bagi pengambilan persampelan kualiti udara di Tanjung Gemok.





Foto: Stesen Pemantauan Kualiti Udara (CAQM).

Kriteria lokasi pemantauan kualiti Udara (CAQM):

- *Keputusan pemantauan masa lalu dan semasa.*
- *Perwakilan.*
- *Kebolehcapaian.*
- *Ketersediaan perkhidmatan sokongan (kuasa talian telefon dan lain-lain).*
- *Lokasi yang selamat.*
- *Kesan topografi tertentu.*

(Sumber: Jabatan Alam Sekitar)

Lokasi yang sesuai bagi stesen pemantauan kualiti udara adalah seperti berikut:
Kawasan industri, kawasan perumahan, kawasan lalu lintas di bandar, pinggir bandar dan kawasan luar bandar.

Jadual 5.3.78: Profil Projek Pembangunan Cadangan Pengawalan Kualiti Udara dan Air Sungai Endau.


PROFIL PROJEK PEMBANGUNAN			
KOD PROJEK: ZAS2	**TAJUK PROJEK: Cadangan Pengawalan Kualiti Udara dan Air Sungai Endau**		
PROFIL PROJEK	Lokasi Tapak	Sungai Endau, Pusat Bandar ***Akan ditentukan oleh Jabatan Alam Sekitar dan Agensi Terlibat berdasarkan kriteria tertentu.***	
	Lot dan Luas (ekar) / (meter)	-	
	Status Hak Milik Tanah	Kerajaan	
	Keadaan / Guna Tanah Semasa	Badan Air	
KAEDAH PELAKSANAAN	Pelaksanaan Program Secara Bersepadu (Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Pengairan dan Saliran)		
FASA PELAKSANAAN	Fasa 1 (Quick Win) (2021-2022)	Fasa 2 J.Pendek (2023-2026)	Fasa 3 J. Panjang (2027-2030)
KATEGORI PROJEK	Projek Impak Tinggi	Projek Utama	Projek Sokongan
AGENSI TERLIBAT	Peneraju	Pelaksana	Pengurusan
	JAS, JPS	JAS, JPS	JAS, JPS
ANGGARAN KOS (GDC)	Pengambilan	Pelaksanaan	Jumlah
	Tiada	RM 500,000	RM 500,000
ANGGARAN NILAI (GDV)	RM 650,000		
SUMBER KEWANGAN	i. Jabatan Alam Sekitar (JAS) ii. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)		

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019


TINDAKAN PELAKSANAAN

Tindakan 1: Perancangan Projek
Tindakan 2: Permohonan kos dan peruntukan kewangan
Tindakan 3: Pelaksanaan dan pengurusan projek

Rajah 5.3.129: Carta Alir Tindakan Pelaksanaan Cadangan Pengawalan Kualiti Udara dan Air Sungai Endau.



Sambungan:




GARIS PANDUAN KAWASAN SENSITIF ALAM SEKITAR (KSAS)

A. KAWASAN PESISIR PANTAI *(COASTAL AREA)*

Definisi

Berdasarkan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), kawasan pesisir pantai merupakan satu kawasan pesisir yang meliputi kawasan bersempadan 5 kilometer ke sebelah darat (*Back shore*) dan 16.1 kilometer nautika ke sebelah laut dari paras purata air pasang perbani (*Shore front*) serta kawasan di sebelah darat termasuk sungai dan rezab air hingga kawasan yang mempengaruhi oleh air masin. Rujuk rajah 5.3.127.

Rajah 5.3.127: Anjakan Belakang Bangunan.




Sumber: Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Kawasan Pantai, 2010

Kawasan pesisir pantai di Tanjung Gemok dianggap sebagai kawasan sensitif iaitu kawasan pantai berlumpur dan tebing sungai. Sistem semula jadi bagi kawasan-kawasan tersebut mempunyai proses biologi dan kimia yang berbeza berasaskan sifat semula jadinya. Kawasan ini tertakluk kepada syarat-syarat di bawah:

- Kawasan Laut Wilayah adalah kawasan pinggir laut (12 batu nautika ke laut).
- Semua mukim atau daerah yang mempunyai pesisir pantai laut adalah kawasan pinggir laut.
- Semua mukim yang tidak mempunyai pesisir laut tetapi 30% daripada kawasan tanah adalah dalam 6km daripada pesisir laut (paras min air pasang tinggi (Mean, High Water, MHW) atau paras min air pasang tertinggi (Mean Higher High Water, MHHW), yang mana lebih tinggi adalah termasuk kawasan pinggir laut.
- Dalam kes di mana kurang 30 % kawasan tanah mukim iaitu dalam jarak 6km daripada pesisir pantai, semua kawasan tanah mukim tersebut adalah kawasan pinggir laut.
- Semua mukim/daerah di mana 30% daripada tanahnya dalam kategori ekosistem pinggir laut yang berterusan (*contigous*) adalah termasuk kawasan pinggir laut.
- Mana-mana mukim/daerah yang kebanyakan daripada aktiviti sosioekonominya bergantung kepada sumber pantai dan ektuari oleh pihak pentadbiran kawasannya boleh menganggapnya sebagai mukim/daerah pinggir laut dan mengguna pakai garis panduan berkaitan.
- Semua kawasan dalam lingkungan 6km daripada sempadan ekosistem pinggir laut yang berterusan dianggap sebagai kawasan pinggir laut.
- Kawasan dalam lingkungan 5km daripada kedua belah tebing rizab sungai bersempadanan yang dipengaruhi oleh perubahan kemasinan air (kawasan ektuari) adalah dianggap kawasan pinggir laut.
- Bahagian sungai yang dipengaruhi oleh pasang-surut tetapi kemasinan air tidak berubah ia termasuk kawasan pinggir laut (terletak 5km daripada kawasan yang mengalami kesan maksimum air pasang surut).
- Semua kawasan yang ditambak daripada kawasan laut termasuk kawasan pesisir pantai atau ekosistem lautan yang berterusan sejak 51 tahun yang terdahulu (1957) adalah kawasan pinggir laut.

Rajah 5.3.130 : Kawasan Pesisir Pantai Berlumpur.



Sumber: Pelan Topografi Tanjung Gemok,1996

Garis panduan umum bagi KSAS pesisir pantai adalah seperti berikut:

i. Pemeliharaan

Berikut merupakan ciri-ciri pembangunan yang tidak dibenarkan di kawasan pinggir laut:

- Kawasan yang mempunyai spesis hidupan terancam atau hampir pupus.
- Kawasan yang mengalami hakisan yang teruk dan boleh membawa bencana.
- Kawasan yang mempunyai nilai sejarah.

ii. Pemuliharaan

Kawasan pinggir laut yang memerlukan aktiviti pemuliharaan adalah suatu kawasan di mana aktiviti terkawal (Kategori 2 dan 3) boleh dilakukan. Hanya aktiviti terkawal dibenarkan di kawasan-kawasan pinggir laut.

iii. Konsep dan Reka Bentuk Pusat dan Penampan

Semua kawasan (KSAS) adalah kawasan terlindung dan KSAS pesisir pantai perlu mempunyai pelan pengurusannya tersendiri.

iv. Kegunaan Anjakan Belakang

Perancangan dan reka bentuk pembangunan perlu menyediakan anjakan bangunan minimum mengikut jenis kawasan pinggir laut dan tahap kesensitifannya. Garis anjakan belakang yang dicadangkan bagi Tanjung Gemok adalah seperti di Jadual 5.3.79.

v. Kawasan Penampan Riparian

Zon pengurusan/koridor riparian merupakan konsep yang digunakan untuk zon penampan pinggir kawasan badan air. Kawasan penampan berbentuk Zon Pengurusan atau Koridor Riparian perlu dibentuk di kawasan-kawasan pembangunan sedia ada. Ia merupakan komuniti tumbuhan khusus yang mempunyai beberapa fungsi penting kepada alam sekitar dan masyarakat yang bertujuan untuk:

- Memelihara kualiti air dengan menapis enapan dari larian permukaan sebelum ia masuk ke dalam sungai dan badan-badan air.
- Mengawal daripada berlakunya sebarang hakisan pantai dan pesisiran sungai.
- Merupakan kawasan menampung air banjir.
- Menyediakan kawasan makanan dan habitat bagi hidupan liar dan akuatik seperti ikan.

Jadual 5.3.79: Anjakan Belakang Bangunan.

Jenis Pantai	Aktiviti	Garis Panduan
Pantai Berlumpur	Kediaman dan pelancongan	• 400 m daripada paras purata air pasang perbani
	Perindustrian	• 1000 m daripada paras purata air pasang perbani (bagi kedua-dua industri ringan dan berat)
	Pertanian termasuk akuakultur	• 100 m daripada paras purata air pasang perbani
	KSAS	• Tambahan anjakan belakang 50% kepada nilai kawasan biasa. Air pelepasan (industri, komersial, kediaman dan kumbahan) perlu disalurkan ke darat
Muara dan Sungai	Kediaman dan Pelancongan	• 20 m daripada rizab sungai • 50 m daripada paras purata air pasang perbani
	Perindustrian Ringan/ Bera	• 1000 m daripada paras purata air pasang perbani
	Pertanian termasuk akuakultur	• 100 m daripada paras purata air pasang perbani
	KSAS	• Tambahan anjakan belakang 50% kepada nilai kawasan biasa. Kawasan anjakan belakang perlu di landskap sebagai zon pengurusan/koridor riparian. Air pelepasan (industri, komersial, kediaman dan kumbahan) perlu disalurkan ke darat
Pantai bagi kawasan tebus guna	Kediaman atau Pelancongan	• Mempunyai 60 m kawasan penampan dari tebing laut baru serta menyediakan jalan perkhidmatan sepanjang pantai tersebut untuk kegunaan orang awam
	KSAS	• Tambahan anjakan belakang 50% kepada nilai kawasan biasa. Air pelepasan (industri, komersial, kediaman dan kumbahan) perlu disalurkan ke darat
Pantai KSAS Pinggir Laut	Semua aktiviti	• Sebarang bangunan atau pembinaan yang melintasi pantai hingga ke pergigian air tidak dibenarkan di kawasan mana-mana pantai kawasan sensitif alam sekitar melainkan `*boardwalk*' atau jeti awam sahaja

Sumber: Garis Panduan Pemuliharaan dan Pembangunan KSAS dan Kawasan Sekitarnya

Garis panduan khusus bagi KSAS pesisir pantai adalah seperti berikut:

i. Darjah Kesensitifan dan Justifikasi

Darjah kesensitifan yang diguna pakai untuk kawasan pinggir laut merangkumi tiga kategori iaitu kategori 1, 2 dan 3. Darjah kesensitifan Kategori 1 merupakan kawasan di mana tiada sebarang bentuk aktiviti pembangunan dibenarkan kecuali aktiviti penyelidikan sahaja. Seterusnya darjah kesensitifan Kategori 2 pula merupakan kawasan di mana hanya aktiviti berimpak rendah tanpa penukaran kelas guna tanah sahaja yang dibenarkan. Manakala darjah Kesensitifan Kategori 3 merupakan kawasan di mana perlaksanaan pembangunan terkawal (dengan syarat) adalah dibenarkan.

ii. Garis Panduan Khusus Pemuliharaan

Garis panduan khusus bagi kawasan pinggir laut adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 5.3.79 Pembangunan kawasan KSAS perlu mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan dan Negeri.

Jadual 5.3.80: Garis Panduan Khusus Pemuliharaan Kawasan Pinggir Pantai dan Sungai.

KSAS/ Kategori	Aktiviti Dibenarkan	Aktiviti Dibenarkan dengan Syarat	Syarat Pembangunan	Aktiviti Tidak Dibenarkan
Dataran pasang surut terlindung, Kawasan sensitif seperti pantai berlumpur kunjungan burung, kawasan hutan bakau, kawasan rumput laut dan pinggir laut.	Aktiviti di mana impaknya rendah eko-pelancongan	Kemudahan Pelancongan, rekreasi, perumahan, institusi, pertanian	Berdasarkan kebenaran agensi berkaitan	Industri, lain pembangunan yang merosakkan atau mengancam dataran terumbu, mengubah rejim enapan dataran sehingga menyebabkan hakisan atau mendapan yang tidak diingini.
		Perikanan	Aktiviti berlesen, perlu mengikut syarat	

Sumber: Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Kawasan Pantai, 2010

B. KAWASAN DATARAN BANJIR

Definisi


Banjir didefinisikan sebagai badan air yang melimpah keluar dari tebing sungai, tasik atau sistem perparitan disebabkan oleh hujan lebat, air pasang dan halangan pada saluran. Kawasan yang berisiko banjir di kawasan kajian adalah di Kampung Tanjung Pahang akibat daripada fenomena air pasang besar pada tahun 2017.

Garis panduan umum bagi dataran banjir adalah seperti berikut:

i. Zon Saluran Dataran Banjir (*Floodway*)

- Kawasan dataran banjir sungai utama perlu dikenal pasti berdasarkan Peta Risiko Banjir dengan pengintegrasian model hidraulik, hidrologi dan perisian GIS. Peta banjir berpandukan kejadian banjir lampau juga boleh digunakan jika tiada Peta Risiko Banjir.
- Walau bagaimanapun Peta Banjir berdasarkan kejadian banjir lampau ini tidak mengambil kira kejadian banjir yang lebih besar yang mungkin akan berlaku. Turut mengambil kira tentang petempatan lokasi untuk infrastruktur ktitikal seperti untuk elektrik, air, kumbahan dan lain-lain. Jika ditempatkan dalam kawasan ini perlu pengkelasan banjir yang sesuai.
- Pembangunan sedia ada di kawasan dataran banjir hendaklah dipindah ke tempat yang lebih tinggi dan selamat, atau kaedah "*floodproofing*" digunakan seperti menaikkan aras lantai melebihi aras banjir, dinding tebatan banjir, bahan binaan yang tahan reput dan *"building codes"* berdasarkan keperluan tempat berkenaan.
- Mengutamakan langkah-langkah bukan berstruktur seperti mengenakan "*floodproofing*" untuk bangunan, perancangan amaran banjir dan pemindahan, pengezonan, dan kawalan pembangunan di mana boleh.
- Mengadakan pembinaan struktur (*Structural works*) seperti flood mitigation dams, tetambak, lintasan banjir (*by-pass floods*), memperbaiki saluran air keluar dan membentuk takungan air sebagai pilihan kedua sekiranya langkah-langkah bukan berstruktur kurang berkesan.
- Pembangunan yang terlibat dengan pelupusan, penyimpanan, perawatan dan pembuatan bahan-bahan yang merbahaya tidak dibenarkan.
- Pembangunan perkhidmatan awam seperti polis, bomba atau hospital tidak dibenarkan.

Rajah 5.3.131 : Ilustrasi Dataran Banjir, Pinggir Dataran Banjir dan Saluran Dataran Banjir.



Sumber: Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Kawasan Dataran Banjir, 2010

ii. Zon Pinggir Dataran Banjir *(flood Fringe)*

- Guna tanah dibenarkan dengan syarat ia dilindungi dari ancaman banjir atau tertakluk kepada keperluan peraturan untuk tempat kediaman, komersial dan pemuliharaan.
- Aktiviti rekreasi dibenarkan dengan kawalan kebersihan alam sekitar dan banjir yang ketat.
- Pembangunan baru hanya boleh dipertimbangkan di zon "*flood fringe*" dengan syarat.
- Langkah-langkah menghadapi risiko bencana banjir telah dibuat.
- Risiko bencana banjir yang baru tidak akan wujud manakala risiko bencana banjir sedia ada tidak dimudaratkan lagi.
- Tidak ada impak alam sekitar yang nyata.
- Adanya maklumat yang mencukupi menyusuli permohonan yang menunjukkan pembangunan yang dicadangkan dipelihara oleh kesan banjir 100 tahun.
- Pembangunan yang melibatkan kemudahan sosial atau kecemasan seperti hospital, sekolah-sekolah, kemudahan taska tidak benarkan.

iii. Zon Luar Dataran Banjir

- Semua pembangunan yang berlaku di luar kawasan tadahan banjir adalah dibenarkan tertakluk kepada syarat-syarat dan GP umum sedia ada.
- Kawasan yang berfungsi sebagai kolam takungan semula jadi air larian ribut (*flood storage*) seperti hutan paya bakau dan hutan tanah gambut perlu dipulihara untuk mengekalkan keseimbangan dataran banjir.
- Semua pembangunan perlu mematuhi keperluan Manual Saliran Mesra Alam Malaysia terutamanya dalam menyediakan kawalan di punca iaitu kawalan kuantiti, kualiti air dan juga pelan hakisan dan sedimen.
- Semua tapak letak kereta perlu mempunyai permukaan yang telus air.
- Semua pembangunan perindustrian baru perlu menyediakan kemudahan pengumpulan air hujan.
- Semua pembangunan mesti ada kemudahan kumbahan najis dilengkapi dengan sistem perawatan sebelum di alirkan keluar.
- Pembangunan industri mesti dilengkapi dengan kemudahan pelupusan sisa dan bahan buangan industri.



6.0

Pelan Cadangan Guna Tanah dan Kawalan Pembangunan

6.1 PELAN CADANGAN GUNA TANAH RKK TANJUNG GEMOK


Pelan cadangan guna tanah merupakan elemen utama yang dijadikan sebagai panduan dalam mana-mana permohonan dan berfungsi juga sebagai kawalan pembangunan bagi kawasan kajian sehingga tahun 2030. Kandungan utama pelan cadangan guna tanah, 2030 meliputi:

i. **GUNA TANAH SEMASA / KOMITED YANG DIKEKALKAN (299.76 hektar, 84.67%)**
ii. **GUNA TANAH CADANGAN (54.24 hektar, 15.33%)**
iii. **CADANGAN GARIS PANDUAN PEMBANGUNAN KHUSUS**

Jadual 6.1: Taburan Cadangan Guna Tanah RKK Tanjung Gemok, 2030

KOMPONEN GUNA TANAH	SEMASA/ KOMITED	CADANGAN	GUNA TANAH (HEKTAR)				JUMLAH KESELURUHAN	
			Semasa/Komited (Hektar)	%	Cadangan (Hektar)	%	Hektar	%
GUNA TANAH TEPU BINA								
Perumahan			103.30	29.18	23.02	6.50	126.32	35.68
Komersial			17.92	5.06	2.93	0.83	20.85	5.89
Industri			31.00	8.76	16.04	4.53	47.04	13.29
Institusi dan Kemudahan Masyarakat								
Pendidikan			2.48	0.70	3.82	1.08	24.66	6.97
Kesihatan			0.83	0.23				
Keagamaan			1.46	0.41				
Perkuburan			1.33	0.38				
Keselamatan			1.13	0.32				
Rumah Kebajikan			-	-				
Kegunaan Kerajaan / Badan Berkanun			11.57	3.27				
Kemudahan Awam			2.04	0.58				
Tanah Lapang dan Rekreasi			2.85	0.81	3.42	0.97	6.27	1.78
Pengangkutan			19.45	5.49	-	-	19.45	5.49
Infrastruktur dan Utiliti								
Bekalan Elektrik			0.12	0.03	-	-	0.12	0.03
Bekalan Air			0.37	0.10	-	-	0.37	0.10
Pengairan dan Saliran			-	-	-	-		
Telekomunikasi			-	-	-	-		
Pengurusan Sisa Pepejal			-	-	-	-		
Pembetungan			0.12	0.03	-	-	0.12	0.03
JUMLAH KECIL			**195.97**	**55.35**	**49.23**	**13.91**	**245.20**	**69.26**
GUNA TANAH BUKAN TEPU BINA								
Pertanian			75.22	21.25	5.01	1.42	80.23	22.67
Hutan			12.56	3.55	-	-	12.56	3.55
Badan Air			4.07	1.15	-	-	4.07	1.15
Pantai			11.94	3.37	-	-	11.94	3.37
JUMLAH KECIL			**103.79**	**29.32**	**5.01**	**1.42**	**108.80**	**30.74**
JUMLAH KESELURUHAN			**299.76**	**84.67**	**54.24**	**15.33**	**354.00**	**100**

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019



TAJUK

Rajah 6.1
Pelan Cadangan Guna Tanah
RKK Tanjung Gemok

PETUNJUK:

Guna Tanah Semasa / Komited:

- Perumahan
- Komersial
- Industri
- Pendidikan
- Kesihatan
- Keagamaan
- Perkuburan
- Keselamatan
- Kegunaan Kerajaan / Badan Berkanun
- Kemudahan Awam
- Tanah Lapang dan Rekreasi
- Jalan Raya
- Bekalan Elektrik
- Bekalan Air
- Pembentungan
- Pertanian
- Hutan
- Badan Air
- Pantai

Guna Tanah Cadangan

- Perumahan
- Komersial
- Industri
- Institusi dan Kemudahan Masyarakat
- Tanah Lapang dan Rekreasi
- Pertanian
- Cadangan Jalan Baharu
- Cadangan Naik Taraf Jalan
- Cadangan Loji Rawatan Air Kumbahan

Lain-Lain

- Anjakan 3 Rantai Dari Garisan Sungai / Pantai
- Jalan Raya
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Rancangan Kawasan Khas (RKK)

Sumber: Kajian RKK Tanjung Gemok, 2019

6.2 CADANGAN GARIS PANDUAN KHUSUS PEMBANGUNAN

Garis Panduan Khusus Pembangunan Pinggir Air merupakan garis panduan khas bagi apa-apa cadangan pembangunan perumahan, komersial, industri, institusi dan kemudahan masyarakat, pengangkutan, infrastruktur dan utiliti, pertanian, badan air di dalam jarak anjakan 3 rantai dari garisan sungai.


Jadual 6.2: Garis Panduan Khusus Pembangunan Pinggir Air

AKTIVITI	GARIS PANDUAN DAN SYARAT KHUSUS
Pembangunan Pinggir Air	**Kriteria Umum :** ➢ Apa-apa pembangunan di pinggir air tertakluk kepada Majlis Daerah Rompin, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Alam Sekitar. ➢ Apa-apa pembangunan di pinggir air disertakan bersama-sama Ulasan Penilaian Awal Tapak (PAT) dan Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) selaras dengan peraturan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar. ➢ Semua pembangunan pinggir air perlu mematuhi piawaian alam sekitar sebagai pencegahan pencemaran. ➢ Menentukan langkah-langkah menahan hakisan dirancang bersama dengan perancang pembangunan kawasan yang berhampiran tebing sungai. ➢ Menggalakkan bangunan menghadap ke arah sungai untuk menjaga estetika sepanjang sungai serta tidak menjadikan sungai sebagai tempat buangan akhir. ➢ Memastikan sisa-sisa buangan pepejal dan air kumbahan tidak dibuang terus ke sungai. ➢ Mewartakan rezab sungai yang mencukupi mengikut ketetapan Garis Panduan JPS bagi mengawal pencemaran air selain berfungsi sebagai ruang untuk melebar dan melurus sungai pada masa hadapan, sebagai ruang untuk kemudahan-kemudahan sungai seperti benteng, untuk bertindak sebagai dataran banjir, sebagai kawasan zon penampan untuk mengawal haksian, untuk membenarkan sedikit hakisan tebing berlaku, untuk membenarkan perkembangan liku-liku sungai, sebagai laluan masuk kerja operasi dan peyelenggaraan, sebagai ruang kerja untuk kerja operasi dan peyelenggaraan, sebagai ruang untuk penyimpanan sementara tanah buangan dan sebagai ruang untuk kerja-kerja pengindahan dan rekreasi. ➢ Rezab sungai merupakan suatu jalur tanah yang bersebelahan kedua-dua tebing sungai yang diwartakan di bawah seksyen 62 Kanun Tanah Negara. Koridor sungai adalah kawasan di luar rezab sungai dan dalam lingkungan 50 meter atau 2 lot dikehendaki perancangan dibuat berdasarkan konsep pembangunan berhadapan sungai.

